NASKHAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
30 OCT 1991

91-32

Moris

# hidup meniti ranjau

NASKHAH CONTOH
SAMPLE COPY

BIOGRAFI
PAK SAKO

# hidup meniti ranjau

WAHBA

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kuala Lumpur
1991

KK 928-5227 5101
ISBN 983-62-2231-6

Cetakan Pertama 1991
© Wan Hamzah bin Awang 1991

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.
Pengkatalogan dalam Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka

WAHBA
Pak Sako : Hidup meniti ranjau (sebuah biografi) / Wahba.

1. ISHAK HAJI MUHAMMAD 2. PENGARANG MELAYU – BIOGRAFI I. J.

DDC – 928.9923

Diatur Huruf oleh Maamal Grafik
Muka Taip Teks: Times Roman
Saiz Taip Teks: 10/12 poin

Gambar-gambar Ihsan Utusan Melayu (Malaysia) Bhd.
572887
APB
Dicetak oleh
Inventra Print Sdn. Bhd.
No. 7 Jalan 51A/243, 46100 Petaling Jaya, Selangor.

$10.00
928.9923

– 6 DEC. 1991
Perpustakaan Negara

*Untuk rakan-rakan sekerja di Utusan Melayu, para penulis dan peminat Pak Sako.*

# KANDUNGAN

*Kata Pengantar* ix
*Prakata* xiii
*Pendahuluan* xvii

**BAB SATU**
*Riwayat Hidup* 1

**BAB DUA**
*Pengalaman, Pemikiran, dan Sikap Pengarang* 33

**BAB TIGA**
*Perbincangan Karya* 101

**BAB EMPAT**
*Petikan daripada Novel-Novel, Cerpen-Cerpen dan Rencana-Rencana Popular Pak Sako* 121

**BAB LIMA**
*Ishak Sebagai Seorang Wartawan* 156

*Senarai Karya Ishak Haji Muhammad* 160
*Bibliografi* 167
*Indeks* 169

# KATA PENGANTAR

## ISHAK HAJI MUHAMMAD: "GERGASI" SASTERA MELAYU*

PADA 24 September 1909 di Kampung Seguntang, Temerloh, Negeri Pahang – negeri yang berbangga dengan Datuk Bahaman, Tuk Gajah dan Mat Kilau – lahir seorang anak yang kemudian muncul sebagai gergasi di bidang kesusasteraan Melayu.

Riwayat hidup insan ini sungguh mengagumkan. Pernah berkhidmat sebagai Pegawai Daerah, majistret, guru dan wartawan dan beliau juga seorang ahli sejarah, pujangga, ahli politik dan pengkritik sosial.

Pada tahun 1944, ketika berkhidmat sebagai Ketua Pengarang akhbar *Berita Malai*, beliau tiba-tiba meletakkan 'gagang penanya' untuk memegang 'tangkai cangkul' di Pulau Bintan. Pada tahun 1960-an, beliau bekerja sebagai penulis skrip di Filem Negara Malaysia dan pada tahun 1970-an, beliau telah memberi syarahan di universiti.

Siapakah yang lebih pengalamannya daripada Ishak bin Haji Muhammad? Mereka yang agak sinis mungkin akan mengecap beliau sebagai *rolling stone* dan sebagaimana kita diberitahu, *a rolling stone gathers no moss*. Tetapi sahut Ishak Haji Muhammad, "*Who wants to gather moss?*"

Itulah falsafah hidup seorang bohemian, pujaan ramai sasterawan muda di negara ini.

Sungguh aneh manusia ini. Buah kalamnya tidak terbilang; kebolehannya bukan kepalang; pengorbanannya amat cemerlang dan perjuangannya gilang-gemilang.

---

*(Ucapan Pemidato Umum di Majlis Konvokesyen Universiti Malaya pada 28 Jun 1973)

Beliau seorang perintis. Orang yang pertama sekali lulus peperiksaan Senior Cambridge dengan mendapat Gred I di Negeri Pahang ialah Ishak Haji Muhammad. Yang memulakan tradisi mengahwinkan perkataan, misalnya, kereta api jadi keretapi ialah Ishak Haji Muhammad. Yang mula-mula sekali meringankan kata-kata Melayu dalam tulisan Jawi dengan menggugurkan huruf 'h' dalam perkataan seperti 'ubat', 'udang' dan 'ejaan' juga Ishak Haji Muhammad.

Kerjaya beliau mulai berkerdip-kerdip laksana bintang apabila beliau berkecimpung dalam lapangan persuratan dan persuratkhabaran pada penghujung tahun 1930-an. Novel sulungnya, *Puteri Gunung Tahan* dilahirkan pada tahun 1937. Pada bulan September tahun itu juga, beliau bernikah dengan kewartawanan.

Dunia tidak sekali-kali masyghul untuk Ishak Haji Muhammad. Ketika beliau ingin keluar dari Warta Malaya, pada bulan Mac 1939, beliau hanya perlu menyatakan hasratnya untuk berkhidmat dengan Utusan Melayu.

Tetapi dalam surat perletakan jawatannya beliau menemberang – katanya, beliau perlu berhenti kerja kerana rindukan kampung halaman di Pahang – ingin mendengar burung-burung menyanyi dengan lepas bebas, ingin melihat air jernih mengalir di sungai, melihat hijau rumput-rampai di hutan rimba.

Kecenderungan untuk berkelakar sentiasa timbul dalam karya-karya beliau walau bagaimana serius pun tema tulisannya. Kadangkala gurau-senda disampaikan dalam bentuk pantun. Dalam sebuah cerpen tahun 1938, Ishak Haji Muhammad mengurat melalui watak utamanya:

Kalau tuan pergi mandi,
  Baldi suasa saya bawakan;
Kalau tuan mencari laki,
  Cari yang muda baharulah padan.

Sudah lengkuas digiling-giling,
  Ikan tenggiri dimasak singgang;
Telah puas kupusing keliling,
  Baharu dijumpai, tetapi hak orang.

Dalam sebuah cerpen lain, beliau berpantun:

Anak ikan dipanggang sahaja,
  Hendak dipindang tidak berkunyit;
Anak orang dipandang sahaja,
  Hendak dipinang tidak berduit.

Jawab si heroin:

> Kenapa mesti dipindang berkunyit,
> Masak singgang bukankah sedap;
> Mengapa dicari yang pandang duit,
> Yang percuma dah ada menghadap.

Dan adakalanya watak-watak dalam ceritanya diberi nama yang bukan-bukan seperti Tong Sam Pah.

Begitulah tulisan Ishak Haji Muhammad, nakal sedikit semberono sedikit. Akan tetapi yang paling mustahak sekali, Ishak Haji Muhammad tidak membenarkan kepahitan hidup menyeksa jiwanya.

Beliau rela ketawa dan *humour* adalah bunga melati yang mengharumi dan menghiasi karya-karya Ishak Haji Muhammad. Tanpa *humour* kebanyakan tulisan Ishak Haji Muhammad memang terlampau berat kerana, pada dasarnya, beliau adalah seorang pejuang politik. Beliau menulis sekali untuk *reform*; hiburan adalah tujuan yang kedua.

Tetapi tidak seperti ahli politik yang biasanya berkeras kaku, Ishak Haji Muhammad seorang sentimentalis, suka kembali ke zaman yang lampau, mengagung-agungkan pahlawan dahulu kala dan mengidealkan kehidupan di desa yang bersih, asli, tidak dirosakkan oleh arus perubahan yang pada anggapan Ishak Haji Muhammad memang dibawakan oleh kuasa penjajah.

Beliau mementingkan kemurnian bangsa dan sentiasa berkubang dalam kebudayaan sejati dengan penuh kegembiraan. Sifat-sifat itu wujud dengan ketara dalam karya-karya Ishak Haji Muhammad.

Bagaimanakah sumbangan beliau kepada kesusasteraan kebangsaan? Ishak Haji Muhammad sesungguhnya seorang sasterawan yang kontroversial – ada yang mencemuh usaha beliau dan ada yang mendewa-dewakan beliau.

Timbulnya kontroversi tentang tulisan Ishak Haji Muhammad dengan sendirinya memperlihatkan kejayaan beliau untuk menarik perhatian peminat sastera. Karya-karya sastera memang sepatutnya dibaca dan ditaksirkan dalam konteks yang tertentu.

Ishak Haji Muhammad bukan seorang sasterawan yang mengutamakan kesenian semata-mata dan walaupun beliau suka berkelakar, pokok persoalan tulisannya amat serius. Karya-karyanya merupakan salah satu daripada beberapa jenis yang terdapat dalam sejarah kesusasteraan kebangsaan kita. Jenis khas itu berkembang dengan suburnya sebelum Perang Dunia Kedua dan selama beberapa tahun

sesudahnya. Alam sekitar yang telah melahirkan jenis tulisan itu.

Oleh sebab orang Melayu menghadapi masalah sosioekonomi yang berat, maka dalam suratkhabar, dalam majalah, soal itu sentiasa dibangkitkan. Ishak Haji Muhammad adalah di antara suatu generasi penulis yang cuba menyuarakan azab sengsara dan protes zaman itu melalui sastera. Seperti semua penulis generasi itu, karya-karya Ishak Haji Muhammad memang didaktik dan idealis, bagi generasi sekarang mungkin kurang realitis.

Tetapi harus diingat, beliau menulis untuk rakyat dan beliau popular di kalangan rakyat sehingga kanak-kanak di kampung pun suka berkumpul di sekeliling Ishak Haji Muhammad kerana beliau memang seorang pencerita yang tiada tolok bandingnya.

Beliaulah pengarang zaman tiga puluhan dan empat puluhan yang paling banyak sekali hasilnya. Lebih daripada itu, dalam tulisan beliau sahajalah terdapat suatu perpaduan halus di antara tangisan dengan girangan, propaganda dengan asmara. Maka Ishak Haji Muhammad sendiri pernah menulis dalam sebuah sajak tiga tahun dahulu.

Dalam kilat ada kilau
Dalam tengkujuh ada kemarau
Dalam merah ada hijau
Dalam nyaring ada garau
Dalam serak ada parau

Ada puyuh ada pikau
Burung murai pandai berkicau
Dalam tebu ada teberau
Dalam masjid ada surau.

Kesusasteraan Melayu Moden mulai berbunga selepas Perang Dunia Pertama. Pada dasarnya, karya zaman itu bercorak protes. Tradisi itu mencapai kemuncaknya menjelang Perang Dunia Kedua. Setakat tahap perkembangan itu.

Ishak Haji Muhammad muncul sebagai penulis yang paling berjaya sekali menawan hati para pembaca sehingga beliau menjadi lambang zaman itu. Maka dalam sebarang kajian tentang kesusasteraan kebangsaan kita, Ishak Haji Muhammad sudah tentu akan diperuntukkan suatu tempat yang tetap, luhur dan mulia.

**DATUK PROF. KHOO KAY KIM**

# PRAKATA

SEWAKTU kecil, terutama di bangku sekolah, Ishak Haji Muhammad dianggap sebagai seorang budak yang genius atau budak berotak geliga. Berbanding dengan budak-budak kampung yang lain, Ishak mempunyai kebolehan yang luar biasa. Dia pintar dalam pelajaran dan jauh pandangannya dalam melihat sesuatu terutama yang berkaitan dengan kehidupan bangsanya.

Dia sendiri merupakan seorang yang unik, teguh dengan prinsip-nya dan menolak kemewahan semata-mata untuk mengabdikan dirinya dalam bidang penulisan iaitu suatu bidang yang diminatinya sejak di sekolah rendah lagi. Bukti keteguhan hatinya itu ialah ketika dia meletakkan jawatannya sebagai Majistret Kelas Tiga pada tahun 1934 kerana minatnya dalam bidang penulisan.

Perangainya yang unik dan prinsip hidupnya yang sukar diikuti oleh orang-orang lain menyebabkan beliau menjadi orang yang paling istimewa di kalangan para penulis di tanah air.

Dia hidup dalam tiga zaman; Perang Dunia Pertama 1926–27, Perang Dunia Kedua 1941–1945 dan zaman selepas kemerdekaan 1957.

Pada 29 Jun 1973, dia dianugerahi Ijazah Kehormat Doktor Kesusasteraan oleh Universiti Malaya. Dia menerima anugerah tersebut daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong selaku Canselor Universiti Malaya.

Dengan penganugerahan tersebut, Ishak Haji Muhammad ber-gelar Dr. Haji Ishak Haji Muhammad. Penganugerahan tersebut melambangkan pengiktirafan tertinggi kepadanya dalam bidang penulisan dan kewartawanan. Dia sebenarnya lebih dikenali dengan nama gelaran "Pak Sako". Di mana-mana sahaja orang memanggilnya Pak Sako, tidak kira anak-anak kecil, para pelajar atau orang dewasa,

Melayu atau bukan Melayu.

Cintanya terhadap bidang penulisan terlalu besar. Setiap detik dan ketika sungai ideanya mengalir tanpa henti. Dia menulis untuk rakyat dan dia popular di kalangan rakyat sehinggakan kanak-kanak di kampung pun suka berkumpul di sekelilingnya untuk mendengar cerita dan celotehnya yang mencuit hati. Semasa bekerja di Utusan Melayu (Malaysia) Berhad, Ishak atau Pak Sako menulis di ruangan-ruangan tetap yang dikhususkan untuknya seperti "Di Simpang-Simpang Jalan" dalam *Utusan Malaysia*, "Pak Sako Menulis" dalam *Utusan Zaman*, "Itu Ini dan lain-lain" dalam *Utusan Melayu* dan tulisan- tulisan lain dalam majalah *Mastika, Kiblat, Al Islam* dan *Wanita*.

Ishak atau Pak Sako, baik dan peramah orangnya. Dia mempunyai banyak pengalaman dan pengetahuan dan dia tidak pernah lokek untuk memberi atau berkongsi idea dengan penulis-penulis yang lebih muda daripadanya.

Sebelum ini saya pernah menulis mengenai pengalaman hidup Pak Sako yang dikumpulkan dalam sebuah buku kecil bertajuk: *Pak Sako: Tokoh Tiga Zaman*, tetapi buku tersebut tidak begitu lengkap kerana banyak lagi pengalaman Pak Sako yang tidak termasuk di dalamnya.

Oleh sebab saya merupakan salah seorang daripada orang yang meminati tulisan-tulisannya dan sering mengikuti perkembangannya, maka saya telah berusaha melakukan beberapa kajian dan penyelidikan mengenai dirinya terutama pengalaman-pengalaman yang pernah dialaminya semasa Perang Dunia Pertama dan Kedua. Kajian dan penyelidikan ini memakan masa lebih dari setahun tetapi saya rasa ia masih belum mencukupi sepenuhnya. Mungkin masih banyak lagi yang belum dibongkar dan digali. Walaupun begitu saya berharap kelahiran buku ini sekurang-kurangnya dapat mencungkil sedikit sebanyak liku-liku kehidupan Pak Sako yang penuh dengan ranjau dan pengalaman-pengalaman yang luar biasa.

Saya ingin merakamkan rasa terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat membantu saya dalam melahirkan buku ini terutama rakan-rakan sekerja di bahagian perpustakaan Utusan Melayu dan perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka serta pihak-pihak lain yang bermurah hati memberi idea, maklumat dan pandangan.

Semoga kelahiran buku ini akan memberikan sedikit manfaat

kepada kita semua dalam usaha kita mengenali tokoh-tokoh masyarakat yang telah menyumbangkan jasa baktinya kepada bangsa dan negara.

**WAHBA**
**DESA JAYA, KEPONG**

# PENDAHULUAN

## BAHASA MELAYU LAKSANA KERIS*

APABILA kita berkata: Bahasa Jiwa Bangsa dan Bahasa Menunjukkan Bangsa, maka apakah yang sebenarnya kita maksudkan dengan kata-kata yang banyak dan dalam maknanya itu?

Melainkan kita sekarang menerangkan dan mentafsirkan kata-kata yang simbolik itu dengan cukup jelas, supaya kata-kata itu boleh difaham dengan mudah oleh sekalian rakyat Malaysia, dan juga oleh rakyat dalam negeri-negeri yang berjiran dengan kita, maka kesaktian kata-kata itu akan turun darjat dan mutunya, menjadi cogan-cogan kata sahaja, yang hanya mampu meniupkan semangat perkauman semata-mata ataupun, yang mungkin lebih celaka, kata-kata itu, dengan tidak sengaja atau sebaliknya, akan menimbulkan perasaan-perasaan tegang perkauman yang tidak sihat, tetapi boleh dielakkan.

Oleh yang demikian, patutlah ditanyakan sekarang, apakah tanda-tanda dan di manakah contoh teladan yang menunjukkan bahawa bahasa Malaysia adalah jiwa bangsa Malaysia ataupun bahasa Malaysia menunjukkan bangsa Malaysia atau rakyat Malaysia?

Sesuai dengan tujuan-tujuan kita hendak menegakkan sebuah negara dan bangsa yang bersatu-padu, yang aman damai, maju dan bahagia, dan juga untuk mengisi cita-cita mulia yang terkandung dalam RUKUNEGARA, maka izinkanlah patik berkata sepatah dua mengenai perkara ini, yang pada pendapat patik, adalah sangat mustahak.

Bahasa Melayu, istimewa dalam bentuk-bentuknya yang klasik, bukanlah suatu bahasa yang mudah boleh difahami, atau dinikmati sepenuh-penuhnya. Seperti bahasa-bahasa yang agung dalam dunia,

---

*Ucapan di Majlis Konvokesyen anugerah Ijazah Kehormat, Doktor Kesusasteraan, Universiti Malaya pada 29 Jun 1973.

maka bahasa Melayu tidak pernah bersifat mudah, lurus, tumpul atau kering.

Dan ia tidaklah seyogia dibiarkan menjadi demikian, sekiranya ia hendak kekal menjadi suatu bahasa yang berguna, lagi indah, dengan kata-kata kiasan,) kata-kata sindiran yang tajam, kesamaran-kesamarannya yang disengajakan, tikamannya yang menjadi renungan dan ketajamannya yang sangat halus, yang bertujuan bukan untuk menyakitkan, tetapi sebagai ubat dan penawar.

Andaikata, jika terjadi sebaliknya, oleh sebab ia tidak dipelihara dengan cukup baik dan dimajukan dengan sebaik-baiknya, ia bertukar menjadi suatu bahasa yang kasar, yang payah hendak difahami, dengan perkataan-perkataan baru yang entah apa makna dan maksudnya, dengan istilah-istilah yang lintang-pukang, maka ia mungkin tiada akan berupaya berkhidmat sebagai satu alat yang sangat penting untuk menciptakan suasana sefahaman yang aman damai, untuk menyemai perpaduan yang erat, untuk mengasuh semangat dan perasaan persaudaraan, kasih sayang dan kebahagiaan yang sejati, di antara berbagai-bagai kaum dalam negeri kita ini, dan juga dalam negeri-negeri di Tenggara Asia yang kini kita gelar NUSANTARA.

Kiranya hendak berbahasa Melayu yang betul, dan dengan sopan santun, yang sangat digemari dan dihargai oleh bangsa Melayu, maka seseorang itu eloklah diingatkan supaya jangan menggunakan bahasa Melayu yang kasar, yang melulu, yang lazimnya kita namakan 'Bahasa Pasar'.

Bahasa Melayu yang bersopan santun, yang halus budi bahasanya, apabila melihat seorang anak menangis, tiada akan berkata: 'hai, budak ni menangis', tetapi mereka akan berkata: 'amboi, lebatnya hujan'.

Dan sepatutnya seorang pemuda tidak akan dianggap berbudi bahasa, sekiranya apabila dia melihat seorang wanita yang berpakaian merah menyala, dia berkata: 'wow! ..., merahnya baju dia; nanti dikejar lembu baru tahu', adalah lebih wajar baginya menegur: 'amboi, merahnya langit hari ini ....'

Lazimnya wanita itu, jika dia belum menjadi ultramoden, akan tersenyum, dengan senyuman itu tersemailah perasaan muhibah.

Bahasa Melayu yang klasik kadang-kadang dilambangkan oleh keris yang berluk-luk. Hujungnya tajam – kiri kanannya juga tajam – dan di pangkalnya, di antara puting dan hulunya, yang lazimnya berukir indah, ada pula dua 'sengatnya', yang sungguhpun tidak tajam, tetapi

boleh juga meremangkan bulu tengkuk.

Sesungguhnya, bukanlah satu hal yang mudah hendak dimengerti akan bentuk dan ragam-ragam ilham daripada sebilah keris Melayu, iaitu seperti juga tidak mudah hendak memahami dan menikmati kehalusan, ketajaman dan kesamaran yang disengajakan dalam jalinan bahasa Melayu.

Oleh sebab sifat-sifatnya yang luar biasa inilah, maka pepatah dan petitih Melayu lazimnya digelar 'tikaman bahasa' atau tujahan bahasa, ataupun cubit-gamit dan cubitan-cubitan bahasa.

Barangkali, pada zaman ini, akan lebih bermakna, jika tikaman-tikaman itu digelar pula 'akupuntur bahasa'.

Pada ketika-ketika yang lain, dalam keadaan-keadaan yang berlainan, bahasa Melayu dilambangkan pula oleh sebilah serampang, tetapi bukanlah serampang yang menjadi lambang Dewa Laut – atau Neptune. Bagaimanapun, daripada serampang, kita mempusakai 'Serampang Laut' dan satu tarian indah yang melambangkan para perwira gagah berani yang terkenal dengan nama 'Serampang Dua Belas'.

Perhatikanlah sebilah serampang. Tarannya panjang dan lurus. Tetapi tiga matanya di pangkal taran itu adalah sangat tajam, dan ditambah pula oleh enam ceracap yang juga tajam.

Akan tetapi, untuk penggunaan hari-hari, untuk segala keadaan dan waktu, untuk membentuk masyarakat yang harmoni, untuk kerja dan tugasnya sebilang masa, maka bahasa Melayu adalah dilambangkan oleh pisau raut.

Adapun pisau raut, sungguhpun kini jarang dipakai lagi, adalah suatu alat hidup yang berguna, dan boleh dikatakan cantik. Ia tidak bengkok seperti 'Si Bongkok Tanjung Puteri', ataupun seperti 'The Hunchback of Notredam'. Yang sebenarnya pisau raut tidak bengkok tetapi lentik, meliuk.

Meskipun dari pangkal hulunya hingga ke hujung matanya pisau raut itu tidak lurus, tetapi tugas utamanya ialah untuk meluruskan benda-benda yang tidak lurus, iaitu seperti rotan-rotan yang bengkok, bemban dan buluh yang bengkok.

Dalam bahasa Melayu ada beberapa ungkapan dan kata-kata sindiran mengenai sesuatu yang lentik, yang punya rautan dan lenggang-lenggok yang cantik. Tetapi yang termasyhurnya ialah mengenai ikan belida, iaitu seperti dikata:

Lagi bongkok, lagi lentik,
Banyak tulang, banyak sisik,
Tetapi bila menonong, sangat cantik,
Amat menarik ....

Sesudah mukadimah yang agak klasik ini, kepada majlis yang bergema, tetapi sangat bersempena ini, benarkanlah patik berpantun serangkap dua. Pantun-pantun, kepada patik, adalah satu bentuk kesusasteraan Melayu yang sangat indah dan kuat pengaruhnya, istimewa kepada orang-orang Melayu daripada generasi lama.

Pantun boleh menyampaikan perasaan kasih sayang, perasaan belas kasihan, duka nestapa, dan juga sebagai alat untuk menggambarkan aspek-aspek yang tertentu mengenai adat resam, mengenai masyarakat dalam masa-masa perkembangan bangsa kita, dan juga untuk menegur hal-hal politik. Tetapi biasanya ialah untuk bersukaria, pada bila-bila masa, oleh sesiapa jua pun.

Dan sekarang izinkanlah patik mengingatkan semula satu pantun yang sangat indah, sangat masyhur, dalam *Sejarah Melayu*. Bunyinya begini:

Dang Nila memangku puan,
Berembang buah pedada,
Adakah gila bagimu tuan,
Burung terbang dipipiskan lada?

Lima ratus tahun yang lampau pantun ini telah digunakan oleh para pengarang dan penyair Melayu untuk menyindir dan memberi amaran kepada raja-raja Melayu yang lemah akhlaknya, yang sangat mudah dipengaruhi oleh wanita-wanita jelita sebagaimana yang tersebut kisahnya dalam *Sejarah Melayu*.

Dalam tahun-tahun tiga puluhan dan empat puluhan, 'burung yang telah dipipiskan lada' oleh raja-raja Melayu pada zaman dahulu kala itu, telah diberi nama 'burung pesuruh jaya' sebagai lambang untuk berjuang untuk mencapai cita-cita kemerdekaan, kebebasan, keadilan dan kemakmuran.

Pantun itu tadi terus hidup, dan pada zaman ini boleh pula digunakan, khususnya oleh para siswa dan siswi, sebagai alat dorongan untuk berjaya dan mencapai tujuan mereka.

Tanpa kepandaian yang cukup, tanpa mengetahui sains dan teknologi membuat dan memasang racik, misalnya, dan tanpa mempunyai denak yang garang dan nyaring suaranya – (ertinya, tanpa

inisiatif dan juga bekerja bersungguh-sungguh) – maka mereka tidak akan dapat menangkap burung-burung yang baik, yakni kejayaan-kejayaan yang cemerlang.

Hanya satu jenis burung sahaja yang boleh ditangkap, dengan mudah, iaitu burung tukang, atau burung tukang cacat, yang pada malam-malam terang bulan, akan menyanyi lagu pop dua nada yang bunyinya: kau, kau, kau .... aku, aku, aku, dari senja hingga ke pagi.

Tetapi apabila hari siang, maka kedua-dua matanya pun rabunlah. Tetapi awas. Lebih baik jangan anda tangkap burung itu sebab rupanya hodoh, baunya busuk. Burung yang bersikap individualis ini sangat bodoh dan pemalas.

Barangkali anak-anak zaman sekarang, termasuk siswa siswi yang baru, dan juga yang sudah 'tidak berapa baru' lagi, yang hadir dalam majlis ini, ingin hendak mengetahui apakah pendapat patik mengenai puisi moden, atau yang kini lebih popular dengan nama sajak.

Baiklah, kalau begitu. Patik fikir sajak tidak dapat mengambil alih menggantikan pantun. Tetapi sajak juga boleh berguna, boleh memainkan peranan untuk kemajuan, keamanan, untuk muhibah, perpaduan dan kebahagiaan.

Dan sekarang benarkanlah patik mendeklamasikan sebuah sajak yang patik telah gubah khusus untuk majlis ini, untuk menyimpulkan dan menutup ucapan patik hari ini:

Bapak *rugged*, anak *groovy*,
Sedang membiak di sana sini;
Di pantai memakai bikini,
Di kubur memakai mini.

Orang-orang kampung menghadap kiblat,
Mereka membaca komik-komik Barat;
Bermain karate, ganti bersilat,
Makan anggur, menggantikan langsat.

Gasing dibuang, dimajukan *bowling*,
Berasmara mereka kata *necking*;
Bercumbu-cumbu mereka kata *pecking*,
Buang Mak Inang, menggantikan *dancing*.

Tetapi, bila bergula dalam kencing,
Barulah teringat nak makan jering,

Terkenang kepada petai dan kerdas,
Barulah nak belajar mandi hadas.

Melayu bukan, Malaysian pun bukan,
Cina bukan, India pun bukan,
Inikah akar-akar yang mengaku rotan?
Atau kaca-kaca yang mengaku intan?

**Ishak Haji Muhammad**

# BAB SATU

## RIWAYAT HIDUP

ISHAK HAJI MUHAMMAD dilahirkan pada 24 September 1909 di Kampung Buntut Pulau, Temerloh, Pahang Darulmakmur. Ayahnya, Haji Muhammad bin Haji Maksum yang berasal dari Kepulauan Sulawesi atau Bugis telah berkahwin dengan ibunya Fatimah binti Haji Abdul Jamal pada tahun 1903. Ibu Ishak berasal dari Palembang, Sumatera Selatan. Ishak merupakan anak ketiga daripada sepuluh orang adik-beradik. Dia membesar di tengah-tengah masyarakat desa yang serba kekurangan. Namun begitu keluarga Ishak dianggap sebagai keluarga yang berada kerana kehidupan mereka yang lebih baik daripada penduduk di situ. Ini kerana ayah dan ibunya bekerja keras untuk menyara hidup mereka sekeluarga. Pelbagai kerja yang dilakukan oleh ayahnya termasuklah menanam padi, menoreh getah dan sesekali pergi menangkap ikan dan juga berniaga emas di Semantan, Temerloh. Pada waktu mudanya ayah Ishak berniaga kerbau.

Walaupun sibuk dengan kerja untuk mencari sara hidup, ayah Ishak begitu menitikberatkan pelajaran anak-anaknya. Pada tahun 1919, ketika umur Ishak 10 tahun dia telah dimasukkan ke Sekolah Melayu Kampung Tengah Temerloh. Jauhnya sekolah itu kira-kira suku batu lebih dari rumahnya. Pada waktu itu anak-anak orang kampung tidak semuanya dihantar ke sekolah. Setengah-setengahnya kerana kemiskinan tetapi ada juga yang belum menyedari tentang betapa pentingnya pelajaran dalam hidup manusia.

Semasa dihantar ke sekolah Ishak belum pun lagi berkhatan. Namun begitu dia telah pun khatam al-Quran sebanyak 30 juz. Sekolah tempatnya belajar itu kecil sahaja, diperbuat daripada papan tetapi cukuplah untuk menampung murid-murid yang datang belajar di kampung itu. Kebanyakan murid yang datang ke sekolah itu berjalan

kaki dan "berkaki ayam" termasuklah Ishak. Rumah mereka tidak berapa jauh dari sekolah.

Semasa mula dimasukkan ke sekolah itu, Ishak dimasukkan ke darjah sifar (0) ataupun kosong. Orang memanggilnya kelas "0" atau kelas sifar. Guru Besar Ishak ialah Cikgu Baba berasal dari Melaka. Ishak ke sekolah berjalan kaki, memakai seluar pendek dan berbaju lengan pendek. Kadang-kadang dia memakai songkok tetapi Ishak sebenarnya tidak berapa gemar memakai songkok. Waktu itu tidak ada pakaian seragam seperti sekarang. Murid-murid bebas berpakaian apa sahaja. Malah Guru Besarnya pun gemar berkain pelekat, berbaju singlet dan berkaki ayam.

Waktu itu pakaian tidak begitu dipentingkan. Guru-guru lebih mementingkan kehadiran murid-murid di sekolah. Terdapat juga murid-murid yang liat hendak ke sekolah. Mereka lebih suka pergi memancing, memanjat pokok, mandi di sungai atau menangkap burung walaupun puas dipujuk oleh ibu bapa mereka.

Sikap begini tidak ada pada Ishak. Dia tidak payah disuruh oleh ibu bapanya. Dia akan bangun pagi-pagi dan berjalan ke sekolah. Dia pun nakal seperti kanak-kanak lain juga tetapi pelajaran sekolah tidak pula diabaikan. Ishak tidak suka ponteng sekolah. Apabila sampai ke sekolah, dia akan menanggalkan bajunya dan menyapu halaman sekolah, memungut sampah dan memotong rumput. Pada waktu itu, sebelum masuk darjah, murid-murid memang disuruh memungut sampah dan membersihkan longkang.

Belajar pada zaman itu tidak sama dengan belajar pada hari ini. Masa itu buku-buku pelajaran diberi percuma. Buku tulis ialah papan batu. Tidak payah ditukar ganti kecuali pecah. Alat-alat sekolah tidaklah banyak sangat. Kayu pembaris tidak payah dibeli. Boleh dibuat sendiri daripada buluh yang diraut licin dan nipis. Kayu pembaris daripada buluh ini tahan-lama. Ada juga yang membuat kayu pembaris daripada kayu papan yang diketam licin-licin dan ditanda incinya hingga 12. Ia tahan lama juga.

Beg sekolah Ishak dibuat oleh emaknya daripada kain dan mengkuang. Emaknya pandai menganyam mengkuang. Beg itu boleh dibuat dalam pelbagai warna mengikut kemahuan Ishak, tetapi Ishak tidak kisah sangat tentang warna beg sekolahnya. Itu terpulang kepada emaknya. Ishak ke sekolah membawa duit belanja sebanyak dua sen. Pada masa itu dua sen sudah lebih daripada cukup. Duit satu sen cukup

untuk membeli sebungkus nasi lemak. Nasinya banyak dan lauknya pun banyak.

Ishak tidak membawa pen atau dakwat ke sekolah. Buku-buku tulis pun tidak dipakai. Getah pemadam pun tidak perlu. Dia hanya membawa kalam batu dan papan batu. Untuk menulis dia menggunakan kalam (pensel) batu. Ia boleh digunakan untuk menulis dan memadam. Cara memadamnya ialah dengan menggunakan air. Ada juga murid-murid yang malas membawa air, memadamnya dengan air liur. Ishak tidak pernah melakukan begitu. Kalau hendak memadamnya dia akan menggunakan air. Memadam dengan menggunakan air liur bukan sahaja menjijikkan dan kotor tetapi kalau terlihat oleh cikgu sudah pasti murid itu didenda sama ada kena tarik telinga, pukul di tapak tangan, dengan enjit-enjit semut atau berdiri di atas kerusi.

Pada akhir tahun 1923, Ishak sudah lulus darjah lima. Apabila keputusan peperiksaan dikeluarkan dia mendapat pangkat pertama ataupun gred satu. Pada masa itu kelulusan dengan mendapat pangkat pertama atau sijil pertama sudah dianggap cukup tinggi. Bukan semua orang boleh mendapat pangkat satu. Hanya budak-budak cerdik sahaja yang boleh mencapai kejayaan tersebut.

Dan Ishak anak desa terpencil di Temerloh itu telah membuktikan kebolehannya mengatasi murid-murid yang lain. Kecerdasan otaknya menyebabkan Cikgu Baba berasa bangga dan sering menyuruhnya membuat kerja-kerja dalam kelas.

Ishak memang terkenal sebagai seorang budak yang pandai dan ramai yang menganggapnya sebagai budak berotak geliga. Kerana kejayaannya itu Ishak telah dipilih untuk belajar ke sekolah beraliran Inggeris. Pada awal tahun 1924, dia mula masuk ke Sekolah Inggeris Clifford Kuala Lipis. Pada waktu itu jarang anak orang kampung yang berjaya masuk ke sekolah beraliran Inggeris. Setengah-setengah ibu bapa pula enggan membenarkan anak-anak mereka belajar di sekolah beraliran Inggeris. Pelbagai alasan yang diberikan tetapi ayah Ishak berfikiran jauh dan dia berasa amat gembira dengan kejayaan anaknya itu.

Ramai saudara-maranya terutama yang tua-tua menentang mereka apabila mendapat tahu Ishak ditawarkan untuk masuk ke sekolah Inggeris itu. Mereka telah memberikan pelbagai alasan. Antaranya ialah sekolah itu jauh, kenderaan susah dan juga mereka takut, Ishak akan masuk "serani" dan jadi murtad.

Orang-orang tua pada masa itu memang menentang anak-anak

mereka dihantar belajar di sekolah beraliran Inggeris. Mereka takut anak mereka akan menjadi macam orang putih, tinggalkan agama dan adat resam Melayu. Mereka curiga terhadap Inggeris yang mungkin akan mempengaruhi anak-anak mereka supaya menukar agama atau mengikut cara hidup mereka.

Tetapi bukan semua golongan tua berfikiran sempit seperti itu. Ada juga yang telah maju pemikirannya. Contohnya, moyang Ishak, Hajah Jebah yang pada masa itu sudah pun berusia 70 tahun tetapi tidak menegah Ishak hendak belajar di sekolah orang putih itu. Malah ketika mendengar berita itu, dia gembira. Katanya, "Bertuah Sahak dapat masuk sekolah orang putih. Boleh jadi C.C. (Chief Clerk)." Keluarga lain terdiam apabila mendengar pendapat Hajah Jebah. Ishak pada masa itu sudah berumur lebih 13 tahun, sudah bersunat, sudah tamat membaca Quran 30 juz, sudah khatam al-Quran, sudah pandai sembahyang lima waktu, sudah pandai berzanji, sudah pandai bang dan kamat, sudah pandai menjala, sudah pandai membuat perangkap kancil, pandai bermain gasing, bermain porak, bermain galah panjang dan permainan-permainan kampung yang lain.

Halangan dan bantahan keluarganya supaya dia tidak masuk ke sekolah orang putih itu tidak mendapat apa-apa reaksi kerana ayah dan emaknya serta neneknya tidak membantah. Mereka bersetuju.

Pada suatu hari dalam bulan Februari 1924, Ishak bersama abahnya pergi ke Kuala Lipis dengan keretapi. Mereka naik di stesen keretapi Mentakab yang jauhnya lebih tujuh batu dari kampungnya dan enam batu dari bandar Semantan.

Dari kuala Semantan ke Mentakab pada waktu itu sudah ada jalan raya batu kawi atau batu merah. Minyak tar belum ada. Walaupun jalan raya itu tidak berapa elok tetapi bolehlah dilalui oleh kenderaan-kenderaan seperti kereta sewa atau lori. Kereta sewa sudah ada tiga buah pada masa itu.

Tambang keretapi kelas tiga, dari Mentakab ke Kuala Lipis, pada masa itu sangat murah. Tidak sampai seringgit seorang. Waktu itu keretapi menggunakan arang batu yang diambil dari lombong arang batu di Rawang, Selangor.

Keretapi masa itu juga banyak menggunakan air kerana ia menggunakan wap air panas (steam). Perjalanannya tidak laju. Sederhana sahaja.

Dalam perjalanan melalui keretapi itu, Ishak membawa bekal nasi yang dibungkus dalam upih, lauk ikan sungai yang digoreng, sambal

dan ulam jering. Mereka juga membawa 30 biji kelapa tua untuk dijual di pekan Kuala Lipis. Harga kelapa di pekan Kuala Lipis mahal, iaitu 20 sen sebiji. Kelapa kurang, permintaan banyak.

Bila sampai di Kuala Lipis, Ishak dan abahnya bermalam di masjid yang letaknya tidak jauh dari rumah pasung (Balai Polis).

Keesokannya, abah Ishak pergi ke Pejabat Kerajaan Ibu Negeri Pahang (dulu dipanggil Kepala Negeri Pahang) yang terletak di atas bukit dekat dengan Sekolah Inggeris Clifford. Mereka ke pejabat itu kerana hendak membuat surat sumpah menyatakan Ishak dilahirkan dalam bulan September, padahal Ishak pada masa itu umurnya sudah hampir 14 tahun.

Perbuatan abah Ishak pada masa itu tidaklah dianggap "menipu" kerajaan Inggeris malah kerajaan Inggeris memang berkehendak sangat anak orang-orang Melayu supaya masuk belajar ke sekolah Inggeris. Kerajaan Inggeris mahu ramai anak Melayu jadi pegawai-pegawai kerajaan. Tetapi undang-undang pelajaran menetapkan umur tidak boleh lebih dari 11 tahun untuk masuk ke sekolah Inggeris. Kerana itu anak-anak orang Melayu yang sudah berumur 11 tahun, ada juga yang hampir 15 dan 16 tahun digalakkan membuat surat sumpah untuk menurunkan umur hingga ke sebelas tahun.

Anak-anak orang Melayu yang berjaya dimasukkan ke sekolah Inggeris dan tinggal di asrama diberi bantuan sebanyak $10.00 sebulan termasuk juga Ishak. Waktu itu sekolah berasrama dipanggil *Boarding School.*

Ishak dimasukkan ke darjah khas atau dinamakan *Special Malay Class*. Dari darjah satu khas itu, kalau seseorang murid itu pandai, boleh dinaikkan ke darjah tiga, iaitu melompat satu darjah (darjah dua). Kalau pandai lagi, boleh lompat ke darjah lima. Dan sekiranya semakin pandai seseorang murid itu boleh dinaikkan ke darjah tujuh.

Oleh sebab Ishak rajin belajar, suka membaca buku-buku bahasa Inggeris dan kurang bermain atau membuang masa, tidak nakal, sering dapat nombor satu dalam peperiksaan hujung tahun, Ishak telah melompat ke darjah tiga, kemudian melompat ke darjah lima dan seterusnya ke darjah tujuh. Ishak telah membuktikan kecerdasannya semasa di sekolah Inggeris itu. Pada akhir tahun 1928, selepas bersekolah Inggeris selama empat tahun Ishak telah lulus darjah lapan atau *Junior Cambridge*.

Rakan-rakan Ishak semasa belajar di *Special Malay Class* itu ialah Hussin bin Yahya (anak Cikgu Yahya berasal dari Negeri

Sembilan). Ishak menggelarnya "Hussin Besar" kerana umurnya pada masa itu sudah 17 tahun. Husin Kecil berasal dari Setapak, Kuala Lumpur (anak cikgu juga), Ahmad bin Daud dari Pekan, Pahang (anak cikgu), Salleh bin Tais dari kampung Bangau, Temerloh, Abdullah bin Mohd Ali dari kampung Bangau Seberang, Temerloh (ayah Karim Abdullah), Samjis bin Wakidi dari Bentong, Pahang dan lain-lain.

Guru Melayu Ishak semasa di SMC itu bernama Mohd Ali, berasal dari Kapar, Kelang, Selangor. Cikgu Mohd Ali mengajar bahasa Inggeris. Setengah-setengah murid memanggil Cikgu Ali sebagai *Mr.* Ali.

Di sekolah Inggeris itu pun Ishak dan murid-murid yang lain belajar al-Quran juga. Sebuah bilik di bahagian bawah bangunan asrama itu dikhaskan untuk surau. Pada sebelah petang mereka belajar Quran di surau tersebut. Gurunya ialah Haji Abu Bakar yang terkenal dengan gelaran"Haji Bakar Lagu". Gelaran itu diberi kerana dia pandai berlagu, pandai berqasidah dan sedap suaranya. Dia juga mengajar Ishak dan murid-murid lain ilmu tajwid.

Pada sebelah malam mereka bersembahyang Maghrib dan Isyak berjemaah. Ramai daripada murid yang seangkatan dengan Ishak itu boleh "bang" atau berazan dengan baik. Yang kerap menjadi imam ialah Ali bin Haji Ismail, berasal dari Pekan, Pahang.

Rakan-rakan Ishak tidak dibenarkan berperangai tamak haloba, kedekut atau bakhil (tangkai jering). Mereka digalakkan bekerjasama dan berkongsi apa yang ada. Barang siapa ada membawa kuih-muih apabila balik kampung semasa cuti, tidak dibenarkan menyorok benda-benda itu. Mereka mesti makan beramai-ramai, berkongsi sedikit seorang.

Tetapi dalam ramai-ramai itu ada juga yang lokek. Seorang pelajar dari Hulu Kecau, Daerah Kuala Lipis, bila balik daripada bercuti membawa balik ayam goreng. Dia tidak mahu berkongsi dengan rakan-rakan lalu ayam goreng itu disimpan dalan *locker* (almari kecil) yang berkunci.

Apabila Ishak dan rakan-rakannya mendapat tahu, mereka berpakat memecahkan *locker* itu dan mengambil ayam gorengnya dan makan beramai-ramai.

Pelajar-pelajar dari Pekan pula, bila balik daripada bercuti sering membawa emping goreng yang dicampur dengan udang kering yang sangat sedap rasanya. Bagi yang kedekut emping goreng yang sedap itu disembunyi di bawah katil. Tetapi pada waktu malam, ketika tuan

empunya emping goreng itu sudah lena tidur, mereka mencuri emping goreng itu dan makan beramai-ramai.

Pada bulan puasa Ishak dan rakan-rakannya memasak sendiri. Bukan tidak ada orang menjual tetapi mereka suka masak makanan sendiri. Waktu petang mereka ke tebing Sungai Lipis mencari pucuk paku hijau dan merah, daun-daun ulam, pucuk serai kayu dan lain-lain. Adalah amat menyeronokkan masak dan makan beramai-ramai.

Ishak yang berasal dari kampung di Temerloh itu terpaksa bersaing dengan murid-murid yang lain. Setengah-setengahnya berasal daripada keluarga orang berada dan kenamaan. Pada waktu itu anak orang kampung jarang dihantar ke sekolah beraliran Inggeris kecuali anak-anak orang berada dan kenamaan sahaja. Walaupun begitu ia bukan menjadi ukuran bagi Ishak. Yang tersemat di hatinya ialah dia mahu menunjukkan kebolehan dan kepandaiannya bagi meraih kejayaan yang cemerlang. Dia bukan berazam hendak lulus sahaja tetapi mahu lulus dengan cemerlang. Pada tubuh kerdilnya itu dia menyematkan azam dan cita-citanya. Dia tidak gentar dengan anak-anak orang berada atau anak-anak orang kenamaan. Tidak ada bezanya. Sama-sama ada kepala, kaki, tangan, mata dan telinga. Kepandaian bukan terletak pada harta tetapi pada otak.

Gelaran yang diberikan oleh kawan-kawan di kampungnya sebagai "budak berotak geliga" benar-benar telah dibuktikannya. Dia telah berjaya melompat kelas sebanyak tiga kali, iaitu dari SMC ke darjah tiga dan dari darjah tiga ke darjah lima dan dari darjah lima ke darjah tujuh. Jarang-jarang boleh dilakukan oleh pelajar-pelajar lain tetapi Ishak telah melakukannya–melompat kelas tiga kali berturut-turut.

Ishak masuk SMC pada tahun 1924, kemudian ke darjah tiga 1925, ke darjah lima 1926, ke darjah tujuh 1927, kemudian ke *Junior Cambridge* pada tahun 1928, ke *Senior Cambridge* pada tahun 1929.

Pada tahun 1929 itu Ishak telah lulus darjah sembilan atau *Senior Cambridge*. Dia mendapat gred satu dengan kepujian (credit) dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan Kesusasteraan Inggeris.

Semasa di sekolah ini minatnya terhadap kesusasteraan mula mencambah. Dia sudah mengenali sasterawan-sasterawan Inggeris dan mengagumi karya-karya mereka, antaranya Shakespeare, Charles Dickens dan lain-lain.

Selama lima tahun berada di sekolah itu, Ishak memang dikenali oleh sebilangan besar pelajar. Terdapat setengah-setengah kawannya

menggelarnya "Si Botak" kerana rambutnya yang pendek dan "Si Pendek" kerana dia agak kecil dan pendek daripada kawan-kawannya yang lain. Ishak tidak kisah apa gelaran yang hendak diberikan oleh kawan-kawannya, tetapi ramai daripada kawannya yang agak segan terhadap kecerdikannya.

Ishak tidak berapa gemar bersukan atau masuk kegiatan-kegiatan luar darjah. Dia tidak masuk pengakap, jauh sekali mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti sukan. Tetapi guru-guru sayangkannya kerana pada setiap kali peperiksaan Ishak sering mendapat nombor satu. Ini membuatkan kawan-kawannya rasa segan dan malu. Otaknya bergeliga. Bahasa Inggerisnya baik.

Salah satu cita-cita Ishak sejak di sekolah Inggeris itu lagi ialah dia ingin menjadi penulis. Buku-buku sastera bahasa Inggeris yang dibacanya menyebabkan cita-citanya bertambah membara.

Pada tahun 1929, Ishak mula mengasah bakatnya dalam bidang karang-mengarang. Dia menjadi "ejen" akhbar mingguan *Warta Negeri*. Tiap-tiap minggu Ishak akan membeli sekurang-kurangnya 20 naskhah akhbar itu dan dijual kepada kawan-kawannya di sekolah. Bukan itu sahaja, dia mencuba bakatnya dengan menulis sebuah rencana dalam akhbar itu bertajuk "Membesarkan Angan-Angan".

Kawan-kawannya yang lain jarang bercita-cita hendak menjadi penulis. Kebanyakannya lebih berminat untuk menjadi kerani, askar, polis, cikgu, kakitangan kerajaan dan lain-lain, tetapi Ishak membesarkan angan-angannya untuk menjadi penulis.

Untuk memenuhi cita-citanya menjadi seorang penulis, Ishak telah membaca banyak buku. Oleh sebab dia mengambil kesusasteraan Inggeris maka dia telah membaca banyak buku karangan Shakespeare, di antaranya kisah *Julius Caesar*, *The Merchant of Venice* dan lain-lain. Dia juga gemar membaca buku-buku Indonesia. Antara yang dibacanya ialah *Salah Asuhan* dan lain-lain. Daripada buku-buku yang dibacanya itu dia cuba mengkaji dan mengenali hal-hal yang berkaitan dengan kemasyarakatan.

Dari Sekolah Clifford di Kuala Lipis, Ishak bersama seorang rakannya Abdullah bin Mohd Ali (Allahyarham) dan M. Nadarajah dari Kuala Lipis berpindah ke Government English School (G.E.S.), Raub, Pahang untuk melanjutkan pelajaran dalam kelas *Senior Cambridge*.

Guru Besar Government English School (G.E.S.), Raub pada masa itu ialah N. Apadurai. Orangnya. tinggi dan gempal serta berperwatakan peramah dan penyayang.

Di Raub itu, Ishak menumpang di rumah Datuk Abdullah bin Datuk Muda Ibrahim (Allahyarham), penghulu kampung Ishak bagi mukim Perak. Tukang masak Datuk Abdullah pada masa itu bernama Dollah juga, adik kepada Awang Bidin. Baik orangnya. Di sebelah rumah tempat Ishak menumpang itu didiami oleh Dr. Menon (mendiang) dan di sebelahnya lagi dihuni oleh Muhammad Taib (Allahyarham) kerja S.O. (Settlement Officer) berasal dari Kampung Sanggang, Daerah Temerloh. Tukang masaknya bernama Ismail. Orang memanggilnya Mail sahaja.

Ishak menumpang di rumah itu cuma sebulan dua sahaja. Dia segan menumpang di rumah orang berpangkat lama-lama. Lalu dia berpindah ke rumah Pintu Sepuluh, iaitu rumah-rumah kediaman bagi pegawai-pegawai peringkat rendah dan bergaji murah. Letaknya di belakang pejabat daerah Raub. Dia dan rakannya Abdullah bin Mohd Ali duduk di rumah En. Mat dari Kampung Dong.

Di rumah En. Mat itu, Ishak dan rakannya Abdullah bin Mohd Ali dari Kampung Bangau Seberang merasa lebih selesa. Tidak kekok atau segan-silu seperti duduk di rumah Datuk Abdullah. Mereka tidur di atas lantai beralaskan tikar mengkuang dan sebiji bantal. Wang biasiswa mereka sebanyak sepuluh ringgit sebulan cukup untuk menampung keperluan mereka seharian. Hidup bujang bukan susah sangat.

Di rumah itulah Ishak dan rakannya berulang-alik ke sekolah Inggeris Raub atau Government English School yang berorientasikan pendidikan ala-Inggeris.

Semasa di sekolah rendah lagi, Ishak sudah pandai bergaya. Dia belajar bergaya daripada pelajar-pelajar yang *senior* daripadanya. Tetapi Ishak memang bergaya orangnya.

Pada masa musim cuti akhir tahun 1926, selepas selesai peperiksaan darjah lima, Ishak telah balik ke kampung. Sebelum balik, dia diberitahu oleh Guru Besarnya iaitu kalau dia dapat nombor satu atau sekurang-kurangnnya nombor lima, dia akan dilompatkan ke darjah tujuh. Ishak menerima berita itu dengan gembira.

Ketika Ishak berumur lima belas tahun, dia sudah mula pandai memakai seluar pantelon panjang, baju kot dan sudah belajar cara memakai tali leher.

Pada tahun 1926 itu, murid-murid *senior* telah mengajar Ishak dan kawan-kawan yang lain bagaimana caranya hendak membeli barang-barang melalui pos dari England. Waktu itu barang-barang buatan England dianggap barang-barang bermutu yang *first class*.

Gudang-gudang atau syarikat-syarikat yang masyhur masa itu ialah Barrat and Co bagi kasut dan Lennard & Co. bagi barang-barang seperti pakaian, iaitu seluar pendek dan panjang, baju-baju, stoking, tali leher dan lain-lain. Barang-barang import itu dianggap bermutu.

Ketika meningkat umur lima belas tahun Ishak seperti kawan-kawannya yang lain juga sudah pandai bergaya. Sudah pandai minta duit daripada ibu bapa untuk berbelanja di pekan-pekan atau di bandar-bandar.

Pada hujung cuti sekolah tahun 1926, Ishak buat pertama kalinya telah membawa balik sehelai tali leher yang baru sampai dari England, ditempah dari gudang Lennard and Co.

Ishak merasa amat bangga dan gembira mendapat tali leher buatan England itu. Tali leher itu telah disangkut di tanduk rusa di dinding rumahnya. Tujuannya ialah apabila keluarganya atau kawan-kawannya datang bertandang ke rumahnya mereka akan melihat tali leher itu. Pada masa itu tanduk rusa digunakan untuk menyangkut baju. Ishak merasa megah apabila tali lehernya tersangkut di tanduk rusa itu. Dia rasa itulah prestijnya. Bila kawan-kawannya datang, Ishak dengan megah menunjukkan tali leher hijau berbunga-bunga itu.

Sesiapa sahaja yang datang ke rumahnya dan melihat tali leher itu dia akan berkata: "Saya *order* dari England ni." Bukan itu sahaja, dia akan menunjukkan kepada kawan-kawannya cara mengikat tali leher itu. Kawan-kawannya terlopong memerhati dengan penuh minat. Dan kepada kawan-kawannya itu, Ishak bertanya: "Awak tahu berapa harganya?" Kawan-kawannya menggeleng-geleng kepala. Tidak ada siapa yang dapat meneka. Manalah kawan-kawannya itu tahu, dan akhirnya Ishak sendirilah yang menjawab pertanyaannya itu: "Samalah dengan harga 150 biji nyiur."

Kawan-kawannya pun mengira berapa harga sebiji nyiur dan dikali dengan 150 biji kelapa. Waktu itu harga tali leher itu lebih kurang $3.00.

Kawan-kawan Ishak yang rata-rata anak petani dan penoreh getah itu merasa kagum dengan Ishak. Bukan sahaja tali lehernya yang menarik minat, kasut dan pakaiannya juga menarik perhatian mereka.

"Kasut awak tu pun *order* dari England jugakah bang?" tanya seorang kawannya bila ternampak kasut kulitnya yang baru.

"Kasut *barrat* tu," jelas Ishak dengan perasaan bangga. Pada masa itu kasut *barrat* memang menjadi sebutan dan kebanggaan ramai.

"Harganya awak tahu berapa?" Ishak bertanya.

Kawan-kawannya menggeleng kepala.

"Dua puluh lima syilinglah." Ishak menjawab sendiri. "Dekat sepuluh ringgit duit kita," jelas Ishak lagi.

Kawan-kawan Ishak itu tergiur-giur melihat kasut dan tali leher Ishak. Mereka pun ingin memilikinya juga. Bagi yang ada duit boleh membuat tempahan tetapi bagi yang miskin terpaksalah menggigit jari.

Ishak tidak mengubah tempat tali lehernya pada penyangkut tanduk rusa itu. Ia tetap tergantung di situ. Pada suatu hari moyang Ishak, Hajah Jebah bertandang ke rumahnya dan telah nampak tali leher itu tersangkut di tanduk rusa.

Hajah Jebah sebenarnya sangat dihormati oleh keluarga Ishak. Ishak sendiri sebenarnya sangat sayang kepada moyangnya itu. Cakap moyangnya menjadi undang-undang di rumah itu. Semua keluarga tidak berani membantah.

Dengan matanya mencorong dia memandang tali leher itu dan bertanya: "Apa guna dibawa balik pakaian kafir ini. Benda najis. Benda haram!" sergahnya kuat-kuat.

Kemudian dengan menggunakan sebatang buluh (pengait buah-buahan), moyangnya telah mengait tali leher itu dengan hujung buluh itu. Bila dapat, dia membawa tali leher yang dianggapnya benda haram dan benda kafir itu ke tebing sungai. Moyangnya tidak langsung memegang tali lehernya dengan tangan. Dia jijik. Dia membawanya ke sungai dengan menggunakan buluh pengait itu. Tali leher itu terselit di hujungnya.

Pada masa itu air sungai tengah naik; musim bah sudah bermula. Ishak mengikuti moyangnya ke tepi tebing sungai itu. Dia hendak melihat apa yang hendak dilakukan oleh moyangnya dengan tali lehernya itu. Hatinya berdebar-debar. Hendak menegur neneknya jangan pengapa-apakan tali lehernya dia takut. Moyangnya garang.

Ishak dengan mulut ternganga dan terkebil-kebil memerhati telatah moyangnya yang sangat disayangi dan dihormatinya itu.

Tiba-tiba Ishak ternampak moyangnya mencampakkan buluh pengait tempat tersangkutnya tali lehernya ke sungai yang airnya sedang naik. Buluh dan tali lehernya yang ditempah dari England itu hanyut dibawa arus yang deras.

Ishak, merah matanya menahan sebak melihat tali leher kesayangannya tenggelam dibawa arus. Dia menyapu-nyapu kelopak matanya.

Ishak dibesarkan di kampung. Ibu bapanya memberikan didikan

secara orang-orang kampung; berbudi bahasa, menghormati orang tua dan tolong-menolong sesama keluarga.

Dalam memberikan asuhan kepada Ishak Haji Muhammad tidaklah hanya mengeluarkan teori-teori atau cakap-cakap saja, tetapi dia menyampaikan mesej pengajarannya itu secara praktis. Contohnya, ketika Haji Muhammad hendak ke masjid, ke majlis kenduri-kendara atau ke sawah bendang, dia akan membawa Ishak bersama. Melalui perlakuan itulah Ishak belajar sesuatu perkara itu dengan mengalami, melihat dan merasainya.

Sikap orang kampung yang suka tolong-menolong dan bergotong-royong dalam pelbagai perkara menjadi pemerhatian dan penelitiannya sejak kecil. Didikan ayahnya yang bijaksana dan perilaku orang-orang kampung yang lemah lembut dan rajin berusaha memberi kesan terhadap dirinya dan secara langsung membentuk perwatakannya.

Dia menghormati orang-orang kampung dan suka bergaul dengan mereka, mendengar masalah-masalah yang dihadapi dan sebagainya. Kerana terdidik di kampung dan mesra dengan orang-orang kampung, Ishak paling suka menjelajah melihat kampung-kampung bukan sahaja kampung di daerah Temerloh bahkan juga di seluruh Pahang dan negeri-negeri lain.

Dia suka melihat keindahan kampung dan melihat kehidupan orang-orang kampung secara lebih dekat. Dengan cara itu dia dapat mengenal hati budi masyarakat kampung yang hidupnya sederhana dan tidak kurang pula yang masih memerlukan banyak bimbingan dan tunjuk ajar.

Ishak tidak suka bergaduh atau berkelahi dengan rakan-rakan yang sebaya dengannya. Dia lebih suka berkawan daripada mencari musuh. Kalau ada orang mengata-ngatanya dia hanya akan berdiam diri sahaja. Kerana itulah dia mempunyai ramai kawan.

Ishak juga tidak suka kepada keadaan yang bising dan riuh-rendah. Kalau dia membuat sesuatu pekerjaan dia akan membuatnya secara bersungguh-sungguh. Dia suka membaca dan menyelidik tentang sejarah kepahlawanan dan kejayaan sesuatu bangsa di dunia. Kalau dia membaca buku, dia akan memilih buku-buku yang dapat memberikan pengetahuan baru kepadanya. Dia bukan membaca sekadar hendak mengetahui isi ceritanya tetapi akan dibuatnya perbandingan dengan bangsanya pula.

Sejak kecil lagi Ishak telah diceritakan oleh kaum keluarganya tentang pahlawan-pahlawan Pahang yang berjuang menentang kerajaan

British. Sedikit sebanyak semangat kepahlawanan dan cintakan bangsa dan tanah air sudah tersemai ketika dia remaja lagi. Neneknya juga pernah menceritakan tentang bagaimana orang-orang Pahang menentang penjajah Inggeris dengan taktik-taktik mereka sendiri. Walaupun pihak British mempunyai pelbagai kelengkapan tetapi orang-orang Melayu Pahang tidak takut dan gentar. Orang-orang seperti Datuk Bahaman telah mengetahui orang-orang Pahang menggunakan jerat, sumpitan dan ranjau serta buluh runcing untuk melawan penjajah.

Kesemua cerita itu telah memberikan kesan yang mendalam dalam membentuk peribadinya sebagai seorang jejaka yang berani dan tidak takut akan musuh. Walaupun perwatakannya kelihatan lembut dari segi lahiriahnya tetapi pada jiwa dan semangatnya, Ishak sebenarnya tidak pernah gentar kepada musuh lebih-lebih lagi penjajah yang mencengkam tanah airnya yang tercinta.

Selepas tamat belajar di Sekolah Clifford, Kuala Lipis dan Sekolah Inggeris di Raub, Pahang selama enam tahun dan lulus peperiksaan *Senior Cambridge*, gred satu dengan kepujian dalam bahasa Inggeris, kesusasteraan Inggeris dan bahasa Melayu maka Ishak pun balik ke kampung.

Di kampung dia termangu-mangu dan tidak tahu hendak buat apa. Moyangnya Hajah Jebah, berasal dari Bugis berkata kepadanya, "Awak sudah lulus Sekolah India Sahak (maksudnya East India Company) bolehlah jadi C.C. (Kerani Besar) seperti Tuk Aki awak, Haji Jamal."

Haji Jamal yang berasal dari Palembang adalah ayah kepada emak Ishak, Hajah Fatimah.

Pada masa itu Ishak tidak terfikir hendak kerja apa pun. Fikirannya kosong. Dia belum menentukan apa jenis kerja yang hendak dipilihnya. Ishak bercampur-gaul dengan anak-anak muda kampung yang kebanyakannya golongan petani.

Kebanyakan penduduk kampung bertanam padi. Apabila musim menuai padi, semua turun ke sawah, tidak kira tua atau muda, lelaki atau perempuan. Ishak pun tidak ketinggalan. Dia belajar bertanam padi, menuai padi, menjemur padi dan lain-lain. Bukan itu sahaja, Ishak juga belajar menangkap ikan, menjerat burung, memerangkap kancil dan pekerjaan kampung lainnya. Semuanya dicuba.

Bila musim menuai padi, Ishak dan anak-anak muda kampung berpindah ke kawasan-kawasan tanah padi yang jauh dari tebing Sungai Pahang. Selepas selesai menuai mereka balik semula ke rumah di tepi-tepi Sungai Pahang yang pada masa itu mewah dengan pelbagai

jenis ikan, termasuk ikan parang, pari dan ikan-ikan yu jenis kecil.

Oleh sebab penduduk kampung masa itu mempunyai keperluan yang cukup untuk menjalani kehidupan sehari-harian seperti memiliki cukup padi dan beras, buah-buahan, sayur-sayuran dan alat-alat menangkap ikan, maka anak-anak muda tidak terfikir sangat hendak makan gaji. Dengan membuat kerja-kerja kampung mereka sudah boleh hidup walaupun tidak mewah.

Tiap-tiap rumah atau keluarga di kampung masa itu mempunyai lesung padi, tanah-tanah paya atau sawah untuk bertanam padi, tanah-tanah kampung untuk bertanam kelapa dan pokok buah-buahan dari pelbagai jenis, tanah-tanah untuk menanam pokok getah dan lain-lain. Selain itu mereka juga mempunyai alat pengangkutan air seperti perahu, sama ada kecil atau besar untuk hilir mudik dan sebagainya.

Kerana kebanyakan rumah mereka berhampiran dengan sungai, maka alat pengangkutan yang dimiliki oleh mereka ialah perahu atau sampan. Mereka berulang-alik di antara satu tempat dengan satu tempat yang lain menggunakan perahu. Perahu juga digunakan untuk memancing ikan atau mengangkut barang-barang pertanian.

Masjid-masjid dan surau-surau ada di tiap-tiap buah kampung, dibina oleh orang-orang kampung sendiri dengan cara bergotong-royong. Pada masa itu tidak ada hiburan seperti sekarang dan jenis-jenis sukan yang dimainkan oleh anak-anak muda ialah main gasing, sepak raga dan silat. Gelanggang-gelanggang gasing, sepak raga dan silat pun mereka buat sendiri.

Mereka bermain gasing dan sepak raga pada waktu petang selepas balik dari sawah atau kerja-kerja kampung yang lain. Silat pula mereka bermain pada waktu malam. Inilah sukan dan inilah juga hiburan bagi orang-orang kampung pada masa itu.

Ishak yang masih belum mempunyai sebarang pekerjaan pada masa itu mengikuti perkembangan ini bersama anak-anak muda kampung yang lain.

Dia berada di kampung kira-kira lima bulan sambil membuat kerja-kerja kampung. Cita-citanya untuk meneruskan pelajaran masih tersemat di hatinya. Lalu dicuba-cuba memohon untuk memasuki Raffles College di Singapura tetapi permohonannya ditolak. Dia merasa agak kecewa tetapi dia belum lagi berputus asa.

Ishak kemudian dinasihatkan oleh kaum keluarganya supaya memohon jawatan guru. Pada waktu itu kebanyakan pelajar lepasan

*Senior Cambridge* atau lebih rendah daripada itu memohon jawatan guru. Menjadi guru adalah suatu pekerjaan yang dipandang tinggi oleh orang-orang kampung waktu itu. Ishak mengikut suruhan kaum keluarganya dan permohonannya itu berjaya lalu dia ditawarkan untuk menjadi guru di Sekolah Inggeris Kuantan, Pahang. Ishak diarahkan melaporkan diri jika dia menerima tawaran itu tetapi Ishak tidak pergi melaporkan diri. Hatinya berat untuk menjadi guru. Dia sendiri tidak tahu sebabnya.

Tidak lama selepas itu dia diberitahu ada tiga jawatan kosong dalam Jabatan Pentadbiran Melayu atau *Malay Administration Service* (M.A.S). Gaji untuk kerja itu lebih tinggi daripada gaji kerja menjadi guru di sekolah Inggeris.

Ishak turut memohon. Tetapi untuk mendapat jawatan itu dia terpaksa bersaing dengan 43 pemohon yang lain. Jawatan yang kosong hanya tiga sahaja. Untuk memilih calon yang layak satu peperiksaan diadakan, dan Ishak telah menduduki peperiksaan itu.

Ishak memohon jawatan itu kerana didesak oleh kawan-kawannya. Kata mereka Ishak layak untuk mendapatkan kerja tersebut. Malah pada masa itu kurang anak Melayu yang layak memegang jawatan M.A.S itu.

Mulai tahun 1929, jawatan M.A.S itu dibuka oleh kerajaan Inggeris kepada anak-anak Melayu daripada orang kebanyakan. Sebelum itu jawatan dalam M.A.S itu hanya terbuka kepada anak-anak raja, anak-anak datuk dan anak-anak pembesar negeri sahaja.

Kerajaan Inggeris pada masa itu hendak menggunakan ramai pegawai Melayu. Ini kerana, Semenanjung Tanah Melayu teristimewanya negeri-negeri Melayu Bersekutu iaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang semakin bertambah penduduknya. Bilangan pegawai tidak mencukupi dengan pertambahan penduduk itu.

Negeri-negeri tersebut juga mula dibuka dan dimajukan dengan lebih pesat lagi. Kampung baru dan pekan-pekan baru mula dimajukan. Pemohon-pemohon itu datangnya dari keempat-empat negeri Melayu Bersekutu. Tetapi empat orang sahaja telah dipilih untuk ditemuduga. Seorang daripadanya bernama Hussein berasal dari Selangor. Dalam peperiksaan dia mendapat nombor satu. Ishak dari Pahang mendapat tempat kedua. Yang ketiga ialah En. Mohammad bin Baba dari Selangor juga. Tempat keempat ialah En. Badaruddin bin Alang Abdul Syukur dari Kuala Kangsar, Perak.

Dalam temuduga itu En. Hussein telah gagal, lagipun umurnya

sudah melebihi daripada yang dihadkan. Oleh itu tiga calon telah dipilih untuk memegang jawatan itu iaitu Ishak Haji Muhammad, Badaruddin bin Alang Abdul Syukur dan En. Mohammad bin Baba.

Temuduga hendak mendapat kerja M.A.S. pada waktu itu sungguh hebat. Saingannya sengit. Orang yang menemuduga itu bukan daripada anggota Pesuruhjaya Perkhidmatan Awam seperti sekarang.

Mereka telah ditemuduga oleh Almarhum Datuk Abdullah, Undang Rembau, Almarhum Sir Raja Chulan, orang besar negeri Perak, Almarhum Tengku Besar Pahang dan seorang Pegawai Tinggi British bernama Gordon Hall yang pandai bertutur bahasa Arab dan boleh membaca kitab suci al-Quran.

Soalan yang mereka tanya payah-payah belaka, antaranya termasuklah darihal adat istiadat Melayu, pandai membaca Fatihah atau tidak, boleh berlagu dan macam-macam lagi soalan terutama latar belakang hidup calon-calon yang ditemuduganya itu.

En. Hussein yang gagal dalam temuduga itu telah mendapat kerja di Jabatan Kerjasama kemudiannya.

Selepas diterima bekerja dengan M.A.S. itu, Ishak dan rakan-rakannya itu tidak terus masuk berkhidmat. Mereka diberikan latihan terlebih dahulu selama setahun. Mereka dinamakan Pegawai Dalam Latihan atau *Probationary Officers*.

Ishak dimasukkan ke Maktab Melayu Kuala Kangsar, iaitu pada bulan Jun 1930 ketika umurnya 21 tahun. Pada masa itu Maktab Melayu Kuala Kangsar merupakan tempat belajar anak-anak raja, anak-anak orang besar dan kenamaan. Alangkah bangganya Ishak kerana memperoleh kesempatan untuk memasuki Maktab yang ternama itu. Walaupun pada mulanya dia merasa kekok tetapi lama-kelamaan dia sudah boleh membiasakan dirinya. Selama dalam latihan itu mereka dibayar elaun sebanyak $45.00 sebulan seorang, makan tanggung dan diberi bilik khas untuk penginapan.

Mereka datang ke situ sebagai pegawai-pegawai pelatih Melayu dan hubungan mereka dengan penuntut-penuntut di situ ada had dan batasannya. Pegawai-pegawai pelatih itu disifatkan lebih istimewa daripada penuntut-penuntut di situ kerana mereka diberikan bilik khas dan layanan yang lebih istimewa, maklumlah mereka bakal menjadi pegawai Melayu yang akan memegang jawatan tertentu.

Wang sebanyak $45.00 pada masa itu samalah nilainya dengan $450.00 sekarang. Waktu itu air batu campur (ABC) boleh dibeli dengan harga lima sen bagi satu gelas besar. Elaun sebanyak itu agak

mewah untuk mereka.

Latihan-latihan yang diberikan kepada pegawai-pegawai muda itu termasuklah bagaimana hendak makan dengan menggunakan sudu dan garpu. Bagaimana hendak ikat tali leher atau *bow*. Bagaimana gaya rentak atau hentak bila berjalan. Bagaimana caranya hendak melayani tetamu daripada golongan pembesar dan lain-lain.

Ishak dan rakan-rakannya disuruh juga membaca buku-buku yang berkaitan dengan undang-undang. *General Orders, Colonial Regulations, Penal Code* (Kanun Keseksaan), *Evidence Ordinance, Civil Procedure Code* dan lain-lain.

Dua hari dalam seminggu mereka mesti hadir di mahkamah untuk mendengar bagaimana hakim-hakim dan majistret-majistret membicarakan orang-orang yang menghadapi perbicaraan dalam pelbagai jenayah dan lain-lain.

Semasa di Maktab itu Ishak bergaul mesra dengan semua orang termasuk anak-anak raja dan anak-anak tengku. Pada masa lapang dia selalu pergi mandi di kolam bersama penuntut-penuntut lain, tetapi dia jarang bergiat dalam sukan dan olahraga.

Setelah belajar setahun di Maktab Melayu Kuala Kangsar, Ishak berasa sedih dan pilu hendak meninggalkan maktab yang banyak memberikan pengajaran dan ilmu pengetahuan kepadanya itu. Dan semasa meninggalkan maktab itu, Ishak telah bersedia untuk menempuh masa depannya sebagai seorang Pegawai Melayu.

Setelah selesai berlatih selama setahun di SITC, Ishak diarah supaya melaporkan diri di Pejabat Daerah, Temerloh, Pahang. Pejabat itu lebih kurang satu batu dari Kampung Buntut Pulau.

Latihan pertama yang perlu dihadapi oleh Ishak selepas masuk bekerja ialah bagaimana hendak membuat *minute paper*, bagaimana hendak mendaftarkannya, membubuh dan mengenali tandanya. Kalau tandanya LOT 3/31, maka itu ialah kertas peringatan (*minute paper*) Land Office/NP.3 bagi tahun 1931. Dan kalau DOT 9/22, maka itu ialah kata peringatan *District Office* Temerloh No.9 bagi tahun 1922.

Ishak terpaksa belajar daripada alif bagaimana membuat dan mencatat *minute paper* itu. Dia juga belajar bagaimana mencari *old minute paper*. Dan untuk mencarinya dia terpaksa menggunakan tangga dan meraba-raba dalam *pigeon holes*.

Setelah tahu membuat kerja-kerja asas itu, Ishak kemudiannya belajar pula menerima bayaran cukai tanah, menulis resitnya, memasukkan jumlah penerimaan itu ke dalam buku besar dan kemudian

menyimpannya di dalam *strong room*. Kesemua kerja ini dilakukannya dengan teliti dan berhati-hati. Semasa bertugas di situ, Ishak mendapat banyak pengalaman dan pengetahuan. Begitu juga pengalamannya dengan kerenah rakan-rakan sepejabatnya. Ada sikap teman-temannya yang tidak sesuai dengan jiwanya.

Dia pernah melihat seorang tua yang tinggal jauh datang ke Pejabat Tanah itu untuk membayar cukai tanahnya yang hanya berjumlah $2.00. Dia terlupa membawa resit dan telah disuruh balik oleh seorang kerani yang bertugas di situ.

"Pergi balik, bawa resit tahun lalu dan besok datang semula," perintah kerani itu.

Orang tua itu terkial-kial tidak tahu apa yang harus dilakukannya. Melihat kejadian itu Ishak telah menghampiri orang tua itu dan bertanya namanya, jenis tanahnya, (tanah paya, tanah getah atau tanah dusun) dan dia duduk di mukim apa. Sesudah dia dapat keterangan-keterangan itu maka Ishak pun mencarilah namanya dalam buku besar, dan bila berjumpa maka Ishak pun menerima bayaran cukai tanahnya sebanyak $2.00 itu dan tidak payahlah menyuruhnya balik dan datang lagi esoknya.

Selain kerja-kerja pentadbiran itu, Ishak juga belajar mengukur tanah daripada pegawai-pegawai tanah. Latihan ini memerlukan ilmu hisab dan menggunakan kompas kecil (presmatic compass).

Pegawai yang mengajar Ishak mengenai ilmu ukur itu ialah En. Muhammad Taib bin Haji Mohd. Amin, seorang Pegawai Penempatan yang mahir dan berbudi bahasa. En. Muhammad Taib kemudiannya naik pangkat dari S.O. (Settlement Officer) kepada A.D.O. (Assistant District Officer), kemudiannya meningkat lagi menjadi Majistret Kelas Satu di Kuala Lumpur.

Semasa bekerja di Pejabat Daerah Temerloh itu, Ishak merasa kelainan dalam hidupnya. Orang mula menghormatinya dengan memanggilnya "Encik". Walaupun dia dipanggil "encik" tetapi panggilan itu tidak menyebabkan dia menjadi sombong atau lupa daratan. Perangainya serupa. Suka bergaul dengan semua orang. Dan kalau dia merasa hendak mengkritik sesuatu perkara dia akan mengkritik tanpa takut-takut. Perkara ini terjadi semasa dia masih berkhidmat di Pejabat Daerah Temerloh ketika dia menulis sebuah rencana yang menyindir pembesar-pembesar Pahang ketika itu yang menerima gaji lumayan tetapi kerjanya tidak setimpal. Rencananya itu telah tersiar dalam akhbar "MAJLIS" dengan menggunakan nama samaran "IBHAM"

(Ishak bin Haji Muhammad).

Pada hari tersiarnya rencana itu Ishak tidak ada di pejabat. Dia berada di Triang, sebuah pekan kecil sebelah hilir bandar Temerloh. Dia di sana bersama En. Muhammad Taib untuk menjalankan kerja-kerja mengukur tanah.

Ishak dan En. Muhammad Taib ke Triang dengan menggunakan perahu dan singgah di Mukim Durian Tawar. Semasa balik mereka menggunakan keretapi. Pada sebelah petangnya mereka sampai di stesen Mentakab, lebih kurang enam batu dari Kuala Semantan. Di situ, Ishak dapati ramai kawan-kawannya menunggu.

"Sekali ini encik kena buang kerjalah," kata seorang daripadanya dengan muka cemas.

Ishak terpinga-pinga. Dia tidak faham maksud kata-kata kawannya itu.

"Mengapa?" tanya Ishak ingin tahu.

"Besok, boleh tahu jawabnya," jelas orang itu lagi. "Orang-orang besar dan Penghulu telah mengadu kepada Tuan D.O. fasal karangan encik dalam MAJLIS".

Barulah Ishak faham dan dia hanya tersenyum mendengar kata-kata kawannya itu.

Pelbagai peristiwa yang telah dialami oleh Ishak ketika dia menjadi pegawai di Pejabat Daerah Temerloh. Antaranya ialah ketika pada suatu hari Ishak sedang tekun bekerja di Bahagian Perbendaharaan dia mendengar suara yang mengherdiknya:

*"Hey! Why don't you stand up and say good morning to me?"*

Ishak terperanjat dan mencari muka orang yang bercakap dengan suara yang meninggi itu. Dia mendongak dan mendapati orang yang bercakap dengan suara kasar itu ialah seorang orang putih; memakai kemeja putih lengan pendek, seluar pendek putih dan bersarung kaki panjang juga berwarna putih.

Orang putih itu berasal dari Australia memegang jawatan sebagai "Tuan Pegawai Ukur" (Surveyor) daerah Temerloh.

Semasa pemerintahan penjajah Inggeris, ramai pegawai ukur terdiri daripada orang-orang putih yang berasal dari Australia. Pegawai-pegawai penting dalam sesebuah pejabat kerajaan waktu itu kebanyakannya memang dipegang oleh orang-orang berkulit putih. Anak-anak tempatan hanya diberikan tugas yang tidak berapa penting sahaja.

Selepas mendengar tengkingan itu, Ishak bingkas bangun dengan

marahnya. Tangannya memegang sebatang kayu pembaris (ruler), 12 inci panjangnya. Ia diperbuat daripada kayu mahagoni, keras dan berwarna hitam.

Ishak membeliakkan biji matanya dan bertanya balik kepada mat salleh itu sambil mengayunkan kayu pembaris itu ke arah kepala pegawai mat salleh itu. Dia seperti mahu menghentak kayu pembaris itu ke kepala orang putih itu.

Melihat kejadian itu, seorang kerani keturunan India di sebelahnya dengan cepat memegang tangan Ishak. Dia syak Ishak akan memukul pegawai ukur itu. Kalau dia tidak menghalang mungkin juga kepala mat salleh itu sudah terkena hentakan kayu pembaris Ishak.

Selepas kejadian itu yang disifatkan oleh kakitangan pejabat itu sebagai Ishak mengamuk, ia menjadi tajuk perbualan yang menggemparkan. Mereka tidak menyangka Ishak begitu berani untuk bertindak ke atas pegawai kolonial itu.

Budak-budak pejabat (dulu dipanggil peon) dan seorang kerani berteriak:

"Che Sohok nak pukul orang putih. Tuan Sebiur (Surveyor)."

"Dia tak takut pada orang putih," teriak seorang lagi. "Mesti kena buang kerja anak Haji Muhammad tu," teriaknya lagi.

Yang anehnya hanya pekerja Melayu sahaja yang heboh mengenai kejadian itu. Pekerja keturunan Cina dan India dalam pejabat itu lebih bersikap berdiam diri daripada menyebarkannya dari mulut ke mulut.

Hanya En. Velu berketurunan Ceylon (sekarang Sri Lanka) yang membuat komen:

"*Lucky that bugger ran away*lah; *If not sure trouble*lah."

Pegawai Daerah waktu itu ialah J.J. Sheehan. Apabila dia mendengar riuh-rendah di luar dia keluar untuk melihat apa yang berlaku. Apabila mukanya terjongol keluar, mereka yang buat heboh tadi serta-merta tutup mulut. Tuan Sheehan kemudian masuk semula ke biliknya.

Tidak beberapa lama kemudian seorang peon datang mendapatkan Ishak:

"Tuan D.O. nak jumpa encik." Dia memberitahu.

Ishak mengangguk, kemudian dia masuk ke bilik D.O. dengan hati yang berdebar-debar.

Tuan Sheehan tenang sahaja orangnya. Apabila Ishak masuk ke biliknya dia memandang Ishak dari atas ke bawah. Sambil tersenyum

Tuan D.O. itu berkata, "*I will make you play tennis with him this afternoon at the club. But please make him win this time. Then he will be very happy and forget the whole incident. Perhaps he would introduce you to his wife.*"

Ishak tersenyum, kemudian menyatakan persetujuan dengan rancangan damai Tuan D.O. itu. Tetapi entah siapa yang sebarkan berita itu, ramai di kalangan kakitangan pejabat mengetahuinya. Oleh itu ramailah yang datang ke kelab kerajaan untuk menyaksikan perlawanan di antara Ishak dengan pegawai orang putih yang dilawannya itu.

Semasa bermain itu, Ishak berpura-pura tidak pandai bermain tenis. Dia membuat pelbagai kesilapan untuk memberikan peluang kepada Tuan Sebiur itu. Dia berpura-pura tidak pandai *smash*, tidak tahu gunakan *backhand stroke* dan kesilapan-kesilapan lain lagi yang dibuatnya dengan sengaja. Maka orang putih yang bergaduh dengannya itu pun mencapai kemenangan dengan mudah.

Dalam perlawanan-perlawanan sebelum ini orang putih itu tidak pernah memperoleh kemenangan, sentiasa sahaja kalah tetapi pada petang itu dia menang. Alangkah gembira hatinya, melonjak-lonjak dia di tengah padang.

Dia kemudiannya membelanjakan Ishak minum *lime squash* kerana kemenangannya itu. Senyumnya tidak lekang dari bibirnya.

Orang putih itu kemudian berkata kepada Ishak, "*I am sorry for my language to you this morning. And I am sorry for swinging the 'club' at you. I really lost my temper this morning.*"

Mendengar penjelasan orang putih itu, Ishak juga turut meminta maaf. Buang yang keruh ambil yang jernih. Mereka saling bermaaf-maafan.

Orang putih itu kemudiannya mengajak Ishak ke rumahnya untuk menemui isterinya yang baru dikahwininya seminggu yang lalu. Mereka masih dalam berbulan madu.

Ketika berbual-bual dengan Ishak mengenai isteri barunya itu, orang putih itu berkata, "*Life without a wife, in this hot climate, is really a strike.*"

Ishak tersenyum mendengar kata-kata orang putih itu.

Isteri orang putih itu comel dan kelihatan riang kerana mendapat tahu yang suaminya menang dalam permainan tenis pada petang itu. Dia menyambut ketibaan Ishak dengan gembira dan senyuman yang manja.

Ishak yang sudah ada pengalaman tentang tabiat orang putih itu

mengetahui tabiat wanita kulit putih yang suka dicium dan Ishak sendiri ingin tunjukkan kepada rakan-rakannya di pejabat yang dia tidak takutkan orang putih.

Semasa bersalam-salaman itu, Ishak pun mencium pipi kanan mem orang putih yang menjadi musuhnya itu. Berdesut-desut bunyinya.

Isteri orang putih itu gembira dan merasa bangga mendapat ciuman daripada Ishak. Itu tandanya Ishak menghormatinya. Ishak pun bukan main seronoknya.

Selepas peristiwa itu sekali lagi Pejabat Daerah Temerloh heboh. Kali ini kisah Ishak mencium pipi mem orang putih yang menjadi musuhnya. Ramai yang mengatakan Ishak berani dan benar-benar anak jantan.

Ishak tersenyum sahaja mendengar perbualan orang ramai mengenai dirinya itu.

Pengalaman Ishak dengan orang putih agak banyak. Mungkin kerana dia boleh bercakap bahasa Inggeris dengan baik menyebabkan pergaulannya dengan orang putih lebih mudah dan cepat. Walaupun begitu dia tidak memberi muka sangat kepada orang putih. Dia bukan seorang yang *yes man*. Mana yang dia fikir orang putih buat tidak betul dia akan tegur secara terus terang. Tidak ada selindung-selindung lagi. Kadang kala tersipu-sipu orang putih terkena sindirannya.

Di Pejabat Daerah Temerloh antara tahun 1930–31 itu selain Tuan Sheehan (D.O.) dan pegawai ukur itu terdapat juga beberapa pegawai kulit putih yang lain termasuklah seorang kadet M.C.S. yang bernama J.D.M. Murphy.

Tuan Murphy ini, kelakuannya agak berlainan sedikit daripada pegawai-pegawai mat salleh yang lain. Kerani dan budak-budak pejabat menganggapnya sebagai seorang yang "gila bahasa" atau dalam bahasa yang lebih kasar sebagai "tiga suku". Kepala kurang betul ataupun kepala senget, kata mereka.

Tuan Murphy bekerja tidak suka ikut peraturan. Ada peraturan pejabat pun dia tidak ikut. Dia buat sesuka hatinya. Tak makan saman, kata orang.

Pada suatu hari ketika bercakap-cakap dengan Ishak, dia mencadangkan agar resit bayaran cukai tanah ditandatangani dengan tulisan jawi. Ishak agak terkejut dengan cadangan itu tetapi dia bersetuju. Sebelum itu mana ada pegawai yang menandatangani surat dalam tulisan jawi. Tup,tup, Tuan Murphy membuat cadangan itu.

Sebagai seorang Melayu yang cintakan tulisan jawi, cadangan itu

diterimanya dengan suka hati.

Tetapi Tuan Murphy membuat cadangan itu ada muslihatnya. Dia mahu melihat reaksi pegawai-pegawai lain apabila Ishak menandatangani resit bayaran cukai tanah itu dalam tulisan jawi. Lebih-lebih lagi dia hendak melihat reaksi pegawai-pegawai audit dari Kuala Lumpur yang akan datang ke pejabat daerah itu untuk membuat *auditing*.

Ramalan Tuan Murphy bahawa perkara tersebut pasti akan mendapat reaksi memang betul. Dua orang pegawai audit dari Kuala Lumpur, berkulit hitam, bising bertanyakan mengapa ditandatangani dalam tulisan jawi.

Kalangan kakitangan pejabat daerah itu pun tertanya-tanya sesama sendiri mengenai perkara tersebut. Dalam peraturan pejabat ketika itu tidak disebut pula tentang tidak boleh menandatangani dalam tulisan jawi.

Mendengan pegawai-pegawai audit dari Kuala Lumpur itu bising membuat komen mengenai perkara tersebut, Ishak dengan nada meninggi tetapi tegas berkata, "*There is no ruling that I cannot use the Jawi or Arabic writing. If there has ever any ruling about it, please show it to me in the General Orders. As auditors your duty is to check the amount received is correct, that there is no shortage or over collection, and not in what kind of writing the receipts are signed. In your country, perhaps, you can sign it in Tamil writing.*"

Begitu tegas Ishak bercakap dalam bahasa Inggeris yang lancar kepada pegawai-pegawai audit yang mengomel itu. Melihat Ishak bercakap dengan serius dan nada yang tinggi, pegawai-pegawai audit itu pun berdiam diri. Tidak mengomel-ngomel lagi. Kalau mereka itu masih mengomel tidak tentu fasal, Ishak akan melepaskan geramnya dengan lebih hebat lagi.

Kalangan kakitangan Pejabat Daerah Temerloh merasa hairan apakah ilmu yang dipakai oleh Ishak sehinggakan pegawai-pegawai audit yang tadi nampak garang sekarang sudah menikus selepas diherdik oleh Ishak.

Selepas setahun Ishak bertugas di Pejabat Daerah Temerloh itu dia kemudian ditukarkan ke Bentong pula.

Bentong tidak jauh dari Kuala Lumpur. Dua tiga jam perjalanan dengan kereta sahaja sudah boleh sampai. Jalan raya pada waktu dulu tidak secantik sekarang tetapi orang-orang Bentong waktu itu sering berulang-alik ke Kuala Lumpur.

Pertukaran Ishak ke Bentong itu kerana naik pangkat. Dia dilantik

menjadi *Deputy Assistant District Officer* (D.A.D.O.).

Tuan Pegawai Daerah Bentong pada waktu itu ialah Raja Kamaruzzaman berasal daripada keluarga Diraja Perak. Tuan D.O. ini, kata Ishak, sangat baik hati orangnya.

Pada petang Sabtu selepas pejabat Raja Kamaruzzaman suka ke Kuala Lumpur. Petang Ahad baru balik. Di Bentong waktu itu apalah yang ada. Ia lebih berupa sebuah pekan mati. Jadi Kuala Lumpurlah yang menjadi tumpuan kebanyakan orang.

Bila Raja ke Kuala Lumpur, Ishak diperintah supaya jangan keluar dari daerah Bentong. Ishak kena jaga daerah Bentong itu untuk menggantikannya. Ishak menjadi orang harapan Raja Kamaruzzaman.

Sebagai orang muda, Ishak teringin juga hendak ke Kuala Lumpur, tetapi hendak beritahu Raja Kamaruzzaman dia malu. Dia pun hendak lepaskan angin juga. Sudah jemu duduk di Bentong. Tidak ada sumber hiburan yang boleh menghiburkan hati. Hari-hari tengok hutan, pokok-pokok dan bukit-bukau menyebabkan kepala Ishak bengang dan ingin keluar untuk mengambil angin. Angin Bentong manakan sama dengan angin Kuala Lumpur.

Kuala Lumpur waktu itu sudah menjadi kota tumpuan setiap lapisan masyarakat tidak kira dari mana. Semuanya tertumpu ke situ terutama orang-orang muda. Jiwa Ishak memberontak untuk ke kota idamannya itu.

Suatu hari iaitu hari Sabtu, tanpa meminta cuti Ishak pergi ke Kuala Lumpur dengan senyap-senyap. Dia tidak memberitahu sesiapa pun. Tujuannya hendak bersuka-suka. Dia sudah jemu tinggal di Bentong, pekan mati itu. Dan sesampainya di Kuala Lumpur, Ishak sememangnya tidak melepaskan peluang langsung. Dia bersuka ria sehingga lewat malam.

Anginnya yang terkurung di Bentong telah dilepaskan habis di Kuala Lumpur.

Selepas balik semula ke Bentong, pada pagi Isnin itu, Ishak merasa berat kepala. Matanya masih mengantuk. Kelopak matanya tidak mahu terbuka. Dia merasa berat badan hendak ke pejabat. Dia kemudian mencari helah bagaimana hendak mendapat cuti pada hari Isnin itu, lalu dia pergi menemui seorang doktor di hospital besar yang kebetulan menjadi kawannya.

Dia masuk menemui doktor itu dan menceritakan perkara yang sebenarnya. Doktor itu tersenyum sinis, kemudian dia berkata, "*I know what you did in Kuala Lumpur.*"

Ishak tersenyum juga, tersipu-sipu. Mereka kemudian ketawa. Ishak kemudian diberikan cuti sehari. Dia balik ke rumah dan tidur untuk menghilangkan rasa mengantuknya. Dia tidur hingga ke petang. Selepas hilang mengantuk barulah dia terasa lega dan ringan sedikit badannya.

Pagi esoknya ketika dia ke pejabat, dia melihat muka Raja Kamaruzzaman masam sahaja. Dia murka. Hati Ishak berdebar-debar. Macam mana Raja Kamaruzzaman tidak masam muka kerana pada pagi Isnin itu banyak kerja; ada perbicaraan di mahkamah dan ada mesyuarat. Terpaksalah Raja Kamaruzzaman hadir kesemuanya.

Ishak buat selamba sahaja seolah-olah tidak ada apa-apa yang berlaku. Dia berfikir, orang sedang marah jangan ditegur dulu. Bosnya itu marah sekejap sahaja. Selepas berleter kepada Ishak, pada sebelah petangnya dia datang mendapatkan Ishak dan berjenaka: "Rupa-rupanya *mika* sudah lama makan hati. Memang silap saya tak kasi peluang *mika* pergi K.L."

Ishak tersenyum mendengar kata-kata bosnya itu. Dadanya yang tadi bergemuruh kini lapang kembali. Mereka kemudian tertawa dan membuka cerita masing-masing.

Ishak di Pejabat Daerah Bentong tidak lama; selepas empat bulan dia ditukarkan pula ke Rembau, Negeri Sembilan.

Di Rembau, Ishak terpaksa menghadapi situasi yang berlainan berbanding daripada kampung halamannya di Pahang. Di Negeri Sembilan, penduduknya mengamalkan adat perpatih. Ishak tidak begitu tahu sangat tentang adat-adat tersebut. Tetapi kesempatan bertugas di Rembau itu sudah tentu membolehkannya mempelajari dan mendalami adat tersebut.

Kata Ishak adat perpatih ada kebaikannya walaupun tidak seratus peratus.

Semasa bertugas di Rembau, Ishak mendapati kebanyakan tanah yang hanya seluas dua atau tiga ekar mempunyai nama sampai 20 hingga 30 orang.

Pada pandangannya hal tersebut tidak memberikan kebaikan terutama jika ditinjau dari segi pembangunan ekonomi. Tanah seluas itu dengan nama pemilik yang ramai berapa jengkalkah akan didapati oleh setiap orang setelah dibahagi-bahagikan. Tetapi apa yang dapat dilakukannya, adat menghendakinya begitu. Dia tidak boleh memandai-mandai untuk mengubahnya.

Banyak juga kisah lucu yang dialaminya ketika bertugas di

Rembau. Salah satu yang dialaminya ialah ketika orang-orang kampung datang ke pejabatnya di Rembau, dia telah membentangkan tikar mengkuang di pejabatnya untuk orang-orang kampung itu duduk.

Selalunya bila orang kampung datang ke pejabat, akan dihulurkan kerusi untuk duduk, kalau tak cukup boleh berdiri, tetapi Ishak telah membentang tikar dan menyuruh orang-orang kampung itu duduk bersila. Macam di rumah.

Orang-orang kampung itu datang untuk mengemukakan pelbagai masalah yang mereka hadapi termasuk masalah-masalah yang berkaitan dengan tanah. Dan Ishak semasa menyuruh orang-orang kampung duduk di tikar itu, dia langsung tidak terfikir, perbuatannya itu merupakan suatu kesalahan. Dia cuba ikut adat orang kampung. Tidak cukup kerusi boleh duduk atas tikar.

Semasa mendapat tahu perbuatan Ishak membentang tikar di pejabat untuk orang-orang kampung duduk itu, Pegawai Daerah bukan main marah lagi. Merah padam mukanya. Tidak pernah dibuat orang sebelum ini. Tetapi telah dilakukan oleh Ishak Haji Muhammad.

Ishak menerangkan tujuannya berbuat demikian semata-mata untuk mengambil hati orang-orang kampung sahaja tetapi walaupun begitu perbuatan tersebut tidak disukai oleh Pegawai Daerah.

Selama bertugas di Rembau, Ishak merasa tidak seronok. Jiwanya sering gelisah dan tidak tenteram. Dia merasa bosan, lalu Ishak dikahwinkan oleh ibu bapanya dengan saudara sepupunya bernama Cik Hapsah binti Adam tetapi perkahwinan itu tidak kekal lama. Mereka berpisah kemudiannya.

Ishak bertugas di Rembau hampir setahun. Dan atas sebab-sebab tertentu termasuk hal-hal peribadi, Ishak tanpa memberitahu sesiapa telah meninggalkan jawatannya.

Jiwa Ishak agak aneh, berlainan dengan orang lain. Walaupun dia sudah menjawat jawatan yang tinggi tetapi jiwanya inginkan kebebasan. Dia merasa terkongkong bekerja makan gaji.

Pada lewat tahun 1933, Ishak meninggalkan jawatannya di Rembau. Pada suatu malam pada tahun tersebut, Ishak telah tidur di Rumah Rehat Gemas. Dalam buku pendaftaran penumpang, dia telah menulis nama, pekerjaan dan pangkatnya. Dan dalam ruangan "Hendak ke Mana" Ishak telah mencatatkan Singapura sebagai tempat tujuannya. Tetapi tujuannya yang sebenar ialah ke Kelantan.

Apa yang bersarang dalam kepalanya ialah dia hendak pergi ke

Tumpat. Bapa Ishak atau "abah" seperti yang dipanggilnya pernah menceritakan kepadanya tentang Tumpat, pekan kecil di tepi laut yang indah dan menarik itu. Bapanya pernah bekerja di situ sebagai Centeng (Pegawai Kastam), iaitu semasa dia balik daripada mengaji di Pattani.

Ishak bercadang hendak menghilangkan dirinya selama setahun. Rakan sekerjanya di pejabat tertanya-tanya ke manakah Ishak telah menghilangkan diri. Ishak tidak risau kalau dia dibuang kerja daripada tindakannya itu. Memang dia sudah menempahnya. Ishak juga bercadang hendak ke Pattani kerana pada masa itu nama Pattani sangat masyhur sebagai pusat mencari ilmu dan pengalaman hidup. Orang-orang yang hendak mendalami ilmu-ilmu keagamaan kebanyakannya pergi ke Pattani. Di daerah tersebut terdapat ramai ulama yang berkebolehan.

Tiga hari pertama Ishak menghilang itu, rakan sekerjanya tidak mengesyaki apa-apa kerana dia sebenarnya mengambil cuti rehat selama tiga hari. Selepas tiga hari Ishak tidak pulang-pulang dan tidak muncul-muncul di pejabat. Satu hari, dua hari, tiga hari dan seterusnya orang menunggu. Ishak tidak muncul-muncul juga, akhirnya masing-masing tertanya-tanya sesama sendiri.

"Ke mana Ishak"

"Kenapa dia tinggalkan kerja?"

"Nanti kena buang!"

"Sahak tak sayang ke jawatannya yang tinggi itu?"

Soalan-soalan itu tiada siapa dapat menjawabnya. Setelah beberapa hari, Ishak tidak muncul-muncul juga akhirnya berita Ishak menghilang itu heboh di merata tempat. Akhbar-akhbar berbahasa Melayu dan Inggeris menyiarkan berita kehilangannya itu.

Semua akhbar Inggeris menyiarkan berita kehilangannya dengan tajuk, *Young Malay Officer Absconded From Service* (Pegawai Muda Melayu Lari Meninggalkan Jawatannya).

Ishak membaca berita tersebut dan dia hanya tersenyum kambing tanpa risau dan bimbang.

Kehilangan Ishak itu telah menyebabkan beberapa orang sahabat karibnya di Rembau pergi ke Singapura untuk menjejakinya. Mereka menyangka Ishak sudah pasti akan ke Singapura. Seorang pun tidak terfikir bahawa Ishak akan menuju ke negeri di Pantai Timur itu.

Kira-kira sebulan selepas itu, Ishak mendapat maklumat bahawa bapanya juga turut mencarinya di Kelantan tetapi tidak berjumpa. Pada

waktu itu adik Ishak yang bernama Ahmad bekerja di Pejabat Pertanian Kelantan. Adiknya juga tidak tahu bahawa Ishak berada di Tumpat itu. Dia tidak pergi menemui adiknya.

Ada orang menyifatkannya sebagai "gila" kerana meninggalkan jawatan yang tinggi. Hendak mendapat kerja bukannya senang tetapi bila sudah dapat ditinggalkan pula.

Ishak hanya membawa sebuah beg kecil dan sedikit wang ketika tiba di Tumpat. Dia mencari sebuah rumah kecil di kawasan nelayan iaitu yang berhampiran dengan rumah seorang lelaki pertengahan umur. Lelaki itu tinggal di sebuah rumah kecil yang berpagar dan terlindung daripada pandangan orang ramai. Rumahnya itu dikelilingi oleh pokok-pokok jambu, kelapa dan pinang.

Nama orang itu ialah Mat atau dipanggil orang Pak Mat Kuli Kapal. Dia dipanggil begitu kerana kerjanya ialah mengangkut barang-barang dari kapal yang berlabuh di pelabuhan Tumpat. Pada masa itu air di pelabuhan Tumpat itu masih dalam dan menjadi tempat persinggahan kapal-kapal dagang.

Ishak memberitahu lelaki itu bahawa dia adalah seorang musafir yang hendak pergi ke Pattani untuk menuntut ilmu. Ishak memperkenalkan dirinya sebagai "Ahmad Baharuddin Kasby" berasal dari Segamat, Johor. Lelaki itu merupakan orang yang mudah bersimpati dengan nasib orang lain, lalu dia membawa Ishak tinggal di rumahnya. Lelaki itu masih bujang. Tinggal bersendirian. Dia sering tidak ada di rumah kerana keluar bekerja pada sebelah pagi dan pulang pada lewat petang.

Pelawaan lelaki itu untuk tinggal di rumahnya diterima dengan senang hati oleh Ishak. Lelaki yang dipanggil Pak Mat itu memberikannya sedikit duit untuk membeli ikan dan beras. Pak Mat juga berpesan kepadanya, Ishak boleh pergi beli nasi berlauk di gerai tidak jauh dari rumahnya itu.

Harga nasi berlauk di Tumpat pada masa itu hanyalah sepuluh sen sebungkus. Kalau tiga hari makan sehari belanjanya baru tiga puluh sen. Harga barang masih murah.

Di pekan Tumpat pada masa itu ada tiga buah kedai *billiard* dan dua buah panggung wayang (pawagam). Tidak berapa jauh dari pekan itu terdapat sebuah gelanggang berlaga lembu, kerbau dan biri-biri yang dipanggil "Bong Laga Lembu". Tiap-tiap hari Rabu, orang dari seluruh Kelantan termasuk Selatan Thailand akan turun ke Tumpat untuk melihat temasya berlaga lembu.

Lembu-lembu yang diperlagakan itu ialah lembu-lembu jantan yang diberi aneka nama sebagai pengenalan seperti "Anak Langsat", "Kuning Duku", "Tompok Manis" dan lain-lain. Pada hakikatnya "Bong Laga Lembu" itu ialah tempat orang bermain judi, lelaki dan perempuan.

Akhirnya kehilangan Ishak dari Bahau, Negeri Sembilan sudah dapat dikesan. Gambar-gambarnya yang disiarkan di akhbar-akhbar dan disimpan di balai-balai polis sudah lama menarik perhatian orang ramai. Semasa hendak meninggalkan Tumpat, Ishak merasa sedih dan terharu. Pekan Tumpat yang kecil itu telah berjaya menambat hatinya. keluarga angkatnya dan handai-taulan telah menghantarnya ke stesen keretapi Tumpat. Dia dijadualkan akan menaiki keretapi "Sumpitan Mas".

Seorang koperal dari Rumah Pasung Tumpat menyatakan kepada En. Mei dan keluarganya serta sahabat handai yang datang menghantar Ishak di stesen keretapi bahawa gambar Ishak memang sudah lama sampai di rumah pasung itu dan telah tertampal di papan kenyataan untuk perhatian orang ramai.

Pihak polis sebenarnya telah berjaya mengesan Ishak tetapi disebabkan tiada perintah untuk menangkapnya maka tidaklah diambil sebarang tindakan ke atasnya. Gambar yang diterima oleh Rumah Pasung Tumpat agak berlainan dengan wajah Ishak yang dilihat oleh orang ramai di Tumpat itu. Gambarnya yang dicetak berambut lebat, pakai tali leher dan kot. Tetapi rupa Ishak seperti yang dilihat orang di pekan Tumpat itu macam orang mengaji pondok sahaja.

Ishak merasa amat terharu semasa keretapi "Sumpitan Mas" meninggalkan pekan Tumpat. Lambaian keluarga angkat dan sahabat-handainya hampir membuatkan dia menitiskan air mata.

Dalam keretapi melalui Wakaf Baru, Pasir Mas, Kuala Kerai hingga ke Gua Musang hati Ishak tidak tenteram. Dia sedih dan resah. Banyak soalan bermain dalam kepalanya. Dia tertanya-tanya mengapa dia dipanggil balik ke Kuala Lumpur. Dia membuat teka-teki sendiri.

Apabila sampai di stesen Kuala Lipis, keretapi berhenti sebentar untuk mengisi air dan arang batu. Waktu itu keretapi masih memakai arang batu. Selepas selesai mengisi air dan arang batu keretapi itu pun bertolak semula. Ia menuju ke Jerantut, Temerloh melalui Kuala Kerai, Kerdau dan Mentakab. Melalui daerah ini, Ishak terkenangkan kampung halamannya, sanak keluarga dan sahabat handainya.

Apabila keretapi melalui stesen Triang, seorang pegawai keretapi yang bertugas sebagai pengawal datang memberitahu Ishak bahawa dia

menerima arahan khas melalui telegraf daripada kerajaan Persekutuan Tanah Melayu supaya Ishak turun di stesen Bahau.

Semasa bertolak dari Tumpat tadi, dia diarah pergi ke Kuala Lumpur. Tiba-tiba dia disuruh turun di Bahau pula. Apabila sampai di stesen Bahau, Ishak pun turun di situ seperti yang diarahkan. Waktu itu kira-kira pukul lima petang. Sebuah *land rover polis* sudah pun menunggunya di stesen itu. Hati Ishak berdebar-debar melihat *land rover polis* itu. Dia menduga bahawa polis itu pasti akan menangkapnya. Apa salah aku? Dia bertanya di dalam hati.

Sarjan yang menunggunya itu tersenyum apabila melihat Ishak seperti orang yang kebingungan itu.

"Saya bukan hendak menangkap En. Sahak. Saya mendapat arahan untuk membawa encik ke Seremban, ke rumah Tuan Residen," kata sarjan itu.

Barulah lega hati Ishak mendengar penjelasan sarjan polis itu.

"Inikah saja barang encik?" sarjan itu bertanya.

"Ya. Itu saja. Beg buruk," jawab Ishak.

Ishak dibawa ke Seremban dengan *land rover* itu. Di belakang *land rover* itu ada empat orang polis bersenapang. Ishak berdebar-debar. Rasa takut ada. Cemas pun ada.

Pada malam itu, di *Resident* Seremban, Ishak telah ditanya oleh Tuan G.G, Hughes, Residen British bagi Negeri Sembilan beberapa perkara mengenai diri Ishak. Residen itu bertanya apakah sebab-sebab Ishak meninggalkan kerja. Adakah kerana keluarganya menyuruhnya cepat-cepat kahwin dengan sepupunya atau sebab-sebab lain.

Ishak menjelaskan bahawa sebab keluarganya menyuruhnya kahwin itu adalah perkara kecil sahaja. Sebab yang besar ialah kerana dia tidak suka lagi bekerja dengan kerajaan. Dia ingin bebas, mengembara ke serata pelosok tanah air untuk mencari pengalaman dan pengetahuan.

"Rekod En. Sahak bekerja di Rembau selama setahun sangat baik. Orang Melayu di Rembau sangat suka kepada En. Sahak," kata Tuan Hughes.

Ishak terdiam sahaja mendengar kenyataan Tuan Hughes itu. Sambil makan Tuan Hughes menasihatkannya supaya balik bekerja semula. Katanya, kerajaan British mahu lebih ramai orang-orang Melayu jadi pegawai. Sekarang pegawai-pegawai daripada anak-anak Melayu belum cukup.

British waktu itu memang sedang berusahá untuk membanyakkan

anak-anak Melayu yang berkelulusan memegang jawatan pegawai dalam pentadbiran kerajaan.

Tuan Hughes kemudian mengarahkan Ishak supaya berangkat ke Kuala Lumpur pada keesokan paginya, berjumpa dengan Tuan T.S. Adams, Residen British bagi negeri Selangor. Ishak akur perintah tersebut. Keesokan harinya Ishak bertolak ke Kuala Lumpur.

Di Kuala Lumpur, Ishak menemui Tuan T.S. Adams. Ishak diberitahu bahawa pihak British menerima semula Ishak bekerja dalam jawatan M.A.S. Tindakannya meninggalkan kerja selama tiga bulan itu dianggap sebagai cuti bergaji penuh. Dan berdasarkan rekodnya yang baik Ishak akan digazetkan menjadi Majistret Kelas Tiga di Kuala Lumpur.

Tawaran yang tidak diduga itu merupakan satu tuah baginya. Tetapi Tuan Adams memberikan satu syarat kepadanya. Disebabkan Ishak bekerja di negeri tempat Tuan Adams menjadi ketua, maka Ishak diwajibkan datang ke rumahnya pada tiap-tiap petang Isnin untuk membaca buku undang-undang. Ishak diarah berbuat demikian kerana masih ada satu lagi pelajaran yang Ishak belum lulus iaitu *Criminal Procedure Code*. Tuan Adams mahu Ishak lulus bab itu seberapa cepat yang boleh.

Ishak mematuhi arahan itu tetapi semasa belajar, dia tersengguk-sengguk kerana mengantuk. Ishak memang sering tidur lewat terutama pada malam minggu. Maklumlah orang muda. Keadaannya itu menyebabkan Tuan Adams beberapa kali menegurnya.

"Macam ni belajar undang-undang boleh paskah?"

"Jangan bimbang tuan. Saya mesti pas," jawab Ishak dengan penuh keyakinan.

Setelah beberapa lama belajar dan bila diadakan peperiksaan, Ishak telah lulus dengan markah yang baik. Tidak lama kemudian dia telah ditetapkan dalam jawatannya.

Sebagai Majistret Kelas Tiga, kuasa-kuasa yang diperuntukkan oleh undang-undang dan peraturan tidaklah banyak dan berat. Dalam perkara-perkara jenayah, misalnya, Ishak sebagai Majistret Kelas Tiga hanya berkuasa menjatuhkan hukuman denda tidak lebih daripada $500.00 dan hukuman penjara tidak lebih daripada enam bulan.

Dalam perkara-perkara *maliah* pula, yakni perkara hutang-piutang atau *civil matters*, Ishak hanya boleh membicarakan had nilai atau jumlah wang lima ratus ringgit sahaja.

Sebagai Majistret, Ishak diberikan susunan tugas yang perlu

dijalankannya. Pada tiap-tiap hari Isnin Ishak membicarakan kes-kes cukai tanah T.O.L. (lesen duduk sementara), dan kes-kes cukai jamban, hari Selasa kes-kes perkelahian kecil, hari Rabu kes-kes trafik, hari Khamis dan Jumaat, Ishak membicarakan kes-kes *maliah*. Kes-kes hutang-piutang banyak kerana pada masa itu mereka tidak dikenakan lesen dan mereka sangat ramai di Kuala Lumpur.

Pada hari Sabtu, Ishak tidak naik mahkamah. Dia hanya duduk di pejabat menandatangani surat-surat yang mustahak sahaja. Pada hari Sabtu, biasanya kerja tidak banyak.

# BAB DUA

## PENGALAMAN, PEMIKIRAN, DAN SIKAP PENGARANG

Ishak pernah menjadi guru di Muar, iaitu di Madrasah Haji Taib di Kampung Parit Jamil. Semasa Ishak mula-mula sampai di Muar dia menyewa sebuah bilik di Hotel Nanyang dekat dengan Pangkalan Penambang dan bersetentangan dengan Dewan Majlis Bandaran Muar.

Sewa bilik hotel waktu itu murah. Hanya tiga ringgit satu malam. Bilik yang disewakan oleh Ishak itu besar dan bersih. Ishak datang ke Muar itu dengan berbekalkan kira-kira $200.00, satu jumlah yang agak besar pada masa itu.

Belanja makan minum juga murah. Dengan dua puluh sen sahaja sudah kenyang. Boleh beli ketupat atau nasi lemak dengan air sekali.

Di Muar, Ishak tidak memperkenalkan nama sebenarnya. Dia menyamar sebagai "Ahmad Baharuddin Kasby" iaitu nama yang digunakannya ketika pergi ke Kelantan.

Semasa tinggal di Muar, Ishak telah mencatatkan beberapa hal dan peristiwa untuk menjadi bahan dan panduannya bagi menulis rencana atau buku apabila tiba masanya kelak. Ishak tiba di Muar dengan tujuan untuk mencari kerja. Tidak kira apa kerja. Dan nasibnya baik, sebuah sekolah rakyat yang bernama Madrasah Haji Taib di Kampung Parit Jamil kira-kira tujuh batu dari bandar Maharani sedang mencari seorang guru bahasa Inggeris.

Setelah menghubungi sekolah melalui kenalan, pihak sekolah telah datang menemui Ishak dan menawarkan jawatan tersebut. Ishak kemudian dibawa pindah ke Parit Jamil dan ditempatkan di sebuah asrama kecil bersama dengan beberapa orang pemuda yang belajar di sekolah itu. Salah seorang daripadanya ialah Zaiton bin Haji Alias dari Kampung Parit Kangkong. Zaiton atau Zabha akhirnya bekerja dengan

Utusan Melayu bersama-sama Ishak.

Madrasah Haji Taib itu telah didirikan dan dibiayai oleh dua orang kaya adik-beradik, Allahyarham Haji Hassan dan Haji Jaaffar bin Haji Taib. Guru besarnya pada masa itu ialah Yang Mulia Raja Yunus dari Tanjung Pinang, Riau.

Waktu itu sekolah atau Madrasah Haji Taib dianggap sebagai sebuah madrasah yang moden dan progresif. Untuk menjadi guru bahasa Inggeris, Ishak dikehendaki menjalani satu ujian oleh Pejabat Pelajaran Negeri Johor. Guru Besar Sekolah Inggeris Muar, ialah orang yang memberikan ujian kepada Ishak. Guru Besar itu bernama Tuan Taylor. Ishak dengan mudah sahaja telah lulus ujian bahasa Inggeris itu. Ishak kemudian diberikan satu sijil dan kebenaran mengajar.

Madrasah Haji Taib pada masa itu mempunyai percetakan sendiri untuk mencetak risalah. Oleh sebab Ishak memang berminat dalam penulisan, maka Ishak bersama rakan-rakan di sekolah itu telah menerbitkan sebuah majalah bulanan yang diberi nama *MASA*. Ishak telah menulis beberapa rencana dalam majalah tersebut yang berkaitan dengan politik dan agama. Ishak tinggal di Muar itu hanya setahun sahaja. Selepas itu dia mengambil keputusan untuk meninggalkan bandar yang aman dan tenteram itu untuk mengembara ke negeri-negeri yang lain pula. Dia tidak suka menetap lebih lama di satu-satu tempat walaupun dia mempunyai pekerjaan.

Pada penghujung tahun 1936, Ishak telah meminta izin daripada Haji Jaafar untuk meneruskan pengembaraannya. Dari Muar, Ishak berangkat dengan kapal menuju ke Singapura. Tambangnya pada masa itu hanya dua ringgit sahaja dan makan tanggung. Dari Singapura, Ishak menyambung perjalanannya ke Kemaman, dengan kapal juga, dan tambangnya cuma $4.00. Di Kemaman, Ishak menemui abangnya yang tua, Encik Abdul Hamid (Allahyarham) yang pada masa itu bekerja sebagai S.O. *Settlement Officer* (S.O.).

* * *

Ishak pernah dilantik sebagai majistret. Walaupun tugasnya itu tidak lama dijalankan tetapi pengalaman yang diperolehinya sebagai majistret itu sungguh menarik.

Pada tahun 1934, Tuan F.K. Wilson, Majistret Pertama Mahkamah Kuala Lumpur suatu hari telah menemui Tengku Ismail, Majistret Kedua.

Tengku Ismail dan Ishak duduk dalam satu bilik. Dalam istilah

orang-orang yang bekerja di bidang perundangan bilik itu dipanggil *Chamber* ataupun "Dewan".

Tuan Wilson datang menemui mereka untuk membincangkan satu perkara mengenai kes sepasang suami isteri yang baru bercerai dan mereka mempunyai seorang anak perempuan berumur lebih kurang lapan tahun.

Suami isteri itu berbangsa Melayu dan beragama Islam. Si suami bekerja sebagai seorang kerani di sebuah pejabat kerajaan. Kes ini ialah kes berebut anak. Si suami menuntut untuk menjaganya, manakala isteri pun membuat tuntutan yang sama. Kedua-duanya ada alasan untuk memelihara anak perempuan mereka itu.

Sebelum membuat aduan dan dakwaan di Mahkamah Majistret, kedua-duanya telah pun pergi menemui kadi Kuala Lumpur untuk mendapatkan pengesahan siapakah yang lebih layak di antara mereka untuk menjaga anak.

Dalam menceritakan kisah itu Tuan Wilson telah menyatakan pendapatnya: "Undang-undang Islam (yang dikemukakan untuk mahkamah-mahkamah kerajaan pada masa itu) tidak cukup bagi saya untuk membuat sesuatu keputusan mengenai kes itu."

Tuan Wilson telah meminta supaya Tengku Ismail mengambil alih kes itu dan menimbangkan suatu keputusan yang wajar.

Apabila Majistret Pertama itu keluar dari bilik mereka, Tengku Ismail berkata: "Sahak, kaulah cobo bicarokan hal itu. Kau orang baru. Kalau buat silap pun tak mengapo. Nanti kalau orang-orang itu tak puas hati dengan keputusan kau, dan mereka *appeal*, eden boleh tolong kau."

Tengku Ismail memang suka bercakap loghat Negeri Sembilan dengan Ishak. Ishak terdiam sejenak mendengar pendapat Tengku Ismail itu. Dahinya berkerut-kerut.

Ishak kemudian berkata, dia sanggup mengambil kes itu kalau diberikan tempoh seminggu untuk membolehkannya menelaah undang-undang yang berkenaan dan juga untuk memikirkan masalah dalam kes itu secara mendalam serta menjalankan penyiasatan tentang latar belakang mereka yang terlibat.

Tengku Ismail kemudian memanggil pasangan yang berebut anak itu supaya datang pada hari Sabtu.

"Bawalah anak kamu pada hari itu," kata Tengku Ismail mengingatkan mereka.

Dalam masa satu minggu itu Ishak membaca buku undang-undang yang dinamakan *Mohammedan Law*. Setelah Ishak membaca buku

itu dia mendapati peruntukan-peruntukan di dalamnya tidak lengkap bagi menentukan siapakah yang patut menjaga anak suami isteri yang bercerai itu, sama ada ayah atau ibunya.

Yang banyak tersebut dalam undang-undang itu ialah mengenai khalwat, definisi berkhalwat dan hukum-hukumnya.

Ishak telah memikirkan masalah itu secara mendalam. Walaupun kes itu nampaknya seperti mudah tetapi ia sebenarnya agak rumit. Ia melibatkan masa depan dan kasih sayang antara anak dan ibu bapa serta sebaliknya.

Kes ini menjadi ujian kepada Ishak yang diberikan tanggungjawab menyelesaikan dan memberikan keputusan yang seadil-adilnya.

Pada hari yang ditetapkan untuk perbicaraan kes itu, pasangan suami isteri itu pun hadirlah bersama-sama anak mereka.

Oleh sebab kes ini merupakan satu kes persendirian (private case) maka mereka diberikan keistimewaan boleh dibicarakan dalam kamar (in chambers). Memang dalam perkara-perkara tertentu para hakim boleh bertindak demikian.

Sebelum perbicaraan itu, Ishak telah menyuruh budak pejabatnya (waktu itu dipanggil peon) pergi membeli sedikit gula-gula. Gula-gula itu diletakkan atas meja bersekali dengan beberapa buah majalah.

Tengku Ismail memerhati dari jauh ragam Ishak. Dia masih belum dapat meneka apakah yang hendak dibuat oleh Ishak. Tetapi dia tidak bertanya apa-apa. Dia hanya memerhati sahaja.

Kemudian Ishak memanggil lelaki berkenaan dan menyuruhnya berdiri di satu sudut dalam kamar yang lapang itu. Kemudian si perempuan pula dipanggil dan diarahkan berdiri di satu sudut yang lain pula. Berjauhan sedikit daripada suaminya. Ishak kemudian memujuk anak perempuan pasangan itu supaya duduk dekat mejanya dan memberikannya gula-gula.

"Apa pasal awak menuntut supaya mahkamah ini menyerahkan anak ini kepada awak?" Ishak bertanya kepada isteri.

Si isteri itu kemudian menjawab:

"Sebab saya yang telah melahirkannya. Memeliharanya sejak kecil. Memberinya makan dan membasuh berak kencingnya. Ayahnya apa tahu? Pagi pergi kerja, petang baru balik. Kadang-kadang jauh malam baru balik."

Nada suara wanita itu agak marah. Suaranya meninggi.

"Tetapi tuan, pakaian dan makan minumnya saya yang mem-

belinya," jawab si suami tanpa ditanya terlebih dahulu.

"Tetapi sebelum habis edah, awak wajib beri nafkah kepada saya. Bayar sara hidup kami berdua, " sampuk si isteri dengan suara lebih lantang.

Tengku Ismail yang sedang memerhati telatah mereka tersenyum dari jauh.

Ishak mendengar pertelagahan itu dengan teliti. Dia tidak pula mencatat ke dalam buku apa-apa keterangan kecuali nombor saman, tarikh dan orang-orang yang terlibat.

Ishak menahan dirinya daripada membuat sebarang komen atau ulasan tentang pertelagahan suami isteri itu. Ishak tidak memikirkan sangat tentang nasib kedua-duanya. Yang difikirkan ialah nasib anak itu. Anak kecil itu cantik dan cerdik.

Ishak kemudian bercakap dengan anak kecil itu. Dia bertanya anak kecil itu:

"Anak sayang siapa? Emak atau ayah?"

Anak kecil itu terpinga-pinga. Dia merenung Ishak lama-lama. Kemudian dia menoleh ke arah bapa dan ibunya.

"Sama-sama sayang ....," jawabnya bersahaja tetapi jelas.

"Tetapi sayang pada emak lebih baikkah atau sayang pada bapak?" Ishak mengusul lagi, "Jangan takut-takut ...."

Anak comel itu sekali lagi diam sebentar. Merenung lagi wajah Ishak. Dan kemudiannya menoleh ke arah ibunya.

"Sayang mak lebih sikit," jawabnya berterus terang.

"Apa pasal?"

"Sebab bapa tak manjakan saya. Dia, malam-malam baru balik. Pagi-pagi sudah pergi kerja," beritahu anak itu.

Daripada jawapan itu Ishak mengagak yang anak itu telah diajar oleh ibunya untuk memberikan jawapan yang demikian. Memang ada kes-kes seperti itu di mana si ibu akan mengajarnya menjawab seperti yang dikehendakinya untuk membenarkan cakap-cakapnya.

Akhirnya setelah memikirkan dengan mendalam, Ishak pun memberikan keputusannya. Anak itu diserahkan kepada jagaan ibunya tetapi dengan satu syarat, "Kalau pada petang minggu atau hari cuti, si bapa datang hendak mengambil anaknya untuk dibawa makan-makan atau bersiar-siar dan kemudian bermalam di rumahnya, si ibu tidak boleh menahan ...."

Muslihat Ishak membuat keputusan begitu ialah dengan harapan mereka akan berbaik semula. Dan anak sebagai orang perantaraan. Dia

mengharapkan apabila si bapa datang hendak mengambil anaknya keluar berjalan-jalan, si anak sudah tentu akan menyuruh membawa emaknya sekali, dan lama-kelamaan, oleh sebab kerap datang, tidak mustahil pula bagi isteri akan menjemput bekas suaminya itu naik ke rumah dan menyediakan minuman. Dari situ berkemungkinan mereka akan memikirkan semula masalah mereka itu.

Dan muslihat yang diputuskan oleh Ishak itu terkabul. Melalui anak itu mereka sering bertemu dan akhirnya mengambil keputusan untuk berbaik-baik semula. Hal ini diketahui oleh Ishak apabila pasangan itu kemudiannya datang ke mahkamah untuk memberitahu Ishak yang mereka sudah berbaik-baik semula.

"Kami telah rujuk kembali," beritahu si suami kepada Ishak ketika mereka datang menemuinya.

Hidup mereka lebih bahagia. Dan si anak kecil itu tidaklah lagi kehilangan kasih sayang.

Tengku Ismail memuji Ishak mengenai kes itu.

*"You are very clever,"* kata Tengku Ismail selepas pasangan suami isteri itu pulang.

Dan kes ini merupakan ujian kepada Ishak sebagai seorang majistret dan tidak mudah untuk dilupakannya.

* * *

Kuala Lumpur pada tahun-tahun 30-an sudah pun diangkat menjadi Kepala Negeri-Negeri Bersekutu. Walaupun statusnya sebagai ibu negeri tetapi bandarnya kecil sahaja. Terdapat bangunan-bangunan kedai yang diperbuat daripada kayu. Penduduknya pun belum ramai.

Di jalan-jalan rayanya belumlah ada lampu isyarat. Yang menjaga lalulintas ialah mata-mata (sekarang polis). Di antara jalan-jalan raya di Kuala Lumpur yang sering dikawal oleh mata-mata ialah persimpangan Jalan Campbell – Jalan Tuanku Abdul Rahman, di depan panggung Odeon.

Mata-mata yang mengawal lalulintas itu akan berdiri di atas tong minyak dan menggunakan kedua-dua belah tangannya untuk memberikan isyarat "jalan" atau "berhenti" kepada lalulintas. Kedua-dua belah tangan mata-mata itu dipakaikan sayap rotan.

Jalan Tuanku Abdul Rahman (dahulunya Batu Road) sudah pun menjadi kawasan pusat membeli-belah. Penghuni-penghuni Kuala Lumpur baik yang tinggal berdekatan atau jauh akan bertumpu ke situ untuk membeli barang-barang keperluan. Orang-orang dari luar Kuala

Lumpur pun bertumpu ke situ.

Tempat orang ramai makan minum ialah di Jalan Melaka. Pada masa itu terdapat banyak orang yang menjual aneka makanan.

Di Jalan Klyne pula berpusatnya pejabat-pejabat kerajaan. Di sinilah terletaknya pejabat para peguam, penaksir tanah (estate valuers and appraisers), tukang-tukang lelong yang berlesen (licenced auctioners), tukang-tukang pelan dan sebagainya. Jalan Klyne berhampiran dengan Bukit Mahkamah. Sekarang Bukit Mahkamah sudah bertukar wajah. Sudah terdiri bangunan Maybank yang indah tersergam.

Kuala Lumpur pada masa itu ditadbir oleh satu majlis yang dinamakan *Sanitary Board* atau "Lembaga Kesihatan", diketui oleh seorang Pengerusi (Chairman).

Lalulintas di Kuala Lumpur pada masa itu bukanlah kenderaan-kenderaan beroda empat seperti kereta, bas atau lori. Kalau ada pun hanya sedikit sahaja. Yang banyaknya ialah basikal.

Kebanyakan kes lalulintas yang dibawa ke mahkamah pun melibatkan penunggang basikal yang pada waktu malam tidak memasang lampu. Apa yang sering diperiksa oleh mata-mata waktu itu ialah brek-brek yang tidak berfungsi, tidak pasang lampu, tayar-tayar yang tiada bunga dan lain-lain.

Kesalahan-kesalahan kecil ini kalau dibawa ke mahkamah, dan jika didapati bersalah, dendanya hanya $5.00 tetapi yang biasanya dikenakan hanya $2.00 atau $1.50 sahaja termasuk belanja hantar surat saman. Jumlah itu amat kecil pada masa sekarang tetapi dianggap besar pada masa itu.

Kes-kes kecil seperti inilah yang sering dibicarakan oleh Ishak sebagai Majistret Kelas Tiga.

Jika membicarakan kes-kes yang melibatkan penunggang basikal, Ishak sering menyoal mata-mata dengan soalan: "Adakah pada hari dan masa menangkap orang itu, hujan turun lebat?"

Kalau mata-mata itu tidak dapat menerangkan dengan jelas sama ada pada hari dia menangkap penunggang basikal itu hujan atau tidak, Ishak akan membebaskan orang yang didakwa itu. Alasan Ishak senang sahaja. Kalau hujan, lampu-lampu basikal yang berulang-alik di jalan raya itu mestilah padam, sebab sumbunya basah. Kes-kes basikal tidak pasang lampu dan berbagai-bagai lagi memang banyak. Setiap hari kes-kesnya hampir serupa. Selain itu terdapat banyak lagi kes lain seperti tak bayar lesen sementara tanah (T.O.L.), peraih atau peniaga-peniaga kecil yang tidak bayar lesen, pengemis-pengemis dan lain-lain.

Kes-kes ini, walaupun kecil, tetapi tersangat banyak jumlahnya memberikan banyak pengalaman kepada Ishak.

Pada suatu hari, Ishak menghadapi kes yang agak serius sedikit. Pihak Majlis Bandaran Kuala Lumpur telah membuat permohonan supaya mahkamah mengeluarkan perintah untuk merobohkan sebuah rumah kedai di Jalan Klyne.

Sebelum mahkamah mengeluarkan perintah meroboh (Order of Demolition) maka pihak yang memohon (Sanitary Board) hendaklah memberikan sebab-sebab yang munasabah, yang patut dan sesuai dengan kepentingan umum, mengapa rumah atau bangunan itu perlu dirobohkan. Kalau perlu, apakah tujuan membuat permohonan itu perlu dijelaskan juga.

Sebelum memanggil pihak yang terlibat untuk didengar kesnya di mahkamah, Ishak telah mengadakan rundingan terlebih dahulu dengan kerani-kerani dan jurubahasa-jurubahasa mahkamah.

Pada hari yang ditetapkan untuk mendengar kes itu, Ishak diberitahu bahawa pengawai *Sanitary Board* yang akan membentangkan kes itu ialah seorang Pegawai Inggeris bernama Dutton. Pangkatnya ialah *Chief Sanitary Inspector*. Dia mempunyai ijazah dari Institut Reka Bentuk di England (Royal Architecture Society). Pendeknya beliau ialah seorang pakar bangunan. Tahu aspek-aspek yang berkaitan dengan bangunan.

Pegawai tersebut, Tuan Dutton telah membentangkan dengan panjang lebar sebab-sebab bangunan tersebut perlu dirobohkan.

Katanya, "Saya telah melakukan lawatan untuk memeriksa bangunan tersebut. Saya dapati tiang-tiangnya banyak yang condong. Dinding-dindingnya retak di sana sini. Pada pendapat saya bangunan itu boleh runtuh pada bila-bila masa sahaja. Dan ini akan membahayakan orang ramai."

"Saya juga dapati bangunan itu tidak mempunyai cukup lubang-lubang udara. Tidak cukup saluran air. Dan atas sebab-sebab itu saya berpendapat rumah itu tidak sesuai dihuni oleh manusia."

"Berdasarkan sebab-sebab inilah *Sanitary Board* merayu supaya mahkamah mengeluarkan perintah merobohkan bangunan itu ...."

Ishak mendengar dengan teliti alasan-alasan yang dikemukakan oleh Tuan Dutton.

Selepas berfikir sebentar, Ishak kemudian bertanya kepada pegawai Inggeris itu:

"Yang engkau katakan bangunan itu tidak layak diduduki oleh

manusia, saya ingin bertanya, manusia yang macam mana engkau maksudkan. Adakah maksud kau itu, orang-orang asli, kuli-kuli atau manusia macam engkau ini?"

Tuan Dutton tergamam dengan pertanyaan itu tetapi dia menjawab, "Bagi semua jenis dan peringkat manusia."

Selepas itu Ishak bertanyakan pendapat Tuan Dutton mengenai satu menara condong yang telah beratus-ratus tahun tidak roboh dan dianggap sebagai salah satu daripada tujuh benda ajaib di dunia.

Menara condong itu terletak di Bandar Pisa dalam wilayah Tuscany, Itali. Ia menjadi tumpuan pelancong seluruh dunia.

"Bolehkah awak terangkan kepada saya apakah sebab-sebabnya menara condong itu tidak runtuh?" Ishak bertanya.

Tuan Dutton terpinga-pinga. Dia sama sekali tidak menyangka yang Ishak akan bertanya soalan tersebut kepadanya. Dia serba salah. Berkerut-kerut dahinya.

Akhirnya Tuan Dutton dengan wajah merah padam berkata: "Berikanlah saya tempoh seminggu tuan. Saya mahu menelaah buku-buku terlebih dahulu sebelum memberikan jawapan."

Ishak tersenyum mendengar permintaan Tuan Dutton itu. Dia kemudian berkata: "Permintaan tangguh seminggu dibenarkan. Sekarang mahkamah ditangguhkan ...."

Selepas seminggu kemudian, tanpa diduga oleh Ishak, pihak *Sanitary Board* telah memberitahu mahkamah bahawa pihak mereka telah mengambil keputusan untuk menarik balik permohonan itu.

Ishak tersenyum panjang dengan keputusan *Sanitary Board* itu. Dia tidak menduga lembaga itu akan mengambil keputusan sedemikian. Apa yang ditunggunya ialah jawapan Tuan Dutton mengenai pertanyaannya itu.

Dengan keputusan yang dibuat oleh *Sanitary Board* itu bermakna Ishak tidak perlu lagi memutuskan sama ada bangunan itu perlu dirobohkan atau tidak. Bangunan itu terus kekal di situ. Dan Ishak tersenyum sendirian dengan keputusan yang dibuat oleh Tuan Dutton yang berkemungkinan tidak berupaya memberikan jawapan yang tepat kepada soalannya yang dianggap oleh kebanyakan orang sebagai aneh itu.

* * *

Berhampiran dengan Bukit Nanas tinggal seorang Pegawai Tinggi berbangsa Inggeris. Pegawai itu menghidap penyakit urat saraf. Dalam

bahasa Inggeris penyakitnya itu dinamakan *chronic neurosis*.

Penyakit ini telah menyebabkan pegawai Inggeris itu tidak boleh mendengar bunyi bising seperti bunyi gendang, gong dan sebagainya.

Tidak berapa jauh dari bukit itu, iaitu di suatu tanah lapang antara Jalan campbell dan Hotel Eastern terletak sebuah taman hiburan yang dinamakan *Merry World* iaitu taman hiburan yang pertama di Kuala Lumpur. Selepas itu barulah ada *Lucky Park* dan *Bukit Bintang Park*.

Pada zaman penjajahan Inggeris, taman-taman hiburan itu sentiasa dikunjungi oleh orang ramai, termasuk juga Ishak.

Pada tiap-tiap malam kedengaran riuh-rendah bunyi bising pengunjung dan muzik dari taman *Merry World* itu. Macam-macam bunyi boleh didengar. Bunyi orang bersorak. Bunyi gendang joget. Bunyi gendang cina, congcang-congceng. Bunyi manusia dan macam-macam bunyi lain lagi.

Bunyi-bunyi ini sedikit sebanyak telah mengganggu penghuni-penghuni di sekeliling terutama mereka yang tidak gemar berkunjung ke taman hiburan itu. Pegawai Inggeris itu adalah di antara orang yang paling benci mendengar bunyi bising itu. Yang paling dibencinya ialah mendengar gendang joget. Berdenyut-denyut telinganya. Dia menyumpah-nyumpah bukan main banyak lagi.

Pada suatu hari tanpa diduga, pihak *Sanitary Board* telah mengeluarkan saman ke atas joget Melayu dan wayang Cina. Saman itu dikeluarkan atas arahan pegawai tinggi Inggeris itu kerana dia memang tidak suka bunyi-bunyi yang bising itu.

Alasan yang diberikannya ialah bunyi itu mengganggu ketenteraman orang ramai atau dalam bahasa Inggeris dikatakan *for creating nuisance*, iaitu satu kesalahan di bawah undang-undang kesalahan-kesalahan kecil atau dalam bahasa Inggerisnya dipanggil *under the minor offences enactment*.

Kes ini merupakan satu kes yang kecil sahaja. Kalau didapati salah hanya boleh dihukum denda tidak lebih daripada lima puluh ringgit sahaja. Oleh sebab kes ini kecil sahaja maka ia termasuk di bawah pembicaraan Ishak.

Saman ke atas wayang Cina ialah kerana melanggar syarat tidak boleh menggunakan simbol yang diperbuat daripada tembaga. Syarat itu ada tertulis di belakang lesen yang telah dikeluarkan oleh pihak *Sanitary Board*.

Tetapi wayang Cina itu telah menggunakan sepasang simbol yang diperbuat daripada zink yang bunyinya lebih kurang sama dengan yang

dibuat daripada tembaga.

Kes ini berlaku kira-kira pada tahun 1935.

Ishak sendiri sebenarnya amat berminat dengan joget dan bangsawan, begitu juga dengan wayang Cina.

Pada hari perbicaraan itu, Ishak telah mendengar keterangan-keterangan yang diberikan oleh *Sanitary Board*.

Ishak telah mendengarnya dengan teliti. Selepas habis keterangan yang diberikan oleh *Sanitary Board* itu, Ishak telah memikirkan beberapa aspek terutama hal-hal yang berkaitan dengan undang-undang, kepentingan orang ramai dan implikasi-implikasi yang kurang sihat yang mungkin timbul kemudian nanti.

Setelah memikirkan dan mengkaji dari pelbagai sudut, Ishak akhirnya mengambil keputusan menolak dakwaan itu. Penolakan Ishak telah memeranjatkan pihak *Sanitary Board* terutama pegawai Inggeris yang membuat aduan itu.

Ishak memberikan alasan-alasannya mengenai penolakannya itu seperti berikut:

Pertama, kalau betul bunyi-bunyi (muzik dan kebisingan orang ramai) dari taman hiburan itu melampaui dan kerana itu menyebabkan berlakunya gangguan ketenteraman orang ramai, maka mengapakah hanya satu orang sahaja – iaitu pegawai Inggeris itu yang membuat aduan. Orang lain tidak.

Kedua, pada pendapat dan dalam pengetahuan Ishak, undang-undang belum pernah dikanunkan dengan tujuan hendak menghapuskan kebudayaan satu-satu kaum atau bangsa.

Jadi, pada pendapat Ishak, joget Melayu, tanpa gong dan gendang bukanlah joget Melayu yang sebenarnya iaitu yang asli.

Dan wayang Cina yang tidak menggunakan sepasang simbol iaitu selain alat-alat yang lazim digunakan bukanlah wayang Cina yang tulen atau yang lengkap.

Berdasarkan alasan-alasan tersebut, Ishak dengan penuh yakin telah membuang kes itu.

Orang ramai tidak membantah keputusan Ishak itu, malah ramai yang menganggapnya sebagai suatu keputusan yang wajar dan tepat.

Ishak disifatkan oleh orang ramai telah memberikan keputusan yang adil, tetapi pihak pendakwa telah tidak senang hati dengan keputusan yang dibuat oleh Ishak itu. Beberapa hari selepas itu pihak pendakwa telah membuat permintaan ulang bicara di mahkamah yang lebih tinggi. Mereka tidak berpuas hati.

Ishak sedikit pun tidak merasa gentar dengan permintaan untuk diulang bicara itu. Dia tetap yakin dengan keputusannya yang dibuat dengan saksama untuk kepentingan orang ramai.

Dalam satu-satu kes ulang bicara, hakim yang telah memutuskan satu-satu perkara yang hendak diulang bicara tidaklah perlu hadir di mahkamah yang mengadakan ulang bicara itu. Ishak hanya diwajibkan memberikan alasan-alasan bertulis (grounds of judgement) kepada mahkamah yang lebih tinggi yang akan mendengar dan memutuskan rayuan ulang bicara itu.

Ishak telah memberikan alasan-alasan sama seperti yang telah diputuskan dalam perbicaraannya itu. Ishak menegaskan bahawa undang-undang tidak harus digunakan untuk menghapuskan kebudayaan sesuatu kaum atau bangsa, khususnya dalam tanah-tanah jajahan.

Keputusan hakim yang mendengar ulang bicara itu telah memeranjatkan ramai orang terutama pegawai-pegawai kerajaan pada masa itu terutamanya pegawai-pegawai Inggeris. Dalam menyampaikan keputusannya hakim telah menerima alasan-alasan yang telah diberikan oleh Ishak mengenai kes gendang joget dan wayang Cina.

Keputusan hakim menerima alasan-alasan yang dikemukakan oleh Ishak itu menyebabkan orang ramai memuji-muji Ishak dan menyifatkannya sebagai seorang majistret yang berani. Nama Ishak sebagai seorang majistret muda yang tegas dan berani mula dikenali ramai.

Oleh sebab Ishak telah menunjukkan khidmat yang cemerlang dalam bidang majistret itu, dia telah dinaikkan gaji dan pangkat oleh pihak pentadbir British. Tetapi perangai Ishak yang suka bebas dan tidak suka terkongkong menyebabkan dia tidak menumpukan sepenuhnya minat terhadap kerjayanya. Tuan T.S. Adams sering menasihatinya supaya menjaga martabat dan maruah.

Nasihat T.S. Adams kepada Ishak ialah kalau pergi menonton mesti duduk di tempat kelas pertama. Jangan sekali-kali duduk di tangga kambing. Kalau berpakaian mesti kemas dan lengkap. Jika berpakaian baju Melayu mesti pakai samping dan songkok. Kalau berpakaian kemeja mesti pakai tali leher.

Dalam hal mencari isteri pun Tuan T.S. Adams memberikan nasihat dan garis panduan kepada Ishak: mesti cari anak orang-orang atasan. Tak boleh pilih sembarangan.

"Kalau Ishak nak beristeri, saya boleh cari anak seorang Datuk di Kelang," ujar T.S. Adams kepada Ishak.

Ishak hanya tersenyum dan menggeleng-gelengkan kepalanya. "Saya belum nak beristeri lagi," jawabnya selamba.

* * *

Pada tahun 1936, Ishak pertama kali menjejakkan kaki di Kemaman, Terengganu. Bandar bagi Kemaman ialah Chukai. Kemaman lebih terkenal sebagai perkampungan nelayan yang ramai penduduknya.

Pada waktu itu Kuala Kemaman menjadi tempat keluar masuk kapal-kapal dagang dari merata negara. Kebanyakan kapal yang berulang-alik di Pantai Timur terutamanya dari Singapura ke Bangkok boleh masuk dan berlabuh di pelabuhan Chukai. Pada waktu itu airnya dalam tidak cetek seperti sekarang.

Di Kampung Macang, sebelah Hulu Sungai Kemaman terdapat sebuah lombong bijih besi yang besar. Lombong ini diusahakan oleh sebuah syarikat Jepun yang nama ringkasnya ialah "I.S.K.". Di sebelah hulunya lagi, iaitu di Kampung Bandi terdapat pula sebuah lombong bijih timah yang diusahakan oleh seorang saudagar Cina dari Singapura yang dikenali dengan nama Ah Hong.

Dua perusahaan ini menjadi nadi bagi Kemaman. Ramai orang datang mencari kerja di kedua-dua buah lombong itu.

Pada masa itu abang Ishak yang tua, Allahyarham Abdul Hamid bekerja sebagai *Settlement Officer* (S.O.) di Kemaman bersama dengan beberapa oramg lain termasuk Allahyarham Encik Dahlan, berasal dari Negeri Sembilan, dan Allahyarham Syed Hamzah dari Pulau Pinang.

Allahyarham Syed Hamzah sangat tertarik dengan cita-cita Ishak hendak menjadi pengarang kerana dia sendiri bercita-cita untuk menceburkan diri dalam bidang penulisan. Atas galakan Ishak, Syed Hamzah telah berjaya menulis sebuah buku cerita (novel) dalam tulisan Jawi. Syed Hamzah kemudiannya telah lulus ilmu undang-undang dan telah dinaikkan pangkat menjadi D.P.P. (Timbalan Pendakwa Raya) bagi negeri Terengganu dan Kelantan. Syed Hamzah telah menjadi hakim di Mahkamah Tengah Kota Bharu, Kelantan dan kemudiannya meninggal dunia di sana.

Atas galakan kawan-kawannya itu Ishak telah memohon lesen peguam (pleader) semasa di Kemaman. Lesen itu telah dipohon daripada kerajaan negeri Terengganu. Selepas membuat permohonan Ishak telah dipanggil ke Kuala Terengganu untuk satu ujian oleh Jabatan "Perdana Menteri" kerajaan Terengganu pada masa itu. Ishak

telah lulus ujian itu dan dikenakan bayaran sebanyak $50.00 untuk mendapatkan lesen menjadi seorang peguam selama enam bulan. Selepas itu dia kena perbaharui balik.

Untuk menjalankan kerja-kerja guamannya di Kemaman itu, Ishak telah menyewa sebuah rumah kedai kayu di Jalan Kampung Tengah sebanyak $6.00 sebulan.

Di samping menjadi peguam, Ishak juga bertugas secara sambilan sebagai pemberita khas dengan harian *Warta Malaya, Warta Ahad* dan *Warta Jenaka* dan juga wakil penjual akhbar-akhbar tersebut.

Ruang kedai sewaannya agak lapang. Jadi Ishak telah membenarkan dua orang bawahnya yang berasal dari Sumatera membuka kedai songkok.

Ishak tinggal di sebuah rumah kayu cengal di Jalan Penghiburan dengan kadar sewa sebanyak $12.00 sebulan.

Pada masa itu belum ada air paip. Jadi penduduk-penduduk Kemaman menggunakan air perigi. Di tiap-tiap buah rumah akan dibina sebuah perigi untuk kegunaan minuman dan membasuh.

Telaga-telaga yang dibina itu kebanyakannya menggunakan palung simen. Di Kemaman waktu itu terdapat seorang pembuat palung simen bernama Umar. Daripadanyalah orang-orang kampung menempah palung simen untuk digunakan pada perigi atau telaga masing-masing.

Orang harapan Ishak di pejabatnya ialah Wan Awang. Dialah yang membantu kerja-kerja Ishak di pejabat. Wan Awang tidak pandai menulis. Tugasnya ialah menghantar surat-surat, menjaga pejabat, mengutip wang dan lain-lain. Ishak menaruh kepercayaan penuh kepada Wan Awang. Pembantunya ini suka memakai seluar pendek, stoking panjang, baju kemeja lengan pendek, bertopi (cock hat) dan apabila berjalan dia menggunakan tongkat. Pakaian itu merupakan identiti Wan Awang ataupun setengah-setengah orang memanggilnya Pak Awang, macam orang putih.

Ishak sendiri memakai pakaian Melayu biasa. Baju Melayu teluk belanga. Kadang-kadang memakai kain batik dan berbaju singlet macam pakaian kaum nelayan. Di Terengganu kain batik bukan saja dipakai oleh kaum perempuan, orang lelaki pun memakainya juga.

Di Kemaman, Ishak banyak berkawan dengan kaum nelayan. Dia ikut cara hidup nelayan. Sebab itu dia banyak tahu fasal nelayan. Banyak masanya dihabiskan bersama-sama kaum nelayan. Pada malam hari, dia akan ikut pemuda-pemuda kaum nelayan merayau-rayau di

pekan Kemaman atau di kampung-kampung.

Di pejabat, bila tidak banyak kerja yang hendak dibuat, tidak ada perbicaraan di mahkamah, tidak ada surat-surat yang hendak ditulis, Ishak menterjemahkan rencana-rencana yang difikirkan berguna untuk disiarkan dalam *Warta Malaya, Warta Ahad* dan *Warta Jenaka* daripada majalah-majalah berbahasa Inggeris seperti: *The Strand Magazine, The Wide World Magazine, The Punch, Tit-Bits, The Illustrated London News,* dan lain-lain.

Dalam *Warta Ahad* ada ruangan khas untuk Ishak menulis berjudul: "Hal-hal Siasah dari Timur dan Barat". Pada masa itu "siasah" ertinya politik.

Perkenalannya dengan kaum nelayan telah mendorong Ishak menulis banyak kisah nelayan. Berita-berita ganjil juga turut ditulisnya. Mengenai letak Masjik Jamek Kemaman yang terlalu dekat dengan belakang kedai-kedai dan jamban-jamban pun ditulisnya.

Dalam tulisannya itu Ishak telah mencadangkan agar satu tembok batu dibina untuk menutup masjid itu daripada bau atau pandangan yang menjijikkan itu.

Rencananya mengenai masjid itu telah tersiar dalam *Warta Ahad* sepenuhnya. Tujuan Ishak menulis mengenai masjid itu dan memberikan pandangannya adalah untuk kebaikan agama dan umat Islam sendiri. Tetapi pihak kerajaan Terengganu berpendapat sebaliknya. Mereka berpendapat penyiaran rencana itu sebagai memalukan mereka. Akibatnya, lesen peguam Ishak telah ditarik balik dan bayaran lesen $50.00 telah dikembalikan bayarannya semula.

Ishak terkejut dengan tindakan tersebut tetapi apa yang dapat dilakukan lagi.

Apabila lesen guamannya ditarik balik bermakna mata pencariannya sudah tertutup. Ishak lalu mengembara ke rantau-rantau lain di Pantai Timur seperti ke Kuantan dan Pekan, Pahang, Dungun, Kuala Terengganu, Besut dan lain-lain. Selepas merantau ke tempat-tempat tersebut dengan mencatat perkara-perkara yang diperlukannya sepanjang penjelajahan itu, Ishak balik semula ke Kemaman.

Kerja Ishak sebagai pemberita terhenti sebentar kerana kerajaan negeri Terengganu masa itu telah menyekat kemasukan *Warta Malaya* ke negeri itu. Kerajaan negeri-negeri Melayu pada masa itu sangat sensitif dan pantang dikritik atau ditegur sesuatu perkara yang berkaitan dengan kerajaan.

Dalam tahun 1937, kira-kira dalam bulan September, Ishak telah

meninggalkan Kemaman, belayar naik kapal menuju ke Singapura. Pada 24 September 1937, mula bekerja dengan *Berita Malaya* sebagai Pembantu Pengarang.

Jepun yang mahu menguasai Asia dan menubuhkan negara "Asia untuk Asia" akhirnya berjaya menawan Tanah Melayu dan Singapura.

Setelah penaklukan Jepun, iaitu pada 15 Februari 1942, pemerintahan Jepun telah membebaskan orang-orang tahanan Kesatuan Melayu Muda (K.M.M.) termasuklah Ishak sendiri.

Sebelum meletus Perang Dunia Kedua, iaitu semenjak 1937, Ishak sudah pun berada di Singapura. Sebelum penaklukan Jepun, Singapura menjadi pusat pemerintahan Inggeris bagi Tenggara Asia dan Timur Jauh.

Ishak pada waktu itu bekerja dengan *Warta Malaya* akhbar harian berbahasa Melayu dalam tulisan Jawi. Syarikat Warta Malaya dipunyai oleh orang Arab Singapura yang juga menerbitkan dua buah majalah mingguan dalam tulisan Jawi iaitu *Warta Ahad* dan *Warta Jenaka*. Pada masa itu orang-orang kaya dan berharta kebanyakannya terdiri daripada orang-orang Arab atau orang-orang keturunan Arab.

Semasa di Singapura, baik semasa pemerintahan Inggeris atau selepas Jepun berjaya menawan Pulau Temasik itu, Ishak terpaksa melalui pelbagai pengalaman pahit dan maung.

Lebih kurang enam bulan sebelum tentera Jepun menyerahkan Tanah Melayu, Ishak telah ditangkap oleh Polis Rahsia (Special Branch) Inggeris atas tuduhan terlibat dalam gerakan anti-Inggeris dan pro-Jepun. Turut ditangkap bersamanya ialah Ibrahim Haji Yaakub, Onan Haji Siraj, Hassan Manan dan Karim Rashid.

Ishak dan rakan-rakannya telah dikurung oleh Inggeris di Penjara Sepoi Lines atau Outram Road Prison. Alasan penjajah Inggeris menangkap mereka ialah kerana mereka disyaki menjalankan kegiatan pro-Jepun.

Yang sebenarnya, kata Ishak, itu cuma tipu helah Inggeris sahaja. Mereka yang ditangkap itu terdiri daripada anggota dan penyokong-penyokong K.M.M.

"Kami sebenarnya antipenjajah, tak kira Inggeris, Jepun atau mana-mana bangsa yang hendak menjajah bangsa kami," tegas Ishak.

Bagi Ishak dan rakan-rakannya, kedua-dua penjajah itu, Inggeris dan Jepun adalah musuh yang perlu dikeluarkan dari tanah airnya. Dan mereka berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan bagi negaranya yang tercinta.

Semasa dalam penjara, Ishak dikenakan memakai baju dan seluar penjara. Makan minum, mandi-manda dan tidur baring sebagai banduan, terpisah daripada ibu bapa, kaum keluarga, sahabat-handai, tetapi sebagai "anak-anak jantan" dan "pemuda berdarah wira", Ishak dan rakan-rakannya tidak meratap atau merintih dengan penahanan tersebut. Mereka tabah menahan ujian dan seksaan. Mereka bertawakal kepada Allah.

Ishak dan rakan-rakannya dalam penjara itu telah terputus dengan dunia luar sama sekali. Mereka tidak mendengar dentam-dentum senapang dan meriam. Bunyi kapal terbang pun jarang didengar oleh mereka. Yang mereka pandang setiap hari dalam penjara itu ialah rakan-rakan yang sama-sama ditahan, para pengawal dan tembok batu yang tebal dan membosankan.

Dalam penjara itu mereka tidak dibekalkan radio, akhbar, majalah dan lain-lain. Tidak ada apa yang hendak didengar dan dibaca. Yang tahu apa yang berlaku di luar mungkin para pegawai penjara itu sahaja tetapi malangnya mereka ditegah daripada bercakap atau berbual-bual dengan orang-orang tahanan. Mereka amat rindu untuk mengetahui berita di luar tetapi hampa.

Kira-kira dua minggu sebelum tentera Jepun melanggar Singapura (Kota Singa atau Lion City atau Temasik), Ishak dan rakan-rakannya mendapat berita bahawa dua buah kapal perang besar Inggeris iaitu "Prince of Wales" dan "Repulse" ditenggelamkan oleh kapal terbang Angkatan udara Dai Nippon oleh pahlawan-pahlawan Kamikaze (berani mati) bangsa Jepun.

Beberapa hari selepas itu barulah mereka mendengar bunyi tembakan di sana sini dan dentuman bunyi bom dan kilat-kilau senjata. Serangan sudah bermula.

Rumah-rumah dalam penjara yang diperbuat daripada batu bata yang kukuh itu dengan dinding-dinding tebal terasa bergegar oleh letupan bom-bom yang dimuntahkan oleh kapal-kapal terbang dan tembakan-tembakan meriam.

Tentera-tentera Jepun menyerbu Singapura dari Johor. Kemaraan tentera Jepun macam semut, mengasak dan melanda tanpa takut mati.

Pegawai-pegawai kulit putih yang bertugas di penjara Outram Road menjadi kelam-kabut. Mereka ketakutan. Mulalah mereka menyerah duit, harta benda dan pakaian kepada banduan-banduan di penjara itu menyuruh mereka keluar.

Ishak adalah salah seorang daripada banduan yang disuruh keluar

itu. Pegawai-pegawai Inggeris yang kelam-kabut itu juga melarikan diri untuk menyelamatkan nyawa masing-masing.

Setelah berlangsung pertempuran yang hebat, akhirnya tentera Inggeris menyerah kalah. Mereka tidak terdaya lagi hendak melawan tentera Jepun yang mengasak hebat itu.

Tentera-tentera Jepun itu berjuang dengan cogan kata "Berani Mati". Ternyata cogan kata atau moto yang dipegang oleh mereka itu membuatkan mereka lebih berani dan berjaya mengalahkan askar-askar Inggeris yang sebelum ini dianggap lebih hebat dan gegah.

Setelah Jepun memerintah Singapura, namanya diubah menjadi "Syonan-To" dan bermulalah pemerintahan Jepun di Singapura dan Semenanjung Tanah Melayu. Zaman pahit pun bermula. dan Ishak terpaksa melalui zaman itu dengan tabah dan semangat berani.

Kira-kira tujuh hari sebelum peperangan Asia Timur Raya berakhir, Ishak bersama tahanan-tahanan dalam Penjara Outram telah melihat beberapa kebakaran besar berlaku di Singapura. Mereka melihat dari ruang-ruang jendela dan jerejak-jerejak besi dalam penjara, asap-asap hitam terbang ke ruang angkasa.

Dari dalam penjara itu juga mereka mendengar bunyi tembakan mesin-gan dan senapang. Mereka terkejut mendengar letupan beberapa butir bom yang digugurkan oleh kapal terbang Jepun berhampiran dengan penjara tersebut. Mereka menjadi panik dan kelam-kabut. Ada setengah-setengahnya menggigil ketakutan dan muka pucat-lesi, dihiris tidak berdarah.

Tidak kurang juga yang mengeluarkan surah Yasin dan membacanya tanpa menghiraukan orang lain lagi.

Ishak dan orang-orang tahanan di penjara itu diberitahu bahawa yang berperang bersungguh-sungguh menentang Jepun itu ialah askar-askar Melayu. Pertempuran hebat berlaku di Pasir Laba, Pasir Panjang, Bona Vista Road, Kampung Batu Belajar dan di Alexander.

Penghuni Singapura berada dalam ketakutan, lebih-lebih lagi Ishak dan rakan-rakannya yang dalam Penjara Outram itu. Kira-kira seminggu kemudiannya, mereka mendapat tahu tangki-tangki minyak di Bukit Timah, di Pulau Belakang Mati dan lain-lain telah terbakar.

Api menjulang ke awan. Asap hitam berkepul-kepul. Bunyi letupan memeranjatkan penghuni-penghuni yang tinggal berhampiran. Ramai yang panik. Dan tidak kurang juga yang mencari perlindungan. Singapura terbakar. Suasana amat kecoh sekali.

Pegawai-pegawai kulit putih yang mengawal orang-orang tahanan

dalam penjara itu juga ketakutan. Mereka pun ingin menyelamatkan diri masing-masing. Mereka memberitahu orang-orang tahanan itu kesemuanya akan dibebaskan. Mereka telah mengeluarkan duit dan barang-barang berharga untuk diserahkan kepada orang-orang tahanan itu. Mana yang boleh mereka bawa sendiri akan mereka bawa bersama.

Bersama-sama Ishak dalam penjara itu ialah beberapa orang anggota Kesatuan Melayu Muda (KMM). Dalam keadaan haru-biru itu Ishak memerintahkan orang-orang KMM berkumpul di luar kerana dia hendak membilang berapakah jumlah kesemuanya. Selepas mengira jumlahnya, Ishak memerintahkan mereka berpecah kepada beberapa kumpulan. Satu kumpulan mengandungi sepuluh orang.

Dari Penjara Outram itu mereka tidak boleh berjalan melalui jalan yang sama. Mereka mesti mengikut jalan yang berasingan. Kalau ditakdirkan terkena bom atau tembakan, tidaklah semua akan menjadi mangsa. Keadaan amat kelam-kabut.

Tempat yang mereka tuju ialah Pejabat Warta Malaya di Cecil Street.

"Jangan takut-takut. Berhati-hati. Tuhan akan melindungi kita," demikian pesan Ishak kepada orang-orang yang seangkatan dengannya itu.

Mereka sebenarnya dalam keadaan letih dan lapar. Ishak bersama-sama pasukannya sepatutnya ikut jalan pintas, iaitu Cross Street untuk sampai, tetapi dia telah membawa pasukannya melalui arah sungai yang memisahkan antara South Bridge Road dengan North Bridge Road. Dan dari situ mereka melalui High Street untuk melihat ramai orang putih yang berkumpul di keliling Town Hall atau Jam Besar menunggu saat genting iaitu ketibaan askar-askar Jepun. Sudah ramai daripada mereka yang telah pun melarikan diri dengan tongkang dan perahu-perahu kecil menuju ke mana-mana destinasi yang mereka fikirkan selamat.

Pada kira-kira waktu Asar barulah mereka sampai di pejabat Warta Malaya di Cecil Street. Sesampai di situ mereka menarik nafas lega kerana terselamat daripada bencana di tengah jalan.

Jumlah kesemua mereka itu ialah kira-kira 120 orang. Kesemuanya dalam keadaan letih, panik dan lapar. Apa yang hendak mereka makan pada petang dan malam itu. Kedai-kedai semuanya tutup. Tidak ada yang berani membukanya kerana keadaan yang kelam-kabut itu. Bukan itu sahaja tuan-tuan punya kedai itu kebanyakannya telah melarikan diri ke tempat yang lebih selamat.

Di antara mereka ada yang mempunyai wang British, duit kertas yang melambangkan kerajaan Inggeris. Oleh kerana mereka tidak tahan menanggung kelaparan maka mereka mengambil keputusan untuk mencari periuk belanga dan apa sahaja untuk memasak makanan.

Empat orang daripada mereka diarah pergi ke bandar untuk mencari alat-alat tersebut dan juga makanan. Mereka dipilih secara undi sulit. Ishak adalah salah seorang yang terpilih untuk melakukan kerja-kerja tersebut. Antara yang turut terpilih ialah bekas Sarjan *Malay Regiment*, Hussin Hababa (Allahyarham) yang pernah tinggal di Desa Jaya, Kepong Selangor Darul Ehsan semasa persaraannya. Yang dua lagi Ishak sudah lupa nama mereka.

Di Teluk Air Street, iaitu tidak berapa jauh dari Cecil Street itu mereka telah bersua dengan sebuah kedai makan mamak. Kedai itulah yang menjadi habuan mereka. Dinding kedai itu mereka tendang. Pecah. Telus, boleh masuk badan ke dalamnya. Mereka pun masuk ke dalam kedai itu mengambil dua buah kuali, sebuah periuk besar, beberapa biji pinggan mangkuk, sudu dan perkakas-perkakas lain. Dalam sebuah periuk di dapur terdapat nasi tetapi malangnya nasi itu sudah basi. Mereka tidak ambil nasi tetapi periuknya mereka ambil.

Mamak tuan punya kedai itu hilang entah ke mana.

Dari situ mereka pergi pula ke China Town. Mereka terjumpa beberapa buah kedai yang masih terbuka dan menjual bermacam-macam barang. Mereka telah membeli beberapa tin ikan sardin, *quaker oats* dan barang-barang makanan lain yang halal dimakan.

Di sebuah lorong yang agak gelap mereka terserempak dengan beberapa orang cina yang tengah mencuri barang-barang makanan dari beberapa buah kedai yang telah ditinggalkan oleh tuan punyanya. Kumpulan orang-orang Cina itu berebut-rebut mengambil barang-barang makanan dan barang-barang berharga yang lain.

Setelah cukup barang keperluan mereka, Ishak dan kumpulannya balik semula ke Cecil Street tempat kawan-kawannya sedang menunggu. Kebanyakan barang yang mereka bawa balik dibeli dengan duit mereka sendiri kecuali alat-alat memasak yang terpaksa mereka ambil kerana tuannya tiada.

Tetapi dalam keadaan kelam-kabut seperti itu semua perkara boleh berlaku terutama semasa kelaparan.

Selepas itu askar-askar Jepun masuk ke Singapura. Askar-askar British telah menghilangkan diri.

Kira-kira pada pukul sebelas, selepas menonton wayang, Ishak

tidak balik ke rumahnya tetapi menuju ke sebuah rumah banglo di Sims Avenue yang terletak di belakang Jalan Geylang.

Rumah itu diduduki oleh Ibrahim Haji Yaakub sahabat karibnya. Tetapi penghuninya dua hari sebelum itu telah ditangkap oleh pihak penjajah bersama-sama iparnya Onan Haji Siraj. Malam itu Ishak bersama Hasan Manan, seorang lagi pemimpin KMM diminta bermalam di rumah itu untuk menemani keluarga Haji Ibrahim Yaakub yang sedang dalam ketakutan.

Ishak merasa resah juga hendak bermalam di situ, maklumlah tuan punya rumah itu baru saja diberkas oleh British. Ishak, masa itu tinggal di Sim Lim Park, Lorong 40, Geylang.

Ketika Ishak mengetuk pintu rumah banglo kepunyaan Ibrahim Haji Yaakub itu, beberapa orang pegawai dan mata-mata gelap telah menyerbu dan menangkap Ishak yang sedang terpinga-pinga itu.

"Kami dapat perintah untuk membawa encik ke Markas Cawangan Khas," beritahu salah seorang daripada anggota polis itu.

Ishak yang sedang terpinga-pinga itu tidak dapat berbuat apa-apa lagi. Dadanya sebak. Dia menurut perintah.

Ishak tidak digari dan tidak dibawa dengan kereta *Black Maria*. Mereka naik bas.

Dari Geylang mereka naik bas menuju ke Markas Cawangan Khas yang terletak di Cecil Street, tidak jauh dari pejabat Warta Malaya.

Ishak pertama kali ditahan di lokap polis di situ tetapi tidak lama, cuma sekerat malam saja. Keesokan harinya Ishak dibawa ke Penjara Sharif yang terletak di Jalan Outram. Penjara itu hanya dikhaskan untuk menahan orang-orang yang tidak melakukan kesalahan-kesalahan jenayah.

Apabila Ishak dimasukkan ke penjara itu, dia terperanjat besar kerana di dalamnya sudah ada beberapa orang kawan yang dikenalinya yang sudah pun terlebih dahulu menjadi penghuni penjara itu. Kebanyakannya ialah ahli-ahli Kesatuan Melayu Muda yang aktif dalam perjuangan dari pelbagai negeri di Tanah Melayu.

Ishak dimasukkan ke sebuah bilik besar yang biasanya diisi dengan tujuh orang tahanan tetapi pada hari Ishak menjadi *member* bilik penjara di situ, sudah ada empat belas orang di dalamnya. Penuh sesak dan panas. Antara penghuninya ialah "Mat Spring", seorang samseng Melayu yang bermata juling dan seorang samseng keturunan India yang terkenal di kawasan Bukit Timah yang dikenali dengan gelaran "Velu

Pakar Tumbuk", yang boleh bertutur bahasa Cina.

Penghuni-penghuninya yang lain ialah Dr. Ghaus, Bakhtiar Effendi, Syed Husin bin Ali, Syed Shahab, tuan punya kilang tenun kain di Jalan Macpherson. Yang lain-lain Ishak tidak ingat lagi.

Keadaan dalam bilik itu agak sesak dan panas. Bilik air hanya satu, dan mereka terpaksa bergilir-gilir. Mandi pun kena jimat air. Hanya sebaldi sahaja untuk mandi. Tak boleh pakai lebih. Orang kaya seperti Syed Shahab itu tentu merasa macam neraka duduk di bilik penjara yang sesak dan lemas itu.

Semua orang banduan itu diberikan pakaian yang serupa tidak kira siapa, orang kaya atau orang miskin semuanya sama sahaja iaitu baju putih yang ada nombor di belakang dan seluar putih paras lutut yang dibuat daripada kain belacu yang paling kasar. Pakaian seragam itu hanya boleh ditukar seminggu sekali sahaja. Walaupun sudah kotor dan berbau hapak, mereka tidak boleh menukarnya kalau belum sampai waktunya. Mereka kena tahan hidung saja. Tetapi mungkin kerana sudah biasa dengan keadaan begitu, bau hapak pun sudah tidak terasa lagi.

Macam-macam perangai para penghuni dalam bilik sempit itu. Kadang-kadang mereka berkelahi sesama sendiri. Yang panas baran pantang terusik, melentinglah dia.

Ada yang bertengkar pasal petua-petua bertayamum. Ada yang mengatakan kononnya kalau tidak cukup air, maka boleh mengambil air sembahyang dengan menyapu-nyapu kedua-dua tapak tangan kepada tembok batu ataupun pada lantai simen bilik itu. Kemudian disapu-sapu pulalah muka, kedua-dua tangan, telinga dan kedua-dua kaki. Pendek kata macam-macam petua timbul dalam bilik sempit itu.

Ada juga yang bertengkar kerana menuduh berak (buang air besar) si anu lebih busuk daripada orang lain. Kerana busuk lebih, orang berkenaan diherdik dan dimaki-hamun. Macam-macam karenah yang memeningkan.

Undang-undang dalam penjara ketika itu agak ketat. Mereka tidak dibenarkan bercukur, mengandam janggut dan misai. Macam-macam lagi pantang-larang yang dikenakan. Kesemuanya mesti dipatuhi. Kebanyakan pegawai di Penjara Outram Road itu terdiri daripada orang-orang kulit putih yang berasal dari Australia.

Ibrahim Haji Yaakub telah dikurung dalam bilik kecil seorang diri. Bilik itu gelap. Tidak ada sesiapa pun dibenarkan menghampiri

bilik itu. Ibrahim tidak lama di situ, kemudian dia dipindahkan ke Penjara Changi.

Terdapat rancangan British hendak membawa Ibrahim Haji Yaakub ke India dan menahannya di sana tetapi rancangan itu tidak sempat dilaksanakan kerana tentera Jepun telah mara lebih awal ke Selatan Semenanjung Tanah Melayu dan telah masuk ke Singapura lebih awal daripada yang disangkakan.

Empat tahun kemudiannya, sebelum Jepun menyerah kalah, Ibrahim telah dibawa oleh Jepun pindah ke Jakarta, Indonesia.

Pada zaman Jepun, hidup di kampung lebih senang daripada hidup di bandar. Di kampung orang boleh bercucuk tanam, mencari ikan di sawah atau di sungai, memburu di hutan dan sebagainya. Pendek kata kalau hendak mencari makan tidaklah susah asalkan ringan tulang.

Di bandar kalau tidak ada duit tidak boleh berbuat apa-apa. Hendak makan mesti ada duit. Tidak ada duit tak boleh makan.

Sebab itu pada zaman Jepun, ramai orang bandar berhijrah ke kampung-kampung. Orang Kuala Lumpur, Ipoh dan Pulau Pinang ramai yang balik kampung. Di bandar-bandar besar seperti ini, semua barang keperluan mesti kena beli. Mahal-mahal pula tu. Kalau tidak ada kerja macam mana hendak beli barang keperluan harian itu. Alamat mencerut perutlah.

Orang-orang di pekan-pekan kecil seperti Tanjung Karang Selangor, Gunung Semanggol, Bagan Serai dan Parit Buntar Perak tidaklah serisau orang-orang di Kuala Lumpur, Ipoh atau Pulau Pinang. Di kawasan-kawasan tersebut merupakan kawasan yang banyak tanah padi dan kalau rajin bertanam sudah pasti akan mendapat hasil.

Orang ramai daripada semua kaum pada zaman pemerintahan Jepun amat takut kepada askar-askar Jepun yang pendek-pendek itu.

Askar-askar Jepun itu bila berjalan membawa pedang samurai yang panjang itu. Pedang itu akan terselit di pinggang mereka dan akan meleret ke tanah.

Kebanyakan askar Jepun panas baran orangnya. Kalau terdapat sedikit kesilapan yang dilakukan oleh orang-orang kampung mereka akan menamparnya tanpa amaran lagi. Cepat sahaja tangan mereka singgah di pipi orang. Melesing.

Kalau askar-askar Jepun masuk kampung dan secara kebetulan pula terserempak dengan penduduk-penduduk kampung, mereka akan menyuruh memetik buah kelapa muda. Askar Jepun suka minum air

kelapa muda. Kalau ada yang ingkar menurut perintahnya akan ditamparnya sekuat hati, tanpa belas kasihan lagi.

Askar-askar Jepun suka makan nasi. Sekali makan sampai dua tiga pinggan. Pendek-pendek pun kuat makan juga. Cara mereka makan agak gelojoh. Kurang tatatertib. Orang Jepun juga suka makan sayur dan ikan. Kalau dapat ikan mereka akan meratahnya sepuas-puasnya, tidak kira apa jenis ikan.

Askar-askar Jepun pada masa itu tidak berapa suka kepada orang-orang Cina. Sebab itu apabila Jepun berjaya menakluki negeri China, orang-orang Cina di Tanah Melayu pun menerima bahananya. Mereka teruk kena azab dan kena seksa oleh askar-askar Jepun.

Di Tanah Melayu, orang-orang Cina mempunyai semangat kebangsaan yang kuat. Mereka menubuhkan gerakan bawah tanah untuk menentang Jepun. Kebencian mereka kepada Jepun bukan main-main lagi. Gerakan bawah tanah yang mereka tubuhkan itu dinamakan "Malayan People Anti Japanese Association" (MPAJA). Dalam gerakan ini terdapat juga orang-orang Melayu dan India yang turut bersama menggemblengkan tenaga melawan Jepun.

Pada masa itu mereka terpaksa bergerak di hutan dan bekerjasama dengan Parti Komunis Malaya (PKM) dalam usaha menentang askar-askar Jepun.

Pemerintah besar tentera Jepun pada masa itu ialah Jeneral Yamashita yang terkenal dengan gelaran "Harimau Malaya". Gelaran itu diberi kerana keberanian dan kebengisannya macam harimau.

Jeneral Yamashita hanya gagah dan berkuasa semasa pemerintahan Jepun sahaja. Selepas rantau Asia Tenggara berjaya ditawan semula oleh pasukan bersekutu, iaitu Inggeris dan Amerika Syarikat, Jeneral Yamashita akhirnya dijatuhi hukuman mati atas dosa-dosanya yang dilakukan terhadap penduduk Tanah Melayu.

Pemerintahan tentera Jepun di Tanah Melayu hanya selama kira-kira empat tahun sahaja iaitu antara 1941 hingga 1945, tetapi selama empat tahun itu sudah cukup tempohnya bagi mereka mengajar penduduk-penduduk Tanah Melayu erti sebuah perjuangan.

Lebih kurang seminggu lagi peperangan Asia Timur Raya akan berakhir, Ishak yang sedang seronok duduk di kampung tiba-tiba menerima panggilan daripada Prof. Watanabe, Penasihat Pemerintahan Tentera Jepun yang berada di Kuala Lipis, Pahang pada masa itu. Panggilan itu memeranjatkan Ishak. Dia tertanya-tanya apakah tujuan Prof. Watanabe ingin menghubunginya itu.

Prof. Watanabe menghantar seorang utusannya untuk menemui Ishak. Utusan itu ialah seorang kadet tentera Jepun yang juga seorang mahasiswa yang tahu berbahasa Inggeris selain bahasa ibundanya, Jepun.

Pada masa dikunjungi oleh utusan itu, Ishak berada di rumah orang tuanya di Kampung Buntut Pulau, Temerloh.

Kadet tentera Jepun itu datang mengetuk pintu pada kira-kira pukul tiga pagi iaitu ketika orang semua sedang tidur lena. Kedatangan kadet tentera Jepun itu telah memeranjatkan seisi rumah itu dan juga jiran-jiran yang berhampiran. Masing-masing tertanya-tanya mengapa kadet tentera Jepun itu datang menemui Ishak. Masing-masing membuat andaian tersendiri. Setelah menyampaikan pesanan Prof. Watanabe, kadet itu balik semula ke Kuala Lipis pada pagi itu juga, bersendirian.

Perjalanan dalam masa pemerintahan tentera Jepun sangatlah susah, bukan boleh bebas sesuka hati. Kena melapor diri di setiap balai polis. Tetapi bagi Ishak, nasibnya baik kerana mempunyai ramai kawan maka perkara melaporkan diri itu tidak begitu sulit baginya.

Ishak tidak berlengah-lengah diri selepas mendapat pesanan daripada kadet tentera Jepun yang menjadi orang utusan Prof. Watanabe itu. Dia terus memulakan perjalanan ke Kuala Lipis. Selepas empat hari dalam perjalanan, akhirnya Ishak sampai ke Kuala Lipis yang menjadi pusat pemerintahan tentera Jepun bahagian awam.

Sesampai saja di khemah tentera Jepun di Kuala Lipis itu, Ishak terus pergi menemui Prof. Watanabe di pejabatnya. Dadanya berdebar-debar ketika menghadap orang besar Jepun itu. Dia meneka-neka apakah yang hendak disampaikan oleh Prof. Watanabe itu.

Profesor itu memberitahunya bahawa kerana musuh-musuhnya (pihak bersekutu) telah menggugurkan dua biji bom atom di Nagasaki dan Hiroshima yang menyebabkan ramai rakyat Jepun mati dan kedua-dua bandar perindustrian itu hancur-lebur maka Sir Maharaja Jepun (Tennoheika) terpaksa memerintahkan bala tentera Jepun supaya menyerah diri.

Jepun tidak berupaya hendak melawan lagi. Dua biji bom itu telah menjadikan kedua-dua bandar itu padang jarak padang tekukur.

Waktu itu ada beberapa orang dari Temerloh yang bekerja di Kuala Lipis ingin pulang segera ke kampung masing-masing. Antaranya ialah Abdul Rahman H. Taib dan lain-lain. Untuk menghantar orang-orang itu balik ke kampung halamannya, tentera Jepun telah

menyediakan sebuah lori kecil dan dua askar Jepun sebagai pengiring untuk menjaga keselamatan orang-orang itu.

Perjalanan dari satu bandar ke satu banadar pada masa itu terpaksa berhati-hati terutama pada saat-saat genting seperti itu.

Tatkala rombongan itu melalui bandar Karak, iaitu arah ke Selatan Bentong mereka melihat beratus-ratus orang askar Bintang Tiga. Masing-masing berdebar-debar takut diganggu oleh pasukan Bintang Tiga itu. Tetapi mujur mereka tidak mengganggu rombongan tersebut malah askar-askar Bintang Tiga itu mengangkat tabik pula.

Mereka bersyukur kerana perjalanan mereka tidak diganggu oleh askar-askar Bintang Tiga itu. Tetapi sehari sesudah perjalanan mereka yang penuh cabaran dan merbahaya itu, bandar Kuala Semantan digemparkan oleh kemunculan kira-kira tujuh belas orang askar Bintang Tiga yang keluar berarak di pekan itu. Askar-askar Bintang Tiga itu lengkap dengan alat senjata.

Tujuan mereka berarak itu kononnya untuk merayakan kemenangan pihak bersekutu Amerika Syarikat, Inggeris, Perancis dan lain-lain termasuk China yang diketuai oleh Chiang Kai Shek. Tetapi tujuan mereka yang sebenarnya ialah hendak menakut-nakutkan orang ramai.

Menurut pakatan perdamaian pihak bersekutu, askar-askar Bintang Tiga yang telah memerangi Jepun (bawah tanah) di bawah pertubuhan MPAJA telah diberikan tugas oleh pihak bersekutu untuk menjaga keamanan dan keselamatan orang ramai selama tiga belas hari iaitu sementara menantikan ketibaan askar dan pegawai British untuk mengambil alih pemerintahan daripada Jepun.

Tetapi dalam masa peralihan kuasa ini, pihak Bintang Tiga telah menggunakan kesempatan selama tiga belas hari itu untuk membalas dendam terhadap kaum-kaum lain malah terhadap orang-orang Cina sendiri yang mereka dakwa tidak memberikan kerjasama kepada MPAJA semasa pemerintahan tentera Jepun.

Antara mangsa yang paling ramai sekali ialah orang-orang Melayu. Mereka didera dan dibunuh. Mereka yang ditangkap diikat kedua-dua tangannya ke belakang dan disumbatkan ke dalam rumah pasung (sekarang balai) Temerloh hingga penuh sesak macam ikan sardin.

Tindakan menangkap dan mendera orang-orang Melayu tanpa usul periksa oleh askar-askar Bintang Tiga itu telah menimbulkan kemarahan orang-orang Melayu. Akhirnya mereka berpakat dengan

beberapa orang India Muslim untuk menyerang rumah pasung bagi membebaskan semua orang Melayu yang ditahan tanpa bicara oleh kumpulan Bintang Tiga itu.

Setelah bermuafakat dan bersatu hati, pada hari Jumaat, selepas selesai sembahyang, berbarislah kira-kira dua ratus orang menuju ke Balai Polis Temerloh yang tidak jauh dari Masjid Jamek. Tetapi yang malangnya, bila sudah hampir sampai ke balai polis berkenaan, lebih lapan puluh peratus orang yang tadi berbaris dengan gagah dan semangat berkobar-kobar telah meninggalkan barisan itu. Mereka mengambil tindakan demikian mungkin kerana takut dan tidak yakin yang mereka akan dapat melawan askar-askar Bintang Tiga yang lengkap bersenjata itu. Padahal askar-askar Bintang Tiga yang berada di Balai Polis itu hanya seramai tujuh belas orang sahaja.

Walau bagaimanapun Balai Polis itu berjaya dipecahkan juga (dibuka dengan kunci yang diambil daripada sarjan yang mengawal balai itu dan secara kebetulan pula bersimpati dengan nasib orang-orang tahanan itu). Orang-orang tahanan itu akhirnya berjaya dibebaskan.

Pada pagi esoknya, Ishak telah diarahkan datang ke pejabat Bintang Tiga di bandar Kuala Semantan.

Dalam masa peralihan pemerintahan daripada Jepun kepada Inggeris, Ishak telah menyaksikan beberapa kekejaman yang dilakukan oleh askar-askar Bintang Tiga yang mengambil alih pemerintahan sementara iaitu selama kira-kira tiga belas hari.

Janji-janji MPAJA bahawa orang-orang Melayu, Cina dan India di Tanah Melayu akan hidup seperti "abang adik" atau seperti dalam sebuah keluarga yang bersatu padu dalam perjuangan menentang pemerintahan kuku besi Jepun bagi mendapatkan kemerdekaan Malaya telah musnah berkecai oleh perbuatan kejam dan zalim orang-orang Cina dalam MPAJA.

Dalam masa pemerintahan peralihan itu mereka telah menggunakan kesempatan untuk membalas dendam terhadap sesiapa saja yang mereka anggap menentang mereka.

Semasa berkuasa selama tiga belas hari itu iaitu antara tempoh tentera Jepun menyerah diri dan semasa menunggu ketibaan balik tentera Inggeris untuk memerintah dan menjajah semula Tanah Melayu mereka telah melakukan banyak keganasan.

Mereka telah membina neraka dalam tempoh tersebut di Tanah Melayu. Mereka telah bertindak sewenang-wenangnya terhadap pihak

yang mereka anggap musuh. Mereka mendera dan membunuh tanpa peri kemanusiaan.

Slogan-slogan yang mereka laungkan sebelum ini bahawa tiga rumpun bangsa di Tanah Melayu (Melayu, Cina dan India) sebagai abang adik atau *brothers and sisters* telah tinggal sebagai omong-omong kosong mereka sahaja.

Ishak sendiri nyaris-nyaris terperangkap tetapi Tuhan Maha Kuasa telah melindunginya.

Tiga belas hari itu dianggap sebagai titik hitam dalam sejarah negara, penuh duka dan air mata.

Pada masa itu masing-masing ingin tunjuk belang dan kegagahan sendiri. Yang kuat merasa mereka perlu menekan dan memakan yang lemah. Kerana wujudnya sikap ingin membalas dendam maka terjadilah pembunuhan demi pembunuhan dan penyeksaan tanpa timbang rasa lagi.

Selain nyawa dicabut dengan sesuka hati dan sewenang-wenangnya, harta benda juga banyak yang musnah.

Kehidupan waktu itu penuh dengan rasa curiga. Masing-masing berwaspada dan tidak percaya antara satu sama lain. Syak wasangka menguasai diri kebanyakan orang.

Usaha-usaha untuk menyatupadukan tiga rumpun bangsa di Tanah Melayu pada waktu itu hanya tinggal di hujung lidah sahaja. Bukan sahaja antara tiga kaum itu berpecah belah tetapi antara kaum Cina dengan kaum Cina sendiri pun berpecah belah dan bermusuhan antara satu sama lain. Begitu juga dengan kaum India yang terbahagi kepada beberapa puak yang berlainan agama dan adat resam.

Apabila British berkuasa semula di Tanah Melayu pun tidak ada usaha yang mereka lakukan untuk menyatupadukan ketiga-tiga kaum terbesar di Tanah Melayu itu. Penjajah Inggeris mengamalkan dasar pecah belah. Orang-orang Cina dan India digalakkan datang beramai-ramai ke Tanah Melayu untuk bekerja sebagai buruh-buruh ladang, membuka tanah dan lombong, membuat jalan raya, jadi tukang-tukang rumah dan membuka kedai-kedai runcit. Orang-orang India dikerah menjadi buruh-buruh ladang dan kuli-kuli membina jambatan dan jalan raya. Orang-orang Cina dikerah menjadi kuli-kuli lombong, membuka tanah dan membuka kedai-kedai runcit di pekan-pekan.

Orang-orang Melayu juga berpuak-puak dan berebut-rebut kawasan yang subur untuk bersawah ladang dan berebut Kuala Sungai untuk mengutip cukai daripada kapal-kapal dagang. Yang hidup di

kampung-kampung hanya bertani secara kecil-kecilan, tidak berusaha untuk meninggikan taraf hidup atau mengusahakan pertanian secara besar-besaran.

Orang-orang Melayu pada zaman itu kadangkala berperang sesama sendiri juga. Di laut mereka menjadi lanun dan di darat mereka menyabung ayam, berlawan silat dan sebagainya.

Di kalangan orang-orang Melayu juga terdapat puak-puak seperti puak Temenggung, puak Bendahara, puak Perpatih dan sebagainya. Antara puak-puak itu ingin menunjukkan belangnya sendiri seperti juga puak-puak dalam masyarakat Cina.

Dari segi perjuangan politik pun, orang-orang Melayu menubuhkan parti politiknya sendiri yang dikenali sebagai Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO. Orang-orang Cina dengan Malaysian Chinese Association (MCA) dan orang-orang India dengan Malaysian Indian Congress (MIC).

Pada peringkat awal penubuhannya para pemimpin UMNO, MCA dan MIC adalah terdiri daripada mereka yang pro-British, iaitu kalau orang-orang Melayu, mereka terdiri daripada golongan pembesar-pembesar negeri, kalau MCA daripada tauke-tauke besar dan orang-orang kaya dan MIC pula terdiri daripada golongan ceti, peniaga-peniaga rempah, mandur-mandur estet dan lain-lain.

Perjuangan politik orang-orang Melayu ketika itu penuh liku dan cabaran. Ketiga-tiga parti itu berjuang untuk menentang penjajahan Inggeris bagi menuntut kemerdekaan tanah air. Selepas Jepun menyerah kalah dan Inggeris berkuasa semula perjalanan orang-orang Melayu dalam politik menjadi semakin mencabar.

Selepas Jepun tewas, Tanah Melayu diperintah semula oleh British. Zaman ini dipanggil zaman BMA atau *British Military Administration*.

Kalau dalam zaman pemerintahan Jepun rakyat Tanah Melayu makan ubi kayu tetapi selepas British mengambil alih, rakyat telah mula dapat membeli beras, gula, minyak makan, garam, tembakau, rokok, mancis api, kain baju dan lain-lain.

Keamanan sudah dapat dinikmati semula. Kucar-kacir beransur hilang. Tetapi dalam zaman BMA ini juga banyak berlaku tangkapan oleh pihak British. Orang-orang yang ditangkap pada zaman BMA ini ialah mereka yang disyaki membantu atau bersubahat dengan pemerintahan Jepun.

Kebanyakan daripada mereka adalah terdiri daripada pegawai-

pegawai kerajaan. Golongan ini ditangkap dan ditahan sahaja tidaklah dipancung, dipukul, diseksa atau diberi minum air sabun seperti dalam zaman pemerintahan Jepun.

Orang-orang yang ditangkap itu tidaklah ditahan atau dipenjara secara sewenang-wenang sahaja. Mereka dibicarakan di mahkamah terbuka dan apabila didapati bersalah barulah mereka dikenakan hukuman penjara.

Bagi Ishak keluar masuk penjara adalah sebahagian daripada liku-liku perjalanan yang dilaluinya. Pada zaman darurat dia turut di penjara bersama rakan-rakannya. Salah satu tempat tahanan yang Ishak turut menjadi penghuninya ialah di Khemah Pemulihan Pantai Morib, Selangor. Di sini terdapat satu kisah lucu yang tidak dapat dilupakan oleh Ishak.

Dalam tahanan tersebut terdapat pelbagai ragam manusia dengan beraneka karenah. Di khemah ini, orang-orang tahanan tidaklah dikongkong sangat. Dan mereka tidaklah terkurung dalam bilik sempit. Mereka boleh melakukan sebarang kerja dalam lingkungan kawasan tahanan itu.

Ishak masih ingat kisah seorang tahanan yang berasal dari Perlis, dikenali dengan nama Pak Wan Din. Ketika menjala di sebuah sungai dekat khemah itu, Pak Wan Din telah terkena sengat ikan sembilang. Kerana kesakitan Pak Wan Din menangis macam budak-budak.

Sengat ikan sembilang memang tersangat bisa, dan sukar hilang kalau tidak kena dengan ubatnya. Pak Wan Din telah mengerang kesakitan yang tidak terhingga. Ishak turut bersimpati dan meminta rakan tahanannya itu bersabar. Bisa sengat ikan sembilang itu beransur reda selepas Pak Wan Din mendapat rawatan daripada pegawai perubatan yang bertugas di khemah itu. Pak Wan Din telah disuntik dengan sejenis ubat cecair yang dipanggil *procaine*. Selepas terkena suntikan itu barulah dia merasa lega dan kurang mengaduh. Tetapi keluhan kesakitannya itu telah diejek oleh seorang tahanan lain yang berasal dari bahagian Utara juga yang dikenali dengan gelaran "Pak Awang Gagah".

Secara angkuh Pak Awang Gagah ini telah mengejek Pak Wan Din dengan kata-katanya yang menyinggung perasaan tahanan dari Perlis itu.

"Kena sengat ikan sembilang pun menangis macam budak-budak. Tak malu!" Demikian perli Pak Awang Gagah.

Dengan nada yang angkuh Pak Awang Gagah memperli Pak Wan

Din lagi: "Aku biasa tonyoh-tonyoh sengat ikan sembilang pada lengan aku. Sikit pun tak sakit!"

Pak Wan Din diam sahaja dengan ejekan-ejekan Pak Awang Gagah itu. Tahanan-tahanan lain merasa berbulu dengan sikap yang ditunjukkan oleh Pak Awang Gagah itu. Termasuk juga Ishak.

Ditakdirkan Tuhan, seminggu selepas kejadian itu, Pak Awang Gagah yang keluar menjala ikan telah terkena sengat ikan sembilang semasa hendak mengeluarkan ikan itu dari tersangkut di pukat. Apalagi selepas bisa ikan itu masuk ke badannya, dia pun mengaduh kesakitan. Terlolong-lolong dan menangis macam budak-budak. Waktu itu hilang gagah perkasanya.

Orang mentertawakannya. Dulu mengejek orang sekarang terkena pada dirinya sendiri. Lebih teruk daripada Pak Wan Din.

"Tolonglah bung! Tolonglah pak! Panggilkan Vytilingam. Matilah saya pak!" dia merayu rawan.

Vytilingam yang disuruhnya panggil itu ialah pegawai perubatan di khemah itu.

Mula-mula orang-orang buat tidak tahu sahaja tetapi Ishak yang pada masa itu menjadi ketua orang-orang tahanan (Ketua Sukarela) selepas mendengar teriakan itu tidak sampai hati hendak membiarkannya lalu pergi memanggil pegawai perubatan itu di rumahnya dalam khemah tahanan itu.

"Pak Awang Gagah kena sengat ikan sembilang!" Beritahu Ishak kepada Vytilingam semasa sampai di rumahnya.

Vytilingam tersenyum.

"Saya sudah dengar jeritannya," kata pegawai perubatan itu. "Itu hari, bila Pak Wan Din kena sengat, dia perli, dia ejek, sekarang kita boleh ajar sama dia, supaya jangan cakap besar."

Ishak tersenyum mendengar kata-kata Vytilingam itu. Dia pun tahu tentang perangai Pak Awang Gagah itu.

Sebenarnya Ishak pun mempunyai pendapat yang sama dengan Vytilingam. Mahu ajar Pak Awang Gagah untuk menghilangkan kesombongannya.

Mereka mahu membiarkan Pak Awang Gagah meraung-raung kesakitan terlebih dulu. Biar dia sedar kesombongan dan keangkuhannya itu. Selepas itu barulah dia akan disuntik dengan ubat *procaine* itu. Terlolong-lolong dan menjeritlah Pak Awang Gagah tanpa malu dan silu lagi.

Akhirnya selepas membiarkan dia menjerit-jerit beberapa ketika,

Vytilingam pun menyuntiknya dengan ubat penghilang kesakitan itu. Beberapa minit kemudian barulah dia berhenti menjerit.

Selepas mengalami malapetaka yang tidak diduganya itu, Pak Awang Gagah tidaklah sombong dan bercakap besar lagi. Namanya "Gagah" tetapi dia sebenarnya tidaklah segagah mana. Telatahnya tidaklah sehebat dulu lagi tetapi kadangkala cakap besarnya tidak boleh dibuang juga.

Satu lagi kisah lucu yang dialami oleh Ishak semasa di khemah tahanan di Morib itu ialah mengenai seorang rakan tahanannya yang bernama Pak Mansor (sudah meninggal) berasal dari Kuala Ketil Kedah.

Pada suatu hari Pak Mansor ditugaskan menjaga itik-itik bemban. Pak Mansor ini pun besar boraknya dan banyak cerewetnya juga. Hari-hari dia mengadu pasal itik jagaannya kepada Tuan G.S. Patterson, iaitu pegawai di Khemah Pemulihan itu.

"Itik-itik ini tuan, kalau tak ada jantan tak boleh bertelur," katanya kepada pegawai orang putih itu. Orang putih itu faham bahasa Melayu dengan baik. Dia mengangguk-angguk. Kadangkala sampai merah padam muka orang putih itu dibuat oleh Pak Mansor. Semuanya fasal itik jagaannya.

Kira-kira enam bulan kemudian itik-itik jagaannya itu pun bertelurlah. Melihat itik-itik itu bertelur, Pak Mansor terdiam dan terfikir-fikir seorang diri. Mungkin dia merasa ajaib bagaimana itik-itik betina itu boleh bertelur tanpa ada itik-itik jantan. Dia hairan. Walaupun dia berasal dari kampung tetapi pengetahuannya tentang itik dan perkara-perkara lain itu banyak yang dia tidak tahu. Dia kebingungan.

Pada suatu hari Tuan Patterson datang menemui Ishak.

"En. Ishak, malam ini suruh semua orang berkumpul di dewan. Suruh mereka pakai lawa-lawa. Ada wayang gambar malam ini," perintah Tuan Patterson kepada Ishak.

"Selain itu saya juga mahu cakap sikit fasal kemajuan di khemah kita ini," ujar pegawai Mat Salleh itu lagi.

Ishak angguk tetapi di kepalanya bersarang tanda tanya dan teka-teki.

Selepas Maghrib, ramai orang tahanan datang berkumpul di dewan. Kebanyakannya pakai lawa-lawa termasuklah Pak Mansor. Masing-masing kelihatan segak dan bergaya. Ishak yang sememangnya suka berpakaian kemas juga kelihatan segak dan kacak.

Dewan penuh sesak dengan orang ramai. Masing-masing ber-

borak sesama sendiri. Ishak masih tertanya-tanya apakah ucapan yang hendak disampaikan oleh Tuan Patterson itu dan apakah pula tajuk wayang yang hendak ditunjukkannya.

Orang datang beramai-ramai itu mungkin kerana hendak menonton wayang gambar dan mendengar ucapan pegawai orang putih itu.

Memang benar, pada malam itu, Tuan Patterson bercakap panjang tentang kemajuan di khemah itu. Di antara lain ucapannya yang melucukan ialah:

"Tuan-tuan semua, kita merasa gembira kerana itik-itik yang kita pelihara telah pun bertelur tanpa itik-itik jantan. Tuan-tuan hendak tahu bagaiman itik-itik betina itu boleh bertelur walaupun ketiadaan itik-itik jantan? Yang menjadi bapak kepada itik-itik kita itu ialah Pak Mansor."

Orang ramai riuh-rendah dengan ketawa selepas mendengar ucapan Tuan Patterson itu. Pak Mansor pun turut ketawa walaupun dia menyedari pegawai orang putih itu bertujuan menyindirnya tetapi dia menganggap sebagai gurauan sahaja.

Ishak turut ketawa hingga berair matanya.

Ishak telah ditahan selama lima tahun setengah (1948–1953) di bawah kuat kuasa Undang-Undang Darurat (Emergency Regulations) yang diisytiharkan untuk menentang PKM (Parti Komunis Malaya) yang melancarkan pemberontakan menentang kerajaan British di Tanah Melayu.

Dalam masa pendudukan Jepun selama hampir empat tahun pihak tentera British telah bekerjasama dengan komunis di hutan sebagai usaha muslihat untuk menentang Jepun. Tindakan British ini sama juga dengan tindakannya bekerjasama dengan Rusia dalam peperangan di Eropah menentang Nazi Jerman dan golongan fasis Itali yang bersekutu dengan Jepun di Asia Tenggara dan Selatan Pasifik (The Axis Power).

Ishak pada zaman ini beberapa kali ditahan di merata tempat. Dia pernah ditahan di Penjara Pudu, Khemah Tahanan Tanjung Beruas, Melaka, kemudian ke Khemah Tahanan di Jalan Ashby, Ipoh, Perak dan juga pernah ditahan di Khemah Pemulihan di Morib Selangor.

Kisah-kisah dalam tahanan memberi banyak pengalaman kepadanya. Dan walaupun dia merasa pahit dan getir ketika ditahan tetapi hal itu tidak mematahkan semangatnya untuk meneruskan perjuangannya menentang penjajah.

Pada tahun 1948, Ishak tinggal di sebuah rumah sewa di Kampung Benggali dalam kawasan bandar Taiping, Perak. Dalam bulan Jun pada tahun yang sama sebuah kereta perisai polis (GMC)

tiba-tiba berhenti di hadapan rumah sewanya.

Ishak terkejut dengan ketibaan pasukan polis seramai sepuluh orang lengkap dengan uniform dan senapang diketuai oleh Sarjan Yunus Sidi dari Pasukan Cawangan Khas (Special Branch).

Sarjan Yunus mendapatkan Ishak yang menunggu ketibaan mereka dengan debaran.

"Saya diperintahkan oleh kerajaan membawa encik ke balai," beritahu Sarjan Yunus.

Ishak agak terkejut tetapi dia dapat menahan perasaannya.

Ishak pada masa itu menjadi Pengerusi Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) bagi negeri Perak. Pejabatnya ialah di sebuah rumah kedai depan pasar Taiping. Kedai itu dinamakan Gedung Melayu iaitu gedung yang menyimpan beras dan barang-barang runcit yang dikelolakan oleh anggota-anggota PKMM bahagian Taiping, Perak.

Ishak menyiapkan pakaiannya serba ada selepas diberitahu oleh Sarjan Yunus itu. Dia tidak menunjukkan banyak karenah atau menyoal balas. Dia menurut perintah.

Ketika sampai di Balai Polis Taiping (dulu dipanggil Rumah Pasung) Ishak diserahkan kepada Sarjan Mat. Secara kebetulan Sarjan Mat itu ialah salah seorang penyokong kuat PKMM ketika itu. (Sarjan Mat bukan nama sebenarnya).

"Sekarang ini bung kita dalam bulan puasa. Saya fikir, lebih baik bung saya beri tempat tidur tepi *Charge Room*. Lokap sebelah dalam sudah penuh dengan orang-orang tahanan yang baru. Ramai, Melayu, Cina ada, India pun ada. Lagipun bilik-bilik lokap itu kotor. Pijat-pijat banyak," kata Sarjan Mat.

Ishak mengangguk sahaja, tidak banyak cakap. Dia mengikut sahaja.

Sebelum berpisah Sarjan Mat memberitahu bahawa dia akan menggerakkan Ishak untuk makan sahur nanti.

"Jangan bimbang. Saya akan gerakkan bung!" ujar sarjan itu memberi jaminan kepada Ishak.

Ishak tidak berkata apa-apa kecuali mengangguk.

Dua hari kemudian kira-kira pukul 10.00 pagi, Ishak dibawa ke stesen keretapi Taiping. Dia digari berangkai bersama seorang pemuda Cina yang dia tidak kenal. Mereka hendak dibawa ke Kuala Lumpur.

Di stesen keretapi orang penuh sesak. Orang ramai memandang Ishak dan tahanan-tahanan lain. Ishak buat sadin sahaja.

Mereka ditempatkan dalam gerabak keretapi kelas tiga. Bersama

dalam gerabak itu terdapat juga pemuda-pemuda Cina yang juga menuju ke Kuala Lumpur. Gerabak kelas tiga panas dan hangat. Mereka terpaksa bersesak-sesak.

Mata-mata (Melayu) yang mengawal mereka dalam keretapi itu kebanyakannya muda-muda belaka, dalam usia belasan tahun. Dan dalam bulan Ramadan itu mereka merokok dan makan sepanjang perjalanan. Mereka tidak berpuasa tetapi mereka tidak pula segan kepada orang-orang yang berpuasa.

Waktu itu kalau menjadi mata-mata (polis) memang sudah dipandang tinggi oleh masyarakat terutama oleh orang-orang kampung.

Dalam keadaan bergari itu, Ishak merasa amat tidak selesa. Rimas dan menyakitkan. Tetapi apa boleh buat, dia terpaksa menanggung segala-galanya. Ketika dia hendak ke tandas dia terpaksa mengheret sama mata-mata yang mengawalnya dan pemuda Cina yang bergari bersama-samanya itu.

"Kalau saya nak buang air besar terpaksalah saya heret rakan satu gari dengan saya itu masuk ke tandas. Dan apabila saya duduk meneran hendak buang air besar, pemuda Cina itu mesti duduk juga. Begitu juga sebaliknya. Seksa benar." Demikian terang Ishak mengenai pengalaman pahitnya itu. Geli hati pun ada. Menyakitkan hati pun ada.

Ishak cuba bertanya kepada seorang mata-mata yang berhampiran dengannya mengapa dia digari berangkai macam itu.

Mata-mata itu menjawab: "Orang-orang yang ditangkap terlalu ramai dan pihak polis tak cukup gari."

Hendak sampai ke Kuala Lumpur merupakan suatu penyeksaan kepada Ishak dan tahanan-tahanan yang lain juga. Merah pergelangan tangannya. Lenguh urat sarafnya.

Sesampai sahaja di Kuala Lumpur, Ishak dan tahanan-tahanan yang lain dibawa ke rumah pasung Jalan Campbell (sekarang balai polis Jalan Campbell).

Di balai polis itu mereka dibawa menemui seorang anggota polis keturunan Sikh berpangkat koperal.

Koperal Sikh itu bertugas di pintu masuk ke balai. Wajahnya bengis. Jambangnya lebat. Dengan suara keras dia memerintah:

"Itu kasut buka. Encik punya cermin mata pun buka. Sini tak boleh pakailah!"

Apabila mendengar suara perintah yang kasar dan garang itu, orang-orang tahanan yang baru dibawa masuk itu mengikut saja

perintah itu walaupun di sudut hati kecil mereka menyifatkan perintah itu sangat melucukan.

Dari balai polis itu, Ishak dihantar pula ke Penjara Pudu.

Sederet dengan bilik khas yang menempatkan Ishak di tingkat bawah, Centre Block, Penjara Pudu, ada dua orang lagi penghuni yang bertaraf "S.W." atau Special Wards, iaitu Almarhum Raja Abdullah dari Kapar, Kelang Selangor dan Encik Abdul Karim dari Batu Gajah, Perak.

Almarhum Raja Abdullah penghulu mukim Kapar telah ditangkap oleh British dalam masa pemerintahan BMA kerana didakwa membantu pihak Jepun. Beliau telah dikenakan hukuman penjara selama tujuh belas tahun.

Encik Abdul Karim dari Batu Gajah itu pula dikenakan hukuman penjara yang lama juga kerana pada masa pemerintahan Jepun dia telah menjadi "Tukang Gantung" di Penjara Pudu.

Mereka berdua inilah yang telah menjadi jiran Ishak semasa dia ditahan di Penjara Pudu. Dengan dua *member* inilah Ishak berbual-bual pada waktu siang atau malam bila saja peluang terbuka. Sekurang-kurangnya hilang juga sengsara meringkuk dalam Penjara Pudu itu.

Pada awal tahun 1950, Raja Abdullah telah diampunkan oleh DYMM Sultan Selangor. Selepas dibebaskan beliau menyertai UMNO dan seterusnya dipilih menjadi calon dan beroleh kemenangan dalam pilihan raya. Raja Abdullah ini pada suatu masa dahulu pernah menjadi *Speaker* Majlis Mesyuarat Negeri Selangor.

Kedua-dua sahabat Ishak ini banyak bercerita fasal orang-orang tahanan zaman pemerintahan Jepun.

Menurut cerita mereka kepada Ishak, keadaan dalam Penjara Pudu pada zaman pemerintahan Jepun sangat dahsyat. Ramai orang yang ditangkap, diseksa oleh tentera Jepun. Tiap-tiap sel dalam penjara itu disumbat orang tahanan macam ikan sardin. Sel-sel itu atau bilik kurungan itu biasanya boleh muat dua orang saja tetapi Jepun telah mengisinya sehingga enam orang. Tiap-tiap hari ada yang mati kerana sakit atau kerana tidak cukup makan. Kadangkala makanan yang dihidangkan hanya ubi kayu atau keledek rebus sahaja.

Semasa Ishak ditahan di bawah penjajahan Inggeris keadaan tahanan tidak seteruk pada zaman pemerintahan Jepun. Walaupun begitu, Ishak merasainya seperti dalam neraka.

Hidup di penjara sungguh seksa lebih-lebih lagi ketika seseorang itu sakit. Itulah yang terjadi kepada Ishak. Suatu malam dia diserang

sakit gigi. Berdenyut-denyut tidak tahan lagi. Macam mana tak sakit, kata Ishak, sudah berbulan-bulan gigi tak digosok. Tahi gigi melepek. Mulut pun berbau hapak.

Dalam mengaduh-aduh kesakitan itu, Ishak terdengar seekor tikus sedang mengucai-ngucai sampah dalam lubang angin di penjara biliknya itu.

Sudah banyak kali Ishak mendengar desas-desus tikus itu. Pendek kata pada waktu malam dia tidur bersama-sama dengan tikus. Bila dia tidur, tikus pun keluar mengais-ngais sampah-sarap di bilik tidurnya. Tikus Penjara Pudu sudah menjadi teman istimewanya. Selalunya dia tidak kisah sangat fasal tikus tetapi pada malam dia sakit gigi itu terasa pula dia hendak melihat telatah tikus-tikus itu.

Tikus-tikus di biliknya itu bila senjakala mulalah keluar dari dalam lubangnya dan bila jauh malam tikus-tikus itu balik semula ke sarangnya. Kadangkala sisa-sisa makanan Ishak itu menjadi habuannya di waktu malam. Nasi lebih dan tulang-tulang ikan dalam mangkuk yang dimakannya diselongkar oleh tikus di waktu malam. Ishak membiarkannya saja.

Tetapi pada malam giginya sakit itu dia telah mengenakan tikus-tikus yang sedang mengirai kertas itu. Ishak mengambil anak mancis dan membakar kertas-kertas di lubang itu. Maka berasaplah tempat itu selepas dibakar. Asap masuk ke lubang. Tidak lama kemudian Ishak mendengar bunyi tikus seperti kelemasan dan sedang berhempas-pulas hendak keluar dari lubang itu.

Setelah tikus-tikus itu lari keluar ketakutan, Ishak merasa senang hati. Dia meraba timbunan sampah-sarap itu dan terjumpa satu botol kecil minyak rimau. Alangkah suka hatinya. Lalu digosok ke giginya yang sedang berdenyut-denyut itu.Tidak berapa lama kemudian sakit giginya beransur hilang. Dapatlah dia tidur hingga ke pagi esoknya.

Apabila bangun pagi esoknya, Ishak mencari lagi barang-barang dalam sampah-sarap itu. Manalah tahu akan terjumpa dengan benda-benda yang berguna. Dia terjumpa pengorek telinga daripada alu-minium. Masih baru dan boleh dipakai.

Ishak juga terjumpa tembakau cina dan kertas-kertas pembalut-nya. Tetapi sayang tembakau itu telah kena kencing tikus. Baunya hapak dan tengik. Ishak terasa hendak muntah. Dia tidak tahan dengan baunya.

Oleh sebab sarang tikus itu sudah dibinasakan, dan pada malam itu pula hujan turun dengan lebatnya, maka pada malam itu tikus-tikus

itu telah menumpang tidur dalam selimut Ishak.

Ishak yang merasa menyesal memusnahkan sarang-sarang tikus itu membiarkan saja tikus-tikus itu mencari tempat tidur. Digosok-gosoknya pula tikus yang sudah menjadi semakin jinak itu. Salah seekor tikus jantan besar yang jinak dengan Ishak diberi nama "Timah". Bila Ishak memanggil namanya, tikus itu akan datang seolah-olah mengerti dengan panggilan itu.

Begitulah Ishak dengan tikus-tikus yang menjadi kawannya semasa menjadi penghuni Penjara Pudu.

Selepas seratus hari Ishak ditahan di Penjara Pudu itu, dia kemudiannya dipindahkan pula ke khemah tahanan di Tanjung Beruas, Melaka.

Dari Tanjung Beruas, Melaka, Ishak dipindahkan ke Ipoh. Pada masa ini dasar dan sikap British terhadap orang tahanan politik sudah banyak berubah.

Perubahan-perubahan ini mungkin bermula pada zaman Sir Henry Gurney yang mati ditembak oleh gerila-gerila komunis dekat Kuala Kubu. Kemudian dia telah diganti oleh Sir Edward Gent yang juga mati akibat kemalangan kapal terbang di London.

Dalam masa tiga tahun darurat peringkat awal, kerajaan British telah membawa ramai pegawai tentera dari Palestin. Mereka itu kebanyakannya tidak mengetahui banyak tentang hal-ehwal Tanah Melayu, sejarah dan keadaan masyarakatnya. Mungkin disebabkan faktor-faktor inilah mereka sering bertindak keras terhadap orang-orang tahanan.

Semasa orang-orang tahanan dibawa naik keretapi ke Ipoh, mereka tidak lagi digari seperti pada masa-masa yang lalu. Dan inilah perubahan sikap British yang dapat dikesan oleh Ishak. Semasa keretapi singgah di Gemas selama setengah jam, pancaragam yang dianggotai oleh orang-orang tahanan itu telah dibenarkan bermain di atas platform. Orang ramai telah mengambil kesempatan mendengar permainan pancaragam tersebut yang kebanyakannya memainkan lagu-lagu bersemangat.

Apabila sampai di stesen Kuala Lumpur, Ishak dan orang-orang tahanan yang lain diberi makan nasi beras Siam nombor satu dengan lauk ikan Kurau. Dari Kuala Lumpur mereka menuju ke Ipoh.

Kemudahan-kemudahan di khemah Ashby Road, Ipoh Perak jauh lebih baik daripada khemah di Melaka. Bekalan air tidak ada hadnya. Boleh minum dan mandi seberapa banyak yang disukai. Kantin penuh

dengan barang-barang. Kakitangan yang menjaga mereka juga lebih ramai dari khemah di Melaka. Tukang-tukang angkat najis juga disediakan. Hospital yang dikhaskan untuk mereka juga lebih besar termasuk doktor-doktor juga lebih ramai.

Kelonggaran juga diberikan kepada pelawat-pelawat untuk melawat sanak saudara atau rakan taulan yang ada dalam khemah tahanan itu. Guru-guru agama juga disediakan.

Semasa hari raya, orang-orang tahanan itu menerima banyak kiriman kuih-muih daripada sahabat-handai dan orang-orang yang bersimpati dengan perjuangan mereka.

Ketika musim durian, Ishak menerima empat gantang tempoyak daripada orang-orang Batu Kurau. Ikan-ikan haruan hidup juga dikirimkan kepada orang-orang tahanan di Ipoh itu.

Berlainan dengan khemah-khemah tahanan di Melaka, blok-blok di Ipoh itu tidak dipisahkan jauh sangat di antara satu sama lain. Ini lebih memudahkan hubungan antara orang-orang tahanan. Di khemah tahanan Ipoh hubungan antara blok-blok dengan pejabat menggunakan alat pembesar suara.

Di khemah tahanan itu, Ishak memakai nombor 4987. Kalau ada kiriman barang dari luar, pihak penjaga khemah akan menjeritkan melalui pembesar suara nombor orang berkenaan. Ishak sering menerima bungkusan yang mengandungi cerut dikirim oleh kawan-kawannya. Bila cerut sampai orang-orang tahanan terutama kawan-kawan Ishak akan berebut-rebut untuk mendapatkan cerut. Dapat sebatang cerut mereka akan hisap sampai ke pangkal. Begitu juga dengan Ishak. Dalam berebut-rebut itu kadangkala Ishak sendiri tidak mendapat sebatang pun. Tetapi Ishak tidak berkecil hati. Dia seronok pula melihat orang berebut-rebut itu.

Bagi orang-orang tahanan yang mahu bekerja, mereka diberikan kerja seperti memedang rumput dalam kawasan khemah tahanan dan sebagainya. Upah yang diberikan ialah 75 sen. Usaha-usaha untuk berniaga juga diberikan galakan. Osman Yahya dari Kelantan berniaga kain baju. Ada juga yang menjual roti canai, rojak dan sebagainya.

Ishak pula diminta menjadi jurubahasa ketika pasukan *Review Committee* datang memeriksa kes-kes tahanan. Dua orang tokoh Melayu yang pernah menjadi Pengerusi Jawatankuasa itu ialah Almarhum Raja Musa dan Almarhum En. Mahmud Kaya, Cemor, Perak.

Jawatankuasa Meninjau Semula itu menyiasat kes-kes tahanan untuk mengetahui sebab-sebab mengapa orang-orang Melayu, Cina dan

India ramai ditangkap dan ditahan semasa darurat. Setengah-setengah daripada kes itu tidak ada kaitan dengan politik atau perjuangan kemerdekaan.

Seorang tahanan dari Perlis, contohnya, seperti yang pernah dibaca laporannya oleh Ishak ialah dia ditangkap kerana menyembelih seekor lembu tanpa kebenaran atau lesen daripada pihak berkuasa. Kerana kesalahan itu dia telah ditahan bertahun-tahun lamanya.

Pada masa darurat perbuatan adu-mengadu dan fitnah-memfitnah banyak berlaku, sebab itu ramai orang yang kena tangkap dan ditahan di khemah-khemah tahanan.

Di khemah-khemah tahanan itu ada jenis dan kelasnya. Pembekalan makanan pun berdasarkan jenis dan kelas itu. Ishak dan kumpulannya, umpamanya, patut dibekalkan dengan ikan-ikan kelas dua, iaitu ikan bawal hitam, tenggiri dan sebagainya. Begitu juga dengan sayur-sayuran. Kalau sayur-sayuran daun, mereka patut dibekalkan dengan bayam atau sawi.

Tetapi disebabkan ada sistem kontrak, dan setengah-setengah pegawai yang bertugas ada yang pandai "makan suap" maka dalam tahun 1950, waktu itu Ishak masih di Ipoh, selalu sangat dibekalkan dengan ikan pari, ikan duri, ikan kekek dan sebagainya yang sangat rendah kelasnya. Bekalan sayur-sayuran pun kadangkala mereka terima batang sahaja. Daun entah ke mana perginya.

Memandangkan keadaan tersebut berleluasa dan orang-orang tahanan sudah tidak boleh bersabar lagi maka orang-orang tahanan di khemah tahanan di Ipoh itu telah melancarkan mogok lapar termasuklah Ishak.

Seperti yang berlaku di Tanjung Beruas, pihak berkuasa di Ipoh juga mencuba pelbagai usaha untuk menghentikan mogok lapar itu. Mula-mulanya mereka ditegah membeli barang-barang dari kantin. Kemudian surat-surat dan *parcel-parcel* yang tiba ditahan yakni tidak disampaikan kepada orang-orang tahanan berkenaan.

Orang-orang tahanan itu juga dipecahkan dari satu blok ke blok yang lain dengan tujuan untuk memecahkan perpaduan mereka.

Suatu hari, Tuan Warman yang telah ditukarkan ke khemah tahanan di Ipoh tu telah bertanya kepada Ishak.

"Hai, En. Ishak, awak yang berpelajaran Inggeris pun turut mogok jugakah?"

"Tentulah tuan, kalau saya tak ikut mogok, kepala saya nanti kena belasah dengan kayu api," jawab Ishak.

Tuan Warman terdiam dengan jawapan itu.

Dalam pada orang-orang tahanan kecoh dengan tindakan mogok itu, seorang *warder* Melayu telah membuat hal dengan memasuki ke dalam blok wanita pada malam hari. Dia merangkak-rangkak masuk ke blok wanita. Akibatnya, dia dipukul oleh wanita-wanita itu dengan kayu api, botol-botol hingga luka parah di kepalanya. Badannya lebam-lebam. Dua puluh empat jam kemudian *warder* itu dibuang kerja.

Kejadian itu telah ditertawakan oleh kebanyakan orang tahanan yang telah mogok lapar itu.

Tidak berapa hari selepas itu Tuan Warman menemui Ishak meminta bantuannya untuk menamatkan mogok itu.

Ishak telah memberikan nasihat kepada Tuan Warman yang kebingungan hendak menamatkan mogok itu.

"Ini bukan Melaka tuan. Ini Ipoh. Tuan kena panggil ketua-ketua blok termasuk ketua-ketua keselamatan sekali untuk membincangkan masalah makanan kami," cadang Ishak.

Dan cadangan Ishak itu telah diterima oleh pihak berkuasa khemah tahanan. Selepas bermesyuarat beberapa jam akhirnya persetujuan telah dicapai di antara kedua-dua belah pihak. Akhirnya mogok lapar pun tamat.

Setelah setahun ditahan di Morib, akhirnya tibalah giliran Ishak dibebaskan. Tetapi beberapa hari sebelum dibebaskan, Ishak didatangi oleh seorang pakar jiwa (psikologis). Kedatangannya itu bertujuan untuk menemuramah Ishak.

Pakar jiwa yang menemui Ishak itu mendakwa baru balik dari Korea Selatan. Katanya dia berkhidmat di sana pada masa perang Korea. Dia berasal dari England.

Pakar jiwa itu telah bertanya kepada Ishak kenapakah anak-anak Melayu di Pahang ramai yang menentang penjajah Inggeris dan menyebelahi pihak gerila di hutan-hutan.

Soalan itu agak sensitif tetapi Ishak telah menjawabnya secara panjang lebar, menerangkan latar belakang sejarah orang-orang Melayu yang tinggal di sepanjang Sungai Pahang. Ishak telah menerangkan kisah-kisah perjuangan pahlawan-pahlawan Pahang seperti Bahaman, Imam Radu, Mat Kilau dan lain-lain.

Pakar ilmu jiwa itu kemudian bertanya pula soal-soal yang berkaitan dengan ekonomi, pendidikan, kebudayaan dan soal-soal yang berkaitan dengan masyarakat desa dan bandar.

Ishak telah memberikan jawapan yang berterus terang, tiada

selindung-selindung atau sorok-sorok lagi. Katanya; walaupun Pahang sangat besar dan kaya tetapi kebanyakan rakyat jelata khususnya orang-orang Melayu yang tinggal di sepanjang Sungai Pahang yang besar itu berada dalam kemiskinan serba-serbi. Jalan-jalan raya yang baik tidak ada, sekolah-sekolah tidak cukup, perhubungan antara sebuah kampung dengan sebuah kampung yang lain amat sukar, masih pakai perahu, sawah-sawah padi tidak cukup, kebun-kebun kelapa dan getah untuk satu-satu keluarga pun amat kecil. Ishak tidak takut penjajah Inggeris itu marah dengan komen-komennya itu. Dia berkata yang benar. Orang Melayu (masa itu) masih ketinggalan dalam serba-serbi. Penjajah hanya mengaut kekayaan negeri. Yang tinggal pada anak negeri hanyalah kuah dan kerak-kerak sahaja.

Ishak juga menceritakan penderitaan orang-orang Melayu semasa pendudukan Jepun dan semasa pemerintahan peralihan Bintang Tiga. Pakar jiwa itu, terang Ishak, telah mencatatkan segala perkara yang telah diceritakannya.

Dua tiga hari sebelum Ishak dibebaskan, Ishak telah ditawarkan kerja di Jabatan Penerangan, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

Ishak menerima tawaran itu kerana kalau dia menolak, tentu dia tidak ada kerja. Kalau tidak ada kerja, hidup sehariannya lagi susah. Ishak bukan ada harta. Duit ringgit dan emas jauh sekali.

Lagipun Ishak memikirkan selepas begitu banyak menempuh pengalaman pahit sejak dari sekolah, masa remaja, masa Jepun dan masa darurat yang penuh huru-hara, adalah lebih baik dia merancang masa depannya.

Yang menjadi Ketua Jabatan Penerangan masa itu – iaitu pada zaman pemerintahan Jeneral Templer, ialah seorang guru sekolah dari London. Namanya Peterson. Orangnya pandai, baik hati dan peramah. Pada mulanya Ishak bekerja sebagai penterjemah daripada bahasa Melayu ke dalam bahasa Inggeris dan daripada bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu. Kemudian Ishak ditukarkan pula ke Filem Unit (sekarang Filem Negara). Di Filem Unit, Ishak diberikan tugas sebagai "Komentator Filem", iaitu memberikan suara latar kepada filem-filem yang diterbitkan.

Tidak lama kemudian Ishak dinaikkan pangkat daripada pegawai divisyen dua kepada divisyen satu. Jawatannya *Script Writer* (Penulis Skrip) dengan gaji $790.00 sebulan. Agak lumayan. Tetapi Ishak mana boleh bekerja lama-lama di satu tempat. Dia mudah bosan. Akhirnya dia mencari helah untuk meninggalkan jawatannya secepat yang boleh.

Pada awal tahun 1955, Ahmad Boestamam telah dibebaskan dari tahanan. Allahyarham Ahmad Boestamam sebenarnya ditahan lebih lama daripada Ishak sendiri.

Tidak lama selepas itu, beberapa orang tahanan telah berpakat hendak menubuhkan sebuah parti politik baru yang dinamakan Parti Rakyat Malaya. Perundingan untuk menubuhkan parti itu telah diadakan di rumah Ishak (rumah kerajaan) di Bukit Petaling. Pada bulan Mei tahun itu Kongres Parti Rakyat Malaya telah diadakan di Kuala Lumpur.

Tidak berapa lama selepas peristiwa politik itu, Ishak telah menerima satu nota daripada Ketua Filem Unit, Tom Hodge yang menyatakan Ishak telah diturunkan pangkat daripada divisyen satu ke divisyen tiga dan gajinya juga diturunkan daripada $790.00 sebulan kepada $330.00 sebulan.

Ishak tidak merasa sedih diturunkan pangkat dan gaji. Memang itulah yang ditunggu-tunggunya. Ishak tidak minta berhenti tetapi dia ponteng kerja. Selama sebulan dia tidak pergi kerja. Akhirnya kerani besar Filem Unit telah datang ke rumahnya dengan membawa cek sebulan gaji sebagai ganti sebulan notis untuk menamatkan jawatan Ishak.

Ishak menerimanya dengan senang hati.

Lebih kurang sebulan selepas itu, Ishak telah berpindah ke rumah isterinya, di batu 13, Hulu Langat, Selangor.

* * *

Ishak paling segan untuk bercerita tentang kisah cintanya. Bila ada orang cuba bertanya tentang kisah cintanya pada zaman remajanya, dia hanya akan berkata: "Kami tak pernah bercinta. Perkahwinan saya atas restu keluarga."

Isterinya sekarang bernama Hajah Aishah yang dikahwininya lebih 30 tahun yang lalu. Sebelum mendirikan rumah tangga dengan Hajah Aishah, Ishak pernah berkahwin tetapi disebabkan dia sering masuk dan keluar penjara menyebabkan perkahwinan tersebut tidak kekal lama. Tetapi dengan Hajah Aishah kekal sampai sekarang.

Apakah rahsianya? Dan di mana Ishak berjumpa isterinya sekarang?

Kisah cintanya dengan Hajah Aishah dikatakan bermula di penjara. Pertemuan sejenak secara tidak sengaja di penjara itu telah berjaya mencuri hati kedua-duanya.

Kira-kira pada tahun 1950, ketika Ishak meringkuk di kem tahanan Tanjung Beruas Melaka, datanglah seorang anak gadis bersama ibunya untuk melawat abangnya yang turut ditahan di kem itu bersama-sama Ishak.

Abang si gadis comel itu ialah Haji Said dan Ustaz Yahya.

Ketika di bilik kunjungan yang kecil di kem itulah anak gadis yang bernama Aishah itu telah terpandang Ishak Haji Muhammad. Pandangan pertama itu membuatkan mereka bertentangan mata. Aishah terpaku sejenak. Hatinya berdebar-debar bagaikan deburan ombak menghempas ke pantai. Pemuda yang direnungnya itu kacak dan menarik. Aishah tidak tahu apakah yang menyebabkan dia rasa tertarik dengan pemuda bernama Ishak itu; adakah kerana rupa parasnya yang kacak atau semangat perjuangannya yang tidak pernah mengenal erti penat dan jemu.

Tanpa disedarinya, sewaktu hendak meninggalkan kem tahanan itu, Aishah telah menghulurkan wang kertas sebanyak dua tinggi kepada Ishak. Apakah yang menyebabkan dia terdorong menghadiahkan wang kertas dua ringgit itu pun dia tidak tahu. Mungkin waktu itu dia merasa kasihan kepada Ishak, lalu dihulurkan duit sebanyak itu kepadanya kerana itulah sahaja cenderamata yang ada padanya.

Mungkin juga duit dua ringgit itu telah menjadi tali pengikat mereka berdua sehingga berjaya naik pelamin. Aishah tidak tahu. Kejadian itu berlaku tanpa disedarinya.

Selepas balik ke rumah, Aishah menjalani kehidupan seperti biasa. Ingatannya terhadap Ishak merupakan ingatan biasa saja. Tidak lebih daripada itu. Tidak pernah terlintas dalam fikirannya yang dia akan menjadi isteri kepada Ishak. Walaupun begitu nama Ishak yang terukir dalam ingatannya. Ingatannya terhadap seorang pejuang yang tidak takut masuk dan keluar penjara.

Aishah sendiri pernah menjadi ahli AWAS (Angkatan Wanita Sedar). Dia pun pernah diburu penjajah ketika kumpulan AWAS bersama API (Angkatan Pemuda Insaf) dan PKMM (Parti Kebangsaan Melayu Malaya) dicap sebagai anti-penjajahan. Tetapi Aishah berjaya menyembunyikan diri daripada perangkap penjajah.

Tiga tahun kemudian (1953) bulan Julai (dalam bulan puasa), selepas Ishak dibebaskan dari kem tahanan di Ipoh keluarga kedua-duanya telah menyatukan Aishah dan Ishak sebagai suami isteri. Dengan perkahwinan itu berakhirlah penantian Aishah terhadap Ishak yang pertama kali berjumpa di penjara sehingga melahirkan bibit cinta

yang akhirnya membawa mereka menjadi suami isteri. Bermula dari saat itu, Aishah dan Ishak mengharungi gelombang hidup bersama. Susah sama dirasainya, senang sama dinikmatinya. Aishah memahami jiwa suaminya, seorang pejuang yang aktif dan tidak pernah duduk diam dalam menyuarakan semangat perjuangan menentang penjajahan.

Oleh sebab Aishah sendiri pun seorang wanita yang terlibat dalam arus perjuangan menentang penjajahan maka dia sudah bersedia menghadapi sebarang risiko atau kemungkinan yang terpaksa dihadapinya dan keluarganya.

Oleh sebab Ishak merupakan orang perjuangan maka Aishah sering ditinggalkan keseorangan di rumah, namun begitu Aishah memahami segala-galanya itu dan bersedia untuk menghadapinya dengan tabah dan yakin.

Pada tahun 1959, mereka dikurniai seorang cahaya mata perempuan yang diberi nama Inda. Keadaan hidup waktu itu telah banyak berubah. Kehidupan mereka tidak semewah sebelumnya. Mereka tinggal di rumah pusaka peninggalan orang tua Aishah di Hulu Langat. Dan Ishak pada masa itu sudah berhenti dari Filem Unit (Filem Negara sekarang).

Empat tahun kemudian seorang lagi cahaya mata muncul dalam kehidupan Ishak dan Aishah. Cahaya mata ini diberi nama Tuna. Pada waktu itu Ishak kembali aktif dalam politik. Dia asyik keluar, tidak kira siang atau malam. Aishah terpaksa menghadapi saat-saat seperti itu. Sebagai seorang yang terlibat dalam gelanggang politik, Ishak sudah pasti tidak boleh duduk diam. Dia terpaksa ke hulu ke hilir berkempen, memancing undi dan menyediakan kelengkapan untuk bertanding.

Sebagai seorang isteri Aishah tetap tabah dan bersedia menerima sebarang cabaran. Kekalahan Ishak dalam pilihan raya 1964 memberi pukulan teruk kepadanya dan keluarganya. Dalam keadaan patah hati, Ishak berkurung diri di rumahnya seolah-olah ingin bersembunyi daripada pandangan orang ramai. Dia ingin mengasingkan diri dan enggan membuat sebarang pekerjaan. Keadaan ini membingungkan Aishah dan anak-anaknya.

Dalam menjalani kehidupan sehari-hari itu, Ishak ialah seorang yang tidak percaya kepada kata-kata "sediakan payung sebelum hujan" kerana baginya rezeki ada di mana-mana. Yang penting ialah berusaha mencarinya. Kerana sikap dan falsafah sebeginilah yang menyebabkan mereka tidak mempunyai wang simpanan.

Aishah menggelabah dengan keadaan tersebut tetapi dia berusaha menghadapinya dengan tabah.

Dalam saat-saat menghadapi kesusahan itu, malang datang bertubu-tubi, seperti kata pepatah; sudah jatuh ditimpa tangga. Pada tahun 1965, sekali lagi Ishak ditahan di bawah Akta Undang-Undang Keselamatan Dalam Negeri.

Dia dan anak-anaknya menitiskan air mata apabila melihat Ishak dibawa pergi oleh anggota polis. Tetapi dia tetap cekalkan hatinya. Bukan senang berkahwin dengan seorang pejuang yang tidak mengenal erti kalah.

Selama setahun mereka berulang-alik ke Balai Polis di Jalan Bandar Kuala Lumpur untuk melawatnya yang waktu itu ditahan di sebuah rumah asing di sebelah Penjara Pudu. (Sekarang rumah itu dijadikan Pusat Karyawan Penjara Pudu). Wang yang mereka belanjakan untuk tambang pergi balik melawat Ishak itu adalah hasil daripada jualan sayur-sayuran di kampung, di samping sekali-sekala didermakan oleh kawan-kawannya yang rapat dan bersimpati dengan nasib mereka.

Dalam masa setahun itu Aishah menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan tetapi dia tetap bersabar dan tidak takut menghadapi keadaan. Dia akan tetap bersama Ishak walaupun apa yang akan terjadi.

Selepas Ishak dibebaskan barulah kesusahan Aishah beransur berkurangan. Ishak kembali aktif menulis untuk akhbar-akhbar tempatan. Dapatlah mereka rezeki untuk menampung perbelanjaan hidup sehari-hari.

Hajah Aishah tetap bersama Ishak dan dia tidak pernah bimbang apabila sesekali Ishak hilang berhari-hari tanpa memberitahunya. Dia sudah mengenal secara *total* hati dan budi suaminya.

Dia bolehlah diibaratkan sebagai lambang wanita kampung yang menjadi tulang belakang kepada perjuangan suaminya tanpa perlu menonjolkan diri. Dia memberikan keyakinan dan menumpahkan sepenuh kesetiaan kepada suaminya tanpa banyak menyoal dan mempertikaikan pegangan politik atau perjuangan suaminya.

Mungkin kerana itulah kehidupan mereka kekal dan bahagia sehingga kini.

Ishak memang gemar mengembara. Selain ingin melihat tempat orang, dia juga ingin menemui rakan-rakan seperjuangannya terutama ahli-ahli Kesatuan Melayu Muda (KMM).

Kira-kira pada tahun 1944, Ishak mengambil keputusan hendak

ke Taiping untuk menemui Dr. Burhanuddin Al Helmy (Allahyarham), yang pada waktu itu bekerja sebagai penasihat dalam Pusat Pentadbiran Jepun bagi Malaya dan Sumatera.

Semasa meninggalkan anak isterinya untuk ke Taiping itu, Ishak tidak membawa banyak pakaian. Dia hanya membawa sehelai seluar pendek dan baju kemeja kuning daripada kain *drill*. Itulah sahaja pakaian yang dibawanya.

Dari Temerloh Ishak singgah sekejap di Kuala Lumpur sebelum meneruskan perjalanannya ke Taiping. Untuk ke Taiping dia boleh menaiki keretapi atau kereta sewa. Ishak telah menaiki keretapi.

Askar-askar Jepun mengadakan kawalan yang ketat di sepanjang perjalanan. Tambang kereta sewa dan keretapi juga dikawal oleh pihak Jepun. Tambang tidak boleh dinaikkan sembarangan.

Di Taiping, Ishak telah pergi menemui Dr. Burhanuddin. Dia telah diberikan tugas oleh Dr. Burhanuddin supaya menyusun pemuda-pemuda di Pantai Timur-Kelantan dan Terengganu supaya bersiap sedia bagi menghadapi sebarang kemungkinan apabila Jepun kalah perang. Jika perlu penyokong-penyokong KMM mungkin terpaksa mengangkat senjata bagi memperjuangkan kemerdekaan tanah air.

Untuk melaksanakan tugas-tugas itu, Ishak terpaksa ke Kelantan dan Terengganu bagi menemui penyokong-penyokong dan pejuang-pejuang KMM. Ishak diberikan sedikit belanja untuk perjalanan yang memakan masa itu. Ishak diminta berhati-hati dan cermat semasa di Kelantan dan Terengganu kerana yang memerintah di situ ialah orang-orang Siam. Begitu juga di Kedah dan Perlis.

Untuk ke tempat tersebut, Ishak menggunakan keretapi. Dia bertolak pada waktu malam dari Taiping ke Padang Besar. Perjalanan dengan keretapi pada masa itu sungguh lambat. Keretapi menggunakan arang batu. Pada zaman Jepun itu koc keretapi hanya ada kelas tiga sahaja. Tidak ada kelas satu atau dua atau nombor tempat duduk. Boleh duduk di mana saja. Kalau orang ramai dan sudah tidak dapat tempat duduk maka terpaksalah berdiri.

Pada waktu itu juga keretapi bukan saja digunakan untuk mengangkut orang. Lembu kerbau pun dibawa bersama. Maklumlah tidak ada alat pengangkutan yang lain. Memang ramai orang yang menggunakan keretapi.

Ishak sampai di stesen Padang Besar pada keesokan paginya kira-kira pukul enam pagi. Sesampainya di stesen itu, Ishak berbaring sejenak di atas rumput di kawasan lapang di stesen Padang Besar itu

kerana keletihan. Menaiki keretapi memang memenatkan badan. Selepas hilang penat barulah Ishak mula mencari rumah penginapan. Rumah-rumah tumpangan di Padang Besar di sebelah Siam pada masa itu ada banyak tetapi yang anehnya tidak ada tilam dan kain cadar. Mereka terpaksa tidur di atas lantai yang beralaskan tikar sahaja, seperti tidur di rumah orang-orang kampung. Sakit belakang pun apa nak buat asalkan dapat tempat menginap buat sementara.

Makan minum di situ waktu itu tidak susah. Banyak tempat yang boleh menjamu selera. Harganya pun murah. Ishak tidak memilih sangat tempat makan. Di gerai tepi jalan pun boleh.

Di Padang Besar Ishak bertemu ramai askar *Indian National Army* (INA) yang diketuai oleh Subhas Chandra Bose (mendiang). Kebanyakan mereka keturunan Pathah datang dari Songkhla atau Senggora. Askar-askar ini dari Singapura dan hendak ke India melalui Burma. Askar-askar India dikatakan telah kalah teruk dalam peperangan dengan tentera British di Imphal dekat sempadan Burma dengan India. Dan Subhas Chandra Bose, pemimpin mereka diberitakan telah mati dalam satu kemalangan kapal terbang semasa dalam perjalanan ke Tokyo.

Dari Padang Besar, Ishak meneruskan perjalanannya ke Haadyai. Ishak duduk selama dua hari di Haadyai. Kemudian dia meneruskan perjalanan ke Kelantan melalui Yala dan Golok.

Semasa singgah sebentar di stesen Yala, Ishak membeli makanan seperti nasi dan lauk-pauk yang dimasak oleh wanita Melayu. Ishak membeli ayam panggang dan ikan panggang serta buah-buahan.

Di stesen Golok sebelum masuk ke Rantau Panjang, Ishak telah diperiksa dengan rapi oleh askar-askar Jepun. Ishak merasa cemas juga melihat askar-askar Jepun yang mengadakan pemeriksaan itu. Tetapi mujurlah, beberapa dokumen mengenai perjalanannya itu dibawa bersama. Kalau benar-benar Jepun itu hendak tengok dia boleh tunjuk. Secara kebetulan juga dia ada membawa beberapa keping gambar yang dibawa balik dari Tokyo. Satu keping daripada gambar-gambar itu menunjukkan dia bergambar dengan Jeneral Tojo dalam satu majlis makan malam di Tokyo.

Gambar itu disimpan dengan baik oleh Ishak. Dia sendiri merasa bangga dapat bergambar dengan Jeneral Tojo. Bukan senang hendak bergambar dengan orang besar askar Jepun itu.

Bila askar-askar Jepun yang memeriksa Ishak melihat gambar itu, mereka menjadi tercengang dan memandang dari atas ke bawah

terhadap Ishak. Mereka berpandang-pandangan sesama sendiri. Mungkin mereka merasa hairan bagaimana seorang anak tempatan boleh bergambar dengan orang besar askarnya di tanah airnya. Tentulah orang itu agak istimewa. Kalau tidak, masakan dia dapat bergambar dengan Jeneral Tojo. Mungkin itu yang difikirkan oleh askar-askar Jepun semasa mereka memerhati Ishak dari atas ke bawah.

Askar-askar Jepun itu bukan saja merasa hairan dengan Ishak tetapi mereka telah mengangkat tabik terhadap Ishak seolah-olah memberikan hormat. Ishak tercengang menerima tabik askar-askar Jepun itu. Selama ini hanya rakyat tempatan yang disuruh angkat tabik kepada askar-askar Jepun. Sekarang sudah berlaku sebaliknya.

Selepas menerima tabik daripada askar-askar Jepun itu barulah Ishak merasa lega. Tadi, takut dan berdebar-debar juga hatinya. Bimbang kalau dia disyaki sebagai pengintip atau sebagainya. Bila askar-askar Jepun itu beredar, Ishak mengurut dada kerana terlepas daripada bala.

Setibanya di Kota Bharu, Kelantan, Ishak pun mulalah mencari dan menghubungi bekas-bekas anggota KMM. Dia tidak tahu di manakah mereka itu tinggal, jadi terpaksalah dia bertanya kepada orang ramai. Di antara bekas ahli KMM yang dikesan oleh Ishak ialah Cikgu Wan Ibrahim Mustaffa di kampung Cina dekat Sungai Keladi. Seorang lagi yang ditemuinya ialah Abdul Hamid bin Mahmud (Allahyarham) dari Kampung Sirih, Kota Bharu. Abdul Hamid pernah kena tahan bersama anggota-anggota KMM dalam masa darurat dan pernah juga kena tahan bersama Ishak, tinggal dalam satu blok di Khemah Tahanan Ashby Road, Ipoh.

Dari Kota Bharu, Ishak pergi pula ke Kuala Terengganu. Antara orang-orang yang ditemuinya ialah Ibrahim Fikri (Allahyarham), Wan Daud Ahmad, Datuk Mansor, Haji Salleh (Misbaha) dan lain-lain.

Di Terengganu, Ishak dapati anak-anak muda yang ditemui sudah kehilangan semangat. Mereka tidak berani lagi untuk tampil ke depan. Haji Salleh masih tidak luntur semangatnya tetapi disebabkan ketinggiannya melebihi daripada orang-orang biasa, dia tidak diajak oleh Ishak untuk memasuki pergerakan bawah tanah menentang British.

Dari Kota Bharu ke Kuala Terengganu, Ishak gagal mengumpul orang-orang yang hendak menyertai pergerakannya seperti yang diarahkan oleh Dr. Burhanuddin. Ishak menyifatkan perutusannya itu gagal sama sekali.

Sebelum balik ke Pahang, Ishak ke Kuala Berang, Hulu Te-

rengganu untuk menemui abang sulungnya Abdul Hamid (Allahyarham) yang pada masa itu bekerja sebagai A.D.O. di Kuala Berang. Abang Ishak telah ditembak mati oleh askar-askar Bintang Tiga akibat laporan palsu pihak-pihak tertentu yang mengatakan bahawa semasa pendudukan Jepun, abang Ishak telah tidak membahagikan beras catuan dengan adil kepada orang ramai.

Dari Kuala Terengganu, Ishak balik semula ke Kelantan, pergi ke Kuala Kerai dan naik keretapi ikut Gua Musang, Kuala Lipis, kemudiannya dia turun di stesen Mentakab dan balik ke kampung halamannya di Temerloh. Ishak dapati keluarganya dalam keadaan aman dan selamat.

Pada tahun 1944, ketika Jepun masih memerintah Tanah Melayu, Ishak telah diberi kesempatan melawat negeri matahari naik itu bersama beberapa orang rakannya.

Kesempatan melawat Jepun itu diterima dengan senang hati oleh Ishak yang sememangnya menaruh cita-cita untuk menjejakkan kakinya ke negara tersebut.

Selain Jepun, Ishak juga beroleh kesempatan melawat Filipina, Hong Kong, Shanghai, Taiwan, Pulau Okinawa dan lain-lain.

Pada bulan November, di mana-mana juga sekitar pantai laut benua Asia, biasanya musim angin bertiup kencang, hujan lebat, suhu menurun dan awan mendung. Kata orang musim monsoon.

Begitulah yang dialami oleh wartawan-wartawan dari rantau Asia Raya (termasuk Ishak) yang dikuasai oleh tentera Jepun apabila dia pulang meninggalkan Tokyo dalam bulan November 1944.

Oleh sebab cuaca kurang baik kapal terbang yang membawa mereka terkandas di Taiwan selama tiga hari tetapi peristiwa itu memberi kesempatan kepada mereka untuk mengenal Taipeh dari dekat. Ishak mengambil kesempatan itu untuk meninjau kehidupan di Taipeh.

Selain Taipeh mereka juga terpaksa mendarat di Pulau Okinawa, pangkalan tentera Jepun pada masa itu. Mereka tinggal di Hotel Naha selama dua hari kerana cuaca di laut Filipina kurang baik. Laut bergelora. Ribut dan puting beliung boleh menyerang tanpa diduga.

Hotel tempat Ishak menginap itu bukanlah besar, hanya sebuah banglo kayu yang dikelilingi oleh ladang pisang, nanas dan keledek. Waktu itu ia dianggap sudah cukup besar dan hebat.

Pada masa Perang Dunia Kedua (1941–1945) rakyat Jepun tidak dibenarkan memakai perhiasan atau barang-barang kemas daripada

intan berlian, emas dan perak. Semua barang berharga mestilah didermakan untuk tujuan perbelanjaan membiayai peperangan. Jepun waktu itu terpaksa menentang kekuatan pertahanan China, Rusia, Amerika, Inggeris, Belanda, Perancis dan negara lain yang bersekutu dengan negara-negara maju.

Musuh-musuh Jepun itu merupakan negara-negara besar yang mempunyai pasukan tentera dan peralatan bersenjata yang lengkap tetapi Jepun berusaha menentangnya untuk mencapai cita-citanya bagi menakluki dunia.

Semasa mereka melawat beberapa buah bandar di Jepun itu, Ishak telah melihat betapa kuatnya perpaduan di kalangan rakyat Jepun. Demi untuk mencapai hasrat dan cita-cita mereka menakluki dunia, mereka sanggup berbuat apa sahaja hatta menggadai nyawa mereka.

Di Osaka, rakyat Jepun menjalankan kutipan derma untuk belanja perang. Mereka memberikan harta benda termasuk barang-barang berharga seperti kain baju, cincin, rantai leher, gelang dan barang-barang lain. Masing-masing tidak kira miskin atau kaya menghulurkan derma berdasarkan kemampuan. Oleh sebab kebanyakan rakyat melahirkan hasrat untuk menderma maka bertimbun-timbunlah barang-barang yang dapat dikumpul.

Para pelayan di Hotel Naha memakai gaun putih daripada kain benang kapas, kasut putih, tanpa apa-apa perhiasan. Tetapi mereka kelihatan riang, sentiasa tersenyum manis, bekerja dan berkhidmat dengan tekun dan rajin. Rupa paras mereka lawa-lawa dan cantik-cantik serta bersopan santun. Seorang daripada pelayan wanita itu bernama Ohara, pandai bercakap Inggeris. Orangnya manis dan lemah lembut. Dia adalah gadis kacukan. Emak Jepun, bapa Filipina. Masa itu sudah ada orang-orang Jepun yang kahwin campur dengan bangsa-bangsa lain.

Ishak tertarik dengan tingkah laku Ohara. Dia berkesempatan berbual-bual dengan gadis itu untuk mengetahui latar belakangnya dan keadaan hidup masyarakat Jepun terutama gadis-gadis sepertinya.

Ohara memberitahu Ishak, *"I have not worn a ring for almost four years."* Sambil itu, dia merenung jari manis tangan kiri Ishak. *"Can I borrow for a while?"* tanya gadis itu tersipu-sipu selepas memerhati cincin di jari manis Ishak itu.

Cincin suasa bermata biru yang dipakai oleh Ishak itu dibeli semasa di Singapura dengan harga $12.00 sahaja. Harga $12.00 bagi sebentuk cincin pada masa itu sudah boleh dianggap mahal.

Ishak merasa belas kasihan terhadap gadis Jepun itu. Dia lalu memberikan cincin itu kepada Ohara untuk memakainya.

"*Take it!*" kata Ishak.

Cincin itu pun bertukar tangan. Ohara bukan kepalang gembira lagi, lalu disarung cincin itu ke jari manisnya.

Gadis itu kemudian bertanya kepada Ishak, "*How do I look now?*" Dia bertanya sambil menunjukkan cincin di jari manisnya itu.

"*You look very beautiful, like the full moon,*" puji Ishak. Ohara ketawa. Ishak pun ketawa. Mereka sama-sama gembira.

Selang sehari kemudian, ketika Ishak bersiap-siap hendak berangkat pulang, Ohara datang mengetuk pintu di bilik hotelnya.

Ohara masuk ke biliknya, duduk di tepi katil sambil memerhati Ishak yang sedang berkemas itu. Dia kemudian menghulurkan tangan kirinya.

Dengan suara yang perlahan dan wajah yang muram dia berkata, "*You are leaving me early tomorrow morning. Please take back your ring, please pull it from my finger.*" Nadanya sedih dan sayu.

Ishak merasa terharu dengan kata-kata Ohara itu. Dia diam seketika, kemudian bersuara, "*You can have the ring as a present from me.*"

Mendengar kata-kata Ishak itu Ohara terdiam sejenak. Dia merenung wajah Ishak. Dia kelihatan amat terharu. Kemudian dia bersuara, "*Thank you very much. You are very kind. I shall always remember you.*"

Mereka saling berpandangan. Perkenalan yang singkat itu sudah cukup memesrakan mereka.

Dengan perasaan terharu dan hiba, Ohara perlahan-lahan melangkah keluar dari bilik hotel itu diiringi oleh Ishak.

* * *

Ishak aktif dalam dua bidang; penulisan dan politik. Kegiatan secara aktif di bidang politik hanya semasa pendudukan Jepun dan Inggeris. Pada waktu ini, Ishak lebih terlibat dalam gerakan politik berhaluan kiri.

Dalam pilihan raya pertama tahun 1959, dua tahun selepas kemerdekaan, Ishak pernah menjadi calon. Pada masa itu Ishak menjadi anggota Parti Buruh Malaya (PBM). Ibu pejabatnya terletak di Batu Road. Waktu itu PBM bergabung dengan Parti Rakyat Malaya yang diketuai oleh Datuk Ahmad Boestamam (Allahyarham).

Gabungan antara Parti Buruh Malaya dengan Parti Rakyat Malaya itu dinamakan "Barisan Sosialis" atau *Socialist Front*.

Ishak bertanding di Pahang dalam kawasan Parlimen Temerloh, kampung kelahirannya.

Ahmad Boestamam bertanding dalam kawasan parlimen Setapak dan En. Nazar Nong dalam kawasan Dewan Undangan Negeri, Sentul. Kedua-duanya menang. Beberapa orang calon Barisan Sosialis juga menang, di antaranya Dr. V. David, Dr. Tan Chee Koon dan Karam Singh.

Di Pulau Pinang, calon-calon Barisan Sosialis juga menang beberapa kerusi. Bagaimana pula nasib Ishak. Adakah dia pun turut menang juga? Nasib Ishak tidak sama dengan nasib kawan-kawannya. Walaupun ramai sanak keluarga, kawan-kawan dan orang ramai di Pahang keluar membantunya dalam kempen-kempen pilihan raya tetapi nasib tidak menyebelahi Ishak. Ishak tewas.

Penyokong-penyokongnya terutama dari Kuantan, Kuala Lipis dan Raub yang datang beramai-ramai, tidak tidur siang dan malam berkempen untuknya merasa hampa. Tetapi Ishak menerimanya dengan dada yang lapang. Dia tidak merasa kesal atau kecewa walaupun pada hakikatnya dia memang menaruh harapan untuk menang. Orang Temerloh ternyata telah menolak Parti Buruh atau Barisan Sosialis walaupun calonnya anak tempatan yang dikenali dan disanjungi.

Semenjak 1959, wakil-wakil rakyat bagi kawasan parlimen Temerloh dan wakil-wakil Dewan Undangan Negeri Pahang bagi kawasan-kawasan Chenor, Bera, Bandar Temerloh, Mentakab dan Kerdau adalah terdiri daripada calon-calon UMNO sahaja. Penduduk-penduduk di daerah-daerah ini menerima UMNO dengan sepenuh hati.

Walaupun Ishak terlibat dengan Parti Buruh tetapi dia tidaklah aktif buat selama-lamanya. Hanya di peringkat awal sahaja dia agak aktif tetapi selepas 1959, kegiatannya sudah mula menurun. Pada tahun 1965, Ishak kena tahan selama setahun lagi. Selepas itu dia tidak aktif lagi dalam kegiatan politik. Ishak hanya menumpukan masa di bidang penulisan sahaja. Arena politik seakan-akan sudah dibenamkan dari diari hatinya. Seboleh-bolehnya dia mahu melupakan penglibatannya dalam parti tersebut.

Pada tahun 1936, sudah kedengaran berita di kalangan masyarakat Melayu di Singapura bahawa sebuah akhbar Melayu akan diterbitkan dengan dimodali oleh orang-orang Melayu sendiri.

Berita ini telah tersebar dan menjadi tajuk perbualan orang-orang

Melayu. Tetapi berita yang bertiup pada tahun 1936 itu masih menjadi tanda tanya tentang kebenarannya.

Bila ditanya lebih lanjut tiada siapa pun yang dapat memberikan penjelasan yang tepat.

Sebelum itu sudah ada Warta Malaya dan dua terbitannya iaitu *Warta Ahad* dan *Warta Jenaka* yang merupakan majalah paling laris waktu itu.

Ishak mula mendengar berita ini pada tahun 1938. Ketika itu dia masih bekerja dengan Warta Malaya. Selepas mendengar berita itu, Ishak cuba menyiasatnya. Dia hendak tahu siapakah yang memberikan modal dan apa tujuan penerbitan akhbar tersebut.

Reaksi daripada berita tersebut adalah berbagai-bagai. Ada pihak yang secara berterus terang bersetuju dan tidak kurang pula yang menentangnya.

Golongan yang menentang terdiri daripada orang-orang Melayu yang tidak berapa yakin dengan kebolehan bangsa sendiri. Tanpa silu-silu mereka berkata:

"Orang Melayu tak boleh terbit akhbar sendiri. Orang Melayu mana tahu berniaga!"

Kata-kata itu sungguh menghiris tangkai hati orang-orang Melayu yang mendokong penubuhannya. Ishak sendiri merasa tersinggung dengan pendapat golongan penentang itu.

Daripada penyiasatannya dia mendapat tahu akhbar itu nanti akan dimodali oleh orang-orang Melayu seratus peratus. Ia akan menjadi akhbar tulen yang dimodali dan dipunyai oleh orang-orang Melayu sendiri. Orang Melayu jati. Bukan orang Melayu darah keturunan Arab atau darah keturunan Pakistan atau India.

Ishak dan Abdul Rahim Kajai secara jujur telah menyatakan penerbitan akhbar itu tepat pada masanya. Walaupun pada ketika itu mereka sudah pun bekerja dengan Warta Malaya tetapi hati mereka sebenarnya sudah mula terpaut dengan rancangan tersebut.

Mereka menyifatkan rancangan tersebut sebagai sinar baru bagi orang-orang Melayu.

Sungguhpun hati mereka bersetuju dengan rancangan tersebut tetapi Ishak dan Rahim Kajai mengambil masa lebih enam bulan untuk menyiasat secara terperinci mengenai orang-orang yang terlibat dalam rancangan itu. Mereka mahu tahu ke akar umbinya sebelum membuat keputusan untuk menyertainya.

Akhirnya selepas mendapat segala maklumat yang diperlukan,

Ishak pun mengambil keputusan berhenti dengan Warta Malaya dan berkhidmat dengan Utusan Melayu walaupun gaji yang akan diperolehinya daripada Utusan Melayu tidak sebesar atau semahal gaji dia bekerja dengan Warta Malaya.

Dalam peringkat awal penubuhannya terdapat beberapa kebimbangan yang mungkin dihadapi oleh Utusan Melayu. Sebagai sebuah akhbar baru, ia sudah pasti terdedah kepada beberapa kemungkinan yang tidak diduga. Kebimbangan pertama ialah adakah ia mampu bersaing dengan akhbar-akhbar yang sudah terbit sebelumnya dan sudah pun menguasai sebilangan besar pasaran tempatan. Kebimbangan kedua ialah adakah Utusan Melayu akan mendapat sokongan orang-orang Melayu sendiri? Sokongan daripada segelintir orang mungkin tidak akan membawa Utusan Melayu ke mana-mana. Ia memerlukan sokongan padu yang menyeluruh. Kebimbangan ketiga ialah adakah raja-raja Melayu, orang-orang besar Melayu dan kaum terpelajar daripada kaum Melayu akan memberikan sokongan padu untuk menjayakannya.

Ketiga-tiga persoalan ini adalah penting untuk diberikan perhatian yang serius. Walaupun begitu, selepas beberapa lama bermesyuarat dan membuat pertimbangan dari pelbagai segi, akhirnya mereka berpendapat bahawa sudah tibalah masanya bagi orang-orang Melayu mempunyai sebuah akhbar sendiri bagi menyalurkan maklumat kepada orang Melayu keseluruhannya.

Mereka berpendapat sokongan daripada orang-orang Melayu akan datang secara beransur-ansur. Akhirnya pada 29 Mei 1939, sebuah syarikat yang diberi nama Syarikat Utusan Melayu Press Limited telah berjaya ditubuhkan. Orang Melayu menyambutnya dengan penuh gembira. Sebuah akhbar berbahasa Melayu yang dimodali oleh orang-orang Melayu sudah pun terbit.

Jentera-jentera dan alat-alat perkakas percetakan telah ditempah dari England. Ini satu lagi kejayaan bagi orang-orang Melayu ketika itu. Penubuhan Utusan Melayu adalah titik peluh dan keringat para pejuangnya yang tidak mahu melihat orang-orang Melayu tercicir dalam penerbitan akhbar.

Dengan nekad dan kepercayaan untuk memajukan Utusan Melayu, Ishak telah berhenti dari Warta Malaya dan menyertai Utusan Melayu.

Ishak kemudian ditugaskan menjalankan kempen mengenai penubuhan Utusan Melayu di negeri-negeri Pantai Timur seperti Pahang,

Terengganu dan Kelantan. Ishak telah meninjau pendapat orang ramai mengenai kelahiran Utusan Melayu itu. Dalam lawatan ke negeri-negeri Pantai Timur itu Ishak telah menjelajah ke setiap daerah dan menemui pelbagai lapisan masyarakat untuk meninjau pendapat mereka. Dan dia telah menghebahkan mengenai kelahiran akhbar *Utusan Melayu* itu kepada semua orang.

Dia mahu semua orang Melayu memberikan sokongan dan membaca akhbar yang julung-julung kali diusahakan oleh orang-orang Melayu.

Dalam menjalankan kempen itu Ishak tidak merasa penat dan jemu. Dia melakukan kerja itu dengan senang hati dan bangga.

Lawatan Ishak ke negeri-negeri Pantai Timur itu memakan masa lebih kurang 27 hari, dan memakan belanja kira-kira $200.00 sahaja.

Ishak telah balik semula ke Singapura pada akhir bulan April. Satu laporan lengkap mengenai lawatan dan tinjauannya itu telah dikemukakan kepada pihak pengasas Utusan Melayu.

Dalam laporan itu, Ishak menyatakan bahawa kebanyakan orang di Pantai Timur yang ditemuinya melahirkan sokongan ke atas penerbitan *Utusan Melayu* itu. Mereka menyambut baik dan menunggu-nunggu kelahirannya.

Kebanyakan orang ramai yang ditemui itu memberikan semangat dan menaruh harapan yang tinggi ke atas akhbar *Utusan Melayu* itu. Mereka berdoa semoga akhbar tersebut akan beroleh kejayaan.

Laporan yang dibuat oleh Ishak itu diterima dengan baik oleh pihak pengurusan syarikat. Ketetapan untuk menerbitkan akhbar *Utusan Melayu* itu telah diputuskan selewat-lewatnya akhir bulan Mei. Segala persiapan telah pun dibuat termasuklah pejabat dan mesin-mesin cetaknya semua sudah dipasang. Mesin-mesin cetak dibeli dari England.

Akhirnya pada 29 Mei 1939, akhbar *Utusan Melayu* pun selamat diterbitkan. Keluaran sulung itu memang telah ditunggu-tunggu oleh orang ramai. Dan bila terbit saja, orang ramai meluru datang membelinya. Mereka ingin mengetahui apakah kandungan yang dimuatkan dalam naskhah sulung itu.

Yang menggembirakan ialah orang-orang Melayu Singapura berebut-rebut hendak berlanggan *Utusan Melayu*. Ada yang membuat bayaran langganan selama tiga bulan sekali, empat bulan malah sampai enam bulan.

Pejabat Utusan Melayu ketika itu terletak di Queen Street. Sejak

kelahiran *Utusan Melayu*, Queen Street menjadi buah mulut orang ramai dan sering dikunjungi oleh para pelawat.

Pada bulan Julai 1939, Abdul Rahim Kajai telah berhenti dari Warta Malaya untuk menyertai Utusan Melayu sebagai Ketua Pengarang. Ishak, kawan seperjuangan Rahim Kajai itu bekerja berganding bahu untuk memajukan Utusan Melayu.

Pada 5 November 1939, akhbar *Utusan Zaman* pula diterbitkan. *Utusan Zaman* diterbitkan pada hari minggu (Ahad) dan lebih banyak memuatkan rencana, cerpen, sajak dan kritikan sastera.

Ishak menjadi ahli sidang pengarangnya. Dia telah menerbitkan cerpen-cerpen bersiri untuk *Utusan Zaman*. Ruangan sastera (cerpen, sajak dan kritikan) merupakan halaman-halaman yang diminati ramai, terutama golongan guru dan golongan muda yang meminati kesusasteraan.

Semasa bekerja di Utusan Melayu itu, Ishak ditugaskan juga untuk mencari berita di sana sini. Selain menulis berita, dia juga ditugaskan menyiasat sesuatu perkara secara lebih terperinci. Ishak memang suka berjalan dan tugasan yang diserahkan kepadanya untuk menjalankan penyiasatan dan kajian mengenai sesuatu perkara itu memang amat diminatinya. Dia suka berjalan dan menemui orang ramai. Dia banyak mendapat berita, pengetahuan dan pengalaman.

Pada tahun 1955, Ishak mengembara semula berulang-alik dari Singapura ke Kuala Lumpur, Ipoh, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

Pengembaraannya itu memberikannya banyak idea dan pengalaman mengenai kehidupan masyarakat umum.

Ishak kemudiannya bekerja dengan Geliga Limited, sebuah syarikat percetakan dan penerbitan yang dipunyai oleh Syed Omar Alsagoff.

Dalam tahun antara 1955 hingga 1959 itu, Ishak telah mengarang buku-buku kecil, iaitu cerita-cerita ringan sesuai dibaca oleh masyarakat umum.

Di antara buku-buku yang ditulis oleh Ishak pada masa itu ialah *Judi Karan, Mencari yang Lari, Mata-mata Sukarela, Pengantin Baru* dan lain-lain.

Buku-bukunya itu telah mendapat pasaran yang meluas daripada para pembacanya.

Pada bulan Jun 1957, Ishak telah diminta oleh Syarikat Semenanjung di Singapura untuk menjadi Ketua Pengarang *Harian Semenanjung* (tulisan jawi) dengan gaji sebanyak $700.00 sebulan. Gaji

sebanyak itu pada waktu itu dikira sangat lumayan.

Dalam masa dua bulan akhbar tersebut diterbitkan jumlah edarannya telah meningkat 18 000 naskhah sehari. Peningkatan jumlah edaran ini telah memberikan saingan kepada *Utusan Melayu* yang juga berpusat di Singapura.

Kebanyakan isi berita dan rencana yang termuat dalam akhbar *Semenanjung* pada masa diketuai oleh Ishak banyak bertentangan dengan pihak yang berkuasa di Semenanjung maka Ishak telah diminta berhenti oleh pengurusan syarikat itu.

Sebelum bekerja dengan akhbar *Semenanjung*, pada akhir tahun 1956, Ishak bekerja dengan mingguan *PEDOMAN* dan bulanan *PATI* yang beribu pejabat di Bangunan China Insurance, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur.

Bulanan *PATI* telah berjaya mengasuh ramai bakat penulis melalui ruangannya yang dinamakan "Mengasah Bakat dan Bakal". Melalui ruangan ini ramai calon penulis berjaya diketengahkan.

Ishak bekerja dengan akhbar *Semenanjung* tidak lama. Selepas dia disuruh berhenti, dia pun berhenti daripada jawatannya sebagai Ketua Pengarang.

* * *

Di kalangan anak-anaknya, Ishak dipanggil dengan nama istimewanya iaitu "aboi". Dengan anak-anak, Ishak bersikap sederhana, tidak suka marah-marah dan mesra.

Sewaktu anak perempuan sulungnya dengan Hajah Aishah lahir, dia memberikan sepenuh kasih sayang. Itulah buah hati dan jantung harapannya. Belaian manja dan kemesraan diberikannya sebagai tanda kasih sayang. Anak perempuannya itu diberi nama Jamilah Ishak tetapi lebih dikenali dengan nama timang-timangannya Inda. Begitu juga dengan adik Inda, Tuna, kehadirannya menambah seri dalam keluarga Ishak.

Sewaktu Inda masih kecil, Ishak membawanya berjalan di padang, mendukung di belakang bila kepenatan, dan kemudian mandi di sungai sambil memancing ikan. Ishak memang gemar memancing ikan. Dia boleh duduk berjam-jam untuk memancing ikan.

Bila bertandang ke rumah-rumah jiran, anak kesayangannya itu akan dibawa bersama.

Semasa Ishak aktif semula dalam politik dan terpaksa lebih kerap meninggalkan rumah, masanya untuk bersama anak-anak sudah agak

terbatas. Namun demikian itu bukan bermakna dia tidak memberikan perhatian serius terhadap anak-anaknya. Semasa Inda berusia lima tahun, dia dibawa bersama oleh Ishak untuk berkempen di sekitar Kuala Lumpur termasuk Kampung Pandan. Waktu itu Ishak masuk menjadi calon pilihan raya kawasan Pudu atas tiket Parti Buruh.

Inda memang manja dengan aboinya. Dia sering mengikutinya ke merata-rata tempat di Semenanjung Tanah Melayu. Tetapi pada tahun 1965 mereka terpaksa berpisah seketika kerana Ishak ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) sebagai tahanan politik.

Untuk seketika Ishak terpaksa berpisah dengan keluarga. Namun begitu, keluarganya tetap mengunjunginya di tempat tahanannya di Balai Polis Jalan Bandar. Mereka hanya dibenarkan bertemu selama satu jam sahaja. Walaupun begitu satu jam sudah cukup untuk mereka melepaskan rindu anak beranak.

Ishak ialah seorang bapa yang pendiam, lebih suka bekerja daripada bercakap. Dia lebih suka memendam rasa daripada meluahkannya kepada sesiapa sekali pun. Dia kuat berfikir dan banyak menghabiskan masanya dengan membaca.

Menurut anaknya, Inda, Ishak (aboi) adalah seorang yang sensitif tetapi tegas. Dengan anak-anaknya (Inda dan Tuna) dia sentiasa berlembut, tidak gemar marah-marah, tetapi sikap lembutnya itu merupakan strateginya untuk membentuk perangai anak-anaknya.

Jika terdapat sesuatu perkara atau kejadian yang tidak digemarinya, dia hanya akan mengambil sikap berdiam diri dan menjauhkan diri sahaja. Dia tidak meluahkan kemarahannya dengan suaranya tetapi dengan perbuatannya.

Ishak lebih suka mendidik anak-anaknya supaya pandai berdikari, tidak perlu bergantung kepada orang lain. Dia mahu anak-anaknya mempunyai kekuatan dan keyakinan terhadap diri sendiri.

Urusan persekolahan anak-anaknya lebih banyak dikendalikan oleh isterinya Hajah Aishah. Dia jarang bertanya pasal pelajaran anak-anaknya. Dia memberi kebebasan kepada anak-anaknya untuk menggunakan fikirannya bagi mencapai kemajuan.

Ishak, jelas anaknya Inda, lebih suka menyendiri dan menyepi. Dia seperti hanyut dalam dunianya sendiri. Memasang angan-angan. Sikapnya itu menyebabkan ada orang menganggapnya sebagai manusia "bohemian". Tetapi Ishak tidak kisah apa orang hendak kata. Dia mempunyai alasan tersendiri. Di rumah, Ishak lebih suka tinggal bersendirian di sebuah bilik belakang di rumahnya di Batu 10 Hulu

Langat. Dia akan mengelamun hingga larut malam dan kadangkala akan keluar merayau-rayau di celah-celah pokok yang baru dibasahi embun jantan.

Anak-anaknya yang sudah mengetahui tabiat bapanya tidak merasa risau kalau melihat Ishak di tengah-tengah malam buta dan di Subuh pagi berjalan atau merayau di celah-celah pokok dalam udara yang dingin.

Tabiat semula jadi Ishak ialah suka bangun jam tiga atau empat pagi. Kalau dia tidur awal pun dia akan bangun jam tiga atau empat pagi. Kalau tidur lewat pun serupa.

Di rumah, Ishak tidak berapa gemar menonton TV. Dia jarang menggunakan telefon untuk bercakap dengan kawan-kawannya walaupun kawan-kawannya ramai. Dia lebih suka duduk di celah-celah timbunan fail-fail dan buku-buku dengan ditemani oleh anak-anak ayam dan kucing.

Agak aneh dan lucu juga apabila Ishak kadangkala membawa anak-anak ayam tidur di biliknya. Dan yang lebih melucukan lagi ialah seekor kucing sudah pasti akan tidur di hujung kakinya pada setiap malam.

Ishak memilih jalan hidup yang *simple*. Kalau dia terasa hendak minum, dia akan membancuh minumannya sendiri. Dia tidak mahu menyusahkan isteri atau anak-anaknya.

Pada waktu pagi, dia akan memberi makan ayam itiknya di reban. Kemudian dia berjalan-jalan di kebunnya, melihat pokok rambutan, durian, langsat dan manggis yang ditanamnya.

Sikapnya yang suka merayau-rayau di kebun atau di mana-mana itu kadangkala merisaukan juga isteri dan anak-anaknya kerana dia jarang memberitahu mereka ke mana dia hendak pergi. Itulah keunikan sikap aboi *alias* Ishak atau lebih dikenali sebagai Pak Sako oleh orang ramai.

Bagi Inda dan Tuna, mereka tetap berbangga memiliki seorang ayah seperti Ishak. Kalau ditukarkan dengan seribu orang lain pun, mereka tetap akan memilih "aboi", abah kesayangan mereka. Begitu juga dengan kaum keluarganya yang lain.

Pada tahun 1930-an dan 40-an, Singapura menjadi tumpuan orang-orang Semenanjung untuk mencari pekerjaan. Singapura pada masa itu selain menjadi pusat perdagangan, ia juga menjadi pusat perkembangan kebudayaan dan persuratan.

Mereka yang berminat untuk menjadi bintang filem umpamanya

ramai yang berkejar ke Singapura. Begitu juga dengan mereka yang berminat untuk menjadi penulis atau sasterawan. Ramai yang berhijrah ke Singapura untuk bekerja di syarikat-syarikat penerbitan akhbar dan majalah yang wujud pada masa itu.

Ishak juga bercita-cita hendak bekerja di Singapura. Sebelum mengambil keputusan untuk ke sana, Ishak telah merantau hampir ke seluruh negeri di Tanah Melayu. Dia suka berjalan untuk melihat negeri orang. Banyak berjalan banyak pula pengalaman, begitulah yang diamalkan oleh Ishak.

Ketua Pengarang dan Pengurus Besar Syarikat Warta Malaya, Y.M. Tuan Syed Hussein Ali Alsagoff telah menerima baik kedatangan Ishak ke negara Temasik itu.

Ishak telah ditawarkan gaji permulaan sebanyak $125.00 sebulan yang dibayar seminggu sekali pada tiap-tiap hari Sabtu. Semua pekerja Warta Malaya dibayar gaji seminggu sekali.

Ishak diberikan tempat tinggal di rumah bonda En. Mahfudz bin Haji Abdul Hamid. Di sini, Ishak tidak tinggal lama, kemudiannya dia berpindah ke sebuah rumah dua tingkat di Jalan Tanjung Katung tanpa perlu membayar sewa. Rumah itu berdekatan dengan rumah Abdul Rahim Kajai (Allahyarham) dan Zaiton Haji Alias (Zabha), yang juga diberikan rumah-rumah sewa yang serupa oleh Syarikat Warta Malaya tanpa dikenakan sewa.

Anggota Sidang Pengarang *Warta Malaya* ketika itu ialah A. Rahim Kajai, Datuk Ghazali, Ustaz Mohd Hashim Yunus, Ismail, Zabha dan Ishak sendiri. Pembaca-pembaca pruf pula ialah Adnan dan Raja Shafik. Kerani ialah Idris Matsil. Jumlah keseluruhan kakitangan kira-kira 40 orang.

Tugas Ishak pada masa itu ialah menterjemah berita-berita dari luar negeri yang kebanyakannya dalam bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu. Oleh sebab Ishak memang berminat dalam bidang kesusasteraan, dia juga menulis cerpen.

Dalam *Warta Ahad*, Ishak menulis hal-hal yang berkaitan dengan politik dalam ruangannya yang diberi nama "Tinjauan Siasah daripada Timur dan Barat".

Pada tahun 1936, perang di Timur Jauh sudah pun meletus, antara Jepun dan Chiba. Berita-berita mengenai perang tersebut menjadi pilihan utama akhbar-akhbar tersebut.

Tuan Syed Hussein kemudian mencadangkan kepada Ishak supaya menulis pojok seminggu sekali dalam *Warta Jenaka*. Cadangan

tersebut dipersetujui oleh Ishak yang kemudiannya memilih nama samaran "Hantu Raya". Dalam ruangan itu, Ishak menggunakan segala kepakarannya untuk menulis dan menyindir secara halus mengenai hal-hal yang berlaku dalam masyarakat tidak kira masyarakat atasan atau bawahan.

Ruangannya yang menggunakan nama "Hantu Raya" telah mendapat perhatian pembaca. Masing-masing bertanya, siapakah Hantu Raya itu?

Pada suatu hari, Tuan Syed Hussein telah menerima sepucuk surat daripada Penasihat British di Kelantan (Tuan J.V. Day) yang melahirkan perasaan kurang senang dan tersinggung dengan sindiran "Hantu Raya" mengenai "Bong Laga Lembu" yang berleluasa di Kelantan.

Surat Penasihat British itu secara halus dan diplomasi menuntut *Warta Jenaka* supaya meminta maaf. Tetapi Syed Hussein secara diplomasi juga telah membalas surat tersebut dan menerangkan kejadian sebenarnya. Dan penjelasan itu diterima oleh pihak British dan akhbar *Warta Jenaka* tidak dilarang masuk ke Kelantan yang mana sebelum ini menimbulkan kebimbangan akan disekat kemasukannya akibat sindiran tajam Hantu Raya itu.

"Hantu Raya" yang semakin popular itu menyebabkan orang tercari-cari siapakah orangnya yang sebenar.

Ishak yang merupakan seorang yang unik dan aneh semasa balik bercuti ke kampung telah menulis nama penuhnya: Ishak Haji Muḥammad dengan nama "Hantu Raya" di bawahnya di beg pakaiannya. Dia merasa megah dan bangga dengan nama "Hantu Raya" yang semakin popular itu.

Apabila Ishak berpindah ke Utusan Melayu maka ruangan "Hantu Raya" telah digunakan pula di ruangan barunya di *Utusan Zaman*.

Pada masa perang, ruangan itu telah diberhentikan kerana Ishak menjadi pengarang di *Berita Malai*. Tetapi pada tahun 1946 hingga bermulanya darurat, nama "Hantu Raya" muncul pula dalam akhbar *Pelita Malaya*.

Tetapi selepas Ishak diberikan peluang berkhidmat semula di Utusan Melayu Kuala Lumpur nama itu muncul semula bersama nama-nama samaran yang lain seperti "Pak Pandir Moden" dan lain-lain.

Sejak zaman remaja lagi Ishak terkenal sebagai seorang yang

bersifat pemurah. Dia tidak kedekut atau sayangkan hartanya. Dia lebih suka membelanja orang daripada dibelanja orang. Hatinya lembut dan cepat ingin menolong bila ada orang merayu pertolongannya.

Sifat pemurahnya ini terbawa-bawa ke zaman dewasanya. Oleh sebab dia memiliki sifat pemurah yang tanpa batas ini menyebabkan dia sering kena tipu. Ramai orang mengambil kesempatan daripada sifatnya yang tidak pernah mengeluh atau menyesal atas apa yang berlaku. Dia lebih rela menghalalkan apa saja yang diambil daripadanya.

Ada orang yang datang menemuinya sama ada di rumah atau di pejabat mahu meminjam buku-buku atau makalah-makalah untuk tujuan membuat penyelidikan atau tesis. Mereka berjanji akan memulangkan balik semua bahan yang dipinjam selepas selesai membuat penyelidikan atau tesis. Ishak tidak pernah meragui kejujuran orang yang datang menemuinya walaupun pada pertama kali mereka berkenal mesra. Tetapi janji-janji itu sebenarnya hanyalah tinggal janji-janji sahaja. Bahan-bahannya itu tidak pernah dipulangkan balik. Kecuali seorang dua sahaja. Tetapi dia tidak pernah mengeluh atau merasa kesal.

Dalam penerbitan buku pun dia sering kena kelentong. Berbelas-belas buah novelnya yang diterbitkan banyak yang tidak dibayar honorariumnya. Semasa datang hendak mendapatkan karya Ishak, bukan main manis tutur katanya. Lembut gigi daripada lidah. Seribu janji ditaburkan kepada Ishak. Tetapi selepas bukunya diterbitkan bayang si penerbit pun tidak nampak lagi. Janji hanya tinggal janji. Tetapi Ishak tidak mengeluh. Menuntut jauh sekali. Penat lelahnya memerah otak tidak dihargai orang.

Ishak unik orangnya. Kalau bercerita orang suka dengar. Tidak kira kecil besar, tua atau muda, Melayu atau bukan Melayu. Semuanya suka mendengar celoteh Ishak. Kadang-kadang dalam hal berceramah ini dia kerap kena kelentong. Ada orang menjemputnya untuk memberi ceramah dan untuk memujuk dia datang ke majlis tersebut, pelbagai janji juga ditaburkan. Dia akan dibayar duit tambang bas atau teksi. Akan ditanggung makan minum. Akan dibayar tempat penginapan. Pendeknya semuanya beres. Merangkaklah orang tua itu datang ke tempat-tempat yang dijanjikan dengan mengeluarkan duit poket sendiri. Selepas ceramah, apa pun tidak diberikan kepadanya. Semua kena keluar belanja sendiri. Tetapi Ishak tidak mengeluh atau merungut.

Salah satu minat Ishak, menurut anaknya, Inda ialah memiliki radio transistor kecil. Dalam hal ini dia sering kena kelentong oleh

jurujual terutama jurujual wanita yang manis-manis dan peramah.

Ishak suka mengumpul radio transistor kecil daripada pelbagai bentuk seperti bentuk piano, itik, bola dan lain-lain. Radio-radio itu bukan berharga seringgit dua. Sekurang-kurangnya lima belas ringgit atau tiga puluh ringgit. Dia bukan hendak dengar radio itu kesemuanya. Dia akan memakainya satu, dan bila rosak akan ditinggalkannya dan memakai yang lain pula. Pantang terjumpa radio kecil dan kalau berkenan akan dibelinya tanpa soal jawab lagi. Kalau tak berkenan pun tetapi sudah diperdaya oleh jurujual dia akan membelinya juga.

Satu lagi kegemarannya ialah membeli lampu suluh, yang panjang, pendek, yang besar, yang kurus semuanya dibeli. Tujuannya ialah untuk menyuluh buah durian di kebun di belakang rumah. Kalau musim durian lampu-lampu itu amat berguna kepadanya. Tetapi selepas habis musim durian, lampu-lampu itu tersadai di ceruk dinding. Rosak satu beli lagi satu.

Sikapnya yang tidak pernah mengambil hati walaupun kepada orang yang pernah menipunya menyebabkan dia mempunyai ramai kawan. Ke mana-mana sahaja dia pergi semua orang mengenalinya.

Dalam bidang penulisan Ishak mempunyai pelbagai nama samaran. Nama-nama samaran itu digunakan dalam ruangan-ruangan atau kolum-kolum yang dikhaskan untuknya di akhbar-akhbar dan majalah. Lain ruangan lain pula nama samaran yang digunakannya. Untuk menyindir dan mengkritik dia menggunakan nama "Hantu Raya" dan "Pak Pandir Moden". Untuk rencana-rencana biasa, dia lebih kerap menggunakan nama Pak Sako atau nama sebenarnya Ishak Haji Muhammad. Ini kerana nama "Pak Sako" itu sudah dikenali ramai, bukan sahaja di kalangan orang-orang Melayu malah orang-orang bukan Melayu juga.

Ishak menggunakan beberapa nama samaran, antaranya ialah Isako San, Anuar, Hantu Raya, Pak Pandir Moden dan Pak Sako. Di antara nama-nama samaran ini hanya tiga nama sahaja yang popular, iaitu Pak Pandir Moden, Hantu Raya dan Pak Sako. Ishak juga pernah menggunakan nama pena "Tok Siak" untuk ruangan kritikannya di majalah agama *Al Islam*. Dalam ruangan ini dia menumpukan intipati tulisannya mengenai keagamaan. Di majalah *Wanita* pula, dia pernah menggunakan nama "Nenek Kebayan" untuk ruangannya mengenai celoteh-celoteh di sekitar kehidupan wanita.

Walau apa pun nama samaran yang digunakannya, bagi orang yang sentiasa mengikut tulisannya akan mengenali siapakah penulis

yang sebenarnya. Gaya tulisan Ishak agak berbeza daripada penulis-penulis lain.

Dari manakah nama Pak Sako itu muncul? Bagaimana Ishak boleh menjadi Sako. Apakah makna Sako. "Sako" itu khabarnya berasal daripada perkataan "Isako". Isako itu pula ialah sebutan Ishak dalam bahasa Jepun. Orang-orang Jepun tidak boleh menyebut nama "Ishak" kerana lidahnya tidak berupaya untuk menyebut "Hak". Jadi "Ishak" bagi orang-orang Jepun disebut "Isako", mengikut telor lidah orang-orang Jepun. Di antara nama samaran yang digunakan Ishak terdapat nama samaran yang menggunakan nama "Isako San".

Panggilan "Isako" terhadap Ishak ini bermula pada zaman penjajahan Jepun lagi. Orang-orang Jepun memanggil Ishak dengan panggilan Isako. Jadi lama-kelamaan "Isako" itu bertukar menjadi "Sako" dengan tambahan "Pak" di depannya. Panggilan "Pak" di kalangan orang-orang Melayu ialah menandakan suatu penghormatan terhadap seseorang. Jadi bila kita menyebut "Pak Sako" bermakna juga kita menyebutnya sebagai "Pak Ishak". Nama "Pak Sako" telah menjadi suatu lambang atau identiti bagi diri Ishak Haji Muhammad. Nama itu kukuh dan teguh serta dikenali oleh pelbagai lapisan masyarakat. Ia juga melambangkan keunikan kehidupan Pak Sako sendiri sebagai seorang wartawan dan sasterawan yang mempunyai cara dan gaya serta prinsip hidup yang tersendiri.

Tarikh 29 Jun 1973 adalah suatu tarikh yang tidak dapat dilupakan oleh Ishak. Pada tarikh itulah beliau dikurniakan Ijazah kehormat doktor kesusasteraan oleh Universiti Malaya. Dengan anugerah tersebut bererti Ishak Haji Muhammad bergelar Dr. Ishak Haji Muhammad.

Ijazah tersebut merupakan suatu pengiktirafan terhadap jasa-jasa dan khidmat yang telah dicurahkannya sejak sebelum merdeka sehingga kini dalam usahanya menyedarkan orang-orang Melayu supaya cintakan bangsa, agama dan tanah air.

Tunku Bahiyah Ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman selaku Canselor Universiti Malaya ketika bertitah di Istiadat Konvesyen di Dewan Tuanku Canselor universiti tersebut berkata; "Tahun ini seorang anak watan yang telah banyak berbakti kepada kemajuan dan perkembangan persuratan Melayu dan kewartawanan hampir-hampir seumur hidupnya diberi penghormatan oleh universiti ini."

Titah baginda lagi; "Semasa negara kita menjalankan pembangunan ekonomi dan kemajuan teknologi yang pesat, adalah mustahak

n yang sama pesatnya berlaku di bidang kesenian dan ke-
ɹan supaya menjamin keseimbangan dalam kehidupan rakyat
ninggikan kebudayaan dan tamadun dunia. Penghormatan yang
ı kepada tokoh sasterawan dan wartawan, seorang ahli fikir
ɛar bandingannya iaitu En. Ishak Haji Muhammad atau lebih
dengan gelaran Pak Sako bukanlah penghormatan istimewa
ti Malaya ini sahaja, bahkan ia mencerminkan hasrat hati
luruh rakyat yang cintakan bahasa dan kebudayaan.

ib Canselor Univerisiti Malaya pada waktu itu, Prof. Diraja
ziz berkata; "Sebagai mengenang jasanya kepada perkembang-
a Melayu dalam abad ke-20 ini, Pak Sako memang patut
a anugerah Ijazah Kehormat Doktor Kesusasteraan. Sudah
seorang novelis dan sasterawan diberikan anugerah terutama
ada masa hayatnya kerana mengenangkan jasa-jasa yang
ngkannya. Seorang sasterawan yang berani, juga seorang
masyarakat Melayu yang banyak memberi sumbangan idea
ada masyarakat ...."

f. Madya Dr. Hashim Awang, seorang tokoh akademik yang
membuat kajian sastera-sastera lama termasuk karya-karya
ak Sako berkata: "Adalah amat benar dan tepat apabila Ishak
hammad dalam upacara penganugerahan Ijazah Kehormat
esusasteraan (D. Litt) untuknya pada 29 Jun 1973 di Universiti
elah diberikan gelaran sebagai "Gergasi Kesusasteraan Me-
ifat "Kegergasiannya" terlihat jelas bukan sahaja pada ke-
dan tenaganya untuk terus menulis sehingga kini, malah pada
uatan yang terdapat dalam karya-karya sastera penghasilan

ahrom Mohd Dom dalam eseinya "Ishak Sebagai Ahli Politik
erawan" pula menegaskan: "Kerana sumbangan-sumbangan
baharuan-pembaharuan di bidang kesusasterawaan dan kewar-
Ishak Haji Muhammad sememangnya telah mendapat tempat
mewa dalam sejarah perkembangan kesusasteraan (dan juga
nah air. Dan dengan penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor
eraan oleh Universiti Malaya pada 29 Jun 1973 yang lalu itu
hawa karya-karya Ishak dan usaha-usahanya telah diakui dan
Pengiktirafan ini menepati keanehan dan keistimewaan Ishak
ammad sebagai seorang sasterawan dan politiknya sebelum
serta merupakan lambang zamannya."

ganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Kesusasteraan kepada





Ishak Haji Mu
akhbar-akhbar

*Utusan M*
telah membuat
dua akhbar te
Muhammad it
pernah diberik

Ulasnya;
menghargai pe
usianya dalam
dan rencana-re
tungkus-lumus
dang kesusaste
zaman.

Ishak H
zaman perkem
Jepun, sebelum
mengandungi p
Malaysia, belia

Pendekny
kepada seorang
amat penting
kebudayaan tan

*Berita H*
kepada Ishak H
itu.

Akhbar i
akhbar sebelun
novelnya *Pute*
menjadikan nar

Sebagai s
memperjuangk
seperti Ishak p
bawanya diken

Majalah *I*
kan keberanian
sasterawan yan
iaitu sosialisme
mengungkapka

hammad atau Pak Sako itu telah mendapat ulasan dalam tempatan dan juga majalah.

*Aelayu* dan *Utusan Malaysia* pada keluaran 30 Jun 1973 ulasan yang sama dalam rencana pengarangnya. Kedua-rsebut menyifatkan penganugerahan kepada Ishak Haji u merupakan satu penganugerahan yang paling tinggi in kepada kaum penulis dan sasterawan di negeri ini.

"Penghargaan yang diberikan itu bukanlah setakat nat lelah seseorang yang menghabiskan lebih tiga suku bidang penulisan atau menghasilkan beratus-ratus novel ncana sastera. Yang penting ialah menghargai jasa serta nya seseorang itu meneroka serta memperjuangkan bi-raan tanah air yang sesuai dengan kehendak pelbagai

aji Muhammad menempuh sekurang-kurangnya tiga bangan kesusasteraan tanah air; zaman pemerintahan merdeka dan sesudah merdeka. Sepanjang masa yang elbagai peristiwa pahit-maung sejarah perjuangan rakyat u tetap menulis tanpa jemu-jemu.

a penghargaan yang dianugerahi oleh Universiti Malaya wartawan/sasterawan seperti itu mempunyai ciri yang bagi perkembangan sejarah kesusasteraan dan juga ah air sebelum dan sesudahnya.

*arian* melalui rencana pengarangnya mengucap tahniah aji Muhammad di atas penganugerahan Ijazah Kehormat

tu berkata; "Tulisan-tulisan Ishak yang hangat dalam n perang dahulu dengan nama "Hantu Raya", novel-*ra Gunung Tahan* dan *Anak Mat Lela Gila* telah nanya sentiasa disebut-sebut oleh rakyat.

eorang yang sanggup mengorbankan kesenangan kerana in cita-cita bangsanya sukarlah mendapati seorang ada zaman ini dan inilah sifat-sifat yang akan mem-ngi dalam sejarah nanti.

*Dewan Sastera* keluaran September 1973 pula menyifat-dan idea Pak Sako adalah keberanian dan idea seorang g mempunyai sikap dan pendirian politik kerakyatannya, dalam politiknya dan realisme dalam sasteranya. Dia n politik dan kesusasteraan sebagai satu kesatuan yang

saling mengisi dan saling memanfaatkan. Sifat dan pendirian ini bererti dia menentang feudalisme, menentang imperialisme dan kapitalisme.

Maka apabila Pak Sako diberikan penghormatan Ijazah Doktor Kesusasteraan bererti Universiti Malaya secara rasmi menghargai seseorang yang berjaya dalam pembinaan kesusasteraan di samping satu penghormatan Universiti Malaya kepada kesusasteraan Melayu Moden.

Akhbar berbahasa Inggeris, *The New Straits Times* dalam rencana pengarangnya yang diberi tajuk "Ishak The Pioneer" mengatakan *"Ishak's most important contribution was the modernising influence he brought to bear on Malay journalism in technique and language. He personalised Malay journalism and became the spokesman of his generation."*

# BAB TIGA

## PERBINCANGAN KARYA

### A. NOVEL

DALAM bidang kesusasteraan, Ishak menulis novel, cerpen, pantun, syair dan lain-lain. Semenjak 1930 hingga kini, Ishak telah melahirkan lebih 20 buah novel.

Sebelum perang, Ishak melahirkan dua buah novel iaitu *Putera Gunung Tahan* (1938) dan *Anak Mat Lela Gila* (1941).

Selepas perang Ishak melahirkan sejumlah 21 buah novel. Dua daripadanya iaitu novel *Sidang Serangga* ditulis sejak Januari 1983, pada mulanya disiarkan secara bersiri dalam majalah Mastika. Kemudian pada tahun 1988/1989, Ishak melahirkan novel yang bertajuk *Mat Media*.

Novel-novel selepas perangnya dilahirkan pada tahun 1957 iaitu tahun negara mencapai kemerdekaan. Bermula pada tahun 1956 Ishak giat menulis novel. Pada tahun 1957, tujuh novelnya telah diterbitkan. Novel-novel ini mungkin ditulisnya sebelum tahun 1957 dan telah diterbitkan pada sepanjang tahun 1957 itu. Empat buah daripada novelnya itu diterbitkan oleh penerbit Singapura iaitu Geliga Ltd. dan Qalam Press. Antara novel-novel itu ialah *Pengantin Baru, Mencari yang Lari, Pertemuan di Sungai, Selayang Pandang 1* dan *Cemburu Celik* diterbitkan oleh Qalam Press. Novel *Budak Beca* (bahagian satu dan dua) diterbitkan oleh H.C. Muhammad Abdul Rahman, Marang, Terengganu. Tahun 1958, Ishak melahirkan *Judi Karan*. Tahun 1959, Ishak melahirkan dua buah novel *Mata-mata Sukarela* (Geliga Ltd. Singapura) dan *Selayang Pandang* (bahagian dua) juga diterbitkan oleh Geliga Ltd. Dari tahun 1966 hingga 1968, Ishak melahirkan novel-novel *Norita dan Kisah-kisah Kucing Hitam* (1966), *Yang Miskin dan Yang Mewah* (1967), *Tijah Tukang Cukur* (1967), *Anak Dukun*

*Deraman* (1967) dan *Satay Saloon* (1968). Pada tahun 1941, selain novel *Anak Mat Lela Gila*, Ishak juga melahirkan sebuah lagi novel berjudul *Sudah Terang Lagi Bersuluh* terbitan Annes Printing, Singapura.

Walaupun selepas perang, terutama pada zaman negara sudah mencapai kemerdekaan, Ishak melahirkan hampir dua puluh novel, tetapi dua buah novel yang dihasilkan sebelum perang *Putera Gunung Tahan* dan *Anak Mat Lela Gila* yang sering diperkatakan orang dan secara langsung mengangkat namanya sebagai seorang novelis yang mempunyai falsafah penulisan yang tersendiri.

Novel-novel yang dihasilkan oleh Ishak kebanyakannya mengandungi sekitar 120 halaman dan dijual dengan harga kira-kira $1.20 sahaja.

Li Chuan Siu berpendapat bahawa Ishak ialah pengarang novel yang walaupun kurang tinggi mutu seninya (estetika) tetapi penuh dengan buah fikiran dan sindiran yang ditujukan untuk membaiki masyarakat Melayu dan membangkitkan semangat kebangsaan Melayu.

Bahan-bahan yang digunakannya untuk menghasilkan novel-novelnya memang bersifat realistik kerana ia ditimba daripada kejadian-kejadian yang dilihat, didengar dan disiasatnya sendiri dalam perjalanan (pengembaraannya) ke merata tempat.

Novel-novel Ishak dikategorikan sebagai karya-karya yang bersifat simbolisme kerana dalam karya-karyanya itu ada mengandungi maksud-maksud yang tersirat. Untuk memahaminya seseorang itu perlu mengkaji dan menyelidiki hal-hal semasa yang berlaku di tanah air baik dari segi politik atau sosiobudayanya.

Dalam novel-novel sebelum perangnya Ishak menggunakan sastera untuk mengkritik dan menyindir penjajah. Dan dalam novel-novel selepas perang, Ishak mengkritik dan menyindir masyarakat Melayu pula yang setengah-setengahnya masih belum sedar untuk memajukan diri sendiri.

Bagi Ishak, kesusasteraan hanya alat untuk menyampaikan tujuannya. Dan dalam menggunakannya sebagai alat, Ishak kadangkala tidak begitu memberatkan nilai-nilai estetika seperti yang dikehendaki dalam sesebuah karya kreatif.

Ishak dianggap sebagai seorang *socialist-realist* yang tidak berjaya untuk melaksanakan cita-citanya melalui pentadbiran dan kerana itu dia menggunakan penanya untuk menyebarkan buah fikiran, sikap, nasihat dan cadangan-cadangan mengenai keadilan, kemak-

muran, keamaman, keluhuran akhlak manusia dalam pengisian kemerdekaan dan lain-lain. Lebih tegas lagi Ishak menulis dengan mempunyai mesej-mesej tertentu dan selain itu dia mempunyai kesedaran bahawa "mata pena itu lebih tajam daripada mata pedang!".

Membaca novel-novel karya Ishak Haji Muhammad kita tidak boleh melihat hanya yang tersurat tetapi kita mesti meninjau apa yang tersirat.

Pada zamannya, Ishak menggunakan karya sastera untuk tujuan politiknya yang berlandaskan nasionalisme. Dengan ketajaman penanya dia menyindir dan mengkritik penjajah Inggeris.

Melalui *Putera Gunung Tahan*, dia membawa watak-watak Tuan William dan Tuan Robert sebagai lambang penjajah Inggeris yang tamakkan harta dan kekayaan. Kedatangan mereka ke Gunung Tahan adalah semata-mata untuk menyahut seruan kerajaan Inggeris bagi mencari tempat-tempat peranginan. Bangsa Inggeris memang suka mencari tempat-tempat kediaman yang berhawa dingin terutama di atas bukit atau di lereng-lereng bukit.

Dalam perjalanan ke Gunung Tahan itu mereka berharap akan menemui harta-harta yang boleh menambah kekayaan mereka seperti emas dan batu-batu permata.

Robert dengan segala keegoannya banyak memperbodohkan orang Melayu. Dia yakin dapat menipu dan memperdayakan orang-orang Melayu untuk memiliki apa yang diperlukannya. Perempuan tua yang ditemuinya dan disangkakannya mudah diperdaya untuk menyerahkan barang-barang berharga kepadanya, akhirnya bertindak mempertemukan Tuan Robert dengan seorang gadis sakai. Yang anehnya, dia telah jatuh hati terhadap gadis itu dan mengambil keputusan untuk berkahwin. Semasa melangsungkan perkahwinan Tuan Robert diminta mengejar gadis itu. Kerana asyik maksyuknya kepada gadis sakai itu, perkara yang tidak pernah dibuatnya sebelum ini telah dibuatnya dengan penuh kerelaan sehingga dia sanggup memanjat pokok dan terjatuh lalu mati.

Sekali imbas, mungkin setengah-setengah orang menganggapnya sebagai suatu kisah lucu semata-mata tetapi Ishak sebenarnya menggunakan kemahirannya untuk menyindir dan menghina Inggeris yang sanggup melakukan apa sahaja walaupun ia adalah pertentangan dengan sosiobudaya bangsanya kerana perempuan.

William pula, dalam perjalanannya, bertemu dengan orang bunian yang kemudiannya membawanya ke Gunung Tahan menghadap Ratu

Bongsu. Dia mencadangkan supaya Gunung Tahan itu dijadikan tempat pelancongan tetapi telah ditolak oleh Ratu Bongsu.

Dalam kisah ini juga, William digambarkan telah menggunakan *bamboo* (buluh) kuning untuk meneropong isterinya yang sedang berkasih-kasihan dengan lelaki lain.

Pada akhir ceritanya Ishak mematikan watak William akibat terkena bom. Tetapi sebelum itu dia telah menulis sepucuk surat kepada isterinya yang dikirimkannya melalui seekor burung. Dalam surat itu dia meminta isterinya menghantar dua buah kapal terbang yang berisi bom ke tempat tersebut. Dan William telah terkorban dengan cita-citanya yang belum tercapai. Isterinya pula jatuh cinta kepada Ratu Bongsu.

Kedua-dua watak Inggeris, Robert dan William telah menerima nasib yang tragis akibat kebodohan dan keangkuhan mereka sendiri.

Melalui novel *Putera Gunung Tahan* ini kita dapat melihat aspek permainan politik yang hendak disampaikan atau diperjuangkan oleh Ishak. Dia melontarkan sindiran yang tajam terhadap Inggeris yang sentiasa menganggap mereka sebagai bangsa yang *supremacy* itu.

Terdapat banyak dialog yang digunakan oleh Ishak mengandungi makna perjuangan ataupun unsur-unsur nasionalisme, antaranya:

> "Saya tidak sekali-kali akan membenarkan dan menjualkan tanah air saya yang secebis ini walaupun dibayar dengan harga setinggi gunung ini walaupun diberi gelaran yang panjang-panjang dan dianugerahkan oleh kerajaan tuan bintang kebesaran berpuluh-puluh butir."
>
> (Hlm. 59, *Putera Gunung Tahan*)

Penanaman semangat kebangsaan bolehlah dianggap sebagai tugas terbesar Ishak Haji Muhammad dalam perjuangannya. Dia menggunakan *genre* sastera (khususnya novel dan cerpen) bagi menyampaikan tujuan dan hasrat politiknya. Walaupun begitu dia tidaklah sampai merosakkan nilai sasteranya.

Novel *Anak Mat Lela Gila* pula memperlihatkan ketajaman protes sosial Ishak lebih ketara. Sasarannya kali ini ialah masyarakat Melayu sendiri. Di antara sikap Melayu yang menjadi sasaran kritiknya ialah sikap yang suka menyerah diri kepada takdir semata-mata dan tidak berani menghadapi cabaran. Ishak menyelar sikap orang-orang Melayu yang tidak mempunyai cita-cita besar. Hidup berpuas hati

dengan apa yang ada sahaja.

Dalam novel ini Ishak banyak memusatkan penceritaannya kepada watak Bulat dan Mandur Alang. Melalui kedua-dua watak itu Ishak cuba menyalurkan idea politiknya. Pada tahap penyelesaiannya Ishak memasukkan unsur-unsur dramatik yang dibangunkan melalui pemergian Johari ke Makkah. Ishak sedar bahawa hujung jalan bagi manusia ialah agama. Biar betapa jahat atau sesatnya seseorang manusia itu, dia akhirnya akan kembali juga ke pangkuan Tuhan. Tetapi seorang watak, Haji Osman yang terkenal dengan nafsu ganasnya telah dimatikan. Terdapatnya unsur-unsur agama yang dijadikan asas penyelesaian menunjukkan bahawa Ishak telah mula sedar bahawa Islam dapat memecahkan kebuntuan yang dialami oleh protagonis dan antagonis dalam novel tersebut. Sama ada disedari atau tidak Ishak telah menyarankan satu unsur yang harus dipraktikkan dalam sastera bercorak Islam. Dalam erti kata lain, Ishak telah menggunakan aspek-aspek keislaman dalam karya-karyanya.

Novel-novel *Putera Gunung Tahan* dan *Anak Mat Lela Gila* adalah buah tangan Ishak yang dihasilkan sebelum perang. Dan novel-novel ini telah mendapat sambutan masyarakat ketika itu.

Selain aspek-aspek pembinaan nasionalisme yang menjadi rencah garam penulisannya, persoalan-persoalan yang berkaitan dengan kepincangan masyarakat, kehidupan di kota dan desa, penindasan, jenayah, percintaan anak-anak muda dan sebagainya adalah di antara tema-tema yang digemari oleh Ishak.

Perubahan sosial masyarakat Melayu, baik di kota atau di desa, hasil kemerdekaan dan pengaruh-pengaruh lain menarik perhatiannya.

Kehidupan kota yang penuh dengan liku-liku cabaran dan kepalsuan, serta anak-anak gadis yang mudah diperdaya dan anak-anak muda yang hampir karam di kota dapat dibaca lewat novel-novelnya seperti *Jalan ke Kota Bharu, Budak Beca I* dan *Budak Beca II*.

Antara novel-novelnya yang menarik yang menggambarkan bakat dan kepekaannya terhadap isu-isu semasa ialah *Judi Karan, Mata-Mata Sukarela* dan *Yang Miskin dan Yang Mewah*.

*Judi Karan* ialah sebuah novel yang menggambarkan kisah sebenar masyarakat selepas merdeka di mana kesan penjajahan masih bertapak kuat. Pada zaman ini terdapat segolongan masyarakat yang handal dengan putar-belit dan sanggup menjadi tali barut semata-mata kerana mahu hidup senang.

Permainan judi karan adalah sesuatu yang boleh memberikan

kerugian tetapi orang-orang kampung yang keliru dengan cara-cara untuk mencari kekayaan telah menjadi abdi kepada corak judi tersebut yang akhirnya wang mereka habis dan keuntungan hanya tinggal dalam impian sahaja. Pada zaman itu wang orang-orang kampung yang masuk ke peti judi itu tidak terhitung lagi. Bila kalah semua harta-benda tergadai.

Novel *Mata-Mata Sukarela* ditulis selepas negara mencapai kemerdekaan. Persoalan yang dibincangkan oleh Ishak ialah mengenai keadaan negara selepas menyedut udara kebebasan. Sepatutnya kemerdekaan akan membawa udara yang bersih, sejahtera dan keamanan tetapi yang menyedihkan Ishak ialah terdapatnya banyak kejadian jenayah. Pada tahap ini banyak berlaku kecurian, rompakan, samun dan lain-lain. Kumpulan-kumpulan samseng juga ditubuhkan oleh anak-anak muda yang liar perangainya.

Menurut Li Chuan Siu, novel ini tidak boleh dianggap sebagai novel dalam erti kata yang sebenarnya kerana tidak terdapat watak-watak yang memainkan peranan dalam peristiwa-peristiwa yang berlaku. Ia hanya mengemukakan watak Pak Tua (mungkin Ishak sendiri) yang bercerita mengenai bertambahnya kejadian-kejadian jenayah, maksiat dan lain-lain itu. Ishak cuba menasihati pembaca supaya celik mata selepas bertempik dan bersorak menyambut kemerdekaan. Kampung Baru dijadikan latar belakang novel ini di mana selepas merdeka banyak kejadian jenayah seperti mencuri dan pecah rumah berlaku. Ia menggambarkan watak Salim seorang pemuda yang masih belum bekerja yang telah menjadi "Mata-Mata Sukarela" kepada Pak Tua untuk menyiasat kejadian-kejadian jenayah di situ.

Melalui watak Pak Tua, Ishak lebih banyak berkhutbah mengenai sikap orang-orang Melayu selepas merdeka. Dan dia membuat berbagai-bagai cadangan kalau sekiranya orang-orang Melayu hendak mencapai kemajuan. Dia juga melahirkan rasa kesal di atas berleluasanya kejadian-kejadian jenayah yang berlaku di Kampung Baru itu. Sepatutnya kemerdekaan akan membawa kebahagiaan dan keamanan tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya.

Kisah dalam novel ini seolah-olah membawa konotasi bahawa kemerdekaan yang telah dicapai itu telah menimbulkan gejala buruk yang menyusahkan masyarakat yang cintakan keamanan dan kesejahteraan. Tetapi pada akhir cerita Ishak telah membetulkan anggapan itu dengan mengatakan bahawa apa yang berlaku itu adalah akibat daripada salah tafsir akan erti kemerdekaan sebenarnya. Kemerdekaan tidak

bererti memberi pasport kepada orang untuk melakukan apa yang mereka suka. Kemerdekaan harus dimengertikan sebagai menghadapi cabaran untuk hidup berdikari sebagai suatu bangsa yang bermaruah dan bekerja keras.

Melalui novel *Mata-Mata Sukarela* itu Ishak juga menggambarkan bahawa untuk menghapuskan jenayah-jenayah yang berlaku itu, ia tidak harus diletakkan di bahu pihak polis sahaja, orang ramai juga patut memainkan peranan. Kerjasama orang ramai akan dapat membantu pihak berkuasa menghapuskan kejadian-kejadian jenayah.

Dalam novel *Pengantin Baru* (1957), Ishak memaparkan masalah kehidupan berumah tangga. Razak yang baru mendirikan rumah tangga dengan Zubaidah anak seorang kaya terpaksa meninggalkan rumah kerana diusir oleh mentuanya. Razak datang menemui Pak Karim seorang tua yang hidup bersendirian di pinggir sebuah kampung.

Pak Karim mengambil masa sembilan malam untuk menyedarkan Razak tentang tanggungjawab sebagai seorang suami terhadap isteri dan rumah tangganya. Razak ialah seorang pemuda yang agak pemalas dan enggan berdikari. Dia lebih suka bekerja makan gaji daripada menjalankan kerja-kerja sendiri seperti bertani atau berniaga untuk menyara isterinya. Sikapnya yang pemalas itu menyebabkan dia tidak disukai oleh mentuanya.

Selama tinggal dengan Pak Karim, Razak telah dibawa oleh orang tua itu ke kebun, ke hutan, dan ke sungai untuk memberikan kefahaman kepadanya tentang falsafah kehidupan yang sebenarnya.

Pak Karim yang banyak pengalaman itu telah cuba menyampaikan intisari falsafahnya kepada Razak. Dia cuba membangunkan jiwa Razak yang lemah itu supaya menjadi seorang lelaki yang bertanggungjawab dan mempunyai cita-cita masa depan.

Antara falsafah yang dikemukakan oleh Ishak dalam novel *Pengantin Baru* itu ialah:

1) Pendapat orang-orang tua dahulu bahawa rezeki secupak tidak akan jadi segantang seharusnya ditolak. Penerimaan pendapat ini secara tidak langsung menggambarkan kelemahan jiwa. Rezeki yang secupak boleh jadi segantang atau beribu-ribu gantang kalau kita berusaha lebih.

2) Anggapan manusia hina kerana miskin juga tidak wajar diterima bulat-bulat. Manusia tidak hina kerana kemiskinannya tetapi menjadi hina kalau mereka pemalas dan tidak sanggup berusaha. Rezeki boleh dicari di mana-mana asalkan kita sanggup bekerja dan berusaha. Berbakti kepada tanah tidak sepatutnya menjadi suatu kerja

yang boleh mengaibkan. Kerana dari tanah itu akan diperoleh rezeki yang banyak. Berbakti kepada tanah ada hasilnya.

3) Hutan boleh mendatangkan hasil yang menguntungkan. Kita tidak boleh menganggap hutan sebagai suatu perkara yang tidak patut didekati. Hasil hutan boleh mendatangkan keuntungan yang melimpah-ruah.

4) Sikap orang-orang Melayu yang hanya tahu mengatakan cinta terhadap tanah airnya tetapi tidak tahu mempertahankan ciri-ciri kemelayuannya. Orang Melayu mesti tahu membuat kerja-kerja yang berkaitan dengan diri mereka sehari-hari. Jangan jadi seperti Razak, hendak membaiki atap rumah pun tak tahu. Apatah lagi mengenali peralatan rumah serta perbezaan antara peralatan itu seperti kasau, rasuk, gelegar, bendul dan lain-lain.

5) Seseorang yang tidak pandai atau kurang arif dalam sesuatu perkara jangan hendak menunjuk pandai atau tahu. Pepatah Melayu ada berkata bahawa kalau kail panjang sejengkal jangan hendak menduga lautan dalam. Razak telah dibawa ke sungai dan diterangkan perihal sungai dan isi perutnya. Pak Karim juga menerangkan mengenai kegunaan memancing dan jasa-jasa cacing. Pak Karim menerangkan rahsia sungai dan khazanahnya.

6) Berbudi ialah bekerja dengan rajin dan dedikasi. Tanpa membuat sebarang kerja bermakna kita tidak menabur budi kepada sesiapa pun hatta kepada diri kita sendiri. Orang yang malas bekerja, adalah orang yang mensesiakan hidupnya.

Khutbah-khutbah yang diberikan oleh Pak Karim tanpa penat dan jemu bertujuan menyedarkan Razak, pemuda yang tiada pegangan hidup supaya menjadi manusia yang berguna bukan sahaja kepada isterinya malah kepada masyarakat dan bangsanya.

Usaha Pak Karim yang tidak pernah mengenal penat lelah itu akhirnya berjaya apabila pada malam yang kesepuluh, Pak Karim berjaya mempertemukan Razak dan Zubaidah di rumahnya dan Pak Karim sendiri pergi tidur di surau.

Novel *Budak Beca* dibuat dalam dua siri dan diterbitkan pada tahun 1957, iaitu pada masa negara mencapai kemerdekaan.

Novel ini berlatarbelakangkan negeri Terengganu, sebuah negeri yang indah di Pantai Timur, kaya dengan pantai-pantai yang cantik pemandangannya.

Ishak meneroka kehidupan masyarakat bawahan selepas negara bebas daripada belenggu penjajah. Kebanyakan masyarakat bawahan

masih lagi buta huruf dan tidak mengerti sepenuhnya erti kemerdekaan. Ini dapat difahami dengan jelas melalui dialog dua watak, Mamat sebagai seorang yang masih dangkal pemikirannya dengan Mustafa seorang pemuda yang sudah terbuka fikirannya.

Mamat: "Sudah dapat merdeka apa lagi yang kita susahkan. Tentu kita semua senang."

Mustafa: "Itu belum tentu. Kita hanya baru dapat, ibarat kita dapat sebiji kelapa, jikalau kita belum kupas, kukur isinya, keluarkan santan, maka apakah ertinya kelapa itu kepada kita? Ataupun misalnya kita dapat ikan, kalau tidak disiang, dimasak, maka ikan itu akan busuk."

Mamat: "Kalau dapat kelapa kita boleh minum airnya, itu tidak cukup ...?"

Mustafa: "Itu tabiat orang malas. Bukan itu ertinya merdeka. Kemerdekaan menghendaki kita bekerja lebih keras."

Watak Mamat yang dicipta oleh Ishak bergelar "Mamat Merdeka" adalah seorang bekas mata-mata khas yang pernah berkhidmat selama tujuh tahun. Selepas berhenti dia menghabiskan duit simpanannya dengan joli ke sana ke sini. Walaupun dia bergelar Mamat Merdeka tetapi dia sebenarnya tidak memahami erti kemerdekaan yang sebenarnya, dan akhirnya dia terpaksa difahamkan erti kemerdekaan oleh Mustaffa, pemuda contoh yang banyak bergiat dalam bidang sosial untuk memajukan masyarakatnya.

Setelah kehabisan duit simpanan, Mamat sendiri terpaksa membawa beca seperti Embong dan rakan-rakannya yang lain untuk mencari rezeki. Di antara penumpang-penumpangnya ialah perempuan-perempuan kabaret yang pulang lewat malam.

Melalui novel ini, Ishak cuba menggambarkan kehidupan masyarakat beca di Kuala Terengganu yang dikaitkan dengan kehidupan kupu-kupu malam di bandar tersebut. Ishak seperti dalam novel-novelnya yang lain menggunakan watak-watak tertentu untuk menyampaikan mesejnya. Dalam *Budak Beca* dia menggunakan kemerdekaan dan bagaimana cara-caranya untuk mengisi kemerdekaan itu.

Bagi Ishak kemerdekaan yang tercapai itu haruslah diisi dengan sikap dan tanggungjawab untuk berbakti dan berkhidmat kepada negara. Baginya setiap rakyat tidak sepatutnya lalai atau abai terhadap tanggungjawab masing-masing.

Novel *Anak Dukun Deraman* dikatakan berdasarkan pengalaman-pengalaman Ishak (dan Cik Siti Hawa Zain-Mak Iti) semasa menerima

rawatan di Hospital Besar Kuala Lumpur.

Ia mengisahkan keluarga dukun Deraman yang sangat masyhur dan sering dikunjungi orang untuk mendapatkan rawatan pelbagai jenis penyakit. Dia mempunyai seorang anak bernama Ahmad iaitu bakal pewaris ilmu kedukunannya.

Kisahnya bermula dengan kedatangan satu keluarga dari Petaling Jaya untuk berubat dengan Dukun Deraman. Antara yang datang itu ialah Normah yang akhirnya berkahwin dengan Ahmad, anak Dukun Deraman yang digelar Mat Orba atau Mat Order Baru itu. Bila Ahmad berkahwin dengan Normah, mereka terpaksa duduk di rumah mentuanya di Petaling Jaya dan Dukun Deraman yang risau akan anaknya yang tiada berpekerjaan itu cuba menurunkan ilmu kedukunannya kepada anaknya supaya dapat dipraktikkan di Petaling Jaya.

Dalam novel ini Ishak menggambarkan sikap tipikal orang-orang Melayu yang masih percaya akan kepakaran dukun mengubati penyakit walaupun sudah ada para doktor dan hospital-hospital yang dibekalkan dengan peralatan moden. Orang-orang Melayu masih percaya bahawa hanya bomoh sahaja yang berkeupayaan untuk memberikan rawatan terhadap penyakit-penyakit yang berpunca daripada perbuatan ilmu halus. Walaupun ilmu perubatan sudah semakin maju tetapi peranan dukun masih diperlukan dan di kampung-kampung dukun adalah di antara orang yang mampu hidup dalam keadaan mewah.

Novel *Mencari yang Lari* diterbitkan dalam bulan Januari 1957, iaitu sebelum Malaya merdeka (Merdeka 31 Ogos 1957). Novel ini mengisahkan seorang pemuda dan seorang pemudi yang berjumpa dalam keretapi sewaktu masing-masing dalam perjalanan menuju ke Singapura. Pemuda itu hendak mencari isterinya yang melarikan diri ke Singapura kerana terpengaruh dengan gejala-gejala kemodenan yang dibacanya melalui buku-buku dan majalah-majalah termasuk buku-buku lucah. Oleh sebab wanita itu tiada pegangan hidup ditambah dengan keimanannya yang tipis, gejala-gejala yang lebih terarah kepada hawa nafsu itu telah berjaya menguasai dirinya. Dan dia sanggup meninggalkan suami dan kampung halamannya untuk mencari mengejar kehidupan seperti yang tergambar dalam impiannya.

Pemudi itu pula ingin mencari suaminya yang melarikan diri ke Singapura bersama perempuan lacur. Dia tidak tahu di mana suaminya berada, namun dia memberanikan dirinya untuk mencari suaminya dan memujuknya balik ke pangkuannya.

Dua insan yang dilanda kekecewaan dalam hidup itu bertemu

dalam sebuah keretapi yang menuju ke destinasi yang sama. Pertemuan yang tidak dirancang ini telah menimbulkan bibit-bibit kemesraan di antara mereka. Dan sesudah mereka tidak menemui orang-orang yang mereka cari, akhirnya mereka mengambil keputusan untuk mendirikan rumah tangga. Mereka berkahwin di kota Singa itu, iaitu kota yang penuh dengan seribu cabaran.

Dalam novel ini (seperti juga novel-novelnya yang lain) Ishak tidak menekankan sangat aspek-aspek cerita, plot dan pengolahan, tetapi kelucuan, kiasan dan sindiran diberikan keutamaan. Fasal menimbulkan kelucuan, sindiran dan kiasan, Ishak memang alim dengan susur-galur sejarah negeri kelahirannya itu (Pahang).

Ishak yang sememangnya banyak bergaul dengan masyarakat kampung itu telah menceritakan kebaikan wanita-wanita kampung berbanding dengan wanita-wanita kota. Dia mengemukakan falsafahnya yang tersendiri mengenai perkara ini iaitu "wanita kota cantik lahirnya; tetapi wanita kampung cantik hatinya". Falsafah ini walaupun tidak boleh diterima sebagai seratus peratus tepat, tetapi mengikut analisis Ishak, wanita kampung lebih cantik dan mulia hatinya walaupun rupa paras tidak secantik atau sejelita wanita-wanita kota.

Ishak memuji kampung dengan sifat baik sangka, gotong-royong, dan ramah-tamah yang masih tertanam kuat dalam hati masing-masing, terutama penduduk di sepanjang sungai menuju ke Kuala Tembeling itu.

Ishak membidas sifat dan sikap penduduk kota yang pada lahirnya telah mencapai kemajuan dan mempunyai pelajaran yang sempurna tetapi dalam amalan hidup seharian masih mementingkan diri sendiri; iaitu hak engkau, engkau punya fasal, hak aku, aku punya fasal.

Ishak juga mengecam sikap pemuda-pemuda sekarang yang telah lupa daratan, asal usul keturunan sehingga tidak mahu membaca cerita-cerita lama walaupun isi kandungan cerita-cerita lama itu mengandungi pengajaran yang baik.

Novel *Selayang Pandang* yang dihasilkannya dalam dua siri (Siri I 1957, siri II 1959) memaparkan pengembaraan seorang wartawan, pertama dari Kuala Lumpur ke Kedah dan Pulau Langkawi kerana jatuh cinta selayang pandang terhadap seorang gadis yang ditemuinya di pesta yang diadakan di Lake Garden (Taman Tasik), Kuala Lumpur.

Gadis manis yang berasal dari Sungai Petani, Kedah itu telah berjaya mencuri hatinya sehinggakan dia sanggup mengekori gadis itu sampai ke Kedah kerana mahu melamarnya sebagai isteri. Tetapi

malangnya, hajat dan cita-cita wartawan itu hampa kerana gadis itu terlebih dahulu sudah dilamar oleh orang lain. Oleh sebab sedih dilanda kekecewaan itu, dia mengambil keputusan untuk terus mengembara sehingga ke Hong Kong, Manila dan Tokyo dengan harapan pengembaraan itu akan dapat menghilangkan rasa sedihnya di samping dia dapat pula mencari bahan-bahan untuk majalahnya.

Dalam pengembaraan itu, dia menemui ramai gadis manis, tetapi pertemuan secara selayang pandang itu ternyata tidak boleh kekal. Ia datang dan hinggap kemudian berlalu. Akhirnya dia insaf dan balik ke kampung dengan harapan ibunya akan mencarikan teman hidup untuknya. Mana tahu hasil daripada pengalaman ibunya itu, dia akan mendapat jodoh yang baik dan sesuai untuk dirinya.

Kalau dalam novel-novel yang lain Ishak menyelitkan unsur-unsur lucu dan didaktis, dalam novel ini juga Ishak tidak meninggalkan aspek tersebut. Disindirnya sesiapa saja yang mahu disindirnya tanpa berselindung-selindung lagi, hatta daripada kalangan atasan atau bangsawan.

Dalam penulisan novelnya, baik sebelum perang atau selepas perang, Ishak tidak menghiraukan sangat aspek-aspek estetika kerana dia menggunakan novel (dan hasil-hasil kesusasteraan yang lain) sebagai alat untuk menyampaikan buah fikiran dan mesejnya mengenai isu-isu semasa yang menarik minatnya. Dia tidak berapa peduli, kalau novel-novelnya itu tidak indah bahasanya, tidak baik plotnya atau tidak mendalam isinya. Walaupun begitu novel-novelnya seronok dibaca kerana kita akan memperoleh banyak pengetahuan daripadanya.

Selepas menghasilkan novel dalam tahun 50-an dan 60-an, Ishak tidak menulis novel lagi sehinggalah pada tahun 1983 apabila beliau melahirkan novel bersiri dalam majalah *Mastika*, bermula dari Januari 1983 hinggalah ke tahun 1985.

*Sidang Serangga* merupakan sebuah novel satira yang menggunakan aneka jenis serangga sebagai watak-watak di dalamnya sama seperti Hassan Ibrahim yang menggunakan tikus sebagai watak-watak untuk menyindir manusia.

Melalui watak-watak serangga seperti mentadak mentadu, lipas, cengkerik, lebah, siput babi, rama-rama dan lain-lain. Segala macam jenis serangga ini di bawah pimpinan Mentadak mentadu telah merancang untuk menubuhkan sebuah persatuan yang boleh membela nasib kaumnya daripada menjadi mangsa manusia melalui penggunaan racun-racun serangga.

Dengan menggunakan serangga-serangga, Ishak dapat menyindir dengan sepuas-puasnya terhadap manusia, baik atas sifat individu atau kumpulan-kumpulan. Niatnya bukan semata-mata kerana hendak menyindir tetapi lebih bertujuan menyedarkan masyarakat yang terlibat betapa mulianya kalau masing-masing dapat menjalankan tugas dengan baik dan sempurna.

Novel *Sidang Serangga* ini sesungguhnya memperlihatkan daya kepekaan Ishak yang tidak pernah tumpul terhadap apa yang berlaku di sekelilingnya. Alam serangga yang tidak pernah terfikir oleh sesiapa pun telah dijadikan bahan yang sangat menarik untuk dibaca. Ia mengandungi banyak pengajaran dan falsafah untuk renungan para pembaca.

Berdasarkan novel-novel yang dihasilkannya boleh dibuat kesimpulan berikut:

i. Ishak merupakan penulis pertama yang begitu berani menggarap persoalan nasionalisme dalam karya-karyanya. Tanpa takut-takut dia menyindir dan menghentam penjajah Inggeris dengan sindiran yang tajam. Dia juga tanpa silu-silu mengkritik golongan feudal dan aristokrat Melayu.

ii. Ishak dapat diterima sebagai seorang penulis yang membawa perubahan yang berkesan dalam penciptaan novel di Malaysia, dengan mengemukakan tema-tema sezaman dan sesuai dengan zamannya. Dia peka terhadap isu di sekelilingnya. Tegasnya, konsep novelnya telah meninggalkan unsur-unsur konvensi yang ada selama ini dalam penciptaan novel di negara kita yang masih kaya dengan unsur-unsur dongeng dan khayalan, yang tugasnya lebih banyak menghibur.

iii. Ishak menulis dengan jujur dan mempersoalkan isu-isu semasa yang penting. Ia tidak terpengaruh ke lubuk aliran romantisme yang amat dominan waktu itu. Sebaliknya Ishak memilih aliran realisme yang amat sesuai dengan konsep sastera dan cita-cita perjuangannya.

iv. Pada zamannya, Ishak adalah penulis yang paling terkemuka sekali. Dia terkemuka atas sikapnya yang berani, mata penanya yang tajam dan yang lebih penting dia menulis dengan jujur tanpa rasa takut.

Demikian Ishak Haji Muhammad yang mempunyai kelebihan dan keistimewaan sebagai penulis yang serba boleh dan luas pengalaman dan pengetahuannya.

**B. CERPEN**

Sejak 1930-an lagi, Ishak memang terkenal sebagai seorang pengarang yang tajam mata penanya. Dia menjadi terkenal kerana banyak karyanya terutama cerpen tersiar dalam akhbar-akhbar seperti *Warta Malaya, Warta Ahad, Warta Jenaka, Utusan Melayu, Utusan Zaman* dan lain-lain.

Selain novel, Ishak juga terkenal sebagai seorang penulis cerpen yang prolifik. Ishak juga dianggap sebagai pelopor cerpen Melayu sebelum Perang Dunia Kedua di samping Abdul Rahim Kajai. Antara tahun 1936–1939, Ishak telah melahirkan lebih 29 buah cerpen dan tersiar dalam pelbagai penerbitan seperti *Warta Jenaka, Warta Ahad* dan *Warta Malaya*. Dalam tahun 40-an, Ishak banyak menulis cerpen bersiri dalam *Utusan Zaman* dan *Warta Ahad*. Terdapat hampir 30 buah cerpen bersirinya yang ditulis antara tahun 1940 hingga 1941.

Cerpen-cerpen Ishak juga terkumpul dalam antologi-antologi cerpen seperti antologi *Karangan Bunga dari Selatan* dan antologi *Segar*. Dalam antologi cerpen *Karangan Bunga dari Selatan* terdapat kira-kira tujuh buah cerpennya, antaranya:

1. "Hujan Emas di Negeri Orang",
   (Semangat Asia: 1.2.2603)
2. "Sesat di Hujung Balik ke Pangkal",
   (Semangat Asia: Syowa 18,2603)
3. "Kenapa Takut Jika Berbuat Baik",
   (Semangat Asia 29.4.1943)
4. "Kenapa Menangis",
   (Semangat Asia, Syowa 18,2603)
5. "Buruk dan Baik",
   (Semangat Asia, Syowa 18,2603)
6. "Menanam Pokok" dan
   (Semangat Asia, Syowa 18,2603)
7. "Pelajaran Apakah yang Baik Sekali"
   (Semangat Asia, Syowa 18,2603)

Dalam antologi cerpen *SEGAR* 1982 pula terdapat cerpen-cerpen:

1. "Tak Kenal Maka Tak Cinta",
2. "Si Mariam Kuku Panjang",
3. "Hari Ulang Tahunnya yang ke-21",
4. "Kembang Jarak Kembang Jagung",
5. "Si Wak Ketiak Busuk",

6. "Lenggang-lenggang Kangkung",
7. "Limah London",
8. "Ulang Bicara",
9. "Lebai Karim Karam di Darat",
10. "Permata di Perlimbahan",
11. "Keramat Hidup",
12. "Bedah Lawa" dan
13. "Lari dari Asmara Saya".

Selain itu terdapat juga cerpen-cerpen ringkasnya yang ditulis pada tahun 1936 mengandungi antara 700 hingga 1000 perkataan. Cerpen-cerpen ini ditulis antara 1 hingga 8 Disember 1936.

Pada tahun 1980-an, Ishak juga menulis cerpen yang bertemakan sindiran dan *humour* dalam majalah *Gila-Gila*. Antara cerpen-cerpennya yang pernah disiarkan oleh majalah tersebut ialah "Jandaku, Jiranku", "Cincin Buah Kana", "Psikologging (Gila Balak)", "Kerak Kera", "Lope Lumayan" dan lain-lain.

Cerpen-cerpen Ishak sangat diminati oleh pembaca-pembaca pada zaman itu. Cerpennya mudah difaham dan mengandungi unsur-unsur *humour* dan sindiran. Terdapatnya unsur-unsur ini menyebabkan para pembaca pada zaman itu sentiasa mengikutinya:

Ishak memberikan tiga sebab mengapa dia menulis cerpen atau cerita pendek, iaitu:

1. Sebilangan besar pembaca akhbar dan majalah lebih suka membaca cerita-cerita yang mudah difaham dan yang berlaku di sekeliling mereka daripada membaca persoalan yang berat-berat dan rumit. Dalam hal ini, cerpen merupakan genre yang paling diminati oleh para pembaca terutama golongan remaja.

2. Contoh teladan yang terdapat dalam cerita-cerita pendek itu lebih mudah difahami daripada makalah-makalah yang berat dan panjang tanpa hujung pangkal itu.

3. Minat. Ishak memang berminat mengarang cerita pendek. Melalui cerpen, dia dapat menyampaikan mesejnya kepada masyarakat menerusi cerita-cerita pendek yang ditulisnya.

Kebanyakan cerpen Ishak lebih berbentuk sindiran dan teguran terhadap masyarakat di sekelilingnya. Waktu negara dijajah, Ishak menyampaikan mesejnya yang menyeru orang ramai supaya sentiasa bersikap patriotik.

Isu-isu semasa terutama yang mengenai masyarakat dan bang-

sanya sering menjadi tema cerpen-cerpen Ishak. Ishak menulis untuk mencurahkan suara hatinya dengan tujuan menjadi tatapan masyarakatnya bagi menimbulkan benih-benih kesedaran.

Kepincangan dalam masyarakatnya baik dilakukan oleh orang bawahan atau orang atasan menjadi sasaran mata penanya. Perlakuan rasuah oleh sesetengah-setengah golongan didedahkan oleh Ishak dengan berani. Ishak menyedari perlakuan rasuah bukan mudah untuk dibasmi walaupun pelbagai tindakan diambil oleh pihak berkuasa. Isu ini ditimbulkan oleh Ishak dalam cerpennya yang bertajuk: "Amin! Kepada Encik Amin dan Cik Aminah" (*Warta Ahad*: 22 Jan 1939, 29 Jan 1939, 5 Feb 1939, dan 12 Feb 1939).

Melalui cerpen ini Ishak menimbulkan beberapa persoalan mengenai sikap setengah-setengah orang Melayu yang sanggup menjadi "orang tengah" mendapatkan tanah-tanah kepunyaan Melayu yang kaya dengan hasil bumi seperti bijih dan lain-lain, dijual atau diusahakan oleh kaum lain. Bagi Ishak, "orang tengah" macam ini tidak mempunyai nilai moral dan amat berbahaya di kalangan masyarakat Melayu.

Ishak juga dengan sinis mengkritik golongan-golongan seperti DKA (Darjah Keturunan Arab) dan DKK (Darah Keturunan Keling) yang bersifat tamak tetapi kedekut. Golongan ini lebih menonjol dalam masyarakat Melayu dan kadangkala kehadiran mereka lebih menonjol daripada orang-orang Melayu sendiri.

Aspek-aspek ini baik secara langsung atau tidak langsung turut disentuh oleh Ishak dalam beberapa buah cerpennya antaranya: "Satu Cerita dari Kampung", "Hilang di Mata", "Jalan Hiburan", "Musim Gelora", "Istana Berembun", "Siti Muhibbah" dan "Anak Dibuat Denak".

Masalah-masalah kemiskinan dan kedaifan hidup di kalangan masyarakat Melayu, baik yang hidup di bandar atau di desa, yang diakibatkan adanya tekanan daripada penjajah Inggeris dan kaum pedagang Cina juga boleh kita baca dalam cerpen-cerpennya seperti: "Sesat di Hujung Balik ke Pangkal" (*Karangan Bunga dari Selatan*; hlm. 9–14) dan juga cerpen "Kenapa Menangis" (*Karangan Bunga dari Selatan*, hlm. 19–22) serta dalam cerpen "Pelajaran Apakah yang Baik Sekali" (*Karangan Bunga dari Selatan*, hlm. 31–5).

Dalam cerpen-cerpen ini juga Ishak turut menyebutkan mengenai adat istiadat Melayu lama yang tidak sesuai lagi diamalkan. Jika terus diamalkan ia boleh melambatkan kemajuan orang-orang Melayu. Dan bagi Ishak, adat-adat seperti ini tidak perlu dipertahankan lagi.

Misalnya pembaziran yang sering diamalkan oleh masyarakat Melayu ketika hendak mengadakan kenduri kahwin. Setengah-setengahnya itu terpaksa berhutang atau bergadai bergolok untuk mengadakan upacara kenduri kahwin. Berbelanja tidak ukur badan sendiri.

Sikap mudah tertipu orang-orang Melayu turut dikupas oleh Ishak dalam cerpennya "Anak Dibuat Denak" (*Warta Ahad*, 5 Jun 1938, 12 Jun 1938, 19 Jun 1938). Ishak menggambarkan kegigihan orang-orang Melayu tidak sama dengan kegigihan kaum-kaum lain yang sanggup berbuat apa saja untuk meraih kejayaan dan kekayaan. Sikap lemah masyarakat Melayu yang mudah termakan tipu helah kaum lain menyebabkan mereka sering kehilangan hak mereka terutama tanah. Orang Melayu mudah lemah bila dipujuk oleh kaum lain, lebih-lebih lagi kalau kaum itu menunjukkan sikap baik dan menghulurkan hadiah-hadiah. Bila sudah termakan budi, walaupun sedikit, orang-orang Melayu sudah bersedia untuk menyerahkan apa yang dimilikinya. Ishak memandang gejala ini sebagai berbahaya.

Satu lagi penyakit kronik di kalangan masyarakat Melayu terutama pembesar dan golongan bangsawan ialah gila perempuan dan berjudi. Walaupun Islam melarang keras kedua-dua perbuatan ini, tetapi inilah yang disukai oleh sebilangan pembesar-pembesar Melayu waktu selepas perang, malah hingga sekarang ini.

Penyakit ini dikupas oleh Ishak dalam cerpen-cerpennya "Menang Judi Terpinjam Budi", (*Warta Ahad*, 27 Disember 1936), "Musim Gelora", (*Warta Ahad*, 2 Januari 1938), dan "Istana Berembun," (*Warta Ahad*, 3 April 1938, dan 10 April 1938).

Masalah perempuan yang rosak moral dan tunasusila juga mendapat perhatian dalam cerpen-cerpen karya Ishak terutama cerpen-cerpen sebelum perang seperti "Surat-surat Sesat," (*Warta Ahad*, 24 April 1938, 8 Mei 1938, dan 15 Mei 1938). "Anak Harimau", (*Warta Ahad*, 19 Disember 1937), "Musim Gelora", (*Warta Ahad*, dan "Membunuh Diri" (*Warta Ahad*, 6 Mac 1938 dan 13 Mac 1938).

Setengah-setengah pengkaji sastera berpendapat, pemikiran Ishak mendahului zamannya. Konsep pandang ke Timur yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad, sebenarnya telah mula digambarkan oleh Ishak dalam cerpennya "Istana Berembun" (1938) seperti yang tergambar dalam ayat ini:

> "Hatta tidak berapa lama lepas daripada perkahwinan itu, Tengku Yahya pun dihantarkan oleh ayahandanya ke negeri Jepun kerana belajar ilmu pengetahuan khasnya berkenaan dengan ilmu ber-

tenun kain dan membuat pinggan."

Yang menjadi persoalannya ialah mengapakah Ishak memilih Jepun sebagai tempat (negara) untuk menghantar Tengku Yahya belajar, tidak England atau negara-negara lain. Apakah Ishak boleh dianggap sebagai anti-Barat kerana tidak memilih England sebagai tempat belajar sedangkan pada zaman itu, orang berlumba-lumba menghantar anak masing-masing ke Barat (England-kebanyakannya) untuk belajar. Mungkin pemilihan Jepun itu secara kebetulan sahaja, tetapi walaupun begitu, sekurang-kurangnya pada zaman itu, Ishak sudah pun terfikir untuk menjadikan Jepun sebagai destinasi untuk belajar bagi orang-orang Asia, khususnya Tanah Melayu.

Ishak dianggap sebagai seorang pengarang yang mempunyai pengetahuan yang luas. Beliau bukan sahaja mengetahui hal-hal yang berkaitan dengan bangsanya tetapi hal-hal yang di luar daripada masyarakatnya pun Ishak mempunyai cukup pengalaman mengenalinya. Luas pengetahuan beliau mungkin disebabkan kegemarannya yang suka membaca dan mengembara.

Oleh sebab Ishak mempunyai pengalaman yang luas, maka beliau mempunyai visi tertentu dalam penulisannya. Beliau bukan menulis kerana seni untuk seni, tetapi beliau menulis kerana seni untuk masyarakat. Beliau menjadikan karya sastera (novel dan cerpen) sebagai alat atau *tool* untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat supaya bergerak maju menyaingi kaum-kaum lain.

Sasarannya ialah masyarakat bawahan; sebab itu kebanyakan persoalan yang dikemukakan dalam cerpen-cerpennya ialah mengenai kehidupan rakyat bawahan yang tinggal di kampung-kampung, yang memiliki cara hidup yang mudah dan sederhana serta memiliki sifat-sifat rendah diri (*inferiority complex*) tetapi sering bersikap jujur dan bersopan-santun. Keadaan hidup mereka berbeza pula dengan kehidupan masyarakat atasan atau bangsawan di kota-kota yang penuh keangkuhan dan berkelakuan buruk seperti hipokrit, tamak, penipu, penzina, penjudi dan sebagainya. Golongan-golongan bangsawan ini sering digambarkan sebagai orang yang mementingkan diri sendiri dan mudah menjadi alat kepada orang lain.

Sebagai seorang penulis yang berjiwa nasionalis, Ishak mempunyai cita-cita yang ideal untuk dicapainya; iaitu dia ingin melihat bangsanya maju dan setanding dengan bangsa-bangsa lain.

Sikap sinis dan *humour* Ishak sebenarnya melarat hingga ke

peringkat usia tuanya; di mana dalam cerpen-cerpen yang diciptanya pada tahun-tahun 80-an, mengandungi unsur-unsur tersebut (sindiran dan *humour*). Hal ini dapat kita baca dalam cerpen-cerpennya yang termuat dalam antologi *Senda Gila-Gila* antaranya; "Jandaku, Jiranku", "Cincin Buah Kana", "Psikologging (gila balak)", "Kerak Kera" dan "Lope Lumayan". Sindiran-sindiran yang dikemukakan oleh Ishak bukan bertujuan untuk menjatuhkan air muka orang atau untuk tujuan menghina golongan-golongan tertentu tetapi lebih bersifat untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat dalam aspek-aspek nilai kehidupan sejagat.

Cerpen-cerpennya walaupun tidak serius isinya tetapi amat menarik untuk dibaca. Pengemukaan watak-wataknya boleh memancing minat orang untuk membacanya.

Pengkritik sastera, Hashim Awang berpendapat keistimewaan cerpen-cerpen Ishak dapat dilihat pada pewarnaan watak-watak ceritanya. Selalunya watak-watak yang dikemukakan oleh Ishak mempunyai dua imej yang jelas iaitu putih dan hitam (protagonis and antagonis). Maksud yang boleh dibayangkan daripada warna putih ialah watak-watak protagonis iaitu hero-hero atau wira-wira yang baik, manakala warna hitam pula dibayangkan sebagai watak-watak antagonis iaitu penentang-penentang atau penjahat-penjahat yang mempunyai perangai yang buruk.

Watak yang baik digambarkan memiliki segala sifat yang murni dengan mempunyai kelebihan-kelebihan dalam serba serbi baik dalam bentuk fizikal atau mental. Imej ini kekal sehingga ke akhir cerita. Manakala watak-watak jahat digambarkan memiliki ciri-ciri kejahatan bukan saja tingkah laku tetapi corak pemikiran pun mengandungi unsur-unsur yang tidak baik.

Mungkin dengan penonjolan watak-watak yang sudah dibezakan ini akan menyenangkan Ishak menyampaikan mesejnya kepada masyarakat. Ini bersesuaian dengan pegangannya iaitu menggunakan sastera sebagai alat politik dan cita-citanya.

Dalam cerpen-cerpennya terpancar cita-cita dan idea-idea murninya untuk membangun bangsa dan negara. Ishak menulis dengan penuh keikhlasan. Dia tidak pandai bersembunyi-sembunyi atau talam dua muka.

Cerpen-cerpennya menggambarkan jiwa masyarakat pada zamannya, zaman sebelum Perang Dunia Kedua, yang kebanyakannya dipenuhi dengan suara rintihan dan keluhan dalam usaha untuk

mempertingkatkan perjuangan kehidupan dan harga diri.

Demikian Ishak dengan segala kelebihan dan kelemahannya, serta keunikan dan keistimewaannya baik dalam pemikiran atau dalam kehidupannya.

# BAB EMPAT

## PETIKAN DARIPADA NOVEL-NOVEL, CERPEN-CERPEN DAN RENCANA-RENCANA POPULAR PAK SAKO

### A: NOVEL

*PUTERA GUNUNG TAHAN*

Cetakan Pertama (Jawi) oleh Jamilah Press Muar, 1938
Cetakan Kedua (Jawi) oleh Geliga Ltd. Singapura 1957
Cetakan Ketiga (Rumi) oleh Pustaka Agency, P. Jaya, 1973.
Cetakan Keempat (Rumi) oleh Pustaka Budaya Agency, P. Jaya, 1980.
(Untuk cetakan keempat, jumlah muka surat 97 hlm. dan harga $3.00)

Novel ini mengisahkan William dan Robert yang pergi ke Gunung Tahan untuk mencari harta dan tempat peranginan.

Setelah mereka mengembara dengan segala susah payah melalui hutan belantara akhirnya mereka berjaya menghadap Ratu Bongsu di Gunung Tahan.

Tuan William: Adapun tujuan patik yang terutama sekali ialah hendak melihat dan menyiasat keelokan tanah dan tumbuh-tumbuhan serta binatang-binatang di atas gunung ini.

Ratu Bongsu: Binatang? Adakah tuan sifatkan saya dan anak buah saya yang diam di sini seperti binatang? Betulkah engkau ini orang Inggeris?

Tuan William: Patik telah tersalah cakap dan tuanku telah tersalah faham harap tuanku ampunkan patik.

Ratu Bongsu: Apakah tujuan tuan kedua?

Tuan William: Yang keduanya ialah hendak mengetahui

> adakah hawa di sini bersetuju dengan orang-orang putih,' dan boleh dijadikan tempat peranginan.
>
> (Dipetik daripada bab "Tuan William menghadap Ratu Bongsu", hlm. 57–8).

Ratu Bongsu mengajak Tuan William melihat keadaan sekitar pergunungan yang indah terutama di tepi tasik dengan bunga-bunga indah berkembang dan ke perdu pokok buluh yang boleh mengeluarkan suara yang nyaring.

Mengenai pokok buluh itu, Ratu Bongsu berkata: "Sekiranya kita tebang sepohon dan kerat-kerat jadikan teropong. Bukan teropong buat meniup api di dapur-melainkan teropong buat meneropong kerana memandang benda-benda yang jauh yang tidak boleh nampak dengan mata kasar maka tuan akan nampak jelas benda-benda yang jauh-jauh hatta benda-benda atau orang-orang di negeri tuan sendiri."

Ishak membawa nada-nada futuristik melalui penggunaan teropong ini. Dan Tuan William selepas meneropongnya telah merah padam mukanya. Lalu Ratu Bongsu bertanya apakah yang dilihatnya.

> Tuan William: "Patik lihat isteri patik ada bersama-sama dengan seorang lelaki muda yang patik tidak kenal. Patik lihat kedua-duanya berdakap dan bercium bertemu mulut beberapa kali."
>
> ("Dipetik daripada bab "Teropong Terus", hlm. 63–5).

Melalui novel ini Ishak mempermain-mainkan orang putih yang sentiasa bersifat superego terutama dengan orang-orang Melayu.

Sebelum ini, Robert sahabat karib William telah diperbodohkan oleh Ishak dengan menjadikan Robert jatuh hati kepada seorang gadis sakai. Oleh sebab terlalu gilakan perempuan sakai itu Robert telah sanggup melakukan apa saja.

Dan dalam satu istiadat perkahwinan Robert diminta mengejar gadis sakai itu dengan cara mengelilingi busut. Gadis itu telah dilumuri minyak supaya licin dan tidak dapat dipegang oleh Robert.

> "Satu kali keliling, dua kali tiga kali hingga tujuh kali keliling tidak juga tertangkap bahkan terpegang pun tidak boleh Tuan Robert akan perempuan muda itu, maka bersoraklah orang-orang sakai itu hingga gamatnya. Tuan Robert terbaring dengan keletihannya dan tertawalah perempuan muda itu melihatkan halnya."

"Mengikut adat mereka itu tidaklah boleh sekali-kali Tuan Robert dan perempuan itu bersatu kerana perkahwinannya belum sah. Maka dukacitalah orang putih itu dan makinlah ia asyik akan gadis liar itu tetapi apa boleh buat."

(Dipetik daripada bab "Tuan Robert Asyikkan Perempuan Sakai", hlm. 46).

Tuan Robert yang asyik kepada gadis sakai itu diberikan sekali lagi peluang untuk bersatu. Kali ini perempuan sakai itu akan memanjat sepohon pokok kayu yang tinggi dan Tuan Robert hendaklah memanjatnya juga hingga dapat memegang perempuan itu. Kalau berjaya perempuan sakai itu akan menjadi milik Tuan Robert.

Orang putih yang kebingungan itu mengikut saja.

"Syahadan pada hari ditetapkan perkahwinan itu, maka ramailah puak-puak sakai itu datang berkumpul hendak melihat bagaimana seorang putih memanjat kayu. Satu jamuan cara mereka itu telah diadakan dan riuhlah tempat itu dengan tempik sorak, tarian dan nyanyian."

"Setelah selesai adat istiadat dan jamuan itu, perempuan muda sakai itu pun memanjat dengan pantasnya, dan Tuan Robert mengikut pula dengan perlahan-lahan seperti beruk patah kaki."

"Adapun pokok itu kulitnya licin dan sudahlah dengan kehendak Tuhan Yang Maha Kuasa maka apabila Tuan Robert sudah hampir benar dengan perempuan itu kakinya pun tergelincir dan ia pun jatuh ke tanah lalu mati ...."

(Dipetik daripada bab "Tuan Robert Asyikkan Perempuan Sakai", hlm. 48).

Bukan saja watak Robert dimatikan oleh Ishak dengan cara yang melucukan, watak William juga dimatikannya dengan cara yang mengerikan. William yang memesan dua buah kapal terbang membawa bom dan gas beracun untuk digugurkan di Gunung Tahan telah memakan dirinya sendiri.

"Apabila orang putih itu masuk ke dalam bilik itu, Kusina pun menutup pintunya dan dikuncinya dari luar dan terkurunglah Tuan William dengan tidak ada peluang sedikit pun hendak keluar ...."

"Hatta tidak lama kemudian daripada itu terdengarlah bunyi-bunyi yang dahsyat Bom! Bom! Bom! Iaitu bunyi letupan-letupan

yang digugurkan dari kapal-kapal terbang yang ia sendiri telah menjemputnya. Maka pecahlah istana anak raja itu berserak-serak dan lemaslah ia kerana menghisap gas racun yang ia sendiri telah menempah dari negerinya ...".

(Dipetik daripada bab "Kedatangan Dua Buah Kapal Terbang", hlm. 85).

Yang ironinya, Ishak mengahwinkan mem William dengan Ratu Bongsu yang dianggapnya sebagai suatu percintaan yang aneh.

Kata mem William: "Saya rela dan saya suka, saya serahkan nyawa dan badan saya kepada tuan. Moga-moga dapatlah kita seorang anak lelaki yang menjadi pemerintah alam yang permai di keliling kita ini ...."

Maka jawab pula Ratu Bongsu: "Saya pun harap begitu juga. Marilah kita ...."

(Dipetik daripada bab "Percintaan yang Pelik", hlm. 97).

## *ANAK MAT LELA GILA*

Cetakan Pertama: The Annies Printing Works, Johor Bahru 1941
Cetakan Rumi: Federal Publication Ltd. Kuala Lumpur 1960.
(Jumlah muka surat 131 hlm. Harga: Tidak tercatat).
Edisi Terjemahan: *The Son of Mad Mat Lela*, Federal Publications Kuala Lumpur 1983.
Penterjemah: Harry Avelling
Kata Pengantar oleh Philip L. Thomas.
(Jumlah muka surat 106. Harga $3.75)

Ishak memulakan novelnya dengan deskripsi mengenai bulat:

"Bulat–apa yang ganjil pada bulat? Berbagai-bagai benda di dalam dunia yang luas ini keadaannya bulat, rupanya bulat dan asalnya bulat."

(Dipetik daripada bab "Bulat Datang Menggolek", hlm.1).

Siapakah Bulat?:

"Demikianlah dengan kehendak Tuhan, dengan kuasa dan hikmatnya, telah dijadikan-Nya seorang hamba-Nya manusia yang

bernama Bulat. Tidaklah diketahui adakah nama Bulat itu namanya yang asal diberi baginya tatkala ia lahir ke dunia ini?

"Adapun Si Bulat atau Encik Bulat ini bukan ganjil sebab namanya Bulat tetapi ialah dari kerana tingkah lakunya, perangainya dan keadaan hidupnya yang sangat berlainan dari orang-orang lain.

"Kelakuannya terlalu ganjil hingga dikatakan orang iaitu gila.

"Adapun yang menyebabkan kebanyakan orang yang mengetahui akan dia mengatakan Bulat itu gila ialah dari kecilnya ia tinggal bersama dengan seorang tua yang dikatakan gila juga. Namanya Mat Lela, gelarannya Lela Gila."

Dipetik daripada bab "Bulat Datang Menggolek", hlm. 3–4).

Siapa Mat Lela Gila? Ishak menjelaskan:

"Adapun Mat Lela Gila yang memelihara akan dia itu tidak pernah beristeri dan tidak diketahui ia membuat perhubungan sulit hingga terlahir ke alam ini anak kecil itu."

(Dipetik daripada bab "Bulat Datang Menggolek", hlm. 5).

Ishak menjelaskan lagi mengenai Mat Lela Gila:

"Sebenarnya ia seorang yang ganjil tetapi tingkah lakunya, perbuatan-perbuatannya dan budi pekertinya tidak sekali-kali menunjukkan yang iaitu tidak berakal."

"Apakah yang ganjil padanya?"

"Pertama ia membiarkan rambutnya tumbuh panjang hingga mengerbang seperti rambut perempuan."

"Kedua ia selalu kelihatan dan didengar bercakap seorang diri, ketawa dan senyum seorang diri, merepek dan merungut seorang diri."

"Ia juga suka merayau-rayau seorang diri di dalam hutan atau belukar, teristimewa tempat-tempat yang sunyi dan lengang daripada manusia."

(Dipetik daripada bab "Gila, Pandir dan Sasau," hlm. 7).

Bulat mengalami pelbagai peristiwa. Salah satu peristiwa ialah perihal mimpinya di mana tuan puteri menyuruhnya berjumpa dengan Mandur Alang untuk menuntut ilmu. Mandur Alang ialah Ketua Orang-orang Sakai Ulu Telom.

Ketika Bulat berjumpa Mandur Alang, dia tidak jadi mandur lagi. Dia sudah berhenti, hendak balik ke hutan, masuk sakai semula, bercawat dan berbuluh sumpitan:

Bulat: "Mengapa Pak Alang berhenti menjadi mandur?"

Alang: "Ah! Makan gaji dengan kompeni tak boleh senang. Dahulunya belanja delapan sen sehari tak habis; sekarang delapan puluh sen tak cukup. Makin sehari bertambah susah. Banyak sangat benda-benda yang hendak dibeli dan perkara-perkara yang menggunakan wang-duit. Dahulu duduk dalam hutan lauk tak berbeli, kain cawat dibuat daripada kulit kayu sahaja. Sekarang semuanya berbeli, kain, baju, songkok, kasut, rokok sigeret, minyak kelapa, ikan batu, itu ini bermacam-macam benda. Tambahan pula anak-anak saya sudah mengikut orang bandar betul, yang jantannya sudah pandai berkerul berbojing dan pakai seluar kot pantelon. Yang betinanya pula sudah pandai berbedak bergincu, berterompah dan berbaju bandung. Balik ke hutan jangan disebut, sudah jadi pantang, duduk dalam hutan bodoh kata mereka itu."

Bulat: "Berapa orang anak Pak Alang kesemuannya? Mak Alang ada di mana?"

Alang: "Anak saya ada berempat, dua jantan dua betina. Sudah besar-besar belaka. Bini saya sudah mati dua tahun dahulu."

(Dipetik daripada bab "Alang: Pendeta dan Ahli Tarikh" hlm. 77).

Bulat sentiasa bergolek dari satu tempat ke satu tempat, membuat pelbagai kerja termasuk menyanyi. Satu perkara yang amat menggembirakan Bulat ialah bila dia berjumpa dengan ibunya Elis Sakti, yang masyhur kerana pandai menyanyi.

Ibunya mahu dia membuat satu-satu kerja dengan bersungguh-sungguh supaya mendapat kejayaan tetapi Bulat sesuai dengan namanya tidak boleh duduk setempat, dia bergolek lagi:

"Tiadalah diketahui apa yang berlaku kepada Bulat yang mengembara lagi itu akan tetapi sekiranya ia menurut nasihat ibunya dan bekerja bersungguh-sungguh haruslah ia hidup aman sentosa, mulia dan berbahagia di dalam dunia ini."

(Dipetik daripada bab "Bulat Bergolek Lagi", hlm. 131)

*PENGANTIN BARU*

Cetakan pertama (Jawi) oleh Geliga Ltd. Singapura 1957.
Cetakan Kedua (Rumi) oleh Pustaka Budaya Agency, P. Jaya 1975.

(Jumlah muka surat 97 hlm. - Harga: Tidak tercatat).

Novel ini mengisahkan Razak, pengantin baru yang meninggalkan isteri (dihalau mentua) dan datang menemui Pak Karim yang tinggal bersendirian di sebuah kampung terpencil:

"Saya belum bercerai dengan isteri saya itu, Pak, tetapi saya tidak tahan lagi tinggal di rumahnya, Pak. Mulut ibu mentua saya itu terlalu tajam, terlampau bisa, Pak."

(Dipetik daripada bab "Malam Pertama", hlm. 6).

Selepas beberapa hari Razak tinggal bersama Pak Karim, akhirnya dia mengenali perwatakan anak muda itu. Katanya:

"Kau pemalas! Bangun pagi-pagi agaknya inilah kali yang pertama. Selama di rumah mentua kau, agaknya kau cukup senang ya ..., bangun meninggi hari, dan bangun-bangun sahaja makanan dan minuman untuk kau sudah siap sedia; lepas makan minum kau bersolek, bersenang-senang diri ...."

(Dipetik daripada bab "Malam Ketiga", hlm. 27–8).

Zubaidah isteri Razak yang ditinggalkan tiba-tiba tidak sedarkan diri, meracau dan meraung-raung. Orang kampung kata kena pelesit. Dan Pak Karim yang datang menjampi serapahnya. Dalam jampi serapahnya itu dia membisikkan kepada Zubaidah:

"Razak kirim salam pada kau ... dia sangat rindu pada kau ... dia cinta pada kau ... aku tahu dia di mana sekarang, dia ingin benar bertemu dengan kau, tetapi dia malu, dia sedang merajuk .... Kau juga cinta kepadanya bukan? ... Hanya kau masih belum berani melepaskan ikatan ibu bapa kau ... kau adalah seorang wanita yang taat kepada orang tua kau ... aku suka menolong kau, dan kalau sesungguhnya mahu jumpa dengan Abang Razak, kekasih kau, segeralah kau baik ... kaukemaskan kain baju kau, dan tinggalkan rumah kau ini .... Datanglah ke rumah aku ... nanti aku boleh

jumpakan engkau dengan Razak ...."

(Dipetik daripada bab "Malam Ketiga", hlm. 3–5).

Setelah sembilan malam tinggal di rumah Pak Karim, akhirnya Razak dan Zubaidah dapat didamaikan semula. Pak Karim berjaya menyedarkan Razak akan tanggungjawabnya sebagai suami. Pada malam kesepuluh, Pak Karim terpaksa tidur di surau.

"Ada pengantin baru tidur di rumah aku," kata Pak Karim sambil mengesat-ngesat matanya.

(Dipetik daripada bab "Malam Kesepuluh", hlm. 95).

*BUDAK BECA*

Cetakan Pertama (Bahagian Pertama dan Kedua) 1957 oleh H.C. Mohammad bin A. Rahman, Marang, Terengganu.
(Muka surat cetakan pertama: 98 hlm. Harga: $1.20).

Novel ini berlatarbelakangkan Kuala Terengganu, berlaku di sekitar kehidupan penarik beca dan kupu-kupu malam di zaman negara baru mencapai kemerdekaan.

Mamat Merdeka, seorang bekas mata-mata khas yang pernah berkhidmat selama tujuh tahun balik ke kampung untuk memulakan penghidupan baru. Mamat seorang yang boros dan tidak mempunyai perancangan masa depan.

Ishak melukiskan watak Mamat:

"Apalah yang dibuatnya sejak berhenti dari S.C. (mata-mata khas) itu? Pagi dia keluar ke pekan Kuala Terengganu. Kadang-kadang jalan kaki. Adakalanya naik beca roda tiga. Malam baru dia balik ke rumah membuka tudung saji, makan nasi dan lauk yang telah sedia dihidangkan oleh emaknya yang sayang kepadanya."

(Dipetik daripada bab "Mamat Merdeka", hlm. 11).

Dan Mamat sendiri dengan megah berkata:

"Aku sekarang sudah bebas dan merdeka. Bini tidak ada. Anak

tidak ada. Rumah tangga pun tidak ada. Tidak ada yang menyusahkan. Duit mahu belanja hari-hari ada. Badan masih muda. Aku sudah bebas dan merdeka!"

(Dipetik daripada bab "Mamat Merdeka", hlm. 11).

Mamat yang merdeka akhirnya terpaksa bekerja sebagai penarik beca selepas wang simpanannya hampir dua ribu habis dibelanjakannya:

"Mamat kini sudah menjadi penarik beca roda tiga. Dengan bantuan Persatuan. Penarik-Penarik Beca Roda Tiga dan melalui khidmat-khidmat yang diberikan oleh Pejabat Kebajikan Masyarakat maka Mamat telah dapat sebuah beca roda tiga yang dibayar ansuran bulan-bulan."

(Dipetik daripada bab, "Penyiasat Penderitaan", hlm. 42).

Mamat yang tiada pegangan hidup telah menemui Mustaffa seorang pemuda yang ditugaskan oleh persatuannya untuk menyiasat peri kehidupan penduduk-penduduk Pantai Timur yang sembilan puluh peratus daripadanya terdiri daripada orang-orang Melayu.

Persatuan itu terkenal dengan nama pendeknya P.P.K. atau Persatuan Pengisi Kemerdekaan, pengawal perikemanusiaan, penjaga penderitaan, kemiskinan.

Kata Mustaffa: "Persatuan yang menghantar saya ke mari tidak bertujuan politik, tetapi sebuah pertubuhan kebajikan yang bertujuan memberikan jasanya kepada orang ramai, kepada masyarakat, yang bertujuan membimbing rakyat jelata kepada kehidupan yang lebih baik, yang bersih dan jujur, berbudi kepada orang ramai."

(Dipetik daripada bab, "Penyiasat Penderitaan", hlm. 47).

Mamat yang telah menjadi kawan baik Mustaffa banyak mendapat pelajaran daripada rakannya itu.

Kata Mustaffa: "Sementara kita masih hidup hendaklah kita berbuat baik. Moga-moga ada balasan baik yang kita akan dapat nanti."

Mamat: "Sudah dapat merdeka apa lagi yang kita susahkan. Tentu kita semua menang."

Mustaffa: "Itu belum tentu. Kita hanya baru dapat, ibarat kita dapat sebiji kelapa, jikalau kita tidak kupas, kukur isinya, keluarkan santannya, maka apakah ertinya kelapa itu kepada kita? Ataupun misalnya kita dapat ikan, kalau tidak disiang, dimasak, maka ikan itu akan busuk."

(Dipetik daripada bab, "Malam Kesenian", hlm.78).

*JUDI KARAN*

Cetakan Pertama Geliga Ltd. Singapura, 1958
(Jumlah muka surat 132 hlm. Harga: $1.20)

Selepas merdeka, kegiatan judi bertambah, bukan saja di pekan atau di kota tetapi di kampung-kampung pun orang berjudi.

Ini dapat dibayangkan daripada dialog watak saya dengan Rahmat.

"Kemudian Rahmat bercerita pula darihal kawan-kawan kami yang telah cuba berniaga. Kemajuan yang didapati oleh mereka itu sedikit benar, katanya. Yang membuka kilang padi juga tidak berapa maju, yang maju benar, katanya lagi, ialah kedai-kedai judi karan."

"Judi karan?" kata saya dengan terperanjat, "apa di kampung kita sekarang sudah ada judi karan? Di Singapura, yang saya tahu," kata saya lagi, "judi karan ini ialah tempat budak-budak jahat, tempat pencuri dan penyamun berkumpul."

"Di sini apa ubahnya. Jikalau tidak masakan selalu saja berlaku kecurian di kampung kita," ujar Rahmat, "telur ayam tak boleh alpa, getah berjemur, kalau tidak diangkat akan hilang lesap," demikian katanya lagi.

"Sekarang mengetahuilah saya mengapa kerbau jantan saya telah hilang. Rupanya kampung kami sekarang sedang menjadi sarang pencuri. Sudah bertukar corak daripada kampung yang aman damai dan baik namanya kepada kampung yang penuh dengan macam-macam maksiat."

(Dipetik daripada bab "Tukar Rancangan", hlm. 26–7).

Merebaknya penyakit judi di kalangan masyarakat menyebabkan

banyak berlaku kecurian dan kejahatan. Hal ini ditegaskan lagi:

> "Semenjak ada kedai-kedai judi karan dalam pekan ini maka kampung-kampung dalam lingkungannya sudah tidak aman lagi. Kecurian selalu berlaku, perkelahian kerap kali terjadi, istimewa dalam kalangan pemuda-pemuda dan bukan saja kecurian selalu berlaku, bahkan ada banyak lagi akibat-akibat yang telah dan ditimbulkan oleh judi karan itu.
>
> "Saya sesungguhnya sangat hairan mengapa hal buruk ini ada dalam kampung saya setelah Tanah Melayu merdeka dan kenapa pemimpin-pemimpin berdiam diri dan memandang saja penyakit yang jahat itu ...."
>
> (Dipetik daripada bab "Geliga di Tengah Terang", hlm. 50).

*MATA-MATA SUKARELA*

Cetakan Pertama oleh Geliga Ltd. Singapura 1959.
(Jumlah muka surat 124 hlm. Harga $1.20)

Seting novel ini berlaku di Kampung Bahru. Selepas merdeka sepatutnya keadaan menjadi aman dan tenteram. Tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya. Kejadian-kejadian jenayah seperti kecurian, rompakan, samun bermaharajalela di Kampung Bahru yang kebanyakan penghuninya terdiri daripada orang-orang Melayu.

> "Malam itu Kampung Bahru gempar sekali lagi. Suasana tenang, lenang sekonyong-konyongnya menjadi heboh, riuh-rendah."
> "Pencuri! Pencuri! Pencuri! Dia lari ke sana. Ke arah gelap itu. Kejar! Hentam dia sampai mati. Semakin banyak orang luar masuk, semakin banyak pencuri!"
>
> (Dipetik daripada bab, "Babak 1", hlm. 5).

Salim yang belum mendapat kerja tetapi berminat dalam kerja-kerja penyiasatan itu akhirnya menjadi seorang "mata-mata sukarela" kepada Pak Tua, iaitu seorang tua yang kaya pengalaman dan banyak pengetahuannya.

> "Apa tugas saya yang pertama Pak Tua?" ia bertanya dan menerima tawaran itu.

> "Sebuah rumah di Jalan Daud telah kena curi dalam minggu yang lalu. Kejadian itu mungkin telah direpotkan kepada polis, mungkin tidak, aku belum tahu. Kehilangan tidak banyak, hanya sebuah beg tangan yang berisi sedikit wang. Pergilah kausiasat kejadian itu. Kalau polis belum diberitahu, maka kausiasatlah apa sebab-sebabnya hal itu tidak diberitahu kepada mereka."
>
> (Dipetik daripada bab "Babak 5", hlm. 46).

Salim (mata-mata sukarela) itu telah menjalankan tugas seperti yang diarahkan kepadanya. Untuk mendapatkan maklumat dia bergaul dengan semua orang yang pergi ke kelab-kelab malam, iaitu tempat yang belum pernah dia kunjungi sebelum ini:

> "Salim memerhati pemuda yang hendak dikajinya itu, pemuda yang hitam kulitnya, keras dan kasar rambutnya, yang selalu kelihatan memakai baju kemeja berbelang-belang merah. Tidak ada pemuda demikian itu. Barangkali malam ini dia tidak datang kerana ada tempat lain. Ada lubuk lain tempat ia mencari hiburan atau makan. Ia hampir bertanya kepada Kamil darihal pemuda itu. Kemudian dengan cara yang tidak langsung ia bertanya darihal pemuda-pemuda Melayu yang ada malam itu, apakah pekerjaan mereka, di mana tempat tinggalnya, rendah atau tinggi pelajarannya, hemah dan cita-cita hidup mereka."
>
> (Dipetik daripada bab "Babak 6", hlm. 63).

Pak Tua yang mengarahkan Salim membuat penyiasatan bukan saja mengenai kejadian jenayah tetapi hal-hal lain yang berkaitan dengan masyarakat memberikan khutbahnya:

> "Aku menaruh banyak harapan kepada kamu berdua. Aku yakin bahawa kamu akan dapat memberikan khidmat-khidmat yang baik kepada masyarakat. Kamu sudah tahu akan pokok dan pangkalnya, sebab dan musababnya kejadian-kejadian jenayah dalam negeri kita ini. Yang sebenarnya usaha-usaha yang telah aku jalankan bertahun-tahun lamanya itu adalah lebih baik dikerjakan oleh orang-orang muda seperti kamu berdua. Akan tetapi sebagai orang-orang muda maka kamu adalah mempunyai beberapa kelemahan. Kamu bersifat gopoh, kurang cermat pada memerhati dan meneliti sesuatu kejadian, dan kamu kurang sabar. Mungkin satu dua kekecewaan yang kecil akan menyebabkan kamu lemah dan berhenti. Walaupun begitu aku akan berikan petua dan petunjuk-petunjuk yang kamu kehendaki itu."
>
> (Dipetik daripada bab "Babak 9", hlm. 92).

## *ANAK DUKUN DERAMAN*

Cetakan pertama oleh Penerbitan Pustaka Gunung Tahan, Kuala Lumpur, Jun 1967.
(Jumlah muka surat 222 hlm. Harga: Tidak tercatat).

Ahmad, anak Dukun Deraman bertanya; "Kakak kau itu sakit apa?"

"Sakit sawan kaku," jawab Normah dengan senyum kegelian.

"Sawan kaku? Apa bangsa penyakitnya itu?"

"Entahlah. Tanyalah emak engkau. Dia yang jadi dukun dan dialah yang nak mengubat kakak aku itu."

"Mengapa tak berubat pada doktor?"

"Sakitnya itu agak aku, tak dapat diubat oleh doktor. Kalau patah atau luka, bolehlah. Abang boleh tidak mengubat orang?"

"Kalau sakit ringan-ringan bolehlah. Kalau sakit kepala misalnya, boleh aku picitkan, kalau belakang yang sakit aku boleh tolong urutkan."

(Dipetik daripada bab "5", hlm. 59).

Ahmad yang masih muda itu bertanya kepada emaknya, Che Som:

"Sawan kaku itu macam mana penyakitnya, emak?"

"Lagi-lagi kautanyakan hal itu. Tak usahlah kauambil tahu hal-hal orang-orang perempuan," jawab emaknya. "Yang emak takutkan engkau itu nanti akan kena penyakit sawan kuda," tambahnya.

"Sawan kuda? Bagaimana pula penyakit itu?" tanya Ahmad, gelisah.

"Umur kau sudah dua puluh lima tahun, kahwin tak mau, nanti dirasuk oleh syaitan tak elok padahnya."

"Tapi penyakit sawan kuda itu bagaimana?"

"Kau akan terlompat-lompat, mengejar betina ke sana sini macam kuda miang; nanti malulah mak dan ayah kau," tegas emaknya.

(Dipetik daripada bab "7", hlm. 80).

Ahmad dan Normah bercakap-cakap mengenai hal mereka:

"Abang Mat, Abang Mat, sekarang kita tinggal berdua saja

dalam rumah ini. Elok kita cakap-cakap," kata Normah yang memandang pemuda itu dengan mata yang berani.

"Kita bertiga," sahut Ahmad.

"Siapa seorang lagi?"

"Itu, kucing hitam itu."

"Ah, dia tak tau bercakap."

"Tapi matanya tajam."

"Kesayangan Kak Zu dia tu. Makan tidur saja dengan dia."

"Kucing jantan tu?"

"Iya. Pondan dia tu, tak tau cari betina. Makan tidur saja di rumah. Semua tikus pun dia takut."

"Menghidap penyakit sawan kaku agaknya," Ahmad berkelakar.

Normah ketawa.

"Apa yang kita akan cakapkan?"

"Saya nak tanya Abang Mat; banyak pertanyaan yang nak saya tanya."

"Tanyalah."

"Saya hairan, Abang Mat, masih sangat hairan, bagaimana ayah abang boleh tahu yang saya telah mandi di sungai, pada hari pertama saya sampai ke kampung Abang Mat tu, tidak memakai kain basahan? Saya syak Abang Mat yang telah memberitahu dia."

"Tidak ah! Nak buat apa aku nak ceritakan rahsia tubuh badan kau?"

"Rahsia tubuh badan saya? Abang Mat telah mengintai saya mandi pada hari itu, ya?"

"Bukan salah aku," jawab Ahmad dengan suara lembut.

"Jahat Abang Mat ni, jahat. Nakal. Suka mengintai orang," kata Normah dengan suara marah tapi dia senyum.

(Dipetik daripada bab "14", hlm. 144).

Ahmad dan Normah akhirnya dikahwinkan:

"Dan kami sudah juga sepakat dengan Cik Zubaidah supaya kerja kita di rumah ini dibuat ringkas sahaja," tambah ayahnya. "Pagi Ahad depan akan kami kirim utusan menghantar belanja dan persalinan-persalinan, dan petang itu, kira-kira pukul tiga setengah, lepas waktu Zuhur, engkau dengan kawan-kawan engkau berangkat dari sini untuk bersanding di Petaling Jaya. Berapa kereta akan menghantar engkau?"

"Tiga buah kereta," jawab Ahmad.

"Cukuplah," sahut ayahnya. "Pandai-pandailah engkau mem-

bawa diri. Apabila Cik Zubaidah dan suaminya Encik Din belayar keluar negeri, engkau akan tinggal di Petaling Jaya menunggu rumahnya. Bagaimana engkau nak mencari nafkah untuk sara hidup kau suami isteri?" tanya ayahnya.

"Entahlah, belum pernah saya fikirkan hal itu, ayah," jawab anak yang telah dimanja dan dimewahkan sejak dari kecil hingga naik pelamin.

Dukun Deraman berfikir sejurus. Cik Som tidak berkenan dengan pertanyaan suaminya itu. Bukan masanya. Dia tahu hati anaknya itu sedang bergelora dengan perasaan-perasaan indah dan sedap.

"Nanti ayah perturunkan beberapa kepandaian ayah dalam perkara-perkara kedukunan. Di tempat ramai, dalam masyarakat rapat seperti di Petaling Jaya itu, mungkin kau boleh hidup lumayan sebagai seorang dukun. Nama ayah akan menjadi sijil yang bernilai. Mudah-mudahan kau akan terkenal dengan sebutan Anak Dukun Deraman," demikian ayahnya memberi satu harapan.

(Dipetik daripada bab "18", hlm. 182–3).

## *YANG MISKIN DAN YANG MEWAH*

Cetakan pertama oleh Pustaka Melayu Baru, Kuala Lumpur, 1966. (Jumlah muka surat 120 hlm. Harga: Tidak tercatat).

Perbezaan golongan miskin dan kaya menjadi tema novel ini. Ia menceritakan perihal Prof. Ali Ahmad, seorang pakar ilmu kemasyarakatan dari Universiti Hang Jebat yang merancang untuk mengadakan forum mengenai "Yang Miskin dan Yang Mewah".

Prof. Ali Ahmad atau PAA (seperti yang dipanggil oleh siswa-siswi universiti) itu adalah seorang pensyarah yang banyak jasa kepada masyarakat dan sentiasa berusaha mencari idea-idea untuk meninggikan taraf hidup rakyat.

Forum itu dipengerusikan oleh Dato Olala atau nama penuhnya Dato Osman Lailatulkadar. Kata Dato Olala dalam ucapannya:

"Kita tentu sekali tidak dapat menafikan bahawa semenjak merdeka, dan semenjak berjalan rancangan-rancangan untuk memperbaiki dan meninggikan taraf hidup penduduk luar bandar itu maka telah mula ada golongan yang mewah, atau untuk perbincangan-perbincangan kita hari ini bolehlah kita katakan

sudah ada golongan orang-orang kaya baru".

"Dulu kenderaan mereka itu – kalau tidak jalan kaki – ialah basikal buruk. Sekarang mungkin masing-masing sudah ada motokar. Dulu rumah-rumah mereka itu daripada kayu-kayu bulat yang diambil dari hutan, dindingnya kulit kayu, atapnya daripada daun-daun salak atau bertam. Sekarang sudah lain iaitu rumah-rumah kayu yang baik ataupun rumah-rumah batu."

(Dipetik daripada bab "IV", hlm. 37).

Prof. Kudus salah seorang pembahas dalam forum "Yang Miskin dan Yang Mewah" berpendapat:

"Apakah ukuran mewah dan miskin yang kita pakai untuk kajian kita? Adakah ukuran Barat? Adapun ukuran taraf hidup yang tinggi atau keadaan mewah di negeri-negeri Eropah dan Amerika adalah berdasarkan kebendaan semata-mata. Pada pendapat saya ukuran seperti ini tidak kena untuk dipakaikan dalam negeri ini dan tidak sesuai dengan orang-orang Timur.

"Jikalau kita pakai ukuran Barat itu seterusnya maka kita akan dijangkiti oleh penyakit-penyakit kemewahan yang sedang menular di negeri-negeri itu, yang sekarang oleh mereka itu dicuba mengubatinya dengan berbagai-bagai cara. Tegasnya, apabila negara kita ini bertambah maju dan makmur maka akan muncul kelab-kelab telanjang, kebebasan seks yang melampau dan akan merebak pula wabak-wabak penyakit seks, kejahatan-kejahatan jenayah, judi, arak, pelacuran dan sebagainya."

(Dipetik daripada bab "IV", hlm. 40–1).

Masiran M.A. pula mengemukakan hujahnya:

"Saya tidak menafikan bahawa penyakit-penyakit masyarakat Barat itu sudah melarat ke mari. Itulah satu daripada hasil-hasil kemajuan ilmu sains dan teknik. Kapal-kapal terbang boleh sampai ke mari dari London dalam masa satu hari. Banyak perkara yang berlaku di negeri-negeri Eropah dan Amerika boleh kita baca dalam suratkhabar dan majalah-majalah. Bukan sedikit hari yang lalu kita telah membaca satu berita iaitu seorang wanita di negeri mana saya sudah lupa–telah memberikan pendapatnya bahawa untuk mencegah bertambahnya penduduk dunia ini, dan dengan jalan itu makanan dan pekerjaan tidak akan berkurangan, seorang wanita haruslah dibenarkan berkahwin dan mempunyai lebih daripada satu suami. Dia sendiri, katanya, sanggup mempunyai tujuh orang suami, maka dia akan beranak seorang sahaja setahun.

Tetapi sebaliknya apabila seorang lelaki dibenarkan beristeri sampai empat orang maka setiap tahun keluarganya akan bertambah empat orang, dan dalam masa sepuluh tahun akan menjadi empat puluh orang.

"Bagaimana si suami itu hendak memelihara, memberi makan, minum anak-anaknya yang begitu ramai? Bagaimana dia hendak menyekolahkan anak-anak itu, dan apabila mereka itu sudah besar di sana ada pekerjaan untuk mereka itu, di mana ada tanah-tanah kosong untuk menempatkan mereka?"

(Dipetik daripada bab "IV", hlm. 43–4).

## *SIDANG SERANGGA*

Siri novel terbaru disiarkan secara bersiri di majalah Mastika dari Januari 1983 hingga 1985.
Cetakan Pertama oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990.
Jumlah muka surat 121 hlm. Harga $6.30

Watak novel ini terdiri daripada binatang dan serangga-serangga. Sebuah kisah satira:

"Pada suatu malam terang bulan, cuaca terang benderang, dengan kerlipan beribu-ribu bintang yang berkilau-kilauan, suasana tenang lenang yang menguasai jiwa orang-orang bujang, teruna dan dara yang berhati walang maka seekor cengkerik yang sedang berbunyi nyaring dengan hembusan angin daripada kedua-dua belah sayapnya yang terkembang, di tepi lubang sarangnya, mendayu-dayu mengharapkan teman betinanya akan datang, telah terperanjat oleh terjatuhnya seekor lipas yang menggelepar di sisinya.

"Dengan serta-merta terhentilah si cengkerik menyanyi, menguncupkan kedua-dua belah kepaknya dan bertanya: "Kenapa kau jadi begini wahai Sang Lipas?"

"Tolonglah aku Encik Cengkerik. Aku kena semburan racun serangga dalam dapur rumah besar dua tingkat di sana itu haa, oleh suri rumah itu yang gemuk, yang ganas, yang jahat mulutnya, memaki hamun aku dan keluarga aku yang mencari rezeki di rumahnya. Tolonglah aku, matilah aku Encik Cengkerik oii ...."

(Dipetik daripada bab "Rahsia Daun Timun Tikus", *Mastika*, Januari 1983).

Seterusnya melalui watak-watak serangga itu Ishak melukiskan:

"Dalam sebuah belukar kecil yang terpencil di dalam Wilayah Persekutuan, beberapa jenis serangga telah berhimpun untuk menubuhkan sebuah JKK – Jawatankuasa Penaja, bagi mengadakan satu persidangan serangga seluruh Malaysia. Mereka itu telah dipanggil oleh Doktor Profesor M. Mentadu melalui CJJ – Cakap Jarak Jauh tanpa dawai yang lebih baik daripada telefon biasa."

"Hanya beberapa bulan yang lalu – dalam tahun 1982, satu seminar *pesticides* atau racun-racun untuk membunuh serangga-serangga yang merosakkan sayur-sayuran telah diadakan di Universiti Desatani", kata Doktor Profesor Mentadu (dalam bahasa Inggeris, mentadak mentadu atau ketenung, ataupun gegancung, ialah *mantis*, yang kadang-kadang digelar juga *mantila*.

"Hasil daripada usaha-usaha yang telah dijalankan, oleh para saintis kaum serangga, iaitu dengan mencantumkan atau 'mengahwinkan' baka-baka daripada berbagai-bagai jenis serangga, kiambang-kiambang, kumbang-kumbang kecil, binah-binah, yang bersayap dan merayap maka baka-baka baru kaum kita sudah boleh melawan racun-racun serangga buatan manusia hinggakan keturunan baru kaum kita itu tidak lagi mampus dan binasa."

(Dipetik daripada episod "Perhimpunan di Belukar", *Mastika*, Mac 1983).

## B: CERPEN
## "SATU CERITA DARI KAMPUNG"

Sekarang Sulung sudah besar panjang – anak tertua yang telah patut beristeri. Ibu bapanya telah menawarkan beberapa orang gadis tetapi semuanya ditolak. Ia tidak menerangkan mengapa ia tidak mahu berkahwin melainkan semata-mata tak suka. Tetapi kita semua boleh mengagak bahawa sebab ia tidak mahu beristeri itu ialah takut kalau-kalau tersiar kecacatan anggotanya itu. Adiknya Si Ngah tidak menanti ditawarkan lagi. Malah pagi petang disusahkannya ibu bapanya mencarikan dia seorang tunangan. Tetapi nasibnya kurang baik! Kerana pada tiap-tiap kali emaknya pergi berkira pihak anak gadis nanti berkata: "Kalau abangnya mahulah kami menerima. Adiknya kami tak mahu." Sudahlah dengan takdir Allah si untut beruntung sabut. Ke mana ditala orang menyambut si adik beruntung batu – ke mana meminang tidak laku."

"Hatta sampailah kepada satu masa orang-orang kampung itu mengadakan satu temasya yang besar kerana menyambut hari keputeraan sultan yang memerintah negeri itu. Bermacam-macam permainan telah diadakan dan boleh dikatakan semua isi kampung itu telah keluar berhimpun di padang. Si untut berdua beradik telah mendirikan sebuah bangsal kecil kerana tempat berjual air batu, rokok dan kuih-muih, adiknya berkelakuan seperti ulat nangka sekejap melenting ke sana sekejap ke mari di celah-celah orang yang ramai berkerumun di tepi padang itu. Sulung tetap di bangsalnya dan banyak duit-duit kecil telah masuk ke dalam petinya. Maka banyak pula perkara-perkara yang menggelikan telah disaksikannya pada hari temasya itu. Pada sekali masa satu kumpulan orang darat telah datang ke bangsalnya membeli air batu."

Daripada lawatan itu empat biji gelasnya telah pecah kerana dihempas oleh orang-orang hulu itu. Mereka belum pernah meminum air batu dan telah terperanjat apabila terasakan kesejukan air itu, "Heh! Macam nak tercabut gigi kawan," kata seorang daripadanya.

(*Warta Jenaka*, 5 Oktober 1936).

## "SIKAT EMAS "

"Apakala masuk kesepuluh hari ia di rumahku itu baharulah aku mengetahui akan satu perkara yang lebih ganjil berkenaan dengan halnya: iaitu pada tiap-tiap pagi ia menyikat rambutnya dengan satu sikat emas dan sikat itu biasanya disimpan di dalam saku bajunya bersimpul dengan kain sutera kuning. Pada petang Jumaat sikat itu diperasapkan dengan kemenyan dan dibersihkan. Bukankah ini suatu perkara yang ganjil? Lazimnya orang-orang perempuan menggunakan sikat emas – tetapi bukan kerana buat menyisir rambut melainkan ialah sebagai satu perhiasan sahaja. Ini seorang laki-laki yang menggunakannya dan yang lebih peliknya sikat itu diperasapkan dan dipermuliakan."

"Jika melihat kepada pakaian dan tingkah kelakuan tuan haji itu bukanlah taraf baginya memiliki dan menggunakan barang yang seperti itu. Maka oleh sebab itu aku telah menaruh syak kalau-kalau ia ini ada berkaitan di dalam sesuatu perkara yang sulit dan dari semenjak itu berikhtiar aku hendak mencari rahsia-rahsia sikat emas itu jika ada."

"Hatta pada suatu malam tuan haji itu telah keluar menghadiri suatu jamuan bersama-sama dengan bapanya. Maka aku pun

meminta izin kepada ibuku hendak masuk ke bilik tidur tuan haji itu dan mengesyorkan kepada ibuku supaya sarung-sarung bantal dan alasan tilam di bilik itu disalin. Semujurnya ibuku telah bersetuju dan tidaklah sekali-sekali menyangka bahawa tujuan aku yang sebenarnya ialah hendak mengorek rahsia sikat emas kepunyaan tuan haji itu."

"Maka apabila aku sampai ke dalam bilik itu barang yang pertama sekali aku periksa ialah baju tuan haji itu di mana benda yang menghairankan aku itu ada tersimpan. Apakala aku bertemu sahaja dengan benda itu baharulah aku sedar bahawa aku telah melakukan satu perkara yang salah pada adat dan adab kerana memeriksa akan kain baju atau harta benda seseorang yang menumpang di rumah kita itu ialah satu perbuatan yang sangat hina. Tetapi aku berasa cukup puas hati kerana aku telan mengetahui lain-lain rahsia berkenaan dengan sikat emas itu. Ada pun di atas tepi sikat itu ada tertulis: "Dihadiahkan oleh Tengku Khadijah kepada Haji Abdullah al-Yubi."

(*Warta Jenaka*, 23 November 1937).

## "TULISAN DI PINTU"

"Pada malam itu Saadiah mata-mata gelap itu telah pergi ke situ dan memeriksa akan buku daftar orang-orang tumpangan di situ. Maka didapati nama orang itu ialah Wan Salleh bin Wan Jusuh dan pekerjaannya ialah "pegawai menteri". Maka sekali lagi mata-mata gelap itu telah percaya bahawa orang itu ialah seorang "menteri", padahal yang sebenarnya Wan Salleh tu bekerja sebagai jurumudi kepada sebuah tongkang yang bernama "menteri" dan gajinya hanyalah $12 sebulan makan tanggung. Walau macam mana pun tidaklah terlintas di dalam hati Saadiah pada memikirkan bahawa orang itu barangkali hanyalah seorang jurumudi yang bergaji dua belas ringgit, tetapi kuatlah hatinya mengatakan bahawa orang itu barangkali sebenarnya seorang menteri besar yang sekurang-kurangnya bergaji seribu dua ratus ringgit sebulan. Ia seorang yang belum bersuami dan angan-angannya sangat tinggi dan seorang menteri besar itu ialah salah satu daripada pilihannya bagi jadi suaminya."

"Pada malam itu ia telah menggunakan bilik yang di sebelah Wan Salleh itu kerana siasatnya dan di celah lubang yang kecil bolehlah ia memerhatikan gerak-geri orang yang hendak dipikatnya itu."

"Setelah siap daripada mandi-manda dan minum berbaringlah Wan Salleh berfikir akan apa-apa yang telah jadi. Maka teringatlah ia akan jandanya dan Ismail yang telah dibahamnya itu serta kesalahan yang dilakukannya itu."

"Lama benar ia berguling-guling, berfikir dan mengenangkan nasibnya dan datanglah takut di dalam hatinya kerana ia tidak boleh lari jauh sebab wangnya hampir habis. Maka tidaklah terlintas di hatinya bahawa di dalam bilik di sebelahnya itu ada seorang perempuan yang comel dan yang sedang percaya bahawa dirinya itu ialah seorang menteri besar yang bergaji beribu-ribu ringgit sebulan dan dihormati oleh orang ramai."

(*Warta Jenaka*, 30 November 1936).

## "JALAN HIBURAN"

Lebih kurang delapan bulan daripada pagi yang malang itu pada suatu malam yang gelap-gelita Saleh telah merayau-rayau menghendap dari sebuah rumah ke beberapa buah rumah. Di sebuah rumah besar Saleh melihat api pelita masih terkelip-kelip dan dari celah dinding kelihatan seorang perempuan sedang menganyam tikar berdetus-detus bunyinya. Sejurus lagi kedengaranlah bunyi dua orang perempuan bercakap-cakap.

"Apa gunanya mak kita simpan surat-surat datuk itu – kalau terjumpa orang bukankah malu besar kita."

"Oh! Aku tak puas hati selagi aku tidak dapat berbalas bela. Aku percayakan dia dan dari kecil aku bela pelihara akan dia seperti anak kandungan aku sendiri rupanya dialah musuh di dalam selimut – pagar makan padi."

"Mana dia sekarang mak?"

"Khabarnya ia telah bertukar ke lain tempat dengan mendapat gaji lima enam ratus ringgit sebulan – Oh! Aku tak boleh kenangkan perkara itu, tetapi aku tahu bukan salah engkau seorang perempuan yang lemah lâgi bodoh."

"Dia berjanji dengan Som hendak berkahwin – amboi macam-macam pujuknya dan dibelikannya Som air wangi, bedak dan kain baju."

"Tetapi sudah engkau mengandung dibuat tak tahu dan tak mahu akad nikah bukannya laki-laki orang yang begitu – binatang agaknya."

"Biarlah mak! Tuhan akan membalaskan perbuatannya itu."

"Ialah – tetapi apa sudahnya engkau itu tak laku sampai ke tua.

Siapa yang hendakkan engkau kerana semua orang tahu akan rahsia engkau."

"Mana tahulah mak! Jodoh pertemuan, rezeki, tanah kubur tidak siapa yang mengetahui melainkan Tuhan – lagipun kumbang tak seekor bunga tak sekaki. Saya kalau berkahwin pun tak mahu orang sini lagi –saya mahu cari orang luar."

"Ikut pandai engkaulah, tetapi janganlah engkau percayakan pujuk rayu dan kecek orang laki-laki."

Kemudian pelita itu pun dihembus padam dan gelap-gelitalah sekeliling. Saleh teraba-raba ia keluar dari bawah rumah itu.

(*Warta Ahad*, 28 November 1937).

## "MUSIM GELORA"

"Nelayan-nelayan bercuti panjang kerana perahu-perahu mereka yang kecil itu tidak boleh melawan pukulan ombak-ombak yang seperti bukit itu – sedangkan kapal yang besar-besar pun tergendala pelayarannya."

"Kedai-kedai kopi penuh dengan nelayan-nelayan ini berceratuk hingga ke kaki lima berselimut dengan kain-kain batik dan berselubung dengan tuala kerana hawa pada musim gelora itu terlampau sejuk."

"Mereka itu bercampur-gaul dengan budak-budak bermain cangkalu. Apa itu cangkalu? Engkau semua akan bertanya, cangkalu itu suatu jenis permainan – yang betulnya judi yang amat disukai oleh nelayan-nelayan itu kerana senang lagipun kecil pertaruhannya – hanya lima enam sen sahaja sekali jalan.

"Mereka yang banyak modal pergi ke meja-meja bola *billiard* di mana pertaruhan yang lebih besar diadakan pada setiap hari dan sebilangan malam.

"Pelawat-pelawat yang telah sampai ke negeri Terengganu dan tinggal seminggu dua menumpang di hotel tentulah tidak boleh mengetahui hal kehidupan dan pergaulan nelayan-nelayan Melayu di sana."

"Di dalam kedai-kedai *billiard* kita boleh melihat dua orang nelayan yang berpakaian separuh telanjang sedang berlawan bermain. Pada fikiran kita mereka itu tidak bertaruh kerana tentulah mereka itu tidak ada wang. Tetapi sebenarnya mereka itu bertaruh, bukannya bertaruh secawan kopi atau sebungkus rokok, melainkan yang lazimnya bertaruhkan wang tunai sekurang-kurangnya seringgit bahkan kadang-kadang hingga berpuluh-puluh ringgit."

"Di dalam kelipat ikatan sarung mereka itu atau di dalam kilasnya, kata orang-orang di sana, adalah tersimpan berkeping-keping not yang didapati dan dikumpulkan daripada harga jualan ikan yang mereka telah berusaha menangkapnya di dalam masa enam bulan yang lalu."

(*Warta Ahad*, 2 Januari 1938).

## "ANAK DIBUAT DENAK"

"Hatta pada hari minggu yang dijanjikan itu Tauke Tong Sam Pah bersedia dengan kesiapan-kesiapannya, cukup lengkap, satu pun tidak kekurangan. Makanan-makanan yang baik-baik, minuman-minuman yang mahal, perempuan-perempuan Cina yang cantik untuk jadi tukang layan itu tukang picit datuk itu semua siap.

"Tauke Tong Sam Pah tidak mempunyai anak tetapi ada membeli empat orang anak angkat perempuan yang amat comel rupa parasnya lagi sedang muda dara sunti.

"Waktu pagi-pagi hari itu, Datuk Getah Para pun tiba bersama-sama dengan isterinya iaitu Cik Lijah, isteri yang tua dan Cik Gayah, isterinya yang keempat, iaitu yang muda sekali.

"Kedua-dua isterinya itu penuh dengan kesukaan melihat kebun buah-buahan, dan bungaan serta dengan kolam-kolam ikannya yang indah itu, sampai termangu-mangu, tercengang-cengang seperti rusa masuk kampung hingga mendatangkan kesukaan pula kepada perawan-perawan Cina yang memperhatikan kelakuan mereka itu.

"Marilah Yah, kita pergi kait buah rambutan. Tinggalkan datuk dengan tauke. Kita boleh main-main," berkata Cik Lijah kepada madunya yang muda itu.

Dengan diiringkan oleh seorang tukang panjat yang bernama Mat, gelarannya Mat Kerengga – kerana dia boleh tahan digigit oleh kerengga dan semut-semut gatal – maka kedua-dua datin itu pun pergilah berjalan-jalan melihatkan taman-taman di dalam kebun itu.

"Adapun Mat Kerengga itu seorang budak Melayu yang masih muda tetapi yatim piatu kerana ibu bapanya telah meninggal tatkala ia berumur lebih kurang tujuh tahun. Saudara-maranya tidak mahu membela pelihara akan dia dan sebab itu tidaklah hairan ia tidak pandai membaca dan menulis Melayu kerana ia tidak pernah menjejak ke sekolah Melayu.

"Waktu ia berumur sepuluh tahun Tauke Tong Sam Pah telah berjumpa dengannya sedang dia meminta sedekah di bandar

tempat ia tinggal itu dan tauke itu telah mengambil akan dia, dibela pelihara lalu dihantarkannya ke sekolah Inggeris. Sekarang Mat sudah berumur lebih kurang tujuh belas tahun dan rupanya berseri-seri – maklumlah ia cukup sihat, sempurna makan minum dan tidur baringnya.

"Mat! Mat! Panjat pokok itu Mat, buahnya kasar-kasar. Manis tak, Mat, buah pokok ini?" berkata Cik Gayah kepada pengiringnya itu.

"Manis? Fasal manis jangan cakaplah – macam gula. Tetapi bak kata orang Melayu – ada gula adalah semut dan pokok ini penuh dengan semut dan kerengga," kata budak itu.

"Tak ada Mat! Saya boleh jampi-jampi, tentu semut dan kerengga tak gigit engkau. Kerengga kerenggit, orang tua gigit, orang muda jangan gigit. Hup! Hup! Ha! Ha! Panjatlah Mat," berkata pula Cik Gayah ....

(*Warta Ahad*, 5, 12 dan 19 Jun 1939).

## "AMIN! KEPADA ENCIK AMIN DAN CIK AMINAH"

"Penghulu baharu itu seorang yang masih muda bernama Tengku Kamaluddin, kerabat kepada raja di dalam negeri itu, pandai main bola, main badminton, bermotokar dan kacak orangnya, tetapi budi pekertinya tidak berapa senonoh-melampau-lampau bebas dan sangat suka main muda hingga janda-janda muda di dalam mukimnya terpaksa berkurung–apatah lagi anak dara.

"Ke rumah Encik Amin selalu sahaja tuk penghulu muda itu berulang kerana anak perempuan Encik Amin pada masa itu sedang muda remaja, termasyhur elok rupa parasnya. Encik Amin dan Cik Aminah orang yang bijak dan kedatangan tuan penghulunya itu sentiasa dihormati dan dirai tetapi sentiasa dengan berjaga-jaga. Sementara itu saudagar-saudagar emas makin sibuk dan berjaya membeli beberapa keping tanah lagi – mula-mulanya hanya sepuluh ekar sekarang sudah hampir-hampir seratus ekar. Jentera-jentera telah dibawa ke situ dan bangsal-bangsal kuli pun telah didirikan – pendeknya belum sempat setahun sepeninggalan penghulu tua bertukar pekerjaan melombong telah dimulakan. Sungai Jambu yang mengalir di tengah-tengah kampung itu yang menjadi tempat mandi-manda, tempat orang-orang kampung mendapat air minumannya, mencari ikan bahkan nyawa kepada orang-orang kampung itu telah berubah warna dan rasa. Setahun dulu airnya jernih terus, rasanya lemak dan manis dan ikan-ikan banyak di dalamnya – sekarang telah keruh, pekat dengan lumpur

dan rumput-rumpai, semakin lama semakin tohor, rasa airnya masam dan mandi di dalamnya tidak lagi berasa segar. Tambahan pula kuli-kuli Cina yang bekerja di lombong itu pernah didapati mencincang daging babi dan memandikan anjing-anjingnya.

"Berbalik pula kita menceritakan kisah percintaan Tengku Kamaluddin Datuk Penghulu Muda kepada Cik Kamaliah anakanda kepada Encik Amin dan Cik Aminah. Ahli syarak pernah berkata: Apabila terkena penyakit cinta seseorang itu akan hilang akal fikirannya yang siuman, terkhayal ia, tersekat pekerjaan-pekerjaannya yang mulia dan berasa lemas ia seolah ikan kedaratan – dikecualikan dapat ia berjumpa maksyuknya lazimnya ia berada apa yang dilakukannya berkenaan dengan kasih dan kekasihnya semuanya betul dan kena benar dan elok.

"Maka demikianlah yang telah berlaku kepada Kamaluddin bahkan berlebih-lebihan daripada itu. Kepadanya malam jadi siang, siang bertukar jadi malam – dan bak kata orang tua makan tak lalu mandi tak basah. Ia lupa dirinya itu seorang anak raja dan seorang pegawai yang berketanggungan. Kepadanya Mukim Tanjung Besar itu ialah sebuah taman yang mengandungi sekuntum bunga sahaja iaitu Cik Kamaliah dan terlalailah ia dengan kuntum yang diberahikannya itu. Anak buahnya yang lain tidak dikiranya selain daripada ibu bapa Kamaliah dan orang-orang yang rapat dengan kekasihnya itu."

(*Warta Ahad*, 22 & 29 Januari, 5 & 12 Februari 1938).

## "DI SINI KITA BUKANNYA ORANG DAGANG"

"Pada malam itu terkemudian sedikit daripada ibu bapa dan adik-adik telah naik ke darat maka Ramli dan Ramlah pula naik. Orang-orang lain pun telah naik melainkan dua tiga orang yang menunggu perahu.

"Ramli dan Ramlah mulanya pergi ke bioskop (wayang gambar) menonton gambar yang bernama "Hurricane" atau taufan dalam bahasa Melayu, yang di dalamnya Dorothy Lamor ada mengambil bahagian. Lepas itu mereka pergi ke sebuah restoran yang kebilangan dalam kota Betawi. Setelah makan minum sekenyang-kenyangnya mereka melancong ke taman bunga dengan sebuah auto.

"Ketika itu taman bunga masih ramai dengan orang-orang yang bersiar-siaran, berkelamin dan berpasang-pasang–ada yang berpimpin tangan dan ada pula yang berpeluk bahu. Bunyi gitar dan

yukelili mendayu-dayu melagukan "terang bulan" yang berbetulan pula ketika itu bulan sedang mengambang, putih bersih cahayanya. Di sana sini kedengaran orang bercakap-cakap, ketawa mengilai, masing-masing dengan lakunya.

"Ramli dan Ramlah turut bersuka dan bergurau senda seperti orang yang lain itu juga memuji-muji akan bulan – Ramlah cuba-cuba membilang bintang. Mereka telah berjumpa dengan sebuah bangku yang terpencil daripada orang ramai yang dilindungi oleh satu jambangan bunga yang amat semerbak baunya.

"Esok kita patut bersiar-siar lagi di kota yang permai ini kerana waktu malam begini kita tidak boleh melihat apa-apa," kata Ramli.

"Saya pun berfikir demikian ini juga. Emak ada beri saya wang empat rupiah. Saya mahu beli barang-barang."

"Apa barangnya yang Ramlah ingat mahu beli?" tanya abangnya.

"Belum tahu lagi sekarang, nantilah esok apabila kita melawat toko-toko yang besar di kota ini," jawab Ramlah. Kemudian daripada itu percakapan antara keduanya melarat kepada beberapa perkara lain. Kata Ramli: "Sumatra dan Jawa sangat cantik pada pemandangan saya. Borneo dan Sarawak dan lain-lain lagi barangkali begitu juga."

"Semenanjung bagaimana keadaannya abang? Saya fikir tentulah lebih bagus dari Sumatra dan Jawa. Saya ingin hendak pergi ke sana. Adakah abang akan balik ke sana setelah tamat pelayaran kita kelak?"

"Balik ke sana? Saya fikir tentulah saya akan balik juga sebab bak kata orang tua-tua, hujan emas di negeri orang hujan keris lembing di negeri kita lebih baik di negeri kita sendiri."

"Apabila abang balik kelak mahukah abang bawa saya bersama-sama. Saya ingin hendak melihat bagaimana rupanya Tanah Rencong. Saya fikir anak negeri di sana sangat baik dan budiman iaitu jikalau abang boleh dijadikan contoh orang-orang di sana."

(*Utusan Zaman*, 29 Jun dan Julai 1940).

## "DARI PERANGKAP KE PENJARA KEMUDIAN KE SYURGA"

Bahagian I

"Mahmud dan Abdullah dua orang anak muda sama sebaya, sama sekolah dan sama sekampung. Umur keduanya pun selisih dua tiga bulan sahaja. Kata Mahmud umur dia baru sembilan belas tahun. Rupa mereka itu sama-sama hitam manis dan tinggi

rendahnya lebih kurang juga.

Kedua-duanya telah 'masuk Jawi' (bersunat) bersama-sama dan semenjak lepas sekolah Melayu keduanya macam isi dengan kuku. Melihat burung bersama-sama, membuat perangkap berkongsi, ke hulu sama ke hulu, berat sama dipikul ringan sama dijinjing. Kadang-kadang tidur pun bersama. Demikianlah juga makan minum dan mandi-manda."

Bahagian II

Mahmud anak muda kampung yang bercita-cita hendak meninggalkan kampung merantau ke negeri-negeri yang lain mengadu untung nasibnya.

Abdullah yang sekampung, sama sekolah dan sebaya dengannya tetapi tidak pernah bercita-cita hendak keluar dari kampung.

"Yang saya mahu sekarang ialah awak pergi bersama-sama saya. Tengok kita punya nasib. Fasal kerja jangan susah – kita boleh jadi drebar, jadi kuli, jual cendol dan lain-lain. Kalau awak suka pergi bersama lagi bagus. Barangkali kita boleh 'sain kapal belayar pusing dunia'," kata Mahmud memujuk rakannya Abdullah, tetapi tidak berjaya.

"Saya sudah tentu tidak mahu ke mana-mana Mahmud, saya sayangkan kampung halaman saya. Saya tidak boleh tinggalkan rumah saya, sungai yang sejuk airnya, beruk, tekukur, kerbau, lembu dan sawah saya. Nyawa saya di situlah bergantungnya. Tambahan pula saya akan berkahwin lepas Raya Haji tahun hadapan," tegas Abdullah.

Mahmud lari ke Singapura. Dia menyertai MATAHAB. Dalam suratnya kepada Abdullah dia menceritakan:

"Saya sekarang sudah menjadi ahli persatuan MATAHAB. Adapun perkataan MATAHAB itu ialah ringkasan daripada perkataan-perkataan. 'Menebus Tanah Air dan Harta Benda'. Persatuan ini sangat besar dan kuat. Ahli-ahlinya pada masa ini berjumlah lebih lima puluh ribu orang bertabur di serata Malaya ini dan terbahagi kepada berbagai-bagai peringkat, masing-masing dengan kewajipannya yang tertentu–ada yang menjadi pendiayah, ada yang menjadi penyiasat, ada yang menjadi pengakap sulit dan lain-lain lagi. Saya menjadi ahli pengakap iaitu mengambil tahu akan gerak-geri bangsa-bangsa lain yang bukannya Melayu jati, mendengarkan cakap-cakap mereka itu serta mengetahui pergerakannya ...."

Bahagian III

"Kita tidak boleh biarkan Mahmud melampau-lampau dengan

pergerakannya itu. Kita mesti selamatkan dia. Nampaknya ia sudah terpesong daripada jalan yang lebih baik," kata Siti Kalthum.

"Itu sebenarnya – tetapi apa yang boleh kita buat?" Mahmud tidak boleh dipujuk dan diberi nasihat yang baik. Saya sudah beberapa kali menulis surat kepadanya supaya jangan ia melampau-lampau dalam pekerjaan kebangsaan dan dalam pergerakan MATAHAB yang dijalankannya itu tetapi ia menjawab menuduh saya penakut, bacul, tidak sedarkan nasib dan tanggungan bangsa kita sendiri,"jawab Abdullah.

"Saya fikir ada satu jalan yang baik," kata Kalthum berseri-seri air mukanya – "Saya sendiri boleh pergi ke Singapura berjumpa dengan dia dan memujuk ajak dia balik," ujar lagi Kalthum.

Bahagian IV

"Mahmud berasa serba salah. Ia boleh mengagak apa maksud perempuan itu tetapi hatinya boleh dikatakan kosong dan tidak tertarik sedikit pun ia hendak bercakap-cakap dengan perempuan. Tetapi perempuan yang ada di sisinya itu berlainan tarafnya dan keadaannya. Ia anak kampungnya sendiri, dahulu bertunang dengannya tetapi jodoh tidak sampai. Ia seorang ahli MATAHAB yang berjasa. Mahu tak mahu Mahmud mesti melayan ia bercakap.

"Mengapa pulak menangis. Cakaplah apa yang Thum nak cakap. Saya ini bukan orang lain dan bukan baharu berkenal biasa," ujar Mahmud dengan suara yang lemah lembut dan sejuk.

"Sejurus datang ke mari hendak menjemput abang balik ke kampung kerana tempat dan tanah abang semuanya sudah siap. Biarpun abang tidak sudi mengambil saya menjadi hamba abang tidak mengapa asalkan abang ada dekat dengan saya. Bahkan bukan saya seorang sahaja. Sekalian orang di dalam kampung kita berhajat kepada abang."

"Pada pandangan saya tidak ada kesudahannya abang duduk selama-lamanya di Singapura ini dan masanya sudah sampai bagi abang berumahtangga dan hidup tetap di kampung."

Bahagian V

Kerana Mahmud hanya dituduh melakukan persekutuan haram dan keputusan bicaranya ialah dihukum enam bulan jel kerja ringan.

Apa yang berlaku dan apa yang dibuat oleh Mahmud apabila tamat 'pelajarannya' di penjara itu hanyalah patut disebut dengan tujuh delapan patah perkataan sahaja iaitu ia berkahwin dengan

Kalthum, ia membuka kampung MATAHAB dan memajukan lagi cita- citanya hingga akhir hayatnya bersenang-lenang, bersuka ria dan bahagia sejahtera.

"Dengan Kalthum ia mendapat lima orang anak – lelaki semuanya dan dinamakannya mengikut susunan huruf MATAHAB iaitu yang tua sekali Muhammad, yang kedua Tamimi, yang ketiga Ahmad, yang keempat Hamzah, dan yang kelima Burhanuddin."

(*Utusan Zaman*, 13 Julai – 10 Ogos 1940).

## C: PETIKAN-PETIKAN RENCANA

Ishak suka berterus terang, baik dalam kehidupan hari-hari atau dalam penulisannya. Dia tidak suka berselindung-selindung atau bersikap hipokrit. Sebab itu, kalau kita baca tulisan-tulisannya, dia sentiasa menulis apa yang dirasa dan difikirkannya walaupun kadangkala tulisan-tulisan itu dianggap pedas atau menyinggung peribadi seseorang. Dia menulis dengan jujur, sama ada orang menerima atau tidak terpulanglah kepada diri masing-masing, kalau terasa pedasnya tahan-tahan sajalah.

Di sini, disiarkan di antara petikan-petikan rencana yang ditulis dalam ruangan-ruangan tetapnya. Melalui tulisan ini, kita dapat menyelami cara pemikirannya dan sikapnya mengenai sesuatu perkara.

## "CORAK-CORAK HIDUP DI ZAMAN SEKARANG"

"Kalaulah semua isi surat khabar zaman ini dibaca dengan teliti oleh sekalian orang-orang bumiputera yang dewasa maka akan sedarlah mereka itu darihal berbagai-bagai corak hidup manusia zaman sekarang dan darihal bermacam-macam masalah yang mereka itu hadapi dalam hidupnya setiap hari.

"Pada zaman dahulu kaum bumiputera halus budi bahasanya, lurus akal dan fikirannya, tidak perengus perangainya dan tidak boros membelanjakan wang ringgit dan harta bendanya. Lagipun pada masa yang lampau datuk nenek kita tidak terpaksa atau tertarik membeli bermacam-macam benda yang perlu dan yang kurang perlu ataupun yang tidak perlu.

"Sesiapa pun sekarang terpaksa membeli berbagai-bagai jenis benda, bermacam-macam barang perlu, yang kurang perlu dan yang tidak mustahak. Air dan api kini kena beli. Banyak dipakai, banyaklah kena bayar pada tiap-tiap bulan. Padi dan beras kena

beli, minyak pelbagai jenis pun kena beli, gula kena beli. Hendak kencing dan berak pun kena bayar. Sekurang-kurangnya sepuluh sen sekali masuk tandas.

"Sekarang yang kaya dan miskin menghadapi banyak masalah yang mereka bikin. Seumur hidupnya hingga ke kubur baca talqin, sama saja yang borjouis dan marhaen."

(Dipetik daripada ruangan "Renungan Pak Sako", *Utusan Zaman*, 8 Mac 1987)

## "MANUSIA DENGAN PELBAGAI CITA-CITA"

Dalam zaman kemajuan di dunia sekarang tiap-tiap orang warganegara Malaysia ada mempunyai cita-cita hidupnya. Di antara cita-cita besar mereka itu ialah hendak mendaki Gunung Everest hingga ke kemuncaknya atau Gunung Tahan ataupun Gunung Kinabalu di Sabah. Cita-cita hidup jenis ini bolehlah kita namakan "Cita-cita Tinggi".

"Ada ramai juga rakyat Malaysia yang bercita-cita besar iaitu hendak pakai kereta besar, hendak tinggal di rumah-rumah besar, hendak dapat pangkat besar dan bergaji besar. Cita-cita jenis ini bolehlah dinamakan "Cita-cita Besar". Bagi wanita-wanita Malaysia, ramai yang bercita-cita hendak jadi ratu cantik dan kerana itu bolehlah kita namakan "Cita-cita Cantik".

"Yang bercita-cita hendak jadi orang kaya pun ramai tetapi malangnya ramailah yang sudah jadi bangkrup atau muflis ataupun sudah jadi papa kedana. Cita-cita jenis ini bolehlah kita namakan "Cita-cita Tak Sampai".

"Ya, warganegara Malaysia mempunyai berbagai-bagai cita-cita. Ada yang hendak jadi seniman, seniwati, hendak jadi menteri, juara bola sepak, johan badminton, johan berenang, johan lompat tinggi, jogathon, johan joggingthon dan bermacam-macam johan lagi.

"Dalam sastera rakyat Melayu, ada beberapa orang yang bercita-cita atau berangan-angan besar. Seorang daripadanya bernama Mat Jenin, seorang lagi bergelar Pak Kaduk yang ingin hendak mengalahkan ayam sabung raja. Tetapi yang malangnya buku-buku cerita seperti ini tidak pernah dijadikan buku bacaan di sekolah.

"Tiada siapa pun dalam kaum bumiputera yang boleh menafikan bahawa ada terlalu ramai orang-orang Melayu yang bercita-cita tinggi, bercita-cita besar, berangan-angan waktu malam, bermimpi waktu siang. Ramai yang ingin hendak memeluk gunung emas,

tapi apakan daya kedua-dua belah tangan tak sampai.

"Ada ramai juga hendak jadi pemimpin masyarakat tetapi kebanyakannya tidak cukup mengerti darihal kemasyarakatan. Ada juga ingin jadi pemimpin politik tetapi tidak pandai memimpin kerbau-kerbau masuk ke kandang."

"Akibatnya ramai orang Melayu berangan-angan seperti Mat Jenin dan Pak Kaduk ...."

(Dipetik daripada ruangan "Renungan Pak Sako", *Utusan Zaman*, 13 September 1987)

## "DUITOLOGI"

IDEOLOGI yang diminati ramai masakini,
oleh puak kanan dan puak kiri,
boleh dinamakan Duitologi,
yakni bukan lagi demokrasi,

Fahaman sosialisme kini sudah basi,
begitu juga kesatuan sekerja dan koperasi,
kerana budak-budak pejabat dan kerani,
para pegawai serta menteri pun duit cari.

Para sasterawan mencetak menjual antologi,
yang mengandungi puisi-puisi yang dah basi,
ada yang rugi dan tak dapat royalti,
tapi mereka megah kerana dipuji-puji.

Kerana tak naik gaji mereka pun mencuri,
ada yang mengedar dadah benda yang keji,
dan ada pula yang cuba main judi,
nak dapat duit setinggi berdiri.

Tiap-tiap hari kita dengar darihal duit,
di Bayan Lepas terjumpa duit satu kampit,
di Johor Bahru hilang $500 000 duit *exhibit*,
di Pudu Raya $200 000 hilang sebab terhimpit.

Dalam Tabung Haji pun ramai yang cari duit,
jual sehelai sejadah empat puluh lapan ringgit,
orang-orang politik ramai terbabit,
Duitologi kini menjadi sejenis penyakit.

Apabila dapat duit banyak-banyak,
mulalah mereka itu mendongak berlagak,
mulalah membeli benda-benda tak mustahak,

dan kenallah mereka itu jenis-jenis arak.
Maka merintihlah golongan tak berada,
anak-anak ayamku ada tiga,
mati seekor tinggal dua,
bila UMNO dan PAS berlaga,
Malaysia akan huru-hara.

Anak ayamku hanya tinggal dua,
mati satu lagi tinggalkan satu,
Negara Malaysia tentulah huru-hara,
bila rakyatnya tidak bersatu.

Anak ayamku hanya tinggal satu,
itu pun mati disambar gagak,
bila Malaysia tidak bersatu,
musuh-musuhnya pun tergelak-gelak.

Orang-orang kaya akan lari ke London,
di sana sudah ada pelbagai kemudahan,
ada istana-istana dan rumah-rumah sewaan,
lengkap dengan dayang-dayang suruhan.

Hal-hal agama janganlah dibuat mainan,
peristiwa-peristiwa purba dijadikan teladan,
bila berkelahi ayam-ayam satu reban,
ular sawa, biawak dan musang kekenyangan.

Berdebatlah! kata hang-hang yang berTuah,
baguslah, kata hang-hang yang berJebat,
maka bersoraklah pengedar dan penagih dadah,
Astaghfirullah, La-ila-ha-illallah, kata ....

(Dipetik daripada ruangan "Di Simpang-Simpang Jalan" – Pak Pandir Moden, *Utusan Malaysia*, 1 November 1984).

## "PERANAN AKHBAR DALAM PENDIDIKAN"

